

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 49

Isnin

17 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.24 (Halaman 27)
Maksud B.31 (Halaman 75)
Maksud B.27 (Halaman 131)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 26)

Usul Anggaran Pembangunan 2015

Jawatankuasa:-

Maksud P.24 (Halaman 27)
Maksud P.31 (Halaman 75)
Maksud P.27 (Halaman 131)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Isnin, 17 November 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah mekanisme dalam memastikan harga barang basah yang bukan tertakluk barang di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan tidak dinaikkan oleh peniaga sewenang-wenangnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Kota Tinggi, kawalan harga barangan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kawalan harga barang basah terhadap barangan seperti ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran hanya dibuat pada masa pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Raya Puasa, Deepavali dan juga Krismas. Skim ini merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan tinggi semasa musim perayaan. Di luar tempoh masa skim kawalan harga musim perayaan, untuk makluman Yang Berhormat, harga ditentukan melalui faktor permintaan dan juga penawaran di dalam pasaran.

Di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, mana-mana individu yang melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau dikompau sehingga RM50,000. Manakala bagi syarikat yang melakukan kesalahan tersebut, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000.

Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga

secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang dan sehingga kini, 13 November 2014 sebanyak 90 notis telah dikeluarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan harga barang turut kita lakukan secara konsisten oleh pegawai pemantau harga yang telah dilantik oleh kementerian ini bermula pada April 2008 untuk membuat pemantauan ke atas pasar raya besar, pasar raya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan, makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan.

Selain itu kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan iaitu FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Pertanian Malaysia bagi memastikan bekalan barang basah sentiasa mencukupi, stabil dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi mengatakan *supply* dan *demand* (permintaan dan penawaran). Tadi kementerian sudah kuatkuasakan dari segi bukan sahaja kompaun, akan tetapi kali ini - khusus yang lebih besar. Jadi saya hendak tanya ada tanggapan mengatakan wujud kartel ataupun komponen tertentu yang menentukan harga. Jadi saya hendak minta apakah usaha-usaha kerajaan (kementerian) khusus untuk menangani gejala ini dan apakah hukuman yang diberi itu setimpal dengan kartel yang wujud ini. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat soalan tambahan. Kementerian memang mengetahui bahawa wujudnya kartel-kartel ini untuk menentukan harga. Jadi sebab itu kementerian melalui agensi di bawah KPDNKK iaitu MyCC sentiasa memantau dan mengambil tindakan sekiranya didapati ada syarikat-syarikat ataupun kumpulan-kumpulan yang cuba mewujudkan satu kartel untuk menentukan harga. Jadi tindakan akan kita ambil.

Contohnya baru-baru ini iaitu MAS dengan AirAsia dan MyCC telah ambil tindakan dan keputusan telah pun dibuat. Masing-masing didenda sebanyak RM10 juta. Itu seolah-olah wujudnya kartel untuk hendak menentukan harga tambang penerbangan. Begitu juga dengan barang-barang harian, memang kita mengetahui kadang-kadang ada wujud kartel-kartel ini untuk berpakat sesama mereka bagi menentukan harga kenaikan, menaikkan harga sewenang-wenang dan tindakan-tindakan kita ambil.

■1010

Untuk makluman Yang Berhormat, ada tindakan yang telah kita ambil dan sudah pun dikompaun dan sebagainya tetapi maklumat itu tidak ada pada saya dan kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah di antara punca kenaikan ketidakstabilan harga barang basah terutamanya di pasaran adalah kerana kebergantungan yang tinggi kita kepada import. Jadi apabila penurunan nilai ringgit menyebabkan harga barang yang diterima oleh peniaga dengan harga kos yang tinggi menyebabkan beban itu dilepas kepada pengguna. Ini di antara faktor utama.

Jadi, macam mana kementerian melihat penurunan isu nilai ringgit ini mempengaruhi kestabilan harga di pasaran. Begitu juga saya ingin tahu berapa ramai sebenarnya kekuatan tenaga pemantau di seluruh negara untuk memastikan supaya tidak berlaku kenaikan yang tidak sewenang-wenangnya terutama apabila kerajaan akan melaksanakan GST pada awal tahun depan. Jadi sudah tentu cabaran ini akan lebih lagi yang akan dihadapi oleh kementerian. Jadi, sejauh mana kekuatan tenaga pemantau yang telah disediakan oleh kementerian untuk memastikan pengguna mendapat harga yang sepatutnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelum Menteri jawab, telah beberapa kali diingatkan ini sesi soal jawab lisan, terus kepada soalan, terutamanya soalan tidak boleh lebih daripada tiga dan tidak boleh digabungkan dan tidak boleh dijadikan alasan untuk berbahas. Jadi Yang Berhormat Menteri jawab satu sahaja. Yang lain boleh jawab bertulis. Ya, sila.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawapan pada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang. Untuk makluman Yang Berhormat kita ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menguruskan tindakan. Kita ada Ops. Macam-macam Ops kita sudah buat. Ops Harga dan pelbagai Ops yang kita buat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita ada semua lebih 1,800 anggota penguat kuasa yang ada di seluruh negara yang telah kita gerakkan bagi mempertingkatkan pemeriksaan dan membuat pemantauan daripada apa Yang Berhormat sebut tadi.

Tindakan ini kita ambil sekiranya ada di bawah Akta Kawalan Harga Antipencatutan kita akan gunakan. Untuk makluman Yang Berhormat juga bagi segi tindakan-tindakan yang telah kita ambil baru-baru ini, kita telah bawa mengambil tindakan di mahkamah iaitu jumlah pemeriksaan yang kita buat dan aduan mengikut pada musim-musim sama ada pada musim perayaan dan sebagainya sebanyak 46 mengikut kes. Kadang-kadang, selalunya kenaikan harga ini dinaikkan pada musim-musim perayaan. Jadi di luar dari musim perayaan bergantung kepada keadaan cuaca dan semasa.

Jadi untuk musim-musim perayaan ini pada Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Kaamatan, Hari Raya Puasa dan sebagainya lebih daripada 766 jumlah kes. Jadi makna kata 1,800 pegawai ini menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk memantau, memastikan supaya kawalan harga barang-barang ini ditepati dan juga mengikut apa yang telah disediakan oleh kerajaan. Terima kasih.

[Soalan No. 2 – Y.B. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus) tidak hadir]

3. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah strategi Kementerian dalam membangunkan bakat pelajar dalam bidang sukan di peringkat sekolah rendah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Dasar 1Murid 1Sukan mulai tahun 2011 dengan penglibatan murid sejak dari peringkat sekolah rendah lagi.

Melalui dasar ini, semua murid digalakkan untuk bersukan sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Bagi murid yang berpotensi dan telah dikenal pasti berbakat dalam bidang sukan adalah digalakkan untuk meningkatkan kemahiran dalam mengambil bahagian dalam pertandingan di peringkat daerah. Seterusnya atlet murid yang berpotensi ini akan mewakili negeri dalam pelbagai kejohanan di peringkat kebangsaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan di peringkat negeri dan kebangsaan untuk memastikan mereka mendapat pendedahan dan latihan secara berterusan, bakat yang telah dikenal pasti ini terus digilap dan digarap di sekolah sukan Malaysia.

Di samping itu Yang Berhormat, konsep Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) diperkenalkan untuk mengenal pasti serta melatih atlet muda yang berbakat di sekolah bermula dari umur tujuh hingga lapan belas tahun dalam jumlah yang ramai. Dengan ini pembentukan atlet kebangsaan akan lebih mudah dilakukan.

Membangunkan atlet sekolah bermula daripada sekolah rendah hingga menengah melalui pusat latihan daerah yang dikenal pasti. Pusat latihan daerah berfungsi sebagai *feeder* kepada Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Sekolah Sukan Malaysia (SSM). Sekian, terima kasih.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakan keberkesanan program Talent Identification (TID) yang dijalankan di sekolah-sekolah. Bagaimanakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan usaha ke arah ini? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Program Talent Identification sedang berjalan lancar. Malah kementerian bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta juga untuk memastikan memberi kerjasama kepada Kementerian Pendidikan Malaysia supaya dapat mewujudkan lebih ramai lagi bakat.

Contoh, kita bekerjasama dengan satu syarikat swasta yang mana baru-baru ini telah mengadakan Program Junior MBA dengan Junior MBA Malaysia yang mana telah membawa semua murid sekolah rendah, pemain boleh keranjang yang telah dipilih seluruh Malaysia, mereka mencari bakat-bakat ini. Mereka yang telah dipilih pula akan pergi mengambil bahagian dan didedahkan di peringkat antarabangsa juga.

Begitu juga sukan-sukan lain yang telah dikenal pasti dan kita akan teruskan kerjasama ini khasnya dengan syarikat-syarikat swasta kerana kerjasama syarikat swasta untuk membangunkan sukan sangat penting. Pada masa yang sama kita juga telah mengenal pasti syarikat-syarikat yang dapat bekerjasama dengan sukan-sukan tertentu. Mereka juga akan membantu.

Maka memandangkan program ini membawa impak yang begitu baik dan positif terhadap pembangunan sukan sekolah, kita akan teruskan dan akan memantau juga keberkesanannya dari masa ke masa. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah kementerian mempunyai maklumat berapa jumlah rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan pelampau Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS); dan
- (b) jika ada, berikan latar belakang mereka, negeri asal dan tahap pendidikan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), pihak polis menyedari dan sedang menjejak individu-individu warganegara Malaysia yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti militan di luar negara. Maklumat ini diperolehi hasil daripada maklumat perisikan daripada agensi-agensi keselamatan yang dikongsi bersama dengan negara luar khususnya dengan negara-negara ASEAN. Setakat ini seramai 39 orang warganegara Malaysia telah dikesan terlibat dengan kumpulan pelampau negara Islam Iraq dan Syria ataupun Terrorist ISIS.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua (b). Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan ini oleh kerana polis masih menyelidik kes-kes ini. Walau bagaimanapun, tidak ada mereka ini dari Sarawak ataupun Sabah. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok dalam berita, gambar-gambar berhubung ISIS dalam *social media* ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita pun tidak tahu sama ada berita itu betul ataupun tidak. Adakah ini mainan media Barat ataupun 'bawa' bersimpati dengan pihak-pihak tertentu.

■1020

Begitu juga dengan bekas ataupun mantan menteri undang-undang, Datuk Mohd Zaid Ibrahim mengkritik keras Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib kononnya, saya sebut ini "bahawa Dato' Sri Mohd Najib mengatakan Melayu mesti berani seperti pejuang-pejuang ISIS". Jadi ini satu *statement* yang keras oleh mantan menteri undang-undang. Jadi adakah kerajaan berhajat untuk memanggil bekas menteri ini kerana ini memberikan mesej yang salah.

Jika mengikut jawapan Timbalan Menteri, kita memang sekali-sekali akan memerangi mereka yang bersimpati dengan pejuang-pejuang ISIS tetapi pada waktu yang sama, bekas menteri undang-undang membuat *statement*, mengkritik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon dan meminta orang Melayu berani seperti pejuang-pejuang ISIS. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap hal ini?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, semenjak lahirnya *Twitter*, *Facebook*, *blog* dan sebagainya banyak perkara yang kita lihat dalam media sosial ini tidak mencerminkan realiti ataupun cerita yang sebenarnya. Jadi kita kena berhati-hati untuk menerima cerita-cerita yang dikeluarkan, sama ada daripada kerajaan ataupun pembangkang. Walau bagaimanapun, oleh sebab perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan, saya akan meminta pegawai saya untuk merisik, melihat dan menyelidik tentang perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak lama dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri, seorang pegawai kanan polis telah mengeluarkan kenyataan berkenaan dengan kononnya ada hasrat dan niat kumpulan-kumpulan militan ini yang terdiri daripada ISIS yang berpengalaman di luar negara untuk balik ke negara kita untuk membuat satu peperangan terhadap rakyat yang bukan beragama Islam. Betul atau tidak kenyataan daripada pegawai kanan polis yang membuat kenyataan sedemikian, saya rasa tiga minggu yang lalu. Minta penjelasan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan betul ataupun tidak apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat terhadap bekas pegawai kanan polis ini adalah satu lagi perkara yang patut diketahui sebenarnya tentang apa yang dia katakan. Akan tetapi kenyataannya adalah betul bahawa mereka yang sudah terlibat dengan perjuangan ini, kalau mereka balik ke Malaysia sebagaimana yang kita ketahui dan polis sedang memantau dan mengetahuinya. Bahkan ada polis yang telah menangkap sebahagian daripada mereka. Kepulangan mereka ini bukanlah untuk menyerahkan diri ataupun telah tidak mahu lagi terlibat dalam perjuangan itu tetapi untuk mempengaruhi rakyat Malaysia. Mungkin juga tidak kira sama ada dia orang Islam ataupun bukan Islam untuk terlibat sama. Akan tetapi walau bagaimanapun polis mengetahuinya dan polis telah mengambil tindakan sebagaimana yang tetap dalam tindakan polis, terima kasih.

5. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dilakukan kementerian bagi memperkasa subjek Sivik dan Kewarganegaraan di semua sekolah menengah dalam negara bagi memupuk semangat patriotisme berikutan baru-baru ini terdapat kes penghinaan terhadap negara akibat kurang patriotik di kalangan pelajar; dan
- (b) adakah kementerian bersungguh-sungguh memperkasakan semangat menyambut hari kemerdekaan di kalangan pelajar sekolah rendah hingga ke universiti.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas soalan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan atau PSK dalam kokurikulum persekolahan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2005 untuk semua murid sekolah rendah Tahap 2 dan sekolah menengah.

PSK merupakan mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah rendah Tahap 2 dan sekolah menengah dan mata pelajaran yang tersebut bertujuan memberikan kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM 2013 hingga 2025, Pendidikan Sivik tidak diajarkan sebagai mata pelajaran khusus tetapi melalui beberapa buah mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah. Ketiga-tiga mata pelajaran ini akan dimantapkan kokurikulumnya mulai tahun 2017 bagi mengukuhkan patriotisme dan perpaduan negara.

Jawapan untuk soalan kedua (b), pemupukan nilai patriotisme dalam kalangan murid sekolah dilaksanakan secara berterusan sepanjang persekolahan murid dengan melaksanakan aktiviti perhimpunan sekolah. Antara pengisiannya ialah aktiviti menaikkan bendera, ikrar Rukun Negara, nyanyian lagu kebangsaan negeri, sekolah dan patriotisme. Aktiviti ini diperkukuhkan melalui aktiviti mingguan pasukan, badan beruniform yang melaksanakan aktiviti tersebut dalam setiap perjumpaan mereka.

Bagi sambutan hari ataupun bulan kemerdekaan, pihak sekolah mengadakan sambutan di peringkat sekolah sepanjang kempen yang dilaksanakan bermula pada 16 Ogos sehingga 16 September setiap tahun. Aktiviti utama ialah perhimpunan hari kemerdekaan diadakan pada hari akhir persekolahan sebelum sambutan hari kemerdekaan dan ini adalah selaras dengan arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14/2000 – Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Sekolah bertarikh 10 Ogos 2000.

Di peringkat institut pengajian tinggi (IPTA) pula, kementerian sentiasa mengadakan pelbagai program bagi menanamkan semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan para pelajar IPT. Program-program yang dilaksanakan kebiasaannya melibatkan penyertaan pelajar daripada pelbagai kaum melalui aktiviti yang berteraskan kesukarelawan, khidmat komuniti, kepimpinan, kebudayaan, sukan dan teras inovasi serta aktiviti badan beruniform. Kementerian juga sentiasa menggalakkan semangat perpaduan dan cintakan negara dengan menggalakkan pelajar IPT menghadiri pelbagai konvensyen, seminar, kursus dan lain-lain aktiviti yang bercorak kenegaraan. Sekian, terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Tadi Yang

Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang peranan, hak dan tanggungjawab pelajar dalam masyarakat melalui penerapan PSK ini. Soalan saya kepada pihak kementerian, adakah kementerian ada merangka projek yang berkaitan dengan khidmat masyarakat bertemakan warisan kepelbagaian budaya Malaysia dari semua peringkat pendidikan terutamanya di peringkat persekolahan menengah dan juga di peringkat pengajian tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas soalan yang berkaitan dengan projek khidmat masyarakat bertemakan warisan kepelbagaian budaya Malaysia. Jawapan saya ialah ya dan memang ada, saya memberikan contoh sebagai program kebudayaan dan keagamaan bertemakan merdeka dan budaya Malaysia. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti seperti peraduan menulis, melukis poster bertemakan warisan budaya Malaysia. Jadi ini bermakna program atau projek sememangnya dapat dijalankan melalui aktiviti-aktiviti yang dipelbagaikan, sekian terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, daripada program-program untuk membangkitkan semangat patriotisme dan nilai-nilai cintakan negara ini, apakah hasil ataupun prestasi yang tercapai?

■1030

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat tentang prestasi yang tercapai. Bagi saya sekiranya kita menyaksikan perayaan hari kemerdekaan, kita boleh melihat semangat patriotisme dan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh adik-adik pelajar dan pelajar dari IPTA dalam satu tahap yang begitu membanggakan. Saya sebagai seorang rakyat Malaysia, saya rasa amat bangga apabila saya duduk di atas pentas dan saya melihat penglibatan adik-adik pelajar dari sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar dari IPTA dan IPTS. Sekian, Terima kasih.

6. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) tindakan yang diambil untuk mengawal peningkatan Indeks Harga Pengguna (IHP); dan
- (b) usaha Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup dalam mengawal harga dan keberkesanannya setakat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Selayang. Menjawab pada soalan Yang Berhormat Selayang, sebagai kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada 15 Januari 2014 yang lalu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan keahliannya

melibatkan 15 Yang Berhormat, Menteri-menteri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan juga Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan dan termasuklah Majlis Profesor Negara.

Jawatankuasa ini telah mengambil beberapa pendekatan iaitu memperkasakan pengguna dan mempertingkatkan pengeluaran bagi bekalan barangan. Bagi memperkasakan pengguna, jawatankuasa khas telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.57 juta kepada KPDNKK bagi melancarkan pelan tindakan bagi kempen Pemerksaan Pendidikan Pengguna dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Di dalam program ini mulai bulan Februari hingga April 2014, sebanyak 20 NGO telah terlibat dan 347 program kepenggunaan telah dilaksanakan di seluruh negara yang melibatkan seramai 99,734 orang peserta dan melalui media cetak sebanyak 81 artikel berkaitan menangani kos sara hidup yang telah diterbitkan dan di akhbar tempatan dan 70 slot kepenggunaan telah disiarkan melalui radio dan juga televisyen. Sementara itu dari segi meningkatkan pengeluaran produk pertanian, kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah dipergiatkan umpamanya inisiatif jaminan bekalan dan pengedaran agromakanan dilaksanakan bagi membantu menangani kenaikan harga dan memastikan jaminan ini adalah untuk komoditi terpilih yang lebih efisien. Beberapa strategi telah pun disusun dan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian.

Kempen penurunan harga juga telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada 29 Januari 2014 dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Apabila disertai oleh 10 syarikat pengusaha *hypermarket*, *superstore*, *departmental store*, *supermarket* tempatan dan juga asing berserta 956 cawangan di seluruh negara. Tempoh pelaksanaan kempen ini adalah di antara tiga hingga enam bulan dan purata jumlah penurunan harga di antara 10% hingga 70% malahan kempen penurunan harga pada kali kedua telah diadakan pada 5 April 2014 di pasar raya TF Value Mart dan pasar raya The Store, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Daripada aspek penguat kuasa Yang Berhormat, penguat kuasa dan perundangan, kementerian akan terus melaksanakan pemeriksaan dan juga pemantauan yang rapi dan menyeluruh ke atas semua barangan. Untuk makluman Dewan ini juga Ops Harga 2014, sehingga 23 September 2014 sebanyak 1,157,637 pemeriksaan telah kita lakukan dan 4,731 tindakan undang-undang telah diambil ke atas peniaga yang melibatkan rampasan bernilai RM919,693.55 dan kompaun sebanyak RM234,400. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan yang begitu genap. Bila GST dilaksanakan, memang rakyat kluatir bahawa ada segelintir yang akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga dan ini akan menaikkan kos sara hidup. Soalan tambahan saya, antara kempen untuk memperkasakan pengguna dan juga tindakan penguat kuasa, adakah satu garis panduan atau peraturan yang jelas apa maknanya keuntungan yang berlebihan yang akan membebaskan rakyat.

Kalau kita mengambil contoh kenaikan 10 sen sekilo gula, kedai kopi juga menaikkan 10 sen secawan walaupun kita tahu mereka tidak menggunakan sekilo gula. Ini adalah yang dikatakan keuntungan yang berlebihan. Akan tetapi bila kita banding dengan *Starbucks*, *Coffee Bean* dan *Coffee House*, harga mereka RM5 hingga RM8 itu juga tinggi. So, bagaimana pengguna dan juga peniaga akan mengetahui apa margin keuntungan yang berlebihan kerana tindakan undang-undang akan diambil. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan. Memang kita telah pun melihat mungkin tren kenaikan harga apabila GST ini dilaksanakan akan berlaku. Jadi sebab itu, pegawai penguat kuasa daripada kementerian telah pun dipohon dan telah pun diluluskan sebanyak lebih daripada 400 tambahan melibatkan 2,200 lebih pegawai penguat kuasa yang akan mula memantau dari segi pelaksanaan GST.

Satu lagi kita juga telah diminta untuk menubuhkan sebuah mahkamah khas untuk melihat supaya kes-kes ataupun laporan-laporan yang dibuat oleh orang ramai, masyarakat terhadap peniaga-peniaga yang menaikkan harga setelah GST ini dilaksanakan, dapat dibicarakan dengan segera. Jadi sebab itu mahkamah khas ini telah pun kita rancang untuk diwujudkan supaya segala apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk kita memastikan apabila GST ini berjalan dan dilaksanakan, tidak ada peniaga-peniaga mengambil kesempatan untuk menaikkan harga setelah GST ini dilaksanakan. Terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Umum maklum bahawa pelaksanaan GST akan dilaksanakan tidak berapa bulan lagi dan begitu juga kita sedia maklum dengan undang-undang yang ada yang berada di pihak kementerian. Kita ingin mengetahui, rakyat ingin mengetahui apakah perancangan segera daripada pihak kementerian bagi membolehkan penglibatan rakyat biasa daripada sukarelawan badan organisasi bukan kerajaan atau mana-mana pihak membantu mengawal kenaikan harga barang demi kepentingan rakyat secara menyeluruh. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Gudang mengenai dengan persiapan ataupun tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian. Oleh sebab itu, baru-baru ini kita telah pun meminda akta di bawah kementerian untuk mendapat bantuan dan juga kerjasama terutama sekali daripada pihak berkuasa tempatan yang mempunyai pegawai-pegawai penguat kuasa yang begitu ramai di seluruh daerah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya kita boleh bersama-sama menggunakan pegawai-pegawai ini yang telah pun mempunyai kuasa untuk memantau dan juga membantu kerajaan.

■1040

Jadi semua langkah ini diambil oleh kementerian untuk memastikan, seperti apa Yang Berhormat sebut tadi, agar pelaksanaan GST ini tidak diambil kesempatan. Kita memang rasa bimbang kerana memang berlaku di mana-mana juga apabila GST ini dimulakan, kesempatan peniaga yang hendak mengambil keuntungan yang terlalu cepat dan melebihi daripada

sepatutnya. Jadi kita ada akta dan akan kita tengok sekiranya harga-harga yang diletakkan oleh mereka ini tidak berpatutan dan tidak munasabah, maka tindakan akan kita diambil.

7. Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah perancangan yang komprehensif yang akan dimajukan di kawasan luar bandar seperti Parlimen Sik bagi memudahkan penduduk di kawasan tersebut daripada segi pembangunan secara keseluruhan, kemajuan dan sebagainya, seperti cadangan-cadangan yang telah saya hantar (cadangan Pelan Induk) pembangunan Parlimen Sik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Sik, program pembangunan luar bandar yang melibatkan pembangunan prasarana dan kemudahan asas adalah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi pelbagai program seperti Program Jalan Luar Bandar, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar, Program Air Luar Bandar dan Program Ameniti Sosial dan sebagainya.

Secara amnya, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, kementerian akan melaksanakan projek mengikut keutamaan negeri, kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Sik, buat masa ini, kementerian belum lagi menerima apa-apa arahan berhubung dengan Pelan Induk Pembangunan di kawasan Sik seperti mana yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, kementerian mengalu-alukan supaya salinan Pelan Induk Pembangunan di kawasan Sik itu ataupun seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dikemukakan juga kepada kementerian untuk penelitian dan pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebelum itu Yang Berhormat Sik, duduk sekejap ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Dato' Haji Ishak bin Haji Muhamad, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang bersama-sama dengan timbalannya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Haji Jaafar serta rombongan dari Pejabat DUN Pahang. *[Tepuk]*

Sila Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya. Bagi kawasan luar bandar, apakah kementerian mempunyai perancangan sesuai seperti membawa pelabur-pelabur luar ataupun *foreign investors* yang berminat untuk melabur di luar bandar? Saya juga ingin mendapat penjelasan kementerian, sekiranya pelabur-pelabur luar melabur di kawasan luar bandar dalam kapasiti yang besar, adakah kerajaan ada menyediakan apa-apa bentuk insentif dan sekiranya ada, apakah bentuk insentif-insentif tersebut? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Sik atas soalan tambahan.

Berkenaan dengan pelabur yang ingin melabur di luar bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak ada halangan. Akan tetapi, kita tumpu kepada menyediakan pembangunan prasarana dan program-program yang tertentu yang di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Kalau kita bercakap tentang pelaburan, mungkin ia lebih tepat kepada kementerian yang lain. Akan tetapi, kalau pelaburan itu membawa keuntungan dan membawa peluang-peluang untuk masyarakat di luar bandar, dapat meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka di luar bandar, memang ada kaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Oleh itu, kementerian ini senantiasa sedia bekerjasama dengan pihak lain, agensi-agensi kerajaan lain untuk kita membolehkan ataupun *menfacilitate* pelaburan yang ada kalau ada dibawa ke kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) perkembangan terkini tentang status kajian kos faedah (*cost benefit study*) Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), memandangkan kajian telah ditugaskan oleh kementerian sejak tahun lepas dan sepatutnya disiapkan pada Disember 2013; dan
- (b) adakah salinan dokumen akan dibekalkan kepada Kokus Parlimen TPPA dan orang awam.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Kelana Jaya ada dua bahagian. Pertama ialah berkaitan kedudukan terkini analisis kajian kos faedah TPPA, Perkongsian Trans Pasifik. Soalan kedua, adakah sama ada dokumen ini akan dibekalkan kepada Kokus Parlimen dan juga orang awam. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

Pertama, saya ingin terangkan bahawa pada bulan Ogos 2013, kerajaan telah buat keputusan supaya diadakan kajian terperinci berkaitan dengan penyertaan kerajaan dalam rundingan TPPA. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada Ahli Parlimen termasuk pembangkang dalam Dewan ini. Ia juga berdasarkan kepada input daripada beberapa NGO, input daripada para akademik. Mereka mengambil kira pandangan Ahli Yang Berhormat dan lain-lain pihak. Kerajaan buat keputusan pada bulan Ogos yang lalu supaya diadakan kajian kos faedah. Itu sebagai latar belakang.

Kenapa perlu dibuat kajian kos faedah terperinci? Ini kerana seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, TPPA ini meliputi satu skop yang cukup luas, dan keduanya, ia amat kontroversial. Oleh itu, kita buat keputusan untuk diadakan dua kajian.

Kerajaan telah melantik dua pihak. Pertama, Institut Kajian Strategik Antarabangsa atau ISIS yang ditugaskan untuk membuat kajian melihat kepada kepentingan awam, *national interest* atau kepentingan negara, dan PriceWaterhouse telah ditugaskan untuk melihat kepada impak TPPA kepada bumiputera dan juga kepada perusahaan kecil dan sederhana. Kajian ISIS berdasarkan kepada rundingan sehingga Jun 2013 iaitu setahun yang lalu, pada masa itu. Kajian PriceWaterhouse berdasarkan kepada keadaan pada bulan Ogos tahun ini.

Jadi dengan lain perkataan, kajian-kajian ini berdasarkan kepada beberapa andaian yang kurang lengkap kerana rundingan masih berjalan, tidak lengkap lagi dan belum muktamad lagi. Itu sebabnya saya telah maklumkan kepada Kokus Ahli Parlimen yang mana Yang Berhormat Kelana Jaya juga menjadi ahli, saya juga maklum kepada Dewan ini, saya maklumkan kepada orang awam bahawa kita akan buat kajian dalam dua fasa. Fasa pertama dipanggil fasa interim, fasa sementara. Fasa kedua ialah fasa muktamad. Itu telah pun dimaklumkan.

Kerajaan berpendapat oleh kerana ISIS membuat kajian berdasarkan kepada keadaan bulan Jun 2013 iaitu kira-kira 15 bulan yang lalu dan oleh kerana PriceWaterhouse kajiannya belum lengkap kerana berdasarkan andaian semasa itu khususnya bulan Ogos 2014, maka itu antara sebab kenapa kita berpendapat bahawa kurang wajar diumumkan kepada awam termasuklah kepada Kokus, walaupun kepada Kokus Parlimen, kita telah menggariskan secara umum hasil kajian interim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada 8 November yang lalu, mesyuarat Menteri-menteri TPPA telah diadakan di Beijing dan saya menyertainya bagi pihak Malaysia dan pada 10 November yang lalu di Beijing juga, diadakan Mesyuarat Ketua-ketua Negara yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Jadi berdasarkan perkembangan terakhir, saya hendak maklumkan Dewan yang mulia ini, ada tiga peringkat TPPA. Pertama ialah rundingan dimuktamadkan. Sekarang ini peringkat pertama ialah rundingan dimuktamadkan. Sekarang belum muktamad lagi. Itu peringkat pertama. Peringkat kedua ialah peringkat tandatangan. Kalau kerajaan bersetuju, maka tandatangan. Peringkat ketiga dipanggil ratifikasi.

Kerajaan telah buat keputusan bahawa apabila rundingan muktamad, tidak kiralah suku pertama tahun depan, perkembangan tahun depan, maka pihak-pihak yang berkenaan khususnya PWC akan dikehendaki untuk membuat analisa kos faedah terperinci berdasarkan kedudukan muktamad. Setelah rundingan muktamad, dibuat kajian terperinci, maka kita akan berunding dengan pihak Parlimen untuk diadakan sidang Parlimen bagi membincangkan perkara ini. Jadi sebelum apa-apa tindakan diambil kerajaan, Parlimen akan dirundingkan.

■1050

Jadi tiga peringkat. Yang pertama, peringkat rundingan. Yang kedua, peringkat tandatangan. Jika kerajaan berpuas hati bahawa TPPA ini menguntungkan negara maka kerajaan setelah dibentangkan di Parlimen, kerajaan akan buat keputusan sama ada untuk ditandatangani TPPA ini. Akhir sekali proses undang-undangnya ialah untuk meratifikasi. Ini mungkin lama lagi. Kurang pasti.

Jadi ringkas ceritanya Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kelana Jaya, saya ingin maklumkan bahawa kajian analisis kos faedah ini akan diadakan sekali lagi apabila rundingan muktamad dan hasil kajian ini bukan sahaja akan dibentangkan pada Parlimen tetapi akan dibentangkan kepada umum. Kerajaan akan buat keputusan setelah mendapat input daripada rakyat termasuklah Ahli-ahli Parlimen yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, saya minta Yang Berhormat Menteri jawab apakah jumlah bayaran untuk pakar perunding daripada PWC dan juga ISIS untuk menyediakan *cost benefit study*. Saya tahu ada *interim report* dan juga ada *report* terakhir. Sampai interim berapa dan apakah anggaran untuk bayaran terakhir? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya tidak dapat maklumkan angka yang tepat kerana ia tertakluk juga kepada kajian muktamad. Kajian muktamad ini sudah pasti memerlukan masa dan memerlukan kepakaran yang lebih. Maka sekarang ini bayaran interim tertakluk juga kepada bayaran yang kerajaan akan putuskan. Jadi saya tidak boleh maklum secara tepat tetapi saya boleh maklumkan kepada Yang Berhormat secara berasingan. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, difahamkan pasaran TPPA ini amat luas. Kalau kita masuk TPPA lebih kurang RM700 juta. Soalan saya, kalau Malaysia menyertai TPPA pada pandangan kerajaan, industri manakah yang bakal mengalami perkembangan yang paling menguntungkan sekiranya Malaysia menyertai TPPA? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. TPPA ini mengandungi dua bahagian besar. Yang pertama dipanggil *market access* ataupun akses pasaran. Yang kedua, berkaitan dengan peraturan perdagangan termasuklah mengenai alam sekitar, mengenai buruh dan lain-lain. Jadi soalan Yang Berhormat Gerik ini merujuk kepada bahagian pertama iaitu akses pasaran yang penting bagi semua negara bukan sahaja Malaysia dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada yang dijangka mendapat keuntungan, ada yang mungkin juga akan tertekan dengan TPPA ini. Itu sebabnya kita kena buat kajian analisis kos faedah.

Secara umumnya, kita akan mendapat faedah di negara-negara yang mana kita belum ada FTA. Kita sudah ada 13 FTA. Perjanjian perdagangan bebas ini 13. Kita belum ada dengan Mexico, dengan Kanada dan Amerika Syarikat. Jadi bagi tiga negara ini Malaysia dijangka mendapat faedah terbesar berbanding negara lain. Singapura kita sudah ada perjanjian dalam ASEAN. Vietnam dan Brunei begitu juga. Jepun pun sudah ada dan beberapa negara lain pun ada. Itu yang pertama daripada segi negaranya. Daripada segi negaranya Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico.

Daripada segi produknya ada dua bahagian. Yang pertama bahagian pembuatan, yang kedua ialah keluaran bahan utama Malaysia. Bahan utama Malaysia ini atau *primary commodities* termasuklah kelapa sawit. Kita jangka mendapat akses yang lebih di Mexico dan kita jangka bagi *tropical plywood* dengan izin, akan mendapat laluan ataupun akses yang lebih

baik di negara Jepun. Bagi Amerika Syarikat kita jangka akan mendapat faedah antara lain ialah sektor *electrical* dan elektronik. Jadi itulah secara ringkasnya.

Akan tetapi ini berdasarkan kepada rundingan setakat ini. Rundingan belum selesai lagi, ada pihak berpendapat rundingan akan muktamad pada suku pertama dan tahun depan. Jadi, kalau sudah dimuktamadkan barulah saya akan maklumkan kepada Dewan dengan terperinci. Apa pun kajian analisis kos faedah akan dilakukan. Ini akan dihebahkan kepada umum termasuklah Ahli Parlimen.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun baru dua, tidak tiga lagi. Jadi saya tigalah. *[Ketawa]*

Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjelaskan. Antara yang kuat membantah TPPA ini ialah bekas Perdana Menteri sendiri Tun Dr. Mahathir dan juga bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dengan memberikan penghujahan-penghujahan dan alasan-alasan yang saya fikir cukup kuat. Akan tetapi apa yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah pandangan kerajaan khususnya Yang Berhormat terhadap kritikan-kritikan dan pandangan Tun Daim Zainuddin dan juga Tun Dr. Mahathir? Adakah kerajaan menganggap bahawa mereka ini tidak mempunyai maklumat ataupun mereka ini sudah terkebelakang, tidak boleh hendak mengikut arus perdana yang sedang dibawa oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Seperti yang saya maklumkan dalam Dewan ini, kadang-kadang Ahli Yang Berhormat ada dalam Dewan kadang-kadang tidak ada semasa saya berucap berkaitan TPPA ini. Saya menyatakan banyak kali bahawa kita, kerajaan menghargai semua pandangan berkaitan dengan TPPA. Dalam apa-apa yang kita hendak buat ada baik dan buruknya. Tidak ada satu pun yang kita buat memberikan 100% kebaikan. Ada berpendapat kahwin itu amat baik, dituntut oleh syariat semualah tetapi kalau kahwin itu kalau dahulu balik pukul tiga, empat pagi sekarang tidak bolehlah. Jadi, ini maknanya kahwin pun ada buruk, ada baiknya tapi hukum-hukum kita kena kahwinlah. *[Dewan riuh]*

Jadi apa jua yang kita buat kalau Pakatan Rakyat pun ada buruk ada baik. Tidak ada satu dalam dunia ini yang semua baik belaka. Itulah secara umumnya. Jadi dalam ini pun ada buruk ada baiknya. Yang pertama, kita menghargai semua pandangan dan malah kita mengadakan banyak perundingan dan hasil perundingan ini diambil kira oleh kerajaan. Yang Berhormat Kelana Jaya sedia maklum. Beliau menghadiri banyak perbincangan yang kita adakan dan banyak daripada kritikan yang disuarakan oleh semua orang termasuklah Tun Dr. Mahathir, bekas Menteri Kewangan diambil kira oleh kerajaan. Kerajaan menghargainya dan malah kritikan ini membantu kita untuk memandu, membantu perunding-perunding kita dalam membuat perundingan. Maknanya dalam kita merundingkan sesuatu di belakang kita, kita cukup prihatin terhadap rakyat Malaysia termasuklah NGO.

Dua isu utama yang dibangkitkan oleh beberapa pihak ini, yang pertama berkaitan dengan *secrecy* dengan izin, *transparency*, di mana rahsia belaka. Yang keduanya berkaitan dengan

sovereignty. Maknanya negara-negara tertentu akan makan kita. Jadi, ini dua perkara penting yang dibangkitkan, kita tahu bahawa ini perkara yang penting untuk kita timbangkan. Itu sebabnya kita cukup berhati-hati dan kita mengambil kira pandangan yang bernas ini dan sebenarnya pandangan-pandangan ini juga memberi input yang berguna kepada perunding-perunding kita termasuk saya sendiri dalam kita berunding dengan 11 buah negara lagi.

Jadi, kita menghargai semua pandangan yang cukup baik dan ia memandu kita dalam memastikan kepentingan negara terpelihara. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

9. Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah rancangan untuk menaik taraf Pusat Kesihatan Luar Bandar supaya Perkhidmatan Pegawai Perubatan dapat disediakan sekurangnya sekali sebulan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mukah. Soalan ini berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan pegawai perubatan di semua klinik kesihatan dibuat secara berterusan mengikut keupayaan sumber manusia sama ada di kawasan bandar ataupun di luar bandar supaya rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang saksama dan berkualiti. Sehingga Jun 2014, terdapat 935 buah klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara, di mana 591 buah ataupun 63% daripadanya telah diisi dengan sekurang-kurangnya seorang pegawai perubatan. Manakala 343 buah lagi di kawasan luar bandar masih belum mempunyai perkhidmatan pegawai perubatan.

Kebanyakan klinik kesihatan di kawasan luar bandar ini mempunyai beban kerja yang rendah iaitu kurang daripada 50 pesakit sehari dan terletak di kawasan pedalaman yang terpencil. Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan pegawai perubatan di kawasan luar bandar, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan perkhidmatan satu perkhidmatan lawatan doktor secara berkala ke KK berkenan sementara menunggu pengisian oleh pegawai perubatan yang tetap.

■1100

Yang kedua, melaksanakan penempatan wajib secara giliran bagi pakar perubatan keluarga dan ketiga, memperkenalkan program Penempatan Doktor Latihan Siswazah di klinik kesihatan untuk tempoh tertentu bagi memberi pendedahan awal serta meningkatkan minat berkhidmat di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah tersebut pihak KKM turut menyediakan perkhidmatan bergerak yang menawarkan perkhidmatan kesihatan primer yang berkualiti dan komprehensif bagi meningkatkan status kesihatan penduduk di kawasan luar bandar. Sehingga akhir tahun 2013, terdapat 239 buah pasukan klinik bergerak yang telah beroperasi iaitu 117 di Semenanjung, 25 buah di Sabah dan 97 buah di Sarawak.

Perkhidmatan klinik bergerak ini disediakan melalui laluan darat, melalui *four wheel drive*, pacuan empat roda, melalui bot, bot kecil dan juga melalui udara iaitu laut udara dan di sepuluh

buah negeri iaitu di Kedah, di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Juga Tuan Yang di-Pertua terdapat satu lagi perkhidmatan yang juga disediakan iaitu Klinik Bergerak 1Malaysia. Klinik Bergerak 1Malaysia adalah berkonsepkan klinik bergerak menggunakan bas dan perkhidmatan bot yang memberi keutamaan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di kawasan luar bandar yang kurang mendapat liputan daripada kemudahan kesihatan statik sedia ada seperti di kawasan ladang, kampung tradisional, penempatan Orang Asli di pinggiran dan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman yang hanya boleh diakses melalui laluan sungai.

Pada masa ini perkhidmatan KB1M ataupun Klinik Bergerak 1Malaysia adalah terdiri daripada lima buah bas yang beroperasi di negeri Perak satu buah, di Selangor satu buah, di Johor satu buah dan di Pahang dua buah dan serta dua buah bot masing-masing satu di Sabah dan di Sarawak. Sehingga kini perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia ini telah melawat 164 buah stesen ataupun lokasi perhentian yang meliputi 265 buah kampung dengan sasaran kes sebanyak 100 kedatangan pada setiap sesi klinik bergerak ini. Sehingga Disember 2013, seramai 25,823 pelanggan atau pesakit telah pun berdaftar dengan klinik bergerak ini dan mulai daripada Januari hingga Jun tahun ini terdapat seramai 8,276 pesakit telah pun berdaftar dengan klinik ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Mukah.

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang lengkap. Saya ingin tahu, sebelum itu ingin mengucapkan tahniah atas satu program Kementerian Kesihatan di namakan KOSPEN iaitu Komuniti Sihat Perkasa Negara. Yang keduanya, soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan lagi penggunaan pusat kesihatan daerah ini oleh rakyat-rakyat di luar bandar dari segi pendidikan yang meluas dan juga kemudahan untuk pegawai-pegawai kesihatan kita di pusat kesihatan daerah ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kemudahan memang kita akui bahawa memang terdapat banyak kesukaran ataupun kekurangan kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil, klinik-klinik tanpa kuarters, kuarters yang sudah pun rosak dan sebagainya. Jadi memang masalah ini bila kita hantar pegawai, dia tidak ada tempat untuk hendak duduk, pegawai perubatan dia tiada tempat hendak tinggal dan bila kita paksa sangat dia akan letak jawatan, ini berlaku. Jadi kita, sebab itulah kita mengadakan program latihan untuk doktor siswazah latihan ini, kita hantar ke klinik-klinik kesihatan supaya mereka dapat *exposure* awal, supaya dapat mereka berminat untuk hendak pergi bekerja di luar bandar.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Mukah tadi berkenaan dengan KOSPEN. Ini adalah satu cara untuk kita melatih ataupun memberi pengetahuan kepada rakyat di seluruh negara khususnya di luar bandar dan kita

memperkasakan mereka, sebab kita melatih mereka supaya mereka dapat memiliki maklumat kesihatan dan kampung masing-masing. Setakat ini sudah banyak kampung telah pun dilatih dan kita ambil paling kurang lima orang anak kampung, latih mereka supaya dapat mengambil *blood pressure*, tekanan darah, mengambil darah untuk glukosa, kolesterol dan sebagainya dan juga memberi penerangan kepada mereka supaya mereka dapat seterusnya memberi penerangan kepada kawasan kampung masing-masing Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, klinik kesihatan di kawasan Felda-felda teruk sekarang ini. Ini Pengerusi FELDA pun ada dalam Dewan, sila ambil ingatanlah termasuk di Kuala Krau.

10. **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status pembinaan Lebuh Raya Pan-Borneo terkini di Sabah. Nyatakan syarikat yang memperoleh tawaran kontrak projek tersebut dan berapa peruntukan yang akan diberikan kepada syarikat tersebut. Adakah lebuh raya ini akan diuruskan seperti Lebuh Raya Utara-Selatan dan akan mengenakan tol kepada pengguna jalan tersebut.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Timbalan Menteri Kerja Raya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan setakat ini telah meluluskan empat projek baru jalan Pan-Borneo Sabah yang sedang dilaksanakan secara konvensional mulai tahun 2013. Kos keseluruhan untuk empat projek ini ialah sebanyak RM647 juta. Senarai projek baru jalan Pan-Borneo di Sabah ini ialah seperti berikut:-

- i) Menaik taraf Jalan Dungun ke Simpang Papar Spur Pakej 1 sejauh 13.7 kilometer dengan anggaran kos RM233 juta.
- ii) Menaik taraf Jalan Petagas ke Lok Kaur Pakej 1A dan 1B sejauh 6 kilometer. Anggaran kos sebanyak RM136 juta
- iii) Menaik taraf Jalan Tawau ke Semporna dari persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna Fasa 1 sejauh 15 kilometer dengan anggaran kos RM170 juta
- iv) Menaik taraf Jalan Segama-Lahad Datu Fasa 1 sejauh 5.6 kilometer dengan anggaran kos RM108 juta.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan baki projek jalan Pan-Borneo ini, kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut menerusi inisiatif daripada pihak swasta. Pada masa kini rundingan awal sedang diadakan dengan pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek jalan Pan-Borneo ini di dalam tempoh masa yang lebih singkat berbanding kaedah pelaksanaan secara konvensional menerusi peruntukan rancangan lima tahun kerajaan.

Maklumat mengenai pembida terlibat dan kaedah pelaksanaan projek ini tidak dapat diumumkan pada masa ini kerana proses rundingan masih berada dalam peringkat awalan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang bagi jawapan tapi macam kita banyak harapan. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, dari bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa RM27 bilion anggaran untuk pembinaan projek ini, *Pan-Borneo Highway*. Saya ingin tahu berapa akan dibelanjakan oleh syarikat dan berapa akan diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan dan apakah alasan-alasan kenapa projek ini kalau betul tidak dapat bagi kepada orang Sabah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu di atas soalan tambahan. Sebenarnya Yang Berhormat, dalam sesi pembentangan bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa projek Lebuhraya Pan-Borneo yang terlibat di Sabah dan Sarawak akan dibina dengan inisiatif pihak swasta dan anggaran kos pembinaan keseluruhan adalah RM27 bilion, ini keseluruhan Yang Berhormat.

Untuk menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan, berapa belanja dan berapa diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan, ini jawapannya Yang Berhormat ya. Anggarannya RM27 bilion dan ianya masih dalam proses perundingan Yang Berhormat. Masih belum ada muktamadnya lagi di peringkat kerajaan dan juga pihak swasta, masih dalam proses rundingan.

■1110

Sebenarnya Yang Berhormat, keputusan dasar kerajaan ini kita alu-alukan kerana ianya bakal mempercepatkan lagi pembangunan dan pembinaan jalan Pan Borneo itu yang saya yakin dan Yang Berhormat juga yakin sebagai Ahli Parlimen dari Sabah, ianya akan mencetuskan pembangunan terutama sekali dalam bidang sosioekonomi di negeri Sabah.

Alasan-alasan Yang Berhormat sekiranya kita lihat, alasannya sudah tentu kita ingin melihat bahawa pelaksanaan Pan Borneo ini sekiranya mengikut perancangan di bawah HNBP, ianya akan hanya dapat diselesaikan pada tahun 2025, secara anggaran sekiranya ia dilaksanakan secara konvensional. Daripada itulah kerajaan, terutama sekali Yang Amat Berhormat, Menteri Kewangan, mengambil inisiatif bahawa kita bekerjasama dengan pihak swasta supaya pelaksanaan ini dapat dipendekkan, Yang Berhormat, membolehkan masyarakat dan rakyat di Sabah dan Sarawak dapat menikmati pembangunan yang jauh lebih awal daripada yang dijangkakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ni bagi Yang Berhormat Labuan. Silakan Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan dah bertanya tadi. Sila duduk, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Soalan tambahan dari Labuan adalah pelaksanaan daripada persimpangan Papar ke Beaufort, bilakah ianya akan dilaksanakan? Adakah ia akan diupgrade kepada *dual carriage*, ataupun dua hala ke sana dan dua hala ke sini? Sebab jalan ini adalah di antara jalan yang paling sibuk di antara bandar di Sabah dan sangat *jammed* sekarang ini. Pertanyaan saya, bolehkah letak signboard yang cukup untuk menunjukkan arah tuju ke Labuan memandangkan Labuan juga adalah bandar utama di kawasan itu. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Labuan. Saya faham mengapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal ini kerana ini merupakan laluan yang dilalui oleh rakan-rakan kita dari Labuan untuk ke Kota Kinabalu. Jadi untuk menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Labuan, sebenarnya memang benar jajaran jalan Kota Kinabalu-Beaufort-Sindumin itu merupakan keutamaan.

Apa saja yang terjadi sama ada perundingan di peringkat kerajaan itu berjaya atau tidak, ia akan dilaksanakan mungkin secara konvensional. Keutamaannya adalah untuk membina jajaran tersebut, Yang Berhormat. Jajaran KK ke Sindumin seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang mempunyai kadar trafik yang agak tinggi. Ini merupakan keutamaan kita di samping jalan Ranau ke Sandakan dan juga Sandakan ke Tawau, Yang Berhormat. Ini merupakan ketiga-tiga keutamaan. Dan mengenai *signboard* tersebut, *insya-Allah*, Yang Berhormat saya akan bawa perkara ini dan berbincang dgn pihak JKR Sabah untuk dapat diperincikan secukupnya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun] Tuan Yang di-Pertua, soalan ketiga, boleh?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan ketiga, yang pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Seterusnya saya jemput Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Bukan soalan panjang, pendek sahaja soalan. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Bukan soal pendek panjang, sila.

11. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pondok polis yang dibina di kawasan luar bandar dan jumlah anggota yang ditempatkan di pondok-pondok yang dimaksudkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terdapat 667 pondok polis di seluruh negara, 496 daripadanya dibina di kawasan luar bandar dengan anggota seramai 992 orang. Anggaran 1 pondok polis dengan kekuatan 2 anggota, ditugaskan di pondok-pondok polis yang dimaksudkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang cukup ringkas daripada Timbalan Menteri. Kita ambil kesempatan untuk ucapkan tahniah kepada anggota polis yang sentiasa bertungkus-lumus menjaga keselamatan rakyat dan negara. Menyedari hakikat gejala sosial, jenayah yang meningkat di kawasan luar bandar, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kekuatan anggota ada yang hanya dua orang anggota untuk satu pondok polis sedangkan jumlah penduduk yang mereka hendak jaga itu terlalu ramai dan gejala sosial dan jenayah di luar bandar juga meningkat.

Apakah cadangan, soalan tambahan saya dan perancangan daripada kerajaan? Pertama, untuk menambah bilangan anggota polis untuk ditempatkan di pondok-pondok polis di kawasan luar bandar dan juga apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan bilangan pondok-pondok polis untuk diletakkan di kawasan-kawasan luar bandar untuk menjaga dan menjamin kesejahteraan rakyat tentang keselamatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mintalah kalau dalam jawatankuasa nanti, sebut panjang-panjang cerita ini supaya menyokong pihak polis untuk mendapat sumber kewangan yang berlebihan untuk membina pondok dan juga balai-balai polis di seluruh negara. Memang Tuan Yang di-Pertua, kita berhasrat untuk membina banyak lagi balai-balai polis di seluruh negara, di luar-luar bandar termasuk supaya kita boleh memberi liputan perkhidmatan kita di seluruh negara, tidak kira dalam bandar ataupun di luar bandar.

Kita juga mengetahui bahawa pihak yang melakukan jenayah ini bukan sahaja menyasarkan aktiviti mereka ke dalam bandar, tetapi juga ke luar bandar. Kita mengetahui. Polis mengetahui. Kami mengetahui. Akan tetapi dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang besar, perhubungan kita dengan luar bandar, khususnya di Sabah dan juga Sarawak memang ada halangan-halangan yang tertentu. Jadi rancangan ini banyak masih kita buat, termasuk membina pondok-pondok yang ditentukan.

Umpamanya kalau di Sarawak, kita mempunyai 5,000 kampung, di seluruh Sarawak. Sarawak sahaja. Jadi kalau hendak membina semua Tuan Yang di-Pertua, kita kena minta sokong banyak-banyak dari Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat sumber kewangan yang banyak untuk membina semua *police station* dan balai polis dan membina pondok-pondok. Falsafah pondok dan falsafah balai polis ini berlainan Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak mempunyai ciri-ciri yang sama. Jadi kalau Yang Berhormat sokong kita, *insya Allah*, kita akan mohon dengan kerajaan dapat kelulusan yang lebih banyak lagi untuk membina balai dan pondok-pondok di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah terdapat banyak pondok-pondok polis yang kita panggil bit, iaitu pondok-pondok polis sementara yang dibina di kawasan-kawasan *hotspot* terutama di bandar-bandar seperti Ipoh, langsung tidak ada anggota polis yang bertugas di situ. Soalan saya, kenapa ia terjadi begitu, bila kita bina pondok-pondok bit ini, ia langsung tidak digunakan? Ia kosong

sahaja. Apakah masalahnya? Adakah kerana kekurangan *manpower*, dengan izin atau masalah-masalah yang lain?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apabila pihak suruhanjaya untuk kebaikan polis yang dahulu dilaksanakan pada tahun 2004 dan 2005, cadangan-cadangan tertentu untuk memperbesarkan dan membanyakkan jumlah anggota polis itu telah dirancang 5,000 setahun. Akan tetapi pada masa sekarang ini, kerajaan telah meluluskan kita lebih daripada 5,000, 6,000 lebih setahun. Sebabnya ialah tiap-tiap tahun kita mempunyai 1,500 anggaran polis yang bersara, meletak jawatan, tamat rekrut atau ditamatkan perkhidmatan dan pelbagai lagi sebab-sebab tertentu kenapa mereka keluar daripada Jabatan Polis. Jadi kekurangan ini berlaku yang orang berterusan.

Apabila bandar negara kita membangun di sana sini, banyaklah tempat-tempat itu tidak mempunyai kelengkapan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, ini satu pengertian yang patut dilihat dan diketahui oleh semua pihak, perbezaan balai polis dengan pondok polis. Pondok polis ini Yang Berhormat, dia berkhidmat masa siang hari sahaja dan malam hari itu dia memang kosong. Orang itu, dia boleh *standby*, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu istilah *standby* ini. *Standby*, boleh duduk di rumah dan boleh duduk di tempat kediaman sendiri berdekatan dengan pondok polis itu. Jadi maknanya kalau dilihat daripada segi asasnya, pondok itu kosong, tetapi sebenarnya orang ini ada *standby*.

Yang Berhormat jangan soal, berdialog dengan saya Yang Berhormat sebab ini Parlimen Yang Berhormat, saya tahu peraturan. Yang Berhormat duduk.

■1120

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Bukan, Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya dah jawab. Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Langsung tidak jawab. Soalan saya senang sahaja. Polis-polis bit yang dibina itu kenapa ia langsung kosong, seperti di Ipoh Garden East itu? Dia tahu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur..

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Langsung tak jawab soalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat Ipoh Timur, kena patuhi.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

[Soalan No.12 – Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) tidak hadir]

[Soalan No.13 - Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali (Sipitang) tidak hadir]

[Soalan No.14 - Tuan Lim Guan Eng (Bagan) tidak hadir]

15. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian berhasrat untuk mengawal jumlah lori yang mempunyai lebihan had muatan berbanding dengan had kemampuan jalan raya semasa dan jika tiada, apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila soalan bertulis oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada di dalam Dewan dan juga Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh][Ketawa]*

Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak ya, faham-faham sahajalah... *[Ketawa][Dewan riuh]*

Ya, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila diam ya.... *[Dewan riuh]*

[Soalan No.16 – Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) tidak hadir]

[Soalan No.17 – Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh (Setiu) tidak hadir]

[Soalan No.18 – Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) tidak hadir]

19. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) jumlah terkini kehadiran pelancong Eropah, China, Timur Tengah, Amerika, Jepun, Korea, India, Afrika dan Asia Tenggara yang berkunjung ke Sarawak sepanjang tempoh Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014; dan
- (b) berapakah jumlah pendapatan yang diperoleh hasil kunjungan pelancong tersebut dan adakah sasaran Tahun Melawat Malaysia 2014 dapat dicapai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri juga tiada dalam Dewan... *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hari ini dalam sejarah!

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ponteng! Ponteng!... *[Dewan riuh]*

[Soalan No.20 – Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Pasir Mas) tidak hadir]

[Soalan No.21 – Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]

[Soalan No.22 – Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) tidak hadir]

23. Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta Perdana Menteri menyatakan, usaha drastik Suruhanjaya Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membersihkan kegiatan rasuah yang berleluasa dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia berikutan 12 pegawai Kastam termasuk seorang daripadanya Pengarah Kastam negeri bergelar Datuk ditahan membabitkan sindiket penyeludupan mencecah ratusan juta ringgit di Pelabuhan Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Perdana Menteri, SPRM, ada Menteri?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tak ada di Dewan... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, juga tiada?

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Mahu ada! Mahu ada itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis. Ada Yang Berhormat Menteri?... *[Dewan riuh]*

Sila Yang Berhormat Menteri, ya yang lain diam ya. Yang Berhormat Menteri Pelancongan ada dalam Dewan tadi, dia berada di luar Dewan di dalam *toilet*, minta maaf... *[Ketawa]* Bukannya Yang Berhormat Menteri pergi minum air tak? Dalam *toilet*. Sila, sila. Sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Rasuah Malaysia sentiasa memberikan penekanan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pencegahan rasuah di dalam negara dan siasatan kepada 12 orang Pegawai Kastam termasuk Pengarah yang bergelar Dato' sedang dalam siasatan. Perkara ini dipandang sangat serius, malahan penahanan ataupun siasatan yang dijalankan ini menunjukkan bahawa telah mendapat kesan kepada usaha kerajaan untuk membanteras rasuah di dalam negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Ya, Yang Berhormat Libaran.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu, sejak SPRM digubal sejak beberapa tahun yang lalu, berapakah pegawai-pegawai anggota SPRM telah ditambah di semua peringkat, termasuk juga di negeri-negeri yang agak memerlukan perkhidmatan SPRM ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri hendak jawab sendiri atau Timbalan Menteri? Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila, sila, ya sila... *[Disampuk][Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh..

Dato' Razali bin Ibrahim: Kalau boleh, saya beri penjelasan, SPRM berada di bawah Yang Berhormat Senator Paul Lau, bukan Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya tidak memiliki jumlah yang tepat mengenai jumlah pegawai. Namun begitu saya boleh nyatakan di Dewan ini bahawa memang setiap tahun penambahan yang kita mohon itu telah pun dipenuhi. Malahan pada tahun ini juga, dalam bajet yang dibentangkan, sejumlah peruntukan telah diberikan bagi kita meningkatkan lagi pegawai di SPRM, termasuk peruntukan yang diberikan kepada pejabat dan bangunan-bangunan di setiap negeri bagi kita meningkatkan prestasi pegawai di Jabatan SPRM. Saya akan bagi Yang

Berhormat dari segi jumlah sebenar secara bertulis. Apa yang saya tahu, lebih daripada 500 orang telah pun kita miliki buat masa ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kalau boleh bertulis memandangkan kegiatan rasuah begitu ketara di negeri Sarawak. Saya hendak tahu, apakah langkah-langkah yang telah pun diambil oleh SPRM terutama sekali di Sarawak bagi mengurangkan kegiatan rasuah terutamanya yang membabitkan Jabatan Kastam. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kita tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dalam kesalahan rasuah ini, dan saya mohon Yang Berhormat Stampin, sebelum saya jawab yang itu untuk memberi kerjasama kerana terlalu banyak kenyataan dibuat di luar tentang perlakuan rasuah yang berlaku di dalam negara. Namun begitu, pernah saya nyatakan di Dewan ini, laporan terhadap perkara tersebut perlu juga dilakukan khususnya di negeri Sarawak.

Kalau Yang Berhormat Stampin merasakan memang banyak perlakuan rasuah yang berlaku, maka kita memohon untuk mengemukakan apa juga laporan kerana jumlah yang melaporkan perlakuan ataupun dakwaan berlakunya rasuah ini sangat rendah berbanding dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat di luar. Ini sangat merunsingkan kita di SPRM kerana perkara tersebut boleh memberi persepsi, walhal kita tidak mempunyai maklumat-maklumat yang jelas tentang perkara-perkara yang dinyatakan. Jadi kita harap Yang Berhormat daripada- atau semua Ahli Yang Berhormat selain daripada membangkitkan di luar, berikan apa juga bahan-bahan ataupun bukti-bukti seperti yang pernah dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching tentang beberapa insiden rasuah.

Akan tetapi apabila kita panggil Yang Berhormat Bandar Kuching untuk memberi keterangan dan mengemukakan maklumat-maklumat tambahan, kadang-kadang diberi, kadang-kadang tidak juga kembali dengan bukti-bukti yang membantu pihak SPRM dalam menjalankan siasatan ke atas apa juga dakwaan yang berkaitan dengan rasuah.

Jadi Yang Berhormat, saya merasakan bahawa insiden ataupun dakwaan mengatakan berlakunya rasuah yang sangat tinggi di negeri Sarawak ini perlu dikemukakan juga dengan bukti-bukti dan kita akan siasat perkara tersebut.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Sila Yang Berhormat Arau.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.30 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa 18 November 2014. Terima kasih.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Khamis yang lalu Ahli Yang Berhormat Pandan berdiri di atas *point of order* meminta sama ada Tuan Yang di-Pertua sudah bersedia untuk membuat petua ataupun *ruling* kepada satu perkara yang telah beliau bangkitkan yang berhubung dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Pontian dalam perbahasan. Pada hari itu saya mengatakan bahawa saya belum bersedia untuk membuat *ruling* memandangkan saya meminta dokumen-dokumen yang *relevant* ke atas tuduhan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Pandan itu.

Saya bertanya kepada Yang Berhormat Pandan, di manakah kenyataan Yang Berhormat Pontian yang dianggap melanggar Peraturan Mesyuarat 36(12). Jadi semua telah mendengar. Malangnya apabila saya pada hari ini sudah bersedia untuk membuat *ruling*, Yang Berhormat Pandan tidak hadir dalam mesyuarat. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Saya belum habis lagi buat kenyataan. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Pandan kurang sihat, tetapi dokumen-dokumen yang saya tunggu dari *Thursday* sampai sekarang belum sampai ke meja saya. Jadi daripada Kementerian Kewangan telah saya terima dokumen-dokumen tersebut. Inilah sebagai contoh Ahli-ahli Yang Berhormat apabila Yang Berhormat Menteri tidak hadir, jangan tanya soalan kenapa tidak hadir. Oleh kerana ada kadang-kadang, ada kalanya bahawa sebelah sana pun ada yang tidak hadir.

Akan tetapi yakinlah bahawa Speaker tetap hadir dan timbalan-timbalan dia. Tidak ada satu persidangan pun yang kami bertiga tidak hadir walaupun hampir setiap hari mendengar

segala hujah yang pernah kita dengar berpuluh kali. Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong. Ini sudah kali keenam tahun saya duduk di sini dan mendengar hujah-hujah yang sama. Tidak ada perubahan. Jadi kalau tidak ada perubahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya buat perubahan, hari ini *Alhamdulillah* sampai ke soalan 24. Lain kali kalau boleh, kita buat sampai soalan ke-30 seperti New Zealand.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Kelima]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Maksud B.24 [Jadual] -

Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2014] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Tolong ingat pada masa yang telah diagihkan.

Secara konvensyen antarabangsa, yang lebih kanan berdiri di hadapan, itu yang terpaksa saya panggil. Saya nampak Yang Berhormat Seputeh berdiri? Bersedia untuk bahas? Sila Yang Berhormat Seputeh.

11.35 pg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Pembangunan Perindustrian, 040100 – Sokongan Perdagangan dan Industri dan 050000 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Tuan Pengerusi, walaupun Kerajaan Persekutuan melalui MIDA menyediakan peruntukan khas bagi menaik taraf dan menyelenggara kawasan-kawasan industri di negeri Selangor, namun

peruntukan diberikan tidak mencukupi dan hanya sebilangan pihak berkuasa tempatan sahaja yang mendapat peruntukan tersebut berdasarkan kawasan-kawasan terpilih.

Kita tahu Selangor ini merupakan satu kawasan yang menarik masuk pelaburan dan perindustrian yang sangat penting bagi Malaysia. Kita lihat syarat-syarat yang ditentukan bagi MIDA untuk memberikan peruntukan kepada kawasan perindustrian adalah untuk membaiki jalan, jambatan, tempat letak kenderaan berpusat, menaik taraf kemudahan guna sama seperti premis perniagaan dan medan selera dibina oleh PBT, membaiki kemudahan lampu jalan dan sebagainya. Juga keutamaan diberi kepada kawasan perindustrian yang daif dan uzur. Kalau kita lihat peruntukan yang disalurkan ke Selangor melalui MIDA sejak tahun 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)
2009	28.0 juta
2010	32.0 juta
2011	6.3 juta
2012	11.6 juta
2013	23.0 juta
2014	7.5 juta

Jadi kalau kita di Selangor, kita mempunyai begitu banyak kawasan perindustrian yang hanya RM7 juta untuk disalurkan kepada PBT untuk menaiktaraf kawasan perindustrian. Ini memang tidak cukup. Amat tidak mencukupi. Jadi saya hendak tanya pada pihak kementerian apakah rasional bagi kementerian hanya memperuntukkan RM7.5 juta bagi MIDA untuk menaik taraf kawasan perindustrian di Selangor memandangkan kita mempunyai 100 lebih kawasan perindustrian di Selangor manakala tahun 2013 ia adalah RM23 juta. Jadi saya rasa kalau pihak kerajaan memandang serius untuk menarik masuk lebih pelaburan dari segi perindustrian, pihak kementerian pihak MIDA haruslah memandang berat pada keperluan dan juga keadaan kawasan perindustrian yang berada di Selangor.

Sehubungan dengan itu saya juga hendak menyentuh tentang jalan Pulau Indah dan ke Pelabuhan Barat ataupun West Port. Jalan masuk utama ke Pulau Indah melalui jalan sedia ada yang menghubungkan Pelabuhan Klang barat dengan Jalan Langat yang mempunyai dua laluan empat lorong. Jalan utama ini bersambung dengan Lebuhraya Shah Alam. Jalan masuk kedua ialah South Klang Valley Expressway (SKVE) melalui Pulau Carey yang telah dibuka pada tahun 2013. Jadi masalah yang dihadapi oleh pelabur di Pulau Indah sekarang ialah, nombor satu kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak dan keadaan semakin teruk sekiranya berlaku kemalangan jalan raya. Secara dasarnya terdapat beberapa syarikat dalam proses untuk membangunkan kilang mereka di Selangor Halal Hub.

Sekiranya syarikat-syarikat ini mula beroperasi kelak, jumlah kenderaan yang menggunakan laluan ke luar masuk ke Pulau Indah akan bertambah dan keadaan kesesakan

akan menjadi isu yang besar. Sebagai contoh sebanyak 120 buah kenderaan sehari akan menggunakan jalan tersebut untuk mengangkut produk syarikat F&N. Ini tidak termasuk kenderaan untuk syarikat-syarikat lain dan juga lori-lori kontena yang berulang-alik antara pelaburan barat dan pelaburan utara. Jadi keadaan jalan yang tiada kemudahan laluan motosikal juga membahayakan keselamatan pembonceng motosikal.

Kita juga nampak tiada papan tanda arah jalan yang sempurna dari Lebuhraya KESAS menuju ke Pulau Indah. Kebanyakan papan tanda arah jalan dibina oleh agensi masing-masing dan tidak seragam. Dari segi penyelenggaraan jalan, terdapat beberapa buah jalan yang berlubang yang tidak diambil tindakan sewajarnya oleh agensi berkaitan, misalnya jalan utama menuju ke PKFZ.

■1140

Jadi di sini saya memang merayu bagi pihak para pelabur di Pulau Indah, mereka sudah buat rayuan banyak kali kepada Kementerian Kerja Raya dan mereka juga buat rayuan kepada pihak kementerian dan selalunya macam bola ditendang daripada kementerian ini ke kementerian ke sana. Jadi saya hendak tahu, apakah perancangan MIDA dan juga kementerian pada aspek yang daripada segi rayuan daripada para pelabur khususnya para pelabur asing yang menubuhkan kilang mereka di Pulau Indah? Apakah juga perancangan bagi pihak kementerian?

Di sini saya juga hendak tanya daripada segi, walaupun ini bukan dalam bidang kuasa kementerian tetapi ini merupakan sungutan daripada pelabur iaitu sebuah syarikat dari Jepun. Sebenarnya apabila pihak SSIC, mereka ada dialog dengan mereka, Jadi mereka menyuarakan ketidakselesaan mereka untuk terus adakan operasi kilang mereka di Selangor ataupun di Malaysia kerana dia kata, dengan izin, *“With the GST to be charged on all domestic and industrial sector, we might be looking at additional of RM200,000 per month for our electricity usage, the other group with almost RM5 millions to RM6 millions per month bill will have to accumulate this cost in our production expenses. It will be very difficult for industry such as our core businesses to keep competitive in the industry if we cannot overcome such an impact.”*

Jadi kita lihat pihak pelabur industri ini, mereka dalam keadaan yang serba salah dan mereka juga rasa mereka ada banyak masalah termasuk juga masalah dari segi infrastruktur tetapi kebanyakan masalah mereka ini tidak diambil serius oleh pihak kementerian. Kita tahu bagi pelabur asing atau pelabur tempatan, cukai mereka bayar adalah kepada Kerajaan Pusat. Jadi bagi pelabur, kalau kita mahu mereka terus berada di Malaysia dan tidak berpindah ke negara-negara jiran, saya hendak menyeru pihak MIDA dan juga kementerian mengambil serius tentang sungutan mereka dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah dengan mereka kerana kita tahu usaha untuk menarik pelaburan masuk ke negara kita ini sudah menjadi semakin sengit.

Jadi saya hendak minta jawapan daripada pihak kementerian tentang kesemua sungutan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kinabatangan.

11.43 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran iaitu Butiran 030000 – Perdagangan Antarabangsa dan juga Butiran 040000 – Pembangunan Perindustrian.

Saya melihat bahawa perlu ada penjelasan daripada kementerian berhubung dengan TPPA iaitu kalau kita melihat, *viral* di media sosial, ramai pengusaha ataupun rakyat biasa yang ingin tahu apakah pendirian yang telah dibuat oleh kementerian sejak sekian lama berhubung dengan perjanjian TPPA di antara negara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Baru-baru ini kita melihat bahawa Indonesia telah menolak TPPA ini dengan berbagai-bagai alasan. Kita ingin tahu, saya ingin bertanya kepada kementerian iaitu sejauh mana pendirian negara kita Malaysia ke arah perjanjian TPPA ini? Ini kerana ia membimbangkan masyarakat, membimbangkan pelabur, membimbangkan mereka yang bergiat dalam industri eksport dan import ini.

Jadi oleh sebab itu, memandangkan perkara ini sudah memakan masa yang panjang, masa yang lama, saya tidak perlu melihat bahawa perlu ada lagi masa yang perlu ditangguh-tangguhkan untuk kita membuat keputusan sebab ia melibatkan kebimbangan. Apabila ada kebimbangan, sudah tentu perlu ada penjelasan. Kalau tidak ada penjelasan, maka kerajaan terpaksa – tidak tahu apa yang perlu diperjelaskan iaitu yang jelas bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan apa pun langkah yang diambil, kita akan memastikan negara kita terjamin dan dilindungi daripada apa juga masalah melalui perjanjian ini.

Oleh sebab itu, saya ingin dapat kepastian, apakah justifikasinya, rasionalnya kalau kita setuju dengan TPPA? Bagaimana mekanismenya? Kalau kita tidak setuju, apa impaknya, apakah yang akan kita hadapi untuk masa depan perniagaan dalam negara ini?

Kedua, kementerian ini diberi tanggungjawab sebagai *halal hub*, pengeluar makanan halal melalui HDC. Apa yang saya lihat di negara ini, kita sebuah negara Malaysia yang popular dengan halal produk, tetapi sebetulnya apa yang kita ada ini cuma jenama tetapi kita tidak boleh mengaut keuntungan daripada jenama yang kita cetuskan.

Contohnya, negara yang mengaut keuntungan daripada halal ini Tuan Pengerusi, iaitu Singapura dan juga saya tengok Jepun akan bermula dengan halal *corporationnya*... [Disampuk] Dan Thailand. Sedangkan, perkara ini ialah cetusan daripada Kerajaan Malaysia. Jadi ke arah mana kita hendak membawa halal hab kita ini? Bagaimanakah halal ini sebetulnya? Kita boleh membekal barang-barang jenama halal, bukan sahaja barang-barang makanan tetapi mungkin termasuk halal *transportation*, halal daripada segi pengendalian dan sebagainya.

Oleh sebab kalau ini dapat diterjemahkan – saya melihat di *Saudi Arabia*, di *Middle East*, kalau jenama halal logo Malaysia kalau di sini harga RM10, di sana mencecah harga sampai tiga kali ganda. Jadi bermakna ada orang-orang tertentu yang mengaut keuntungan daripada apa yang kita cetuskan. Jadi saya mahu kementerian ini mengkaji. Saya tidak nampak di mana halal kita, Tuan Pengerusi.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ya, sila.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ingin menyentuh juga berkaitan halal hab ataupun HDC Halal Development Corp di bawah MITI. Kita melihat bahawa secara sesungguhnya halal *development* dalam negara kita ini melibatkan beberapa kementerian. Antaranya sudah tentulah MITI dan juga MoA sendiri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, begitu juga JAKIM dan sebagainya.

Jadi kita melihat bahawa koordinasi, mungkin penekanan antara hubungan ketiga-tiga kementerian ini tidak mantap. Jadi mungkin kita hanya sekadar ada nama, jenama halal sedangkan logo halal itu sendiri pun kadang-kadang dipertikaikan dari sudut mana dapat logo yang mungkin palsu dan sebagainya.

Jadi mungkin ruang yang seperti Yang Berhormat Kinabatangan katakan tadi diambil kesempatan oleh negara-negara lain yang bukan negara Islam, antaranya mungkin Singapura, Thailand, Jepun malahan, dan sebagainya, yang mengambil kesempatan mengeksport produk-produk yang kononnya halal dari negara mereka ke destinasi negara-negara Islam umpamanya di Timur Tengah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat. Sebetulnya, itulah inti pati yang berlaku. Ini kerana apabila kita menjenamakan halal produk Malaysia, kemudian kita harus lihat Tuan Pengerusi bahawa populasi di negara ini, negara Islam, dua bilion orang beragama Islam dan *demandnya*, tujuh trilion *on food product* sahaja. Akan tetapi kita tidak boleh mengambil kesempatan ini untuk mempertingkatkan produk kita supaya kita menjadi negara Malaysia yang terkenal dengan halalnya, mengeluarkan jenama kita yang ada *outsourcing*, syarikat daripada Amerika, Australia, dari United Kingdom yang datang ke negara kita, mereka proses secara halal dan mereka yang mengaut keuntungan.

Seharusnya kita ada sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menguruskan halal produk ini. Ini kerana kalau tidak, akhirnya kita hanya duduk atas nama tetapi kita tidak boleh mengaut sebarang keuntungan daripada cetusan yang kita ilhamkan.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan mungkin kepada kementerian supaya memberi amanah kepada mana-mana GLC kerajaan yang dilihat boleh menguruskan urusan-urusan seumpama ini supaya kita boleh menambah pendapatan ekonomi rakyat dan negara di Malaysia ini selaras dengan hasrat kita untuk mempertingkatkan halal produk ini melalui *towards 2020* dan ini boleh menjamin keuntungan yang lebih bermakna dan lebih menjurus ke arah mempertingkatkan ekonomi negara kita.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1150

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kelana Jaya.

11.50 pg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin memberi fokus kepada satu butiran sahaja yang penting mengenai kementerian ini. Fokus saya ialah B.24 Butiran 030500 – di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di muka surat 328 mengenai perkara Dasar dan Penyelarasan Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA. Butiran ini ialah mengenai *Free Trade Agreement* dan perbelanjaan yang disediakan adalah sebanyak RM1.35 juta sahaja.

Tuan Pengerusi, kerap kali kita dengar daripada Yang Amat Berhormat Pekan, bahawa TPPA ini baik sekali. Akan tetapi pesanan Tun Dr. Mahathir ialah TPPA ini teruk sekali. Daripada Menteri MITI sendiri, Yang Berhormat Jeli, beliau lebih *cautious* dengan izin, lebih berhati-hati dalam rundingan. Itu saya memang *respect* tetapi Tuan Pengerusi, bos sebenar, bos besar dalam isu TPPA ini bukan Yang Berhormat Jeli walaupun dia Menteri. Bos besar itu bukan Tun Dr. Mahathir. Bos besar TPPA ialah kuasa mutlak Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan. Dalam undang-undang Malaysia, kuasa mutlak ini untuk menandatangani perjanjian perdagangan adalah di tangan Perdana Menteri, bukan dalam Parlimen. Setiap kali Yang Amat Berhormat Pekan berjumpa Obama, balik sahaja ke Malaysia, beliau kuat menyokong TPPA.

Tuan Pengerusi, isu sokong atau tidak menyokong TPPA cuma boleh diselesaikan sekiranya semua Ahli Dewan di sini dan juga rakyat diberi data ekonomi yang terbaik dan juga yang terperinci. Sebelum itu, perbahasan tentang isu baik atau buruknya sistem ataupun falsafah ekonomi globalisasi, isu *sovereignty*, baik kita kaji dan jawab soalan yang paling *basic* terdahulu. Sebelum kita berbahas tentang isu-isu idea-idea Profesor Ha Joon Chang, *mercantilism versus free trade*. Baik kita jawab soalan dasar. Soalan dasarnya ialah ini, “*Sekiranya kita tandatangani TPPA, adakah Malaysia akan menjadi lebih kaya atau selepas tandatangani TPPA kita menjadi lebih miskin?*” *Very basic fundamental question*, Tuan Pengerusi. Dengan ini, dengan izin Tuan Pengerusi, *this is not a rocket science. It is not about economic philosophy*. Tuan Pengerusi, *the fundamental question about are we going to make money or are we going to lost money?*

Selepas Menteri memberi jawapan yang jelas mengenai isu ini, barulah kita boleh terus berbahas tentang isu *free trade*. Sekiranya data ekonomi menunjukkan TPPA ini akan menguntungkan negara, tidak perlu kita *sign*. Jangan tandatangan sahaja. Kalau TPPA menguntungkan, kita boleh bahas isu lain seperti ISDS, *sovereignty*, bumiputera *economic, procurement, intellectual property rights, market access*, banyak topik, 26 *chapters* lagi.

Tuan Pengerusi, semua ini ada kaitan dengan Butiran 030500. Butiran ini menunjukkan kerajaan sebenarnya tidak serius mengenai isu perjanjian perdagangan seperti TPPA kerana FTA ini berbilion-bilion eksportnya. Akan tetapi kementerian *allocates* RM1.3 juta sahaja. Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan dengan *spending* yang lain di bawah kementerian ini seperti Butiran 030300, dana untuk ASEAN, RM7 juta. RM1.3 juta untuk TPPA, dana untuk ASEAN sahaja dan *deal*, RM7 juta. Jadi Pengerusi ASEAN dalam Butiran 100100 dapat RM10 juta. Perbelanjaan FTA RM1.3 juta sahaja.

Tuan Pengerusi, pada masa kini, perdagangan Malaysia dengan 11 negara yang berunding TPPA mencecah RM60 bilion setahun. RM1.3 juta, kalau dibahagikan dengan RM60 bilion, merupakan 0.002%. RM60 bilion punya *trade deal*, you belanja RM1.3 juta sahaja, 0.002%. Ini ialah dana yang terlalu kecil dan lagi teruk ya Tuan Pengerusi, tahun 2014, cuma RM1.1 juta. Ia tidak *increase* sedikit pun. *Increase* RM300,000 setahun.

Oleh itu, saya hendak pesan kepada kerajaan, “*You have to put the money where your mouth is*”. Tidak boleh cakap yang kita ini, “*Wah! Sudah prepare TPPA, kita hendak jaga kebaikan negara...*” tetapi belanja RM1.3 juta. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya memang rasa sekurang-kurangnya Menteri perlu mempertimbangkan bajet yang lebih besar, sekurang-kurangnya RM20 juta setahun untuk rundingan TPPA, dapatkan *cost benefit* yang terbaik, dapatkan pakar-pakar perunding yang terbaik, dapatkan peguam antarabangsa, *international trade lawyer* yang *expert*.

Dapatkan servis daripada Sidley Austin ataupun White & Case. Penambahan dana ini perlu kerana ia mempunyai satu syarat yang penting. Kalau hendak buat, hendak bayar RM20 juta, menambahkan dana, yang penting apa-apa yang kita dapat daripada *report* ini perlu diberitahu kepada Parlimen. *That is basic principle accountability*. Jadi, daripada pihak Pakatan Rakyat dan juga PKR khususnya, kita akan terus melawan isu ini sebab selagi *cost benefit analysis* tidak diterbitkan secara terbuka kepada Parlimen, susah kita hendak beritahu rakyat kita, TPPA ini baik atau tidak.

Apa yang lebih penting Tuan Pengerusi, yang aneh sekali kita tengok dana untuk TPPA kurang tetapi Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan sokong ia kuat sekali. Ini menimbulkan satu persepsi dan persepsi adalah terdapat satu *back door deal* di antara Obama dan Yang Amat Berhormat Pekan iaitu suatu rundingan secara rahsia. Persepsi ini saya buat bukan dengan fikiran jahat ataupun niat jahat tetapi persepsi ini berdasarkan dua fakta. Fakta pertama ialah Menteri Wilayah Persekutuan sendiri, Tengku Adnan pernah kata bahawa Presiden Obama ini memang penyokong kuat Yang Amat Berhormat Pekan. Persepsi ini juga diterbitkan di luar negara seperti di *Washington Post*, tanya soalan kenapa Obama tidak buat apa-apa kritikan langsung terhadap Yang Berhormat Pekan apabila *crackdown* Akta *Sedition* dilakukan.

Fakta kedua ialah berkaitan dengan seorang bernama Frank White Jr. *Report* ini dan data-data semua ini memang ada di internet dan dalam *Facebook* dan juga dalam *website* Frank White Jr. Dia merupakan kawan baik Obama dan juga *National Vice Chair of Obama Election Campaign*. Maknanya Tuan Pengerusi, dia adalah seorang *political fund raiser* untuk Obama. Syarikat kepunyaan Frank White ini ialah syarikat DuSable Capital Management yang mendapat kontrak 1MDB untuk projek penjana kuasa solar 50 megawatt di Kedah melalui *direct negotiation*. Ini semua *report data* daripada *Malaysian Insider*, boleh kita *check* DuSable Capital Management punya *website*, memang semua data ada di situ.

Tuan Pengerusi, sekiranya Obama dan Najib mempunyai satu hubungan yang rapat, itu baik untuk negara tetapi kita di Dewan ini perlu lebih berhati-hati tentang isu TPPA. *Their*

personal friendship is their issue but for us as Members of Parliament, we have to be very careful about TPPA. Oleh itu, saya memang hendak *recommend* kepada kementerian, berhati-hati apabila kita membuat perundingan TPPA. Gunakan dana lebih banyak, sekurang-kurangnya pakai RM20 juta setahun. Jangan sahaja simpan RM1.3 juta. Itu terlalu sedikit. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya berharap Menteri dalam Dewan ini memberikan pertimbangan sewajarnya kepada cadangan saya dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jasin.

11.59 pg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri saya peluang untuk sama-sama berbahas tentang B.24. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun diberikan satu peruntukan yang sama sahaja macam tahun lepas kerana pada tahun 2015, kita hanya mendapat RM1.3 juta. Pada tahun 2014, kita dapat RM1.3 juta juga tetapi pada tahun 2015, mengapakah kita diberikan RM1.477?

■1200

Sepatutnya kementerian ini yang penting bukan sahaja untuk mendapatkan *investment* untuk negara bahkan untuk membangunkan agenda bumiputera. Kita dapat lihat di sini FDI semakin meningkat, kalau tahun 2012 kita dapat RM41.2 bilion, tahun 2013 dia meningkat kepada 52.1% dan tahun 2014 setakat ini kita telah mencapai RM53.1 bilion. Jadi kita berharap usaha yang terbaik ini dapat kita teruskan semoga tahap pelaburan kita akan terus meningkat dan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak bangsa kita.

Seterusnya saya pergi kepada perkara Butiran 030300 – Kerjasama Ekonomi ASEAN. Tadi sebelum itu saya hanya hendak sebut sedikitlah kawasan sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya tidak bercadang untuk kacau dia bercakap tetapi seharusnya apabila kita membincangkan tentang TPPA beliau adalah bersama-sama saya sebagai Ahli Jawatankuasa Kokus Ahli-ahli Parlimen. Beliau sangat memahami tentang tahap perbincangan belum ada persetujuan lagi, kita hanya tahap dalam sekarang *negotiation* yang telah dijalankan selama empat tahun. Kita mungkin dapat maklumat tentang apakah tahap terakhir perjanjian ini sama ada dipersetujui ataupun sebaliknya.

Bahkan sebelum persetujuan dibuat, perkara tersebut akan dibentangkan di Parlimen. Itulah sikap keterbukaan kerajaan kita yang mahu melihat supaya semua peringkat dapat benar-benar memahami dan bersetuju dengan apa juga keputusan sama ada kita menerima atau sebaliknya.

Saya bercakap tentang kerjasama ekonomi ASEAN. Jadi mengikut daripada kajian *Institute of Fields Studies* dan juga ILO ataupun Organisasi Buruh Antarabangsa. Tahap kesedaran ataupun *awareness* dengan izin pengeluar, peniaga, pekerja dan juga pengguna terhadap kewujudan ASEAN *Economic Council* yang akan dibuat pada tahun 2015 adalah terlalu rendah iaitu sebanyak 45% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tahun depan kita akan implementasikan AEC di negara kita. Jadi apakah persiapan negara dan apakah bentuk penerangan kepada semua *stakeholders*, kepada semua rakyat dan kalau kita dapat lihat apabila ia diimplementasikan nanti akan ada *free movement of goods*, dengan izin. Seolah-olah kita akan terjadi nanti macam 'eurozone'. Keduanya, kebanyakan kita tidak faham tentang peranan dan juga faedah dengan izin *single production base* dan juga *single market entity*.

Masyarakat seharusnya diberikan maklumat tentang cabaran terutamanya seluruh ASEAN akan jadi satu *production base* dan bagaimanakah untuk kita melaksanakan *single market*. Selepas itu insentif yang kita sediakan mungkin hanya dinikmati kepada mereka yang memahami sahaja dan betul-betul bersedia.

Seterusnya, kebimbangan kita terhadap ketidakseimbangan di antara penawaran dan juga permintaan buruh dan kesan ke atas sektor informal ekoran daripada lonjakan intra migrasi ASEAN. Pada masa ini kita dapat lihat 1.9 juta pada tahun 1990 kepada 6.5 juta pada tahun 2014. Kita akan melihat dengan izin *free movement* di kalangan ASEAN. Ini yang terjadi di Cameron Highland baru-baru ini.

Seterusnya saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh dapat memberikan penerangan tentang persiapan negara kita serta status pelaksanaan AEC *blueprint* kerana kita mahu apakah sebenarnya kandungan AEC ini.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 07000 – MATRADE. Saya juga memohon kepada pihak menteri untuk memberikan penerangan apakah sebab-sebabnya 'pemadanan' perniagaan kita menjunam dari kira-kira 20,000 pada tahun 2013 kepada hanya 15,000 pada tahun ini dan masih rendah pada tahun depan iaitu sebanyak 15,800. Adakah 'permodalan' ini banyak daripada kalangan usahawan-usahawan kita tidak berminat untuk menyertai atau kerana peruntukan kita adalah terhad.

Seterusnya dalam pada itu, bilangan perjumpaan dengan syarikat-syarikat dan individu-individu meningkat dari tahun 2013 kita dapat tengok hanya 120 tetapi meningkat kepada 150 pada tahun 2014 dan juga tahun 2015. Bilangan pertanyaan perdagangan melonjak lebih 400% daripada 370 pada tahun 2013 kepada 2,000 pada tahun 2014 dan 2015. Tetapi ini jelas menunjukkan tidak ada *consistency* dan juga *coloration* nya di antara satu angka dengan satu angka yang lain.

Daripada 1,913 syarikat yang menyertai promosi pada tahun 2013, saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri. Berapa banyakkah daripada kalangan kecil dan kalangan sederhana dan berapa banyak pula syarikat bumi dan bukan bumi. Seterusnya daripada jumlah 3,403 syarikat yang menerima bantuan pada tahun 2013 saya mohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri berikan pecahan daripada segi bilangan dan juga nilai mengikut kaum.

Terakhirnya untuk MATRADE saya ingin memohon kepada pihak menteri memberikan penerangan apakah usaha-usaha MATRADE untuk menambahkan penyertaan syarikat kecil dan juga sederhana serta syarikat Bumiputera. Usaha-usaha konkrit ini harus kita pergiatkan dan

bukan sekadar kita melepaskan batok di tangga. Ini kerana inilah rungutan yang kita terima daripada kalangan usahawan-usahawan bumiputera.

Saya pergi kepada Butiran 08000 – SME Corp. Pertamanya daripada 148 anak syarikat yang telah kita padankan pada tahun 2013 berapa banyakkah syarikat-syarikat bumiputera yang telah berjaya menyertainya.

Daripada 3,570 syarikat yang telah menyertai SCORE kalau boleh Yang Berhormat Menteri berikan pecahan tentang SME-SME ini mengikut kaum kerana ini penting bagi kita meningkatkan GDP kita melalui SME-SME ini.

Seterusnya, saya mohon pihak menteri berikan bilangan dan nilai insentif yang telah kita berikan kelulusan kepada SME bumiputera dan juga SME bukan bumiputera. Usaha-usaha SME Corp. untuk meningkatkan sumbangan SME kepada GDP adalah sangat penting kerana pekerjaan dan juga eksport masih jauh berbanding dengan SME-SME negara-negara maju.

Usaha kita untuk membantu SME bumiputera juga kurang berhasil. Apakah usaha-usaha konkrit yang bakal kita laksanakan bagi mempertingkatkan lagi penyertaan mereka. Saya mohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh dapat memberikan penerangan tentang pelaksanaan agenda nasional yang melibatkan pemerksasaan bumiputera kerana kita dapat melihat inilah satu-satu kementerian yang sepatutnya memainkan peranan yang amat penting dalam kita melonjakkan hasrat dan sasaran kita.

Seterusnya kita pergi kepada Butiran 03000 – FDI. Daripada persepsi-persepsi rasuah di kalangan sektor awam negara kita telah bertambah baik pada tahun 2013 kita di tempat tangga ke-53 berbanding tahun 2012 kita di tangga 54. Jadi soalan saya setakat manakah kejayaan kita untuk turut menyumbang kepada kenaikan FDI ini kerana daripada kenaikan satu tangga ini kita akan dapat meningkatkan sebanyak RM7 bilion pelaburan pada masa yang sama.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

■1210

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya meneliti hujah Yang Berhormat Jasin dan saya tahu setiap kali bila sentuh tentang ekonomi, beliau memang berminat berbahas. Saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat Jasin, adakah kenyataan seperti ini logik atau tidak? Oleh sebab baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Bagan selaku Ketua Menteri Pulau Pinang, bila ditanya tentang mengapakah pelaburan di Pulau Pinang semakin merosot? Jadi beliau kata, *“We don’t talk about figure, it is level of confidence”*. Kita tak sentuh tentang angka-angka. Kita cakap fasal tahap keyakinan. Adakah kenyataan seperti ini logik atau tidak? Minta pandangan terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Seharusnya Yang Berhormat Bagan bukan sahaja mendabik dada, apa juga kenaikan-kenaikan pelaburan yang berlaku di Pulau Pinang sebenarnya ini adalah satu daripada kesinambungan daripada apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional setakat ini. Ini kerana bukan sahaja kerajaan telah menyediakan

infrastruktur, apa yang disebut oleh Yang Berhormat telah cukup bertepatan sekali. Apa yang kita hendakkan *level of confidence*. Itu yang penting.

Ini kerana pada ketika ini kalau kita lihat pelaburan kita terus meningkat. Ini menunjukkan keyakinan negara-negara luar untuk terus datang melabur ke negara kita. Kalau kita lihat ada berita di sini. Malaysia kekal pilihan firma Amerika Syarikat. Jadi, sentimen positif Malaysia terhadap Amerika Syarikat adalah kerana kualiti infrastruktur kita dan kos pajakan pejabat dan juga buruh yang mahir.

Bagaimanapun kita mahu mempertingkatkan lagi keyakinan mereka. Ini kerana dari sini kita dapat lihat – daripada penyelidikan yang dibuat oleh Dewan Perniagaan, ia ada menunjukkan sedikit kemerosotan. Jadi seharusnya lah kerajaan dapat mengambil tindakan yang lebih efisien lagi. Apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Yang Berhormat Seputeh tadi, saya sokonglah. Ini kerana kawasan-kawasan perindustrian seharusnya lah kita pertingkatkan kerana inilah sebenarnya *level of confidence* pelabur sedia ada yang boleh memberikan berita yang baik kepada pelabur-pelabur akan datang.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya dapat lihat di sini **CGC**, saya ingin mengucapkan...

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagi masa Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Baik Tuan Pengerusi. Saya akur tentang arahan. Hanya saya minta yang akhir sekali. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Walaupun dalam kesibukan menghadiri Mesyuarat APEC di China, tetapi beliau masih lagi berkesempatan untuk dapat berbincang dengan presiden dan akhirnya beliau telah mengumumkan bahawa Kerajaan China telah pun membuat persetujuan untuk menubuhkan satu bank penjelasan – Renminbi atau pun Renminbi Clearing Bank di Kuala Lumpur.

Ini satu berita baik untuk ekonomi negara dan memberikan lagi satu *level of confidence* kepada pelabur-pelabur asing kita dan juga peniaga-peniaga serta usahawan tempatan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Siput duduk dahulu Yang Berhormat Sungai Siput. Duduk sekejap sebelum saya panggil. Duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat, untuk menyenangkan perbincangan seperti begini, awal-awal lagi kita minta kepada Whip setiap parti untuk mengemukakan nama. Akan tetapi, kadang-kadang malangnya nama yang dihantar di meja kita Ahli Yang Berhormat yang ditulis nama tidak saya nampak berdiri. Itu sebab saya mengambil masa untuk perhatikan. Sila Yang Berhormat Sungai Siput. Selepas itu Yang Berhormat Putatan.

12.14 tgh.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak fokus hanya satu isu dalam ini iaitu Butiran 030000 – Perdagangan Antarabangsa. Sekarang kita sudah sampai ke penghujung perundingan kita berkenaan dengan perjanjian TPPA. Sudah tiga, empat tahun. Dalam tahun ini ataupun tahun depan kita kena buat keputusan. Saya lihat daripada apa saya boleh tengok dalam *paper* semua, Amerika Syarikat masih sangat keras, sangat angkuh, degil.

Satu kita boleh tengok ialah dalam *tobacco control*. Dalam rokok. Malaysia telah minta *tobacco*, tembakau dan rokok dikeluarkan daripada syarat-syarat perdagangan dalam TPPA. Itu diterima baik oleh banyak NGO dan juga banyak negeri lain. Akan tetapi, Amerika masih bantah. Ia tak bagi. Itu pun tak boleh kawal, dia kata. Bukan bantai, bantah. Bantah.

Bukan itu sahaja tetapi jika isu itu, macam mana pendirian dia berkenaan dengan ubat? Amerika sekarang minta untuk tempoh paten dipanjangkan, 20 tahun dia nak *light* kan. Lepas habis paten pun dia nak sekat kebolehan kita untuk bawa masuk ubat generik. Di bawah isu ini '*exclusively code clause*'. Manakan katakan kita *market* ubat generik, tetapi dia punya nota berkenaan dengan *dosage* semua bergantung pada *research* yang dibuat oleh syarikat asal itu. Dia katakan ini salah. *You* kena bayar saya royalti. *So*, dia akan lambatkan pembawaan.

So, isu-isu macam ini tembakau pun dia tak mahu keluarkan daripada perdagangan. Macam mana pula dengan ubat-ubat? Macam mana pula dengan ISDS di mana itu dengan izin *Investor State Dispute Settlement*. *You know* di mana Amerika mahu hak untuk syarikat-syarikat gergasi antarabangsa untuk hadapkan *government* kita ke Tribunal Antarabangsa.

So, saya rasa jika mereka ambil pendirian yang begitu keras, yang begitu angkuh, kita mesti buat satu keputusan yang berani lah. *We got to bite the bullet* dengan izin, *you know*. Jika dia tak longgarkan syarat-syarat berkaitan dengan IPR ataupun hak cipta intelek, jika dia tidak kurangkan kuasa syarikat-syarikat gergasi dalam ISDS untuk *sue* kita, jika dia mahu minta *government procurement* dibuka terus kepada mereka semua – *so*, saya rasa jika semua ini kita harus tolak. *We should be ready to push it off*. Katakan kita tidak mahu macam ini.

Saya akan cakap pada kementerian ya, jangan takut sangat. Kepada Kabinet, kepada Perdana Menteri. Jangan takut sangat. Kita beritahu kepada rakyat kita inilah sebabnya kita kena tolak. Ini kerana dia minta terlalu banyak. Kita buat penerangan kepada rakyat kita dan pada masa yang sama ada banyak negara di rantau ini, di Asia yang tak ikut TPPA. China tidak ikut, tidak dijemput. Indonesia telah tolak. Filipina telah tolak, Thailand telah tolak. India tak ada. *So*, ini semua GTP mereka semua besar daripada Amerika. Dua kali lebih besar daripada Amerika.

So, saya rasa kita mesti ambil satu keputusan yang berani, yang tegas, yang berprinsip mengatakan *we don't need you*. Jika *you* tidak boleh *agree* dengan syarat-syarat kita yang begitu munasabah, kita mesti tolak. Saya ingat baru-baru ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Sungai Siput? Kita sama-sama dalam jawatankuasa. Boleh sedikit?

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey. *Short* ya, tiada masa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Siput ini adalah salah seorang dalam jawatankuasa yang memantau kepada *interest of the stakeholder* di Parlimen ya. Jadi kita sudah bincang ini sudah berapa tahun. Yang hujah Yang Berhormat itu diulang-ulang. Jadi Yang Berhormat Menteri pun telah menjawab. Kita pun sudah berbincang secara mendalam soal kita punya *stand* ini. Kita punya pendirian, Malaysia punya pendirian.

Kita bukanlah negara yang senang *di bulldoze* ya Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat ini kita haruslah mendapat satu pendirian di mana negara kita ini bukanlah negara yang senang *di influence*. Ya.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, saya ingat baru-baru ini ya di *conference* di APEC di Beijing, negara China telah kemukakan satu cadangan *Free Trade Agreement of Asia* (FTAA). *Agreement* ini ada perbezaan yang banyak dengan TPPA. Ini kerana ia lebih tumpukan hanya pada perdagangan. Ia tak masuk campur dengan pelaburan, dengan had korporat untuk *sue* kerajaan dengan *intellectual property rights* yang akan menyekat pengetahuan *you know*. So, saya ini mungkin satu FTAA ini satu yang lebih sesuai pada negara kita yang sedang membangun. Ia tak sekat kita sebegitu banyak.

■1220

So, saya rasa mungkin kita kena kaji apakah opsiyen kita untuk menyertai AFTA dan bukannya TPPA. Saya juga hendak minta kepada kerajaan supaya jangan menerima tafsiran Michael Froman. Dia selalu mengatakan dengan izin '*High grade 21st century product*'. Saya kata apabila kita menyekat kepada perubatan untuk rakyat miskin, apakah *high grade* daripada itu, apakah bermutu tinggi itu? *21st century*, apakah itu? Apabila syarikat-syarikat boleh pergi kepada *international tribunal* untuk *sue* kerajaan kita dengan menyatakan kerana kita membuat *plain packing* atas rokok mereka – dikatakan ini akan mengurangkan penjualan rokok, *what is high grade about that?*

TPPA ini Tuan Pengerusi, ialah satu senarai idaman korporat. Ini adalah satu izin untuk mereka melakukan rogol ekonomi, *it is economy rape of country* dan saya rasa kita kena tolak. Kita mesti berani kerana kita mempunyai pilihan lain. Jika mereka angkuh ataupun keras, kita *bite the bullet*, kita kena tolak dan juga saya ingat, *please* jangan panggil ini *high grade*. Jika ia bermutu tinggi tetapi ubat disekat apakah yang bermutu tinggi? Disekat pengetahuan dengan IPR, manakah yang bermutu tinggi? *It is not* bermutu tinggi, *it is corporate greed*, ketamakan korporat, *let's call it by the right name*. Dia cakap, Michael Froman, *their spoke* untuk korporat *class*, dia cakap *high grade*, dia cakap *21st century* tetapi kenapa kita hendak ikut dia? *What is high grade about this?* ISDS *even ...totally you cannot, you* tidak boleh keluarkan, apakah *high grade* itu? *it is not high grade*, ini ketamakan korporat, ini kebenaran untuk merogol ekonomi Malaysia dan negara lain di mana kita harus menolaknya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Putatan.

12.22 tgh.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu P.24, Butiran 005321 – Taman Teknologi Sabah. Ini kerana butiran-butiran yang lain TPPA, SME itu telah pun dibawa oleh sahabat-sahabat yang lain, maka saya hanya menumpukan kepada satu perkara sahaja.

Butiran ini Tuan Pengerusi, ialah butiran daripada anggaran bajet penggal yang lalu. Saya juga berbahas perkara ini tetapi tiba-tiba saya lihat dalam perbelanjaan ini masih ada lagi butiran yang sama dan saya ingin bertanyakan kepada kementerian. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga yang sama telah menjawab iaitu soal apakah yang terjadi dengan cadangan Taman Teknologi Sabah ini. Saya rasa Sarawak juga ada sebuah. Saya fikir Yang Berhormat Menteri pun tahu tentang perkara ini.

Jadi pertanyaan saya di manakah? Soalan yang sama yang belum dijawab. Di manakah letaknya? Belum ada perancangan. Belum ada taklimat langsung soal ini dan apakah *progress* nya. Kalau tidak, saya boleh membantu di manakah ia boleh diletakkan. Boleh diletakkan di Putatan, kalau belum ada tempat. Jadi ini sahaja Tuan Pengerusi, kerana ini sudah dua kali ditimbulkan dalam bajet dan saya tidak melihat apakah program-programnya, kita mahu tahu kenapa ia diletakkan di bawah MITI dan bukannya dalam kementerian yang seharusnya seperti bidang sains dan teknologi ataupun dalam bidang Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar misalnya ataupun dalam bidang MOSTI, kenapa diletakkan dalam kementerian industri. Jadi minta penjelasan dan saya rasa penduduk-penduduk di Sabah juga sudah mendengarnya dan telah pun diumumkan oleh mantan menteri MOSTI dahulu iaitu Yang Berhormat Kota Marudu tetapi persoalannya apakah kesudahannya? Di manakah tempatnya? Adakah ia di Tambunan ataupun di Tenom? Dahulu cadangannya di Tenom tetapi tiba-tiba dicadangkan pula di Tambunan dan tidak tahu kalau lain kali mungkin dicadangkan di mana tetapi harap-haraplah di Putatan, boleh Yang Berhormat Menteri? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Rakyat mahu tahu.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

12.25 tgh

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang. Saya tidak akan berbahas panjang sekadar di bawah Maksud Pembekalan 24, Butiran 030500. Isu TPPA ini bukanlah isu yang baru, saya hari ini terbaca Yang Berhormat Menteri sudah memberikan jaminan bahawa dua laporan yang sedang dipinta oleh pihak anggota Dewan Rakyat. Pertama, laporan kos *benefit*, dengan izin oleh TERAJU dan keduanya oleh ISIS. Laporan yang akan melihat kepada impak setelahnya kita menandatangani *perjanjian Trans-Pacific Partnership Agreement*. Hanya saya sedikit terkesan kerana dalam jawapan Parlimen Tuan Pengerusi, apabila dipinta Ahli Parlimen Klang kedua-dua buah laporan tersebut yang telah dijanjikan kepada kami, anggota Kokus TPPA lebih setahun lalu, jawapan yang diberikan adalah tidak boleh ditunjukkan ataupun dipaparkan kepada umum kerana ia merupakan laporan interim. Jadi untuk menunjukkan iltizam politik pihak kementerian, saya fikir sama ada interim ataupun

mahu menunggu sehingga selesai di peringkat interim ini harus diberikan laporan-laporan tersebut. Ini kerana kita berbicara tentang isu yang akan memberikan kesan terhadap Malaysia daripada segi bidang perubatan, kos barangan perubatan yang akan naik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi, tidak termasuk kos yang ditanggung di bawah cukai GST, 6% kerana bukan semua barang ubat-ubatan akan dikecualikan oleh GST, itu satu.

Akan tetapi juga impak kepada IKS dan kepentingan nasional negara menerusi *investor-state dispute settlement mechanisms* dan semua mekanisme baru di bawah TPPA. Jadi persoalan saya ringkas, saya mahu Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan, laporan peringkat pertama yang disediakan oleh ISIS dan TERAJU diberikan kepada kami satu, kerana Tuan Pengerusi juga harus faham kami dijanjikan sebelum termeterai TPPA, semua anggota Dewan Rakyat akan diberikan akses kepada kesemua bab kandungan dalam TPPA, itu janji Yang Berhormat Menteri terhadap kami – pertemuan. Jadi pada saya, *you have to make good the first promise* dengan izin sebelum kita pergi kepada kandungan perjanjian tersebut. Sekitar mungkin 800 muka surat Tuan Pengerusi dan sekarang sedikit demi sedikit daripada pertemuan yang kita adakan dengan Yang Berhormat Menteri walaupun kita mengucapkan terima kasih tetapi pada saya tidak memadai kerana syarat pertama, satu laporan daripada TERAJU dan ISIS dan syarat kedua ialah pelaksanaan. Disebut Tuan Pengerusi, *cleared advisers*. Pakar-pakar perunding yang akan diberikan laluan oleh kerajaan dan kementerian bagi menasihati mereka iaitu rejim dan cara yang sama diguna pakai di Amerika Syarikat.

Di Amerika Syarikat, mereka ada sekitar 800 *cleared advisers* yang menasihati kerajaan tentang cara-cara untuk merunding supaya kepentingan Amerika Syarikat itu melebihi kepentingan negara-negara lain, kita tidak ada sistem tersebut dan pihak Yang Berhormat Menteri sendiri memberikan jaminan kepada saya bahawa Kabinet sepatutnya meluluskan cadangan bagi Malaysia melaksanakan satu sistem *cleared advisers* bagi membantu kedudukan kita khusus berkait dengan senarai garisan-garisan merah atau *red lines* merupakan kepentingan negara, itu kedua.

Ketiga, saya juga mahu pihak anggota-anggota Caucus TPPA diberikan penjelasan secara berkala. Setakat ini kebanyakan daripada permohonan kami tidak dipenuhi dan ketakutan, kegusaran saya Tuan Pengerusi adalah selesai sahaja Parlimen bagi sidang kali ini, apabila kita bergerak pada bulan Disember kemungkinan besar pihak Kabinet akan bersetuju dengan draf akhir TPPA.

■1230

Ini isu yang amat serius kerana kita juga tahu ada kebarangkalian banyak lagi *avenue* terluang harus kita terokai sama ada perjanjian perdagangan dengan *region* yang melibatkan negara China dan negara-negara serantau dengan kita berbanding dengan perjanjian di bawah TPPA. Laporan *working paper*, kertas di bawah United Nation salah seorang *economist* menyatakan bila kita tandatangani sahaja TPPA, Malaysia akan hilang hampir RM5 bilion setahun. Walaupun MITI cuba menjawab, pada saya apakah statistik data bagi pihak MITI semula untuk melawan ataupun membuktikan bahawa laporan dikeluarkan oleh *economist* yang

bekerja di United Nation, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu ini tidak tepat. Ini penting kerana saya tidak mahu bila masa kita bercakap tentang kenapa kita tandatangani sebarang perjanjian perdagangan untuk dapatkan keuntungan daripada segi pengeksporan barangan kita.

Kalau isu eksport pun kita sudah kalah, sudah hilang RM5 bilion setahun, jadi apakah rasionalnya hendak mengambil kira kepentingan bersama dalam gabungan TPPA ini. Saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

12.31 tgh.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Pengerusi saya ingin menjuruskan dua perkara iaitu kepada tajuk 02200 dan 00201. Terutama mengenai Sekretariat PEMUDAH ini. Sekretariat PEMUDAH ataupun nama singkatan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan kita wujudkan tujuh tahun yang lepas bagi memudahkan urusan perniagaan di antara sektor awam dan sektor swasta. Sehingga kini PEMUDAH telah berjaya menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM900 juta di atas sebab pematuhan bagi pemodenan lesen perniagaan dalam mengurangkan kerenah birokrasi dan memudahkan komuniti perniagaan menjalankan aktiviti mereka dengan lebih cekap.

Selain itu, PEMUDAH juga telah berjaya mentransformasikan 717 jenis lesen perniagaan kepada 448 lesen perniagaan dan memansuhkan sembilan jenis lesen bagi memudahkan urusan perniagaan antara pihak swasta dan pihak kerajaan. Soalan saya ialah peruntukan bagi Sekretariat PEMUDAH bagi maksud tahun 2015 adalah bernilai sifar ataupun kosong berbanding dengan tahun sebelum ini iaitu sebanyak RM1.533 juta. Perbezaan nilai ini mewujudkan tanda tanya sama ada sekretariat ini telah dimansuhkan fungsinya atau pun sememangnya sekretariat ini tidak memerlukan dana untuk menyelenggarakan urusan mereka pada tahun 2015.

Bagi laporan Bank Dunia juga menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke-18 dalam senarai negara yang mudah menjalankan perniagaan. Peningkatan dua anak tangga dari tahun sebelumnya menunjukkan perkembangan positif kerjasama antara PEMUDAH dalam menyatukan sektor awam dan swasta. Jadi saya mohon pencerahan mengapa tidak ada langsung peruntukan yang diberi kepada sekretariat ini berbanding tahun lepas. Jika sekretariat ini sememang tidak lagi mampu bergerak, maka kita mohon penjelasan daripada pihak atasan kementerian tentang peruntukan yang diberikan pada tahun yang sebelum ini, apakah tujuan perbelanjaannya

Kedua ialah 00201- Program Pembangunan Industri Automotif. Peruntukkan Program Pembangunan Industri Automotif 2015 menunjukkan nilai peruntukan sebanyak RM6 juta berbanding sifar tahun sebelum ini. Persoalan yang wujud adalah apakah jenis program yang bakal dilaksanakan dalam program pembangunan ini. Jika ditelusuri Pembangunan Industri Automotif selama ini telah lama dimulakan di bawah pemerhatian Dasar Automotif Nasional atau pun *New Automotive Policy*. NAP berfungsi dalam membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif tempatan ke jaringan yang lebih besar, serantau dan global.

Mengikut NAP, Malaysia disasarkan untuk menjadi pusat atau *hub* automotif serantau bagi kenderaan EEV dengan izin *Energy Efficient Vehicles*, menjelang tahun 2015. Jadi saya mohon kementerian memaklumkan status terkini pencapaian industri automotif EEV negara kerana kita maklum target 2015 ini tidak sampai beberapa bulan lagi akan sampai. Saya juga mohon kementerian maklum akan jenis program pembangunan automotif yang bakal dilaksanakan seperti yang tercatat dalam Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automotif.

Akhir sekali saya juga memohon supaya kementerian memaklumkan status industri automotif Malaysia di peringkat ASEAN. Jika pada tahun lepas kita melihat Malaysia berada di kedudukan ketiga dari segi pengeluaran dan jualan selepas Indonesia dan Thailand. Bagaimana kedudukan Malaysia pada tahun ini dan potensinya untuk menyaingi kedua-dua negara tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kampar

12.34 tgh.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya diberikan peluang untuk turut serta dalam perbahasan kali ini di peringkat jawatankuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan maksud Bekalan 24, Butiran 040000 – Pembangunan Perindustrian dengan bajet sebanyak RM33 juta.

Pertama sekali saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri dan Dewan dengan isu yang amat penting dan serius tentang keracunan kronik negara daripada diesel kotor sehingga tahun 2020. Selepas saya membangkitkan isu kelewatan dalam pelaksanaan Diesel Euro 4 dan kehilangan nyawa daripada asap toksik diesel Euro 2 dengan kandungan sulfurnya yang tinggi 500 p.p.m. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed berkata dalam *Hansard* 5 November, "*Kerajaan telah memutuskan jadual baru untuk memperkenalkan Euro 4 RON97 pada September 2015. Euro 4 RON95 pada bulan Oktober 2018 dan Euro 5 diesel pada tahun 2020*".

Yang Berhormat Menteri dalam mengakui hakikat bahawa kita ke belakang dalam pelaksanaan diesel Euro 4 yang kandungan sulfurnya 50 p.p.m. Negara-negara jiran kita telah menerima pakai amalan terbaik untuk mengurangkan pelepasan asap toksik bersama-sama dengan banyak negara di dunia yang sudah melaksanakan bahan api Euro 4 dan Euro 5. Akan tetapi kita masih belum lagi. Masalah ini dikaitkan dengan pelaburan yang besar yang diperlukan oleh syarikat-syarikat minyak untuk menggantikan Euro 2 dengan Euro 4. Saya amat lega apabila Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa kita terkebelakang dalam melaksanakan amalan terbaik ini.

Walau bagaimanapun saya terkejut besar dengan kelewatan pelaksanaannya yang telah diumumkan. Pada tahun 2011, telah diumumkan bahawa Malaysia akan melaksanakan diesel Euro 4 menjelang tahun 2012. Kemudian, pelaksanaannya ditangguhkan hingga ke tahun 2014 dan kemudian ke tahun 2015. Terkini pelaksanaan Euro 4 ditinggalkan sahaja dan sebagai

gantinya diesel Euro 5 dijadualkan pada tahun 2020. Kerajaan bersedia dengan pelbagai alasan untuk syarikat-syarikat minyak berkenaan. Sejak bila Menteri menjadi juru cakap bagi pihak syarikat-syarikat minyak? Apakah kerajaan mengabaikan kesihatan rakyat dalam merangka dasar-dasar.

Tuan Pengerusi, syarikat minyak BHP telah mengumumkan pada Jun 2014 bahawa mereka akan memperkenalkan diesel Euro 5 di stesen-stesen mereka di Johor Bahru di bulan Julai. Selepas sedikit kelewatan yang telah dilancarkan secara rasmi pada 12 November 2014 minggu lalu oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan iaitu Dato' Sri Hasan bin Malek. Ia kini boleh didapati di stesen BHP di Johor Bahru. Harga hanya RM2.30 seliter iaitu sama dengan harga petrol RON95.

■1240

Pada 1 April 2010, negara India melancarkan petrol dan diesel Euro di bandar-bandar besarnya dan bahan api Euro 3 bagi semua kawasan lain di negara itu. Pada 24 September 2010, negara India seterusnya mengumumkan bahawa ia telah benar-benar beralih kepada petrol dan diesel yang lebih bersih iaitu Euro 3 dan Euro 4 dalam jangka masa enam bulan, lebih awal daripada dijadualkan. Harga diesel Euro 4 telah meningkat hanya sebanyak Rs. 0.26 iaitu 1 sen seliter. Kos untuk peningkatan ke euro 5 bahan api akan ditampung oleh *levy* Rs. 0.75 iaitu 4 sen seliter. Kos menaiktarafkan kilang penapis untuk menghasilkan bahan api Euro 5 adalah berjumlah RM42 bilion tetapi jumlah kos untuk membawa masuk diesel Euro 5 di India ialah hanya 5 sen seliter.

Tuan Pengerusi, di Malaysia separuh daripada dieselnya diimport enam kali, bakinya ditapis dalam negara kita. Kita tahu kos menaiktarafkan kilang-kilang penapis minyak melibatkan berbilion ringgit. Walau bagaimanapun, diesel Euro 5 yang diimport sepenuhnya oleh BHP hanya melibatkan kos tambahan 10 sen bagi setiap liter. Negara India berjaya melaksanakan bahan api Euro 5 standard dengan penambahan kos sebanyak 5 sen seliter sahaja dengan menaiktarafkan kilang penapisan mereka sendiri. Mengapakah Malaysia tidak boleh melakukannya sebelum tahun 2020? Kerajaan telah menaikkan harga diesel sebanyak 40 sen sejak tahun 2013 tanpa teragak-agak. Sekarang timbul pula alasan syarikat-syarikat minyak tidak mampu untuk menaiktarafkan kilang penapisan mereka.

Tuan Pengerusi, di negara China bahan api setaraf Euro 5 sudah diwajibkan di Beijing. Manakala Euro 4 mandatori di seluruh negara pada tahun 2014. Ini adalah kerana mereka mendapati penggunaan bahan api berkualiti rendah dengan kandungan sulfur yang tinggi menjadi penyumbang utama kepada pencemaran udara. Ia juga tidak baik untuk enjin kereta dan kesihatan rakyat jelata. Pada bulan Disember 2012, di Filipina pula Syarikat Uni *Oil* telah memperkenalkan diesel Euro 4 menggantikan diesel Euro 2 sebelumnya dengan menyerapkan kos terlibat demi mengekalkan harga yang sama.

Tuan Pengerusi, seluruh dunia telah bergerak ke hadapan sementara kita menanggung dan terus menanggung lagi untuk menyimpan wang untuk mengisi akaun besar konglomerat minyak. Jadi daripada memberi alasan sahaja, saya menggesa Yang

Berhormat Menteri dan kerajaan untuk mula melaksanakan tahap diesel bersih pada tahun hadapan seperti yang dijadualkan dengan hanya mengimport diesel Euro 4 atau Euro 5.

Kedua, Yang Berhormat Menteri perlu memastikan pelepasan asap yang rendah dan penggunaan diesel Euro 5 mandatori di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang kerap berkabus dengan asap dan jerebu. Ketiga, bas dan kenderaan pengangkutan awam yang diimport mestilah mematuhi tahap pelepasan asap yang rendah.

Terakhir Tuan Pengerusi, dengan diesel yang bersih bas, teksi dan orang ramai sudah boleh mula beralih kepada kenderaan diesel generasi baru tanpa keraguan. Syarikat-syarikat minyak tidak boleh lagi berlindung di belakang dengan bermacam-macam alasan kerana Filipina telah melakukan peralihan tanpa sebarang kos tambahan kepada pengguna. Kerajaan perlu bertindak secepat mungkin untuk melindungi kesihatan kita dan keluarga kita. Jangan kita mati akibat diesel kotor sebelum tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila.

12.45 tgh.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya merujuk kepada B.24, Butiran 030300 - Kerjasama Ekonomi ASEAN, yang mana perbelanjaan mengurus bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM7.08 juta yang lebih meningkat jika dibandingkan pada tahun 2014 sebanyak RM6.43 juta. Mutakhir ini, ramai yang membicarakan tentang ASEAN *Economic Community* (AEC). Sudah pastinyalah, sebab tahun 2015 adalah tahun di mana ASEAN akan muktamadkan perbincangan ini dan lagi Malaysia adalah merupakan Pengerusi ASEAN pada tahun 2015.

Di satu persidangan, Persidangan *23^d World Economic Forum on East Asia* yang berlangsung pada 21 hingga 23 Mei awal tahun ini di Manila yang mana saya juga sempat bersama-sama menghadirkan diri dalam forum ini. Sekretariat ASEAN telah menjelaskan 72% di AEC *Blueprint*, dengan izin, telah disiapkan. Negara-negara ASEAN digesa mengambil segala langkah yang patut untuk menyiapkan implementasi ini iaitu *Community Building Blueprints*, dengan izin, yang berpaksikan tiga teras iaitu *political security, economy and social culture*.

Apakah faedah-faedah yang pentingnya untuk AEC ini untuk negara Malaysia? Ini kerana apabila AEC ini dilaksanakan lagi, ini juga merupakan satu perkara baru dan perkara besar seperti mana orang bincang tentang TPPA, bincang tentang AFTA itu dan ini, bincang tentang GST dan sebagainya. Faedah-faedah yang banyak akan terdapat pada Malaysia. Pertamanya, keluaran pasaran meningkat sebanyak 20 kali. Peluang ekonomi yang luas, sumber asli yang banyak seperti minyak dan gas, kayu-kayan, galian, kelapa sawit, getah dan sebagainya. Peningkatan dalam pelaburan asing secara langsung mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di Malaysia. Peluang-peluang pekerjaan di bidang kemahiran

tinggi serta profesional, contohnya arkitek, akauntan, pengamal perubatan, kejuruteraan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, AEC, dengan izin, diwujudkan berdasarkan pendekatan yang pragmatik *Free Trade Area Plus (FTA+)* dan mengambil kira sifat-sifat pasaran tunggal. Sehingga kini, AEC akan menyumbangkan ke arah sifat kompetitif ASEAN di peringkat global, peningkatan perdagangan dalam dan luar ASEAN, mewujudkan peluang pekerjaan dan merapatkan jurang pembangunan di kalangan negara-negara ASEAN. Jadi AEC juga turut akan menyumbang ke arah peningkatan pendapatan per kapita di rantau ini.

Sudah tentunya perkara yang baru begini akan menghadapi banyak cabaran dan perkara baru. Di antara cabaran yang bakal dihadapi oleh AEC, pertamanya, memastikan kerjasama ini terus relevan. Pada tahun-tahun akan datang, bertepatan dengan suasana ekonomi pada masa itu, contohnya cabaran ekonomi dari China dan juga dari India. Terdapat juga masalah impak terhadap negara-negara yang nantinya turut akan terlibat dalam *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)* ini. Apakah kesannya? Apakah impaknya? Seterusnya skop serta kedalaman integrasi ekonomi yang akan dicapai di bawah, dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement (RCEP)*.

Tuan Pengerusi, pandangan serta persepsi masyarakat dan syarikat-syarikat besar juga perlu diambil kira. Ini kerana mereka memikirkan keberkesanan AEC ini, adakah akan menguntungkan mereka. Ini kerana setiap *stakeholders*, dengan izin, mempunyai berlainan pendapat tentang AEC ini.

Seperkara lagi yang menjadi perkara yang penting untuk kejayaan AEC yang dicadangkan ialah tentang perhubungan di antara negara-negara ASEAN dan juga di luar ASEAN. Perhubungan yang saya maksudkan ialah perhubungan darat, maritim dan juga udara. Contohnya, dua perkara penting infrastruktur projek yang dijalankan di ASEAN iaitu ASEAN *Highway Network (AHN)* dan juga *Singapore-Kunming Rail Link (SKRL)*. Apabila projek ini telah siap nanti, maka perhubungan ini akan mengeratkan lagi antara ASEAN, China dan juga ke India. Apakah perkembangan projek-projek ini? Saya ingin tahu. Berkenaan dengan maritim juga, perhubungan di lautan umpamanya, kita di ASEAN ada ASEAN *Port Network*, yang mana 47 buah pelabuhan di sembilan buah negara ASEAN yang sedang beroperasi.

■1250

Ini merupakan tulang belakang kepada perkembangan pertumbuhan perniagaan. Jadi, kita ingin tahu berapakah pelabuhan di Malaysia ini yang bertaraf antarabangsa yang bersedia untuk menantikan ketibaan AEC? Tuan Pengerusi, saya ingin berkata sesuatu tentang perhubungan udara. Kita lihat hari ini perhubungan udara adalah perhubungan yang sangat penting untuk peningkatan pertumbuhan ekonomi dan juga pelancongan, pendidikan dan sebagainya. Jadi kejayaan AEC ini juga bergantung kepada infrastruktur ini. Di Malaysia kita ada tujuh lapangan terbang antarabangsa dan satu lapangan terbang kos rendah. Perkhidmatan ini akan menentukan kejayaan pada masa depan.

Kita lihat contohnya di negara Malaysia di utara Malaysia, kita ada satu lapangan terbang Pulau Pinang yang sudah dikira padat. Baru-baru ini dilakukan pengubahsuaian tetapi masa akan datang sudah pasti tidak akan dapat menampung bilangan ramai terutama apabila AEC dilaksanakan. Banyak lagi penumpang akan datang, banyak lagi perniagaan akan datang. Sebab itu ada rasionalnya untuk kerajaan menilai semula untuk membina sebuah lapangan terbang di utara Malaysia. Sebab itu saya pernah berkata permohonan Kerajaan Negeri Perak untuk membina lapangan terbang utara Malaysia di Lembah Beriah perlu diberi perhatian sekali lagi setelah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun 2010 dahulu. Kita berharap Malaysia menjadi hab untuk pengangkutan semasa AEC dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, AEC membuka peluang dan pasaran yang luas untuk perniagaan dan Malaysia hanya akan dapat manfaat jika kita betul-betul buat persediaan. Hujan yang lebat datang tidak akan dapat manfaat jika kita tidak sediakan baldi untuk tadah air. Oleh sebab itu saya perlu bertanya apakah persediaan negara? Apakah persediaan Malaysia untuk meraih peluang besar yang datang ini dan khususnya bagaimanakah kedudukan IKS? Adakah mereka mampu untuk turut serta meraih peluang-peluang yang begini indah? Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

12.52 tgh.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil peluang dalam perbincangan jawatankuasa tentang MITI.

Pada tahun 2012, US Labor Department telah memberi satu *commission*, satu *survey* oleh sebuah NGO bernama Verité untuk membuat satu kajian terhadap keadaan *migrant workers* atau pekerja asing di Malaysia. Pada September 2014 *report* tersebut, namanya *Verité Report*. Dia telah menyiapkan satu *report* yang dipanggil *Force Labor in the Production of Electronic Goods in Malaysia*. *Report* ini di sini. [Sambil menunjukkan buku laporan] Mereka telah *interview* 501 pekerja asing di seluruh Malaysia dan mereka mendapati bahawa ada lebih kurang 28% pekerja di Malaysia adalah dalam keadaan *force labor* atau buruh paksaan. Jadi, isu yang mereka timbulkan dengan izin, adalah seperti berikut:

- i) *recruitment fees charging and indebtedness compelled workers to work;*
- ii) *deceptive recruitment;*
- iii) *passport retention constrain in freedom of movement;*
- iv) *poor living condition in housing provided by employers or third party employment agents;*
- v) *foreign workers difficult to live before end of their works contract.*

Maka ini adalah satu laporan yang *highlight* tentang isu-isu oleh pekerja asing di Malaysia, di E&E sektor. Mengapa laporan ini begitu penting? Kerana laporan ini akan diserahkan kepada US Labor Department dan laporan ini akan menjadi satu tanda untuk mereka buat keputusan tentang *International Ranking of Force Labor* oleh Labor Department di US.

Daripada maklumat yang diberi kepada saya, US Labor Department akan buat keputusan pada 1 Disember 2014 tentang status Malaysia. Adakah Malaysia adalah dalam *watch list* mereka? Kalau Malaysia di dalam *watch list* US Labor Department maka *companies* di US akan dihalang untuk buat *business* dengan Malaysia. Apa implikasi tersebut? Implikasinya adalah kalau US tidak beli barangan komponen daripada Malaysia maka semua kilang seperti Intel, AMD yang lokasinya di Malaysia akan terpaksa *cut production* dan mereka akan tutup dan mungkin mereka terpaksa *move* ke China atau Indonesia di mana mereka tidak diletakkan dalam *watch list* tersebut. Implikasi satu lagi adalah FDI ke Malaysia akan menurun disebabkan oleh ranking tersebut kerana US Labor Department akan kata Malaysia adalah satu negara yang mempunyai buruh paksaan. Maka memberi nasihat supaya jangan melabur di Malaysia.

Implikasi ketiga adalah E&E eksport produk ke Europe juga akan terjejas kerana Europe juga akan mengambil satu sikap bersama dengan Amerika Syarikat di mana mereka pun meletakkan taraf kebajikan buruh pada satu tahap yang sangat tinggi. Maka kalau US telah meletakkan Malaysia dalam *watch list* tersebut Europe juga akan terikut. Jadi dengan kata lain ini adalah *single biggest trap to the survival for E&E sector* di Malaysia. Sangat serius. Kenapa saya kata begitu, dalam tahun 2008 sebenarnya EU telah *banned* Malaysia daripada segi eksport makanan ikan, *seafood* dan juga *life fish* eksport ke US. Maka akibat daripada *banned* tersebut Malaysia telah kehilangan berbilion ringgit, *suffer lost* pada tahun 2008.

Pada 2011 negara China juga *banned* Malaysia punya *bird nest* dan akibatnya industri *bird nest* itu juga hampir musnah disebabkan oleh *banned* tersebut. Ini adalah dua sektor yang agak kecil iaitu *seafood industry* dan juga *bird nest* walaupun sudah berbilion-bilion ringgit. Akan tetapi sektor *Electronic and Electrical sector* (E&E) adalah RM236.8 bilion. Tahun 2013 *total export of Malaysia for E&E sector* adalah RM32.9. Maka ini adalah satu sektor yang sangat besar di mana berjuta-juta pekerja Malaysia bekerja, warga Malaysia dan juga warga asing yang terlibat. Untuk warga asing sahaja dalam sektor pembuatan 688,886 pekerja asing. Itu hanya pekerja asing. Itu lebih kurang 30% hingga 40% pekerja sahaja. Kalau kita campur warga Malaysia maka lebih kurang tiga juga orang pekerja Malaysia terlibat dan juga warga asing terlibat dalam sektor pembuatan E&E.

Setiap tahun MITI mengumumkan berapa pelaburan asing masuk ke Malaysia. Berbilion-bilion ringgit yang masuk ke Malaysia. Kalau kita diletakkan *watch list* tersebut maka Malaysia akan kehilangan FDI, ramai pekerja terpaksa dilepaskan, kehilangan pekerjaan dan *foreign export* akan kurang. Maka ekonomi kita akan terjejas dengan serius. Akan tetapi bukan semua yang dilaporkan oleh *Verité Report* ini adalah benar. Saya sendiri pun tahu. Mungkin ada kambing hitam tetapi bukan semua dalam *report* ini benar. Sebenarnya Malaysia mempunyai *comprehensive law*. Kita ada akta-akta dan juga *regulation* yang mementingkan hak pekerja seperti kita ada Akta Pekerja 1955, *Workmen's Compensation Act 1952*, *Occupational Safety and Health 1994* dengan izin, *National Wages Consultative Council Bill 2011*, *Factories and Machinery Act 1967*, *Passports Act 1966*, *Anti-Trafficking in Persons Act 2007*.

Sebenarnya kita ada akta-akta yang cukup bagus. Cuma kita tidak memberikan gambaran yang sebenar kepada US Labor Department. Walaupun US Labor Department telah memberitahu MITI dan juga Kerajaan Malaysia bahawa memang ada satu laporan yang mereka terima dan mereka minta pandangan daripada Malaysia supaya beri satu *counter report* kepada US Labor Department tetapi MITI duduk di sana tidak buat kerja. Tidak buat kerja maka nanti mereka akan buat keputusan mereka dengan izin, hanya *one sided information*. Mereka terima satu *report* dan mereka buat keputusan *based on report* ini. Maka adalah tidak adil kepada Malaysia dan jutaan pekerja yang terlibat dalam sektor E&E. Saya...

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ada dua, tiga minit lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa selepas jam 1.00 adalah budi bicara Tuan Pengerusi. Itu sebab waktu berhujah tengok. Kalau ada dua minit lagi Yang Berhormat gulung. Kalau tidak saya beri Yang Berhormat 2.30 petang untuk dua minit.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: 2.30 lah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dua minit? 2.30 tetapi dua minit.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Boleh?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh.

Tuan Pengerusi: 2.30?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa akan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa.*]

2.30 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Bagan]: Tuan Pengerusi, sebelah sana BN hanya dua orang, boleh jalankah Dewan?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Lip Eng [Bagan]: Cukup kuorum kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dijemput Yang Berhormat Bayan Baru untuk dua minit lagi, Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Pengerusi, semua BN ponteng hari ini. Selepas ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua, masih ponteng lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dalam perjalanan ke Dewan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Pengerusi, tadi saya sambung semula perbahasan saya dalam Jawatankuasa, saya kata ada satu *report* daripada *US Labor Department* yang memberi *funding* kepada satu NGO, panggil *Verite*. Mereka telah melahirkan satu *report* bernama *Forced labor in the production of electronic goods in Malaysia*. Laporan ini agak serius kerana mengatakan ada masalah buruh paksaan di Malaysia, 28% di E&E sektor di Malaysia. Walaupun saya sudah kata bukan semua laporan itu benar tetapi kita kena- Malaysia terutamanya MITI harus memberi *counter report* kepada apa telah dilaporkan oleh *Verite*. Jadi kalau kita tidak beri *counter report*, satu sektor yang- sebanyak 236.8 bilion atau bersamaan 32.9% *total export of Malaysia will be under tracks* akan diancam. Jutaan pekerjaan akan hilang, kilang-kilang akan keluar dari Malaysia. Mereka akan pergi ke tempat seperti Indonesiakah, *Philippine*, China dan sebagainya. Ini adalah sesuatu yang cukup serius.

Ini kerana kilang-kilang tidak boleh jual kepada syarikat-syarikat di Amerika Syarikat disebabkan kalau satu *band* atau Malaysia diturunkan pangkat daripada dinaikkan kepada *weak labor watch list*, eksport kita tidak boleh ke US dan mungkin juga *Europe* akan *banned* produk-produk elektronik di Malaysia juga kerana mereka *hold a very high standard about- on labor practice*. Jadi ini adalah isu yang sangat serius dan kita minta *embassy* dan juga *Labor Department* telah *alert* MITI berkenaan dengan isu ini seawal Oktober tahun ini sejeurus selepas laporan ini dikeluarkan. Kalau kita tidak respons sebelum 1 Disember iaitu dua minggu dari sekarang, maka *US Labor Department akan publish the watch list*. Kalau mereka *publish* pada satu 1 Disember, maka Malaysia akan terancam.

Jadi kita tinggal dua minggu sahaja untuk kita respons secepat mungkin. Jadi saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri dan juga MITI dan untuk respons secepat mungkin tentang *Verite report* ini. Apa yang mereka boleh buat, saya cadangkan di sini. Nombor satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh, boleh dan kena ada respons kepada laporan ini secepat mungkin. Nombor dua, bekerja dengan *American Chamber of Commerce* (AMCHAM) untuk *produce counter report* secepat mungkin supaya memberi gambaran sebenar *labor practices* di Malaysia. Ketiga, *enforce existing laws to clean up irresponsible parties*, dengan izin. Ini kerana ada syarikat-syarikat *third party* yang memang mungkin tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Maka satu *enforcement* yang secara serius dan *total* harus dijalankan untuk *clean up*. Kita tidak boleh biar segelintir kambing hitam yang menyebabkan satu sektor yang begitu penting itu terancam.

Keempat ialah *assemble*- memanggil semua CEO-CEO dari E&E sektor untuk adakah satu mesyuarat tergepar dan bersama-sama minta mereka membantu Malaysia memberi gambaran yang benar kepada *US Labor Department*. Panggil mereka sekali dan minta bantuan mereka untuk beritahu apa yang mereka buat di Malaysia supaya *US Labor Department* tahu bahawa sebenarnya *labor practice* itu jauh lebih baik daripada *report* yang telah dibentangkan. Malaysia juga kena *commit* kepada *best practices of labor standard* supaya kita nampak negara kita serius tentang isu *forced labor* ini dan Malaysia juga harus *reduce foreign labor dependency*, cuba kurangkan pergantungan buruh-buruh dari negara luar, Indonesiakah atau mana-mana kerana kita kena bagi *prioritize*, beri keutamaan kepada pekerja-pekerja Malaysia yang sememangnya mereka akan dapat kerja tanpa paksaan.

Mereka adalah warga Malaysia, kontrak mereka adalah mengikut undang-undang. Satu lagi yang penting adalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, ya dalam dua minit. Satu ialah untuk memberi *union*, ya bagi E&E sektor, kilang-kilang di Malaysia *unionize* sebab buat masa sekarang, kilang-kilang di Malaysia terutamanya E&E sektor tidak dibenarkan adakan Kesatuan Pekerja. Kalau ada Kesatuan Pekerja, mereka boleh mempertahankan hak dan kebajikan pekerja-pekerja. Maka ini akan membantu meningkatkan isu kebajikan pekerja dan sebarang pekerja paksaan akan dilaporkan.

Okey, *last point* saya ingin bangkitkan ialah tentang kawasan Bayan Baru di mana satu industri *Free Industry Area* (FTA) di Bayan Lepas merupakan salah satu *Free Industrial Zone* yang paling penting di Malaysia bagi GDP yang sangat tinggi kepada Malaysia. Akan tetapi MITI semakin kurang memberi perhatian kepada kawasan tersebut. Ia tidak meningkatkan infrastruktur-infrastruktur yang sudah usang dan kawasan-kawasan tidak diberi peningkatan.

Walaupun ia di bawah NPPP tetapi *investment* - MITI pernah janji memberi peruntukan untuk menaik taraf kawasan, jadikan ia *world standard*.

■1440

Akan tetapi sekarang nampaknya kurang. Tak ada peruntukan untuk masuk ke kawasan *Free Industrial Zone* Bayan Lepas. Jadi saya minta MITI memberi perhatian yang lebih serius tentang peningkatan infrastruktur.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dan *last* Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah banyak kali *last*lah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, bolehlah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Jelebu.

2.40 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara B.24, Butiran 030500 berkaitan dengan dasar dan penyelarasan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Sebagaimana kita tahu Perdagangan Antarabangsa, penyumbang penting kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Jadi akhir-akhir ini, kerajaan dilihat menumpukan perundingan ini kepada isu berkaitan dengan TPPA.

Jadi saya ingin tahu Kementerian MITI, apakah masih diteruskan usaha-usaha ataupun rencana untuk program perjanjian perdagangan bebas di bawah FTA ataupun ECA ini. Kerana FTA telah banyak memberi manfaat kepada negara dalam konteks perdagangan antarabangsa. Jadi Malaysia sudah ada FTA iaitu dengan satu ataupun lebih negara seperti Jepun, Pakistan, New Zealand, Chile, India dan Australia.

Jadi melalui FTA, umpamanya dengan Jepun, perdagangan meningkat daripada 112 juta pada tahun 2005 kepada 145 juta pada tahun 2012. Jadi dengan adanya FTA, ia mencipta akses pasaran menyebabkan permintaan kepada komoditi kita melalui penyelarasan tarif dan bukan tarif yang lebih baik mendorong eksport dan sebagainya.

Jadi, apakah kementerian masih lagi menjalankan usaha-usaha untuk melaksanakan beberapa FTA dengan negara-negara yang difikirkan perlu. Secara spesifiknya, negara seperti Taiwan dan negara-negara yang sekelas dengannya kerana saya sebutkan secara spesifik ini kerana mengikut statistik MIDA, sehingga Mei 2014, pelabur Taiwan mencapai kepada angka 2,424 dan bernilai USD11.75 bilion. Akan tetapi sehingga hari ini tidak ada lagi Perjanjian FTA ini dengan Taiwan. Apakah kerajaan ataupun MITI merancang untuk mewujudkan FTA dengan negara berkenaan sebagai contoh dan kalau tidak, kenapa dan sebagainya.

Jadi Taiwan merupakan negara sumber FDI kita yang keempat terbesar. Jadi sebab itu penting supaya kita tidak ketinggalan dalam perhubungan dengan Taiwan dan negara-negara di

sekitar kita ini kerana Singapura, saya difahamkan sudah pun menandatangani ECA dengan Taiwan pada setahun yang lalu. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada MITI, apakah negara-negara yang masih lagi sekarang ini di dalam perbincangan, rencana dan cadangan untuk diusahakan satu perjanjian FTA ini di samping kita sekarang sedang merundingkan lagi isu berkaitan dengan TPPA atau apakah kerana kita sekarang menumpu kepada perundingan TPPA, maka FTA dan ECA ini tidak lagi menjadi prioriti ataupun tidak lagi di dalam *list* yang mahu diusahakan oleh MITI untuk hala tuju perdagangan antarabangsa di masa akan datang. Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan perkara yang berkenaan sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang.

2.40 ptg.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan kemukakan beberapa isu berkait dengan Butiran B.24, 030300 dan juga 030500.

Tuan Pengerusi, dalam isu Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Kerajaan Malaysia sedang berunding dalam keadaan yang *defensive*, lebih daripada *offensive*. MITI mengatakan bahawa *cost benefit analysis* hanya akan dibuat selepas perjanjian TPP akan dimuktamadkan.

Pada pandangan saya, ini adalah satu strategi yang lemah dan *defensive*. Sesuatu negara tidak boleh mengubah kedudukan ataupun *position* mereka sebaik sahaja satu perjanjian besar seperti TPPA ini yang komprehensif telah dipersetujui selepas perundingan sebanyak lima tahun mengatakan selepas perjanjian itu kita hendak keluar ataupun kita ada penukaran. *So can't put the cart before the horse*. Negara-negara rakan TPP tidak akan mempunyai keyakinan terhadap Malaysia, malah ia akan menghantar mesej yang salah kepada negara-negara dan institusi pelabur.

Kedua, kerajaan tidak boleh *defend* pandangan pakar-pakar. Seperti baru-baru ini pakar ekonomi daripada UNCTAD yang mengatakan bahawa Malaysia akan mengalami kerugian. Kajian telah dibuat tetapi Kerajaan Malaysia tidak dapat *refute* mereka oleh sebab kerajaan sendiri tidak membuat kajian sendiri. *So*, ini merupakan satu kelemahan yang besar.

Laporan UNCTAD menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia akan mengalami defisit, *trade deficit* sebanyak RM5 bilion. Ini adalah satu *acquisition* yang serius. Akan tetapi kerajaan tidak boleh lawan balik ataupun memberi pandangan yang lain, alternatif oleh sebab kerajaan sendiri tidak ada kajian yang boleh mengatakan bahawa ini adalah palsu. *So, therefore, this strategy is* lemah *but we can't refute* kerajaan ini oleh sebab tidak ada kajian sendiri, maka adakah kerajaan berunding secara buta dalam Perjanjian Perdagangan Trans-Pasifik ini?

Ketiga Tuan Pengerusi, mungkin Malaysia boleh baca dan belajar daripada Presiden Jokowi yang dalam Sidang APEC di Beijing mengatakan dan saya minta izin, "*Indonesia President Jokowi stated that Indonesia would not join Trans-Pacific Partnership nor Free Agreement Trade of Asia Pacific unless they gave advantages to Indonesia*" Dia mengatakan, *I want to underline this for the Minister under the ministry here, "We should calculate first. We*

should calculate first before joining the partnership and not calculate after agreement has been done. It is what the Malaysian strategy is.

So, Presiden Jokowi menyatakan, *“We should calculate first before joining the partnership. We are to determine...”* menentukan *“...which product shall be promote, Indonesia’s interest in regional economic integration. Not after the agreement has been signed”, seperti yang dibuat oleh Malaysia. Further, Presiden Jokowi mengatakan bahawa, “Indonesia will not knock his head to the interest of big countries and do not allow them to open the market and flat our market with their product”.*

Pandangan saya ialah Malaysia harus belajar satu, dua perkara daripada Presiden Jokowi ini. Isu kedua saya hendak kemukakan dan bangkit dalam Dewan yang mulia ialah berkait dengan ISDS dan juga apa yang dibangkit *regulatory chill*. Saya telah baca pandangan Yang Berhormat Menteri, menerusi jawapan tulisan beliau kepada saya dan nampaknya kerajaan tidak mengambil kira konsep *regulatory chill* sebagai satu isu yang serius.

Pada pandangan saya, isu ini adalah penting memandangkan kuasa kerajaan untuk merangka dasar *policy space* akan dihadkan. Dengan *regulatory chill*, tugas penting kerajaan untuk demi rakyat akan dihadkan.

Pada masa sekarang, negara-negara seperti New Zealand tidak dapat menggubal dasar seperti *plain packaging* oleh sebab ‘*exit*’ yang melibatkan Philip Morris dengan Kerajaan Australia dan Brazil. Philip Morris telah heret kedua-dua negara New Zealand ini ke Majlis Timbang Tara. Philip Morris telah heret Australia dan Kerajaan Brazil ke Majlis Timbang Tara, ‘*exit*’ sebab mereka percaya bahawa *plain packaging* ini kalau diperkenalkan oleh Kerajaan Australia dan Uruguay, akan menurunkan keuntungan firma itu. Oleh sebab itu, mereka terus-terang diheret ke mahkamah ataupun Majlis Timbang Tara ‘*exit*’ di Washington D.C.

■1450

Soalan di depan kita, adakah wajar sebuah negara yang membangun seperti Malaysia menyokong ISDS supaya tangan kerajaan sendiri akan digari dan tidak dapat menggubal dasar-dasar demi kepentingan rakyat sendiri?

Tuan Pengerusi, saya ingin memberitahu kepada pihak kementerian bahawa pada masa kini isu ISDS merupakan satu isu yang begitu kontroversial di Eropah. Memandangkan bahawa ada masalah dengan *Canada European Trade Agreement* ataupun CETA. Kerajaan German sekarang *is having second thoughts on the ISDS* dalam perjanjian CETA ini. Maka sekarang mereka ingin menggubal apa yang dipanggil *ISDS Light* yang boleh digunakan dalam *CETA Agreement* iaitu dengan Canada dan *Europe Trade Agreement*.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu ingin saya bangkitkan ialah cadangan supaya kerajaan meluaskan kajian *impact TTPA* kepada semua golongan masyarakat, kepada semua syarikat kecil dan sederhana. Pada masa sekarang kerajaan hanya fokus kepada SME bumiputera dan saya percaya ini harus diperluaskan kepada SME Cina dan juga SME India dan juga SME bumiputera Sabah dan Sarawak. *We have to walk the talk*. Kalau kerajaan mendukung

1Malaysia, maka ini terlibat semua golongan dan kaum di Malaysia dan semua SME di Malaysia, dan bukan sahaja satu golongan sahaja.

Tuan Pengerusi, ini berkait dengan AEC atau *ASEAN Economic Community*. Pada tahun hadapan, Malaysia akan menguruskan ASEAN tahun 2015, dan matlamat AEC adalah untuk integrasi lebih mendalam- *further integration* di rantau Asia. Bolehkah kerajaan mempertimbangkan tanggungjawab sosial dalam keputusan pelaburan untuk pelabur-pelabur ASEAN, dan tanggungjawab ini boleh menjadi sebagai sebahagian daripada prinsip *ASEAN Economic Community* yang Malaysia akan cadang, atau mungkin memperkenalkan dalam AEC ini. *AEC clear, is for further integration and liberalization of the region* tetapi dalam *integration* dan juga *liberalization* rantau ini, kita tidak ada mana-mana tanggungjawab firma-firma ini untuk pelaburan-pelaburan mereka di Asia Tenggara ataupun di ASEAN. Ini adalah penting kerana kita dapati bawah banyak pelaburan tidak menjaga *environment*, mencabuli hak pekerja, hak wanita dan sebagainya, dan apa yang kita hendak ialah *social responsible investment in ASEAN and it would be great if* Kerajaan Malaysia dapat memperkenalkan idea tanggungjawab sosial pelabur-pelabur ini dalam konteks *ASEAN Economic Community*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengerang.

2.53 ptg

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membawa hanya dua perkara. Pertama sekali Butiran 00201, 00202. Ini berkenaan dengan Program Pembangunan Industri Automatif dan juga Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan.

Sebenarnya Tuan Pengerusi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan industri kereta di negara kita. Kalau kita tengok Amerika Syarikat, sejarah telah membuktikan bahawa Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua adalah salah satu daripada penyebab di mana industri automotif di negara sana berkembang dan kalau kita tengok dasar-dasar pembelian dan penggunaan, di mana industri tempatan yang dilihat bersama dengan kemasukan kereta-kereta yang telah diimport. Jadi di sini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah dasar kerajaan tentang kereta *recon* yang diimport. Hari ini kalau kita tengok industri *automobil*, dengan izin, kita tahu kita di Malaysia kita ada pula pengeluar-pengeluar industri kereta tempatan. Jadi soalan sekarang ini, apakah dasar kerajaan sebagai penggalak kepada rakyat tempatan untuk membuat pembelian kepada kenderaan-kenderaan Malaysia yang diutamakan?

Kedua soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kereta-kereta *recon* yang dibawa masuk. Kita tahu hari ini dalam pasaran, *market*, dengan izin, dalam industri *recon* ini memang satu industri yang begitu mencabar. Bukan sahaja kerana pinjaman bank mempunyai sistem *credit rating*, yang mana kalau pembelian kereta lebih pada RM150,00 memang susah untuk mendapat permohonan pinjaman untuk pembelian kereta-kereta *recon* sebagai contoh. Apakah dasar kerajaan, di mana kalau kita tengok secara umum RM150,000 ke

bawah memang senang, kita hendak beli kereta kah, atau kita hendak buat sewa beli, tetapi dari segi industri kereta *recon* ini, Tuan Pengerusi kalau kita jalan di mana-mana kawasan kita di jalan kita, di ibu negara kah, atau di negeri-negeri kita tengok berlambak kedai-kedai yang menjual kereta-kereta *recon*, dan juga kereta *second hand* bersepah di tepi kiri-kanan jalan, dan sebagainya.

Jadi soalan ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dasar kerajaan, pertama kepada industri kereta keluaran tempatan, dan kedua dasar kerajaan kepada kereta-kereta *recon* yang dibawa masuk dengan harga yang tinggi yang mana pengguna tidak dapat beli disebabkan oleh sistem kredit yang ada sekarang. Jadi apakah dasar kerajaan untuk menggalakkan untuk membantu mereka-mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada industri ini.

Kedua butiran yang saya hendak timbulkan ialah 19516, 19517, 19518, 19520 iaitu dalam aspek halal. Iaitu Program Bersepadu Integriti Halal, dan *Global Halal Reference Centre*, Pengukuhan Jenama dan Logo Halal Malaysia, Peningkatan Keupayaan Inovatif dan Komersial Syarikat Halal, dan terakhir sekali pembangunan standard halal. Jadi soalan sebenarnya kepada Yang Berhormat Menteri. Seperti yang saya timbulkan semasa giliran Kementerian Kesihatan, apakah dasar kerajaan apabila kita adakan halal hab, ini kita ada industri halal tempatan, dan kemudian sebagai contohnya jualan-jualan industri dalam pembekalan dan pembuatan contohnya dalam ubat-ubat. Apakah dasar kerajaan yang mana apabila kita kata sebelah ini kita ada halal hab, kita hendak menggalakkan industri halal tetapi apabila kerajaan punya *procurement process*, dengan izin, pembelian kerajaan, selalu berdasar kepada harga tender yang paling rendah sebagai contoh. Adakah ini dijadikan satu kemas kini dari segi dasar kerajaan, keutamaan sama ada industri kerajaan kah, industri kerajaan negeri ataupun industri GLC-GLC mesti mengambil keutamaan kepada mereka yang mempunyai sijil halal, *halal certification*, dengan izin.

Jadi apa gunanya kementerian apabila kita mengeluarkan perbelanjaan berjuta ringgit setiap tahun, industri halal, *halal hub*, dengan izin. Jadi apakah dasar kita dalam segi penggalakan. Sebab mereka yang terlibat dalam industri ini, pembuatan kah pemprosesan dan sebagainya, bagaimana kita hendak memberikan mereka keutamaan dalam *scheme procurement*, dengan izin, kerajaan. Macam mana kita hendak menentu, dan mewajibkan halal ini menjadi keutamaan. Kalau kita tengok dari segi harga, kemungkinan saya hendak sebut tentang harga dalam industri halal ini mungkin lebih tinggi sedikit daripada harga-harga industri lain disebabkan contohnya, kalau kita tengok dalam aspek pengeluaran secara besar-besaran, halal ini saya samakan dengan contohnya bahan-bahan organik.

Tuan Pengerusi, kalau kita pergi ke *supermarket*, kita hendak beli tomato, cili, mana-mana sayur-sayuran yang organik, harganya lebih tinggi sedikit daripada harga yang biasa disebabkan pemprosesan tidak secara *mass production*. Itu sebabnya kalau kita tengok dalam aspek ini, sudah tentu dalam aspek *halal hub* memang harganya akan tentu lebih tinggi sedikit. Dia tidak macam harga *mass production*, dengan izin. Jadi macam mana galakan kerajaan untuk

menjamin mereka yang terlibat dalam industri halal ini diberikan keutamaan sebagai keutamaan kerajaan dalam, dengan izin, *procurement process*...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Pengerang yang telah dapat membangkitkan satu perkara yang cukup utama sekali. Yang Berhormat Pengerang, di kawasan saya telah diwujudkan satu hab halal sejak tahun 2008, satu ketika dahulu yang menjadi kebanggaan kita kerana inilah pertamanya hab halal ini yang telah diwujudkan di negara kita. Sampai sekarang walaupun kita telah belanja begitu banyak sekali dan baru-baru ini telah mendapat satu lagi pembesaran, tetapi apa yang kurang Yang Berhormat Pengerang, kerana kita tidak begitu serius untuk membimbing mereka. Akhirnya ramai di antara usahawan-usahawan yang menyertainya terus hilangkan diri, kerana tidak ada bimbingan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Kita mahu melihat supaya kerajaan betul-betul serius untuk membangunkan agenda nasional ini. Macam mana pendapat Yang Berhormat Pengerang?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Inilah sebenarnya Tuan Pengerusi yang saya katakan. Kerajaan tidak boleh lagi membuat pengumuman mengeluarkan belanjawan setiap tahun bagi satu perkara contohnya dalam aspek industri halal ini tetapi tidak melaksanakan satu jaminan atau mengemaskinikan dari segi pendekatan supaya mewujudkan penggalakan.

Jadi apa gunanya mereka yang terlibat dalam industri awal, kalau dia nak pergi masuk tender, dia tidak dapat sebabnya bukan sebab industrinya tidak halal, tetapi disebabkan harganya tinggi. Jadi saya hendak tanya kepada kerajaan, Yang Berhormat Menteri, apa gunanya? Sebab kalau tidak, orang kata Yang Berhormat Jasin, kita ini kata orang teknologi yang saya hendak pakai ini macam melepaskan batok di tangga. Kita bercakap sahaja, apabila orang bercakap kita bercakap, orang bercakap kita bercakap. Akan tetapi bagaimanakah komitmen kerajaan supaya memberikan galakan? Kalau tidak dalam perkara ini contohnya, saya dan Yang Berhormat Jasin hendak buat kilang halal, perbelanjaan, disebabkan *procedure*nya, dengan izin, memang berlainan, hendak panggil JAKIM, hendak ini.

■1500

Akan tetapi saya hendak tanya kadang-kadang Tuan Pengerusi kita tengok restoran-restoran ada logo halal. Macam-macam kata halal tetapi kita kena tahu juga, kita tidak mahu orang kata analogi minta maaf saya hendak cakap agak kasar sedikit, saya tidak jual bagi babi. Jadi restoran saya ini halal. Isu babi ini bukan isu halal atau tidak. Isunya ialah kalau kita ada sijil halal maknanya ia halal sepanjang masa, daripada mula sampai habis.

Jadi dalam aspek ini pengeluaran *business*, pengeluaran perkilangan ini hendak buat industri halal, galakan kerajaan tetapi saya dengar macam-macam cerita dekat bawah tidak diberikan keutamaan disebabkan harga tinggi. Jadi dalam aspek ini saya minta Yang Berhormat Menteri kalau kita hendak beri komitmen, kita mesti beri komitmen sepanjang jalan. Jangan

komitmen kita macam saya cakap tadi melepaskan batok di tangga. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya kita akan hentikan jam 3.30 nanti. Lima minit seorang boleh? Okey Yang Berhormat Hulu Langat.

3.01 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada butiran 600004 – Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Jadi saya pernah terlibat dengan MPC dahulunya NPC antara tahun 2000 hingga tahun 2007. Akan tetapi sudah lama tinggal. Jadi saya ingin mendapat penjelasan mengenai peranan MPC dan juga inovasi yang dibuat oleh MPC dalam mengawal produktiviti dan kualiti industri tempatan dalam persijilan umpamanya ISO dan sebagainya itu, *housekeeping*, IS dan aktiviti yang memupuk budaya kreativiti dan inovatif umpamanya QCC. Jadi saya minta penjelasan.

Kedua, butiran 70000 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Jadi saya berminat untuk mendapatkan penjelasan iaitu berapa banyak cawangan yang dibuka di luar negara dan peranan pegawai kita atau wakil kita di luar negara dan berapa banyakkah eksport negara sepanjang tahun 2014 dengan memberi contoh produk yang dieksport. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

3.02 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu terutama 050000 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kementerian tentang galakan yang diberi kepada sektor pembuatan yang sedia ada untuk mereka mengeluarkan produk-produk baru. Kita sedia maklum bahawa persaingan antara sektor pembuatan Malaysia dengan negara-negara lain terutama di negara China. Kita perlu sering kali mengeluarkan produk-produk baru. Oleh sebab itu jika hendak mengeluarkan produk baru mungkin terlibat dengan pelaburan tambahan untuk membuat R&D dan lain-lain. Oleh sebab itu ingin saya tanya pihak MIDA apakah insentif atau bantuan kewangan kepada sektor pembuatan ini untuk mereka mengeluarkan lebih produk baru supaya dapat bersaing dengan negara lain.

Kedua iaitu SME Corp, butiran 080000. Kita sedia maklum di Dewan yang mulia ini bahawa boleh dikatakan satu kejayaan oleh SME Corp iaitu mengarahkan PKS-PKS negara kita untuk meningkatkan standard mereka dan supaya mereka dapat diiktiraf sebagai pembuatan Malaysia iaitu jenama Malaysia, Malaysia *brand*. Ingin saya tanya setakat ini berapa syarikat PKS yang telah diisytiharkan atau *certified* sebagai *Malaysia Brand Owner*? Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk menggalakkan lebih PKS memohon sebagai *Malaysia Brand Owner*.

Perkara yang ketiga ingin saya bangkitkan ialah butiran 00208, 00204 dan juga 00206. Ketiga ini tentang penglibatan syarikat-syarikat tempatan terutama PKS dalam eskpo-ekspo antarabangsa dan juga dalam acara perdagangan antarabangsa. Saya ingin tanya, tahun ini berapa yang telah diperuntukkan untuk menjalankan promosi eksport dan bagaimana pencapaian? Berapa peratusan daripada peruntukan yang disediakan telah digunakan?

Terakhir bagaimana dengan program *internship* dan *apprentice* PKS dan apakah pencapaiannya. Adakah *apprentice* dan *internship* ini sudah dapat melibatkan diri dalam sektor SME. Dengan itu terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat. Kemudian Yang Berhormat Labuan. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

3.07 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk terus kepada butiran sebab lima minit. Butiran 080100, Kepala 24, Perbadanan Perusahaan Kecil Sederhana Malaysia (SME). Tuan Pengerusi, saya masih khuatir masa depan SME yang berada dalam negara terutama sekali bagi mereka yang berniaga dalam perusahaan sederhana itu yang bersaing dengan syarikat-syarikat besar bilamana TPPA itu ditandatangani, masa depan syarikat SME ini.

Saya menegaskan bahawa tidak perlu ada penyorotan, atau tidak perlu ada sembunyi-sembunyi dan kena umumkan kepada *public*, kena minta pandangan *public*. Kita minta umum dapat bersiap sedia untuk berdepan dengan suasana, fenomena yang akan berlaku bilamana TPPA dilakukan. Saya ulangi kekhuatiran saya apabila berlakunya TPPA ini, ia akan secara automatik undang-undang pekerjaan itu akan terangkat, akan terhakis dan undang-undang Mahkamah Dunia diambil peranan. Itu yang saya takut kerana membebankan pekerja yang membolehkan ia mungkin melanggar undang-undang tempatan tetapi tidak melanggar undang-undang nasional.

Jadi saya mohon supaya kementerian berhati-hati dalam soal TPPA ini yang akan menjurus kepada persoalan yang terlalu banyak dan persepsi yang memungkinkan persepsi negatif dipandang oleh rakyat Malaysia atas sikap TPPA itu yang hala tujunya ke mana. Saya juga ingin memastikan bahawa apabila sebelum ditandatangani perjanjian TPPA ini, diumumkan dan semua rakyat faham termasuk apabila dikomen oleh mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir yang melihat bahawa ia tidak bermanfaat kepada syarikat tempatan dan juga Tun Daim Zainuddin, bekas Menteri Kewangan kita yang telah pun menyarankan supaya tidak bersetuju dengan perjanjian TPPA ini.

Saya juga ingin menjurus kepada Butiran 040000 – Pembangunan Industri. Saya melihat daripada sudut kehadiran pada waktu ini apabila kerajaan membenarkan pekerja asing bekerja. Tuan Pengerusi, yang memberikan kesan kemasukan pekerja asing yang begitu menggerunkan dalam aspek pengambilan dan dibenarkan oleh sektor-sektor pembuatan. Ini hasil daripada itu,

maka 2.1 juta orang yang berdaftar, yang bekerja di dalam industri yang terbabit ialah industri yang telah pun dipersetujui dalam pembangunan industri ini.

Malah kita diberitahu ada syarikat yang mengambil pekerja asing yang tidak ada pendaftaran walaupun dalam keadaan sewaktu tidak boleh kita mengesahkan berapa jumlahnya tetapi saya dimaklumkan sudah lebih 6 juta orang pekerja asing termasuk sektor industri ini yang dihujani dan didatangi oleh pekerja-pekerja asing tanpa berdaftar. Ini juga memberi satu isyarat bahawa kita harus memberi penekanan, mengiktiraf pekerja tempatan yang *qualified*, yang layak untuk menerajui atau bekerja dalam industri tempatan ini.

■1510

Kalau kita tidak membuat penekanan sedemikian, maka pendatang asing itu akan berlipat kali ganda. Saya kawatir nisbah hari ini 4:1. Maksudnya, empat orang pekerja tempatan, seorang pekerja asing. Esok saya takut, empat orang pekerja tempatan, empat orang pekerja asing. Hah! Masa itu mampus kita hendak kawal dan ini adalah satu fenomena yang begitu kritikal sebenarnya Tuan Pengerusi sebab pekerja asing ini sudah sampai ke tahap memberikan beban yang tidak manfaat kepada negara.

Sebagai contoh, bila mana jenayah berlaku kita dapati bahawa Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa hampir 7000 lebih jenayah itu berlaku melibatkan pekerja asing. Ini juga salah satu perkara yang harus serius dipandang oleh kementerian ini supaya meletakkan syarat tertentu supaya pekerja asing ini tidak sewenang-wenangnya diterima masuk dalam industri ini. Saya memohon kepada kementerian supaya berbincang semula dengan Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri Sumber Manusia supaya kenal pasti dan buat kajian kerangka yang besar untuk memastikan bahawa peluang pekerja tempatan itu diberikan dahulu daripada pekerja asing.

Terakhir sekali rujukan Tuan Pengerusi ialah Butiran 00201- Program Pembangunan Industri Automotif. Saya mendapat khabar sama ada betul atau tidak betul, saya dapat maklumat seperti mana yang telah diperuntukkan berpuluh juta kita berikan untuk memperbaiki dan menaiktarafkan automotif ini, memberikan satu soalan kepada saya sendiri. Baru-baru ini syarikat Proton hendak tukar tempat untuk pergi ke kawasan Tanjung Malim, *something like that*.

Akan tetapi yang jelas ialah saya tidak mahu nanti bila bajet itu ataupun peruntukan itu diberi, dimanipulasi atau disalahgunakan oleh syarikat automotif ini. Ini kerana apa yang saya difahamkan pengeluaran kereta syarikat Proton di Shah Alam itu dikurangkan sedikit demi sedikit hinggalah pekerja tidak diberi *overtime*, bekerja ikut waktu kerana mereka tidak pindah ke kawasan lain dan kawasan itu hendak dibangunkan.

Saya hendak menyarankan di sini hendak beri satu amaran bahawa jangan salah gunakan peruntukan yang diberikan dalam kementerian MITI ini supaya tidak diambil peluang oleh syarikat-syarikat automotif yang mengaut untung daripada kebajikan yang dibuat oleh kerajaan disalahgunakan. Ini kerana saya diberitahu bahawa syarikat Proton akan berhijrah ke Tanjung Malim dan membangunkan kawasan itu dan ini adalah satu sikap yang tidak begitu

proaktif kerana tidak dapat macam Perodua, bersaing secara *gentleman* untuk hasil secara *gentleman* dan produk mereka.

Kalau dibuat perbandingan, lebih baik daripada apa yang kita hendak bandingkan. Akan tetapi dalam masa yang sama, pentadbiran harus tidak mengkhianati amanat yang diberikan dalam bajet yang telah pun dibentangkan oleh Menteri Kewangan supaya jangan dikhianati perjanjian itu ataupun jangan dikhianati urus tadbir itu. Ini kerana adalah melibatkan masa depan negara dan kalau hendak mengambil untung segera, maka kita kena hukum dia. Tidak kira siapa dia, tidak kira dia Tan Sri kah, Tun kah, Dato' kah, Cik kah, Puan kah atau Yang Berhormat kah, kalau dia khianati ataupun dia mengambil peluang atas kebaikan yang diberikan, mereka wajib dihukum. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Labuan.

3.13 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk Butiran B.24, 030200 - Hubungan Ekonomi dan Perdagangan dan Butiran 030500 - Dasar dan Penyelarasan Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Saya diberi peluang atau diberi tanggungjawab pada beberapa bulan yang lepas bersama-sama dengan Yang Berhormat Ipoh Barat untuk ke Taiwan menghadiri *Asia Pacific Parliamentarian Union Forum*.

Daripada pengalaman itu, saya melihat Malaysia seperti agak tertekan oleh *One China Policy* dalam apa-apa juga hubungan diplomatik terutamanya dengan Taiwan dan begitu juga daripada informasi-informasi yang lain. Malaysia agak tertekan walaupun Taiwan pada masa ini ingin mengadakan ataupun ingin menandatangani *Economic Cooperation Agreement (ECA)* dengan Malaysia yang mana ia adalah- saya lihat penting untuk Malaysia untuk memastikan Malaysia terus mempunyai posisi ataupun keadaan yang *advantage* dalam perdagangan dunia pada masa ini di mana keadaan perdagangan adalah begitu sengit saingannya.

Pada masa yang sama, Taiwan telah pun menandatangani ECA bersama dengan negara Singapura dan New Zealand, *among others* yang saya ingat. Perdagangan kita bersama Taiwan adalah begitu signifikan juga, agak besar iaitu 21 bilion eksport dan 31 bilion import. Taiwan dilihat adalah di antara ekonomi yang begitu membangun. Jadi adakah Malaysia akan menandatangani ECA bersama Taiwan? Saya harap kita akan dapat mencari jalan untuk mencari penyelesaian supaya perdagangan kita bersama Taiwan ini tidak terjejas oleh sebab *One China Policy* dan kita tidak menandatangani padahal pesaing-pesaing kita ada menandatangani ECA bersama dengan Taiwan.

Begitu juga saya ingin menyentuh mengenai pelaburan FDI dari China yang mana baru-baru ini ada soalan saya yang menanyakan *Committee* ataupun jawatankuasa khas tertinggi diadakan untuk menangani pelaburan-pelaburan dari China yang mana China begitu berminat untuk melabur di Malaysia. Pada masa ini juga kita merasakan kita terlalu berhati-hati ataupun juga ada tekanan dari pihak ketiga yang ingin melihat hubungan Malaysia bersama mereka lebih

rapat daripada hubungan China yang mana mungkin dilihat sebagai satu kuasa besar yang menjadi pesaing kepada mereka terutamanya di kawasan yang mana saya wakili iaitu Labuan.

Labuan telah didatangi oleh pelabur-pelabur ataupun *potential investors* dari China yang ingin melabur di sektor infrastruktur dan juga perdagangan terutamanya di dalam perdagangan minyak dan gas. Akan tetapi kadang-kadang ia dilihat ataupun respons yang dilihat yang kita dapat ada bahasa-bahasa yang menunjukkan ada kaitan dengan *geopolitic*. Jadi saya berharap kementerian akan dapat melihat supaya peluang-peluang ini yang mana kita pada masa yang sama juga mempromosikan FDI untuk masuk ke Malaysia tidak akan terlepas begitu sahaja.

Di Labuan juga seperti di Jasin, telah pun diisytiharkan sebagai pusat *halal hub* yang mana infrastruktur untuk *halal hub* yang berjumlah lebih RM100 juta telah diadakan. Walaupun pada masa ini kejayaannya masih belum seperti yang diinginkan, saya berharap program-program untuk memastikan kejayaan *halal hub* ini akan dapat dimantapkan dan pastikan Labuan juga menjadi keutamaan. Dengan itu, saya sudahi dengan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.19 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Saya tidak jangka sehingga 18 Yang Berhormat mengambil bahagian.

■1520

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada 20 Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ada 20?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada 20 orang Yang Berhormat dalam catatan Speaker.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Lebih kurang. Ini menunjukkan bahawa MITI memainkan peranan penting di dalam perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Jadi Tuan Pengerusi, MITI diperuntukkan sejumlah peruntukan RM1,302,613,500. Di mana untuk belanja mengurus RM586,658,500 menurun lebih kurang RM14 juta dan pembangunan RM715.96 juta naik sedikit, RM26.67 juta. Tuan Pengerusi, sebelum itu saya hendak sebut tentang prestasi perdagangan dan pelabur dalam Malaysia kerana banyak menyentuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, memang 18 saya semak ada kekeliruan *numbering*, sebenarnya 18 orang bangun ya.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih... [Ketawa] Betul pula. Tentang prestasi pelaburan dan juga *trade* kerana ramai menyentuh tadi dan terima kasih kerana perkara-perkara ini disentuh dan kita boleh yakin dengan masa depan ekonomi kita yang berasaskan kepada *international* ataupun perdagangan antarabangsa dan juga industri. Saya hanya merujuk kepada pelaburan dalam pembuatan kerana ini yang tercatat dalam MIDA setiap tahun.

Kalau kita bandingkan Januari hingga Julai 2014, jumlah pelaburan yang telah pun diluluskan dalam sektor pembuatan ataupun *manufacturing* ialah RM30.7 bilion berbanding dengan jumlah pelaburan yang sama pada tahun lepas keseluruhannya iaitu berjumlah RM52 bilion. Maksudnya dalam tahun ini sehingga Julai kita pun telah melangkaui jumlah pelaburan tahun lepas, satu prestasi yang kita boleh banggakan. Begitu juga dalam *trade*, dalam perdagangan antarabangsa. Jumlah perdagangan antarabangsa *external trade* tahun lepas ialah RM1.368 bilion.

Akan tetapi tahun kalau dibandingkan tahun ini walaupun hingga September sahaja telah pun mencapai RM1.07 bilion dan dalam tempoh yang sama tahun lepas, Januari sehingga September ialah RM1.005 trilion. Yang tadi RM1.077 trilion Januari hingga September 2014 dan dalam Januari hingga September 2013, RM1.005 trilion dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan satu peningkatan yang tinggi. Ini semua disebabkan oleh faktor-faktor dan dasar-dasar yang telah pun memberikan satu galakan dan juga pemangkin kepada keseluruhan perdagangan antarabangsa dan juga pelaburan.

ASEAN merupakan satu perkara yang penting. Tadi banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam tahun depan satu persetujuan telah dicapai iaitu komuniti ekonomi ASEAN ataupun *ASEAN Economic Community* merupakan- saya baca semula supaya semua faham. Sebab perkara ini seolah-olah ramai yang masih belum faham. AEC merupakan satu pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi dirantau ASEAN bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya untuk menjadikan rantau ini sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif.

Jadi, proses integrasi ini telah bermula sejak lebih 2 dekad dan perjanjian rangka kerja untuk memperkukuhkan ekonomi ASEAN telah pun dibuat pada tahun 1992. Dalam Pelan Integrasi Ekonomi ASEAN yang telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ataupun *ASEAN Economic Community* tadi disokong oleh ketua-ketua negara anggota ASEAN pada sidang kemuncak ASEAN ke-13 pada tahun 2007. Jadi, tadi Yang Berhormat bertanya tentang apakah langkah-langkah yang telah dibuat di peringkat kerajaan dalam negara khususnya dan statusnya.

Saya hendak sebut, sebenarnya terlalu panjang di sini cuma saya hendak sebut satu, dua perkara. Pertamanya ialah semua proses liberalisasi di bawah AEC dijalankan secara berperingkat bagi memastikan kesemua pihak dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan persekitaran perniagaan. Maksudnya ia sedang dilakukan. Kedua, pelbagai program telah disediakan oleh SME Corps. Tadi ada yang menyebut termasuklah MATRADE dan agensi lain di bawah MITI bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia terutamanya dalam melaksanakan program-program pembangunan modal insan bagi PKS juga khidmat nasihat tentang maklumat pasaran serta bantuan pembiayaan perniagaan.

Ini semua adalah dalam usaha untuk memastikan bahawa usahawan-usahawan Malaysia dapat bersaing secara domestik dan seragam, ini juga sedang dilakukan. Ketiga,

memastikan rakyat Malaysia khususnya – ini penting Tuan Pengerusi. Memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai kewujudan AEC melalui pelbagai program kesedaran dan sehingga ini tidak kurang daripada 1,000 program taklimat atau program berbentuk kesedaran telah pun dijalankan bagi tujuan tersebut.

Paling penting juga Tuan Pengerusi ialah misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS di Malaysia mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada di bawah AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN. Sehingga Oktober 2014, sebanyak 27 misi perdagangan ke negara-negara anggota ASEAN telah pun dilaksanakan. Akhirnya, ini tentang langkah-langkah, ini juga penting Tuan Pengerusi. Kerajaan juga bekerjasama rapat dengan majlis-majlis perniagaan di Malaysia di luar negara.

Di ASEAN, majlis-majlis perniagaan ini wujud di Indonesia, di Thailand, di Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan agar usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis perniagaan tersebut supaya lebih faham dan seterusnya membuat perdagangan dan pelaburan yang berkesan di negara-negara tersebut. Sehingga kini Tuan Pengerusi, kita telah pun berjaya meraih daripada tindakan tersebut, daripada langkah-langkah tersebut, kita telah pun berjaya mendapatkan ataupun meningkatkan pelaburan ataupun FDI ke dalam negara kita di mana 7.1% daripada FDI ke ASEAN telah pun berhijrah di dalam negara kita pada tahun 2012 iaitu USD12...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Klang...

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sekejap. USD12.3 bilion telah pun dilaburkan di Malaysia, yang mana jumlah ini adalah keempat selepas Singapura, Indonesia dan Thailand. Jadi ini penting Tuan Pengerusi kerana sebagaimana yang kita sedia maklum, jumlah negara sepuluh tetapi sepuluh jumlah negara dalam rantau Asia ini mengandungi ataupun terdiri daripada lebih kurang 620 juta.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri terima kasih. Dalam perbincangan saya tadi saya telah melontarkan satu idea iaitu untuk *include social responsible investment* sebagai sebahagian daripada *ASEAN Economic Community*.

■1530

Saya bangkit isu ini oleh kerana kita dapati bahawa beberapa buah firma Malaysia yang melabur di Asia Tenggara ataupun ASEAN telah membuat beberapa perkara di mana *an impact on the livelihoods of people*. Misalnya dalam ucapan saya dalam dasar, saya telah bangkit satu isu berkait dengan Mega *First* iaitu satu firma Malaysia yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia yang sekarang akan membuat satu *dammed* di Laos. *Dammed* ini kalau dibuat sepenuhnya akan memberi *impact* kepada beribu-ribu orang nelayan dan juga *farmers* di Laos, Vietnam, *Cambodia* dan sebagainya.

Oleh sebab itu, walaupun kita *give priority to business* oleh kerajaan, *at the same time* mesti ada satu *social responsibility* untuk firma-firma ini supaya menjaga kepentingan penduduk-penduduk tempatan khususnya berkait dengan *environment, livelihood*, hak pekerja, hak wanita dan sebagainya. So, adakah Kerajaan Malaysia akan mengambil kesempatan pada tahun depan supaya bila Malaysia mempengerusikan ASEAN untuk bangkit isu ini dan masuk kepada satu lagi tahap *part of AEC*? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Itu di antara perkara-perkara, di antara perkara-perkara yang akan diambil perhatian. Cuma Tuan Pengerusi saya hendak membetulkan sedikit kesilapan iaitu FDI dekat ASEAN pada tahun 2013 hasil daripada terbentuknya persefahaman tersebut ialah USD122.4 bilion meningkat sebanyak 7.1% pada tahun 2012 dan 10% daripadanya- tadi saya sebut 71%. Sebanyak 10% daripadanya adalah ke dalam negara Malaysia.

Satu lagi prestasi yang membanggakan ialah dari segi perdagangan pula, jumlah pedagang Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN pada tahun 2013 adalah sebanyak RM374.7 bilion meningkat sebanyak 4.6% berbanding dengan tahun 2012. Satu peningkatan. Bagi tahun ini, tujuh bulan pertama, peningkatan sebanyak RM226.8 bilion. Ini satu kejayaan daripada persefahaman tersebut.

Jadi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Jasin dan beberapa orang Ahli Parlimen tadi, apakah yang kita patut buat dengan PKS di dalam negara Malaysia? Pertama, sudah tentulah kesedaran. Keduanya, kita hendak mewujudkan satu rantaian yang besar dalam sebuah rantau ASEAN dan yang paling penting ialah kita berusaha dengan pelbagai langkah untuk meningkatkan daya saing produk PKS di dalam negara kita. Itu yang paling penting. Itu saya rasa menjawab secara umum tentang PKS.

Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan tentang status PKS dalam negara kita. Apakah yang telah dicapai terhadap PKS bumiputera? Saya hendak beritahu di sini iaitu insentif kewangan yang telah diluluskan oleh *SME Corp Malaysia* bagi tempoh RMKe-10 ialah sebanyak RM878.53 juta. Daripada keseluruhan ini, PKS bumiputera telah pun menerima kelulusan sebanyak RM318.71 juta iaitu Tuan Pengerusi 36% daripada kelulusan tersebut. Maknanya, melebihi daripada satu per tiga. Kalau satu per tiga ialah 33%. Ini 36%. Satu angka yang bolehlah kita rasa selesa walaupun banyak lagi ruang yang kita boleh lagi tingkatkan.

Bagi tahun 2013, bilangan PKS bumiputera yang telah dipadankan di bawah program- ini disentuh juga oleh Yang Berhormat Jasin tadi, yang telah dipadankan di bawah program rantaian industri ialah 79 buah syarikat PKS ataupun 53.4% daripada 148 buah syarikat PKS yang telah pun dipadankan. Bagi *detail* yang lain mungkin akan saya jawab secara bertulis kerana banyak butiran yang dipohon oleh Yang Berhormat Jasin. Tentang MATRADE...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya bangkitkan perkara tentang perincian,

pencapaian SME bumiputera di atas satu kesedaran bahawa ada satu *disparity* yang cukup ketara sekali. Dari aspek penguasaan dan pemilikan. Walaupun struktur kependudukan kita sebanyak 68% bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak, pemilikan ekuiti kita hanya berjaya mencapai sebanyak 23.5% setakat ini.

Maka, di sinilah sebenarnya tugas dan tanggungjawab kerajaan bagi menentukan supaya agenda nasional dalam memperkasakan bumiputera sepatutnya kita berikan satu penumpuan yang khusus sekali. Kita hendak ucapkan terima kasih kepada kementerian - setakat ini memang telah banyak membantu. Akan tetapi saya rasa usaha ini patut kita lipat gandakan lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Pengerusi, di Malaysia ini PKS yang telah pun berdaftar lebih kurang 650,000 buah syarikat PKS. Daripada 650,000 itu, 77% adalah mikro *enterprise*. Majoriti ataupun hampir semualah kita katakan-walaupun tidak semua ialah PKS bumiputera. Inilah sebenarnya cabaran kita untuk kita tingkatkan mikro *enterprise* kepada lebih tinggi lagi sama ada kecil ataupun sederhana. Kita mengaku banyak program telah pun disediakan. Terdapat banyak - bukan sahaja program malahan bantuan geran dan pinjaman segala-galanya telah pun disediakan. Akan tetapi, angka tersebut masih belum dapat kita banggakan.

Selepas ini kita akan lebih menjurus kepada kualiti PKS. Kita mungkin tidak boleh berbangga dengan pencapaian dalam *micro enterprise* tetapi kita nak tingkatkan supaya *micro enterprise* itu berhijrah kepada kecil dan sederhana. Itu maksud- terima kasih Yang Berhormat Jasin.

Tentang MATRADE. Tadi Yang Berhormat Jasin membangkitkan tentang sejauh mana syarikat-syarikat bumiputera berjaya dalam mengeksport produk mereka dan sejauh mana MATRADE membantu syarikat-syarikat bumiputera? Sebenarnya di MATRADE ada satu peruntukan yang dipanggil peruntukan Misi Dagangan B2B dan saya mengaku peruntukannya amat terhad dan amat kecil. Kita ada Yang Berhormat Pengerusi MATRADE di sini dan beliau sedang berhempas pulas untuk memastikan bahawa lebih banyak syarikat bumiputera menceburkan diri dalam perdagangan antarabangsa, dalam eksport produk mereka dan ini merupakan satu cabaran. Sehingga kini saya terima banyak desakan dan rungutan tentang ketidakpuasan hati daripada ramai pihak tentang eksport produk bumiputera ke luar negara. Akan tetapi, pada masa yang sama juga saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini bahawa ini merupakan satu pendekatan bersama. MATRADE satu pihak dan syarikat-syarikat bumiputera juga mestilah berjiwa besar dan berani untuk berdepan. *Insyaa-Allah* di bawah MITI ada BPU, SME Corp dan sebagainya dan kita sedia membantu.

Pada petang ini, kita akan pastikan bahawa MATRADE lebih agresif dan kita akan bantu seberapa boleh supaya MATRADE lebih agresif dan lebih ke hadapan di dalam membantu syarikat-syarikat bumiputera di dalam mengeksport produk-produk mereka.

Tentang butiran, saya akan maklumkan secara bertulis Yang Berhormat Jasin kerana panjang sangat. Tuan Pengerusi, begitu juga tentang *halal product*. Ramai yang mengambil bahagian tentang *halal industry*. Benar, HDC atau *Halal Development Corporation* ditugaskan untuk membangunkan industri halal dalam negara kita. Walaupun kita boleh dikatakan agak selesa dengan satu angka bahawa tahun lepas sahaja kita telah berjaya mengeksport hampir RM33 bilion produk halal dan tahun ini sehingga Julai kita berjaya mengeksport produk halal dengan peningkatan lebih kurang 18%. Akan tetapi MITI juga menerima hakikat bahawa perlu lebih banyak lagi *action* ataupun tindakan yang perlu dibuat untuk meningkatkan pengeksportan produk halal di luar negara.

Kita bersetuju bahawa ukuran kepada kejayaan industri halal dalam Malaysia bukan sahaja terletak kepada persijilan, bukan sahaja terletak kepada jumlah produk halal dalam Malaysia tetapi juga mestilah produk halal daripada Malaysia untuk dieksport ke luar negara. Ini merupakan satu cabaran kepada kita semua dan *insya-Allah* MITI akan mengambil catatan dan melihat daripada sudut positif tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Cuma sebagai rekod ya Tuan Pengerusi, eksport saya sudah sebut tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Antara program- Ini perlanjutan tentang program industri halal ini. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan produk halal negara termasuk mewujudkan program-program kerjasama bersama negara-negara seperti Arab Saudi, China, Jepun, Korea, Hong Kong, Taiwan, Pakistan dan Oman. Sebagai contoh dengan negara Jepun, *Halal Industry Development Corporation* telah pun- betul lah mereka minat dengan kita, mereka pun hendak buat industri. Mereka telah pun menandatangani sebagai rekod. Tadi ada menyebut tentang Jepun tadi. HDC telah pun menandatangani MoU dengan *Authorized Company Limited* pada bulan Jun tahun lepas bagi membuka lebih banyak akses kepada pasaran produk dan perkhidmatan halal dalam rantau Asia Timur meningkatkan pengaliran pelaburan dan perdagangan dua hala. Ini di antaranya Tuan Pengerusi. Tentang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sejauh mana kerajaan cuba untuk memainkan peranan untuk memperbanyakkan pemain-pemain industri dalam produk halal ini terdiri daripada orang Islam sendiri sebab saya dapati bahawa peratusan yang banyak yang merupakan pemain utama yang mendominasi industri produk halal ini ialah orang bukan Islam.

Jadi sejauh mana kerajaan membantu kepada usahawan-usahawan Muslim sendiri memberikan galakan supaya lebih ramai untuk melahirkan usahawan-usahawan Muslim untuk terlibat dalam industri produk halal ini supaya kita melihatkan bahawa satu produk halal, satu-satu produk halal yang Muslim daripada orang Islam sendiri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih. Sebenarnya Tuan Pengerusi kita buat dengan izin, *concurrent* meningkatkan

usahawan sesuatu produk bumiputera termasuklah meningkatkan kualiti produk sekali dengan produk halal. HDC bekerjasama dengan JAKIM dan juga Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Itu yang kita atau pun HDC lakukan. Akan tetapi sebagai mana Yang Berhormat Pokok Sena sedia maklum, kita tidak boleh sama kan produk halal negara Malaysia dengan produk halal dengan luar negara. oleh sebab kita sedia maklum mazhab berbeza... [Ketawa] Dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah pun berbeza pendapat. Jadi ini merupakan satu cabaran.

Saya hendak beritahu bahawa negara-negara lain boleh *claim* tentang produk halal mereka, jumlah dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak beritahu di sini hanya Malaysia sahaja yang mempunyai *Halal Data Warehouse* yang diselenggarakan oleh HDC itu sendiri. Akan tetapi yang penting ialah kita sentiasa bekerjasama rapat dengan JAKIM untuk memudahkan status ataupun memudahkan *auditing* persijilan produk halal bagi semua syarikat bumiputera dalam Malaysia dan memang kita galakkan. Semuanya ada dalam pelan tindakan SME Corp itu sendiri.

Tentang Euro 4 dan Euro 5. Oleh kerana ini adalah melibatkan industri, sebenarnya MITI sentiasa menggalakkan supaya penggunaan Euro 4 dan Euro 5 ini disegerakan kerana ia melibatkan industri automotif. Dalam Malaysia kalau kita tidak boleh menyediakan kereta contohnya atau enjin yang sesuai dengan Euro 4 dan Euro 5, kita akan ke belakang. Dalam Malaysia kita menunggu pengusaha-pengusaha minyak ini supaya ke hadapan di dalam menjual dan menyediakan Euro 4 dan Euro 5. Oleh sebab itu menjawab soalan Yang Berhormat Kamaruddin Yusoff iaitu kenapa BHP- ada petrol *curb*, petrol *station* yang buat dulu, kita galakkan sebenarnya, yang penting proses itu berjalan.

Walau bagaimanapun, saya hendak beritahu di sini iaitu hasil daripada rundingan yang berlaku antara pihak pengusaha dengan kerajaan, akhirnya Majlis Ekonomi yang bersidang pada 18 Ogos 2014 telah memutuskan agar pihak Jabatan Alam Sekitar (DOE) untukewartakan tarikh baru. Maknanya warta ini, ewartakan tarikh baru, penguatkuasaan, pelaksanaan piawaian kualiti bahan api berspesifikasi Euro 4 dan juga Euro 5 berdasarkan tarikh-tarikh berikut. Ini boleh catat ini. Euro 4M, RON97 petrol – 1 September tahun depan, Euro 4M RON95 petrol – 1 Oktober 2018; Euro 5 diesel – 1 September 2020; dan Euro 5 RON95; dan RON97 – 1 September 2025. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat pengeluar bahan api juga dibenarkan untuk menjual bahan api Euro 4M atau pun Euro 5 lebih awal dari tarikh yang ditetapkan walaupun pewartaan adalah tarikh-tarikh seperti yang saya sebutkan tadi, tetapi syarikat-syarikat bukan saja dibenarkan malah digalakkan untuk menjual bahan api Euro 4M dan Euro 5 lebih awal daripada tarikh yang telah pun ditetapkan bagi tujuan kualiti jaminan alam sekitar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seputeh membangkitkan tentang peruntukan naik taraf dan penyelenggaraan taman-taman industri. Saya hendak beritahu di sini bahawa pertama memang saya ucapkan terima kasih atas keluhan dan sebagainya. Tahun ini pun MITI cuma terima, ada dalam buku RM20 juta sahaja untuk tahun ini, satu Malaysia... [Disampuk]

■1540

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mana cukup.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Berdasarkan kepada banyak. Ada dua perkara. Berdasarkan kepada - banyak juga kawasan-kawasan yang telah dinaikkan taraf, diselenggarakan dengan baik tetapi MITI sedar bahawa masih banyak lagi kawasan yang perlu diperbaiki. Kalau Yang Berhormat Seputeh merujuk kepada ucapan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kerajaan sedang merangka satu pendekatan baru untuk menaiktarafkan dan menyelenggarakan taman-taman industri secara perkongsian iaitu pendekatan yang dilakukan oleh pihak swasta dan kerajaan akan menyediakan beberapa insentif bagi tujuan tersebut. Ada dalam ucapan bajet.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Maksudnya, insentif adalah kepada pemajulah? Ataupun ia dijadikan seperti di Taiwan di mana seperti konsep kondominium, semua kena bagi *maintain* untuk sebuah kawasan perindustrian? Sebenarnya kalau saya masih ingat, di Taiwan, pemilik industri itu dia tidak memiliki, dia sebenarnya hanya menyewa sahaja dan daripada sewa, ia juga terpaksa membayar *maintenance*. Adakah ini konsep yang sedang dirangka oleh MITI pada masa sekarang?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Dalam bajet menyebut tentang beberapa insentif.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ada dalam ucapan bajet.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Insentif kepada kerajaan negeri, PBT ataupun kepada *developer*?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Masih dalam kerangka lagi. Butiran.., dan kita galakkan semua memberikan pendapat supaya lebih efektif, berkesan di dalam menaiktarafkan dan menyelenggarakan taman-taman industri dan kita boleh dapat dari Selangor, Pulau Pinang dan dari negeri-negeri lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh bangun lagi, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi...

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya rasa sudah itu, sudah jelas...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hanya RM20 juta diperuntukkan untuk menaiktarafkan kawasan perindustrian, betul?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ada dalam buku bajet.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah, RM20 juta mana cukup. Kita lihat tahun 2009, di Selangor sahaja sudah RM28 juta dan tahun 2010, RM32 juta untuk menaiktarafkan kawasan perindustrian di Selangor. Jadi kalau untuk seluruh Malaysia, mana cukup RM20 juta.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Bukan. Terima kasih atas keprihatinan dan terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih ya?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya pun turut prihatin, saya rasa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, oh, sekarang *investment* datang ke Malaysia, separuh tahun ini lebih daripada tahun lepas dan

sebagainya. Jadi kita harus menggalakkan mereka datang. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau pelabur asing datang, oh, mereka mahu membuat pelaburan mereka di Malaysia, bayangkan tempat manakah kita bawa mereka pergi? Semua jalan rosak, banjir, kita tidak ada *showcase* tahu. Kalau bawa mereka pergi ke Pulau Indah, jalan lagi teruk dan sesak, tidak ada papan tanda yang jelas dan sebagainya. Kita hendak tunjukkan apa?

Jadi saya agak sangsi, betulkah angka pelaburan di Malaysia pada tahun ini sudah meningkat dan sebagainya. Kita rasa agak kecewa kerana apabila pelabur asing datang, kita tidak ada *showcase*, tidak ada taman perindustrian yang kita boleh rasa bangga, "*Kalau kamu datang sini, ini ialah keadaan yang begitu canggih yang Malaysia boleh tawarkan kepada pelabur asing*", tidak ada. Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau tidak percaya, *you* bawa saya pergi tengok sebuah tempat sama ada di Johor atau di Selangor di mana kita boleh rasa bangga.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih. Saya juga ingin menyeru pada hari ini bahawa disebutkan penyelenggaraan-penyelenggaraan, naik taraf, selain daripada kerja-kerja memperbaiki parit dan sebagainya, PBT juga ada peranan, maknanya semua pihaklah. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh.

Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan tentang jalan ke Pulau Indah dan sebenarnya MITI menyokong cadangan untuk menaiktarafkan jalan tersebut, dan kerap dibincangkan serta dibawa dalam mesyuarat yang berkaitan. Kita minta pihak JKR mengambil perhatian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Maknanya masih dibincangkanlah? Jadi nanti kita bahas kementerian KKR itu, kita boleh desak lagilah, betul? Jadi adakah MITI memerlukan bantuan kami di sini untuk menolong bagi mendesak pihak Kementerian Kerja Raya?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih. Yang Berhormat Titiwangsa membangkitkan tentang fungsi dan tugas Sekretariat PEMUDAH. Saya hendak menjawab ya, ia telah pun berpindah kepada PEMUDAH, tidak lagi di bawah MITI sebab tidak ada bajet di MITI.

Kenapa tidak ada peruntukan untuk tahun 2015 sedangkan- ini saya sudah jawab tadi. Walau bagaimanapun, MPC diperuntukkan sebanyak RM3.5 juta di bawah pembangunan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti, memudahkan peraturan.

Yang Berhormat Hulu Langat ada membangkitkan mengenai peranan MPC. Sebenarnya MPC ditugaskan untuk sentiasa bergandingan dengan industri dalam meningkatkan kualiti produk masing-masing. Kalau kita tengok rekod, walaupun Yang Berhormat Seputeh tadi ragu-ragu tetapi rekod tidak boleh bohong, trend kita terus meningkat, pelaburan terus meningkat. Ertinya, MPC telah pun menjalankan tugas dengan baik.

Yang Berhormat Putatan tidak ada, saya tidak jawab dan akan jawab secara bertulis.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan tentang *forced labor*. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru

kerana pertamanya, Yang Berhormat Bayan Baru *alert* dengan izin, dan kedua, Yang Berhormat Bayan Baru mengiktiraf segala kejayaan yang telah kita capai. Cuma, Yang Berhormat Bayan Baru bimbang sekiranya isu *forced labor* tersebut menjadi satu kekangan ataupun halangan kepada usaha kita untuk terus meningkatkan pelaburan dalam negara kita.

Saya hendak beritahu bahawa Malaysia telah pun melaksanakan kajian transformasi strategi bagi *labor intensive industry* pada tahun 2013. Pada masa ini, MITI sedang bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk menambahbaikkan dasar berkaitan penggajian pekerja asing dalam sektor perkilangan. Pada masa yang sama juga, MITI akan terus memantau perkara-perkara yang berlaku dan kita ada jawatankuasa khas berkenaan pekerja asing di peringkat Kabinet. MITI sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan perkembangan terbaru, saya fikir mungkin Kementerian Dalam Negeri akan menjawab dengan lebih khusus tentang perkara tersebut.

Dasar kereta. Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap ya. Minta Tuan Pengerusi memberikan sedikit laluan.

Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah tindakan kementerian terhadap *Verite Report* di mana *US Labour Department* akan mengambil tindakan terhadap Malaysia? Ini isu pokok mengenai *survivor of our E&E sector*. Kita tidak boleh membiarkan Malaysia dalam *listing*. Maka, tadi saya meminta supaya isu ini dibawa agar kementerian tahu dan mengambil tindakan. Saya rasa ada banyak yang diceritakan dalam *report* ini mungkin adalah tidak benar. Akan tetapi *report* ini memang sudah dibuat, *survey* sudah dibuat dan mungkin juga ada kebenarannya. Jadi kita kena mengambil tindakan terhadap mana-mana individu yang tidak bertanggungjawab. Akan tetapi yang *urgent*, yang paling *urgent*, apakah tindakan kementerian untuk *counter* ini dan bilakah kementerian akan memberikan *counter report* kepada *US Labor Department*? Minta penjelasan.

■1600

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Seperti mana yang saya bagi tahu tadi Tuan Pengerusi, iaitu setakat ini MITI telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan terutamanya Kementerian Sumber Manusia tadi saya sebut dan juga persatuan-persatuan industri, terutamanya *American Malaysian Chamber of Commerce* untuk menentukan bukan sahaja kesahan tetapi juga tentang tuduhan tersebut. Setakat ini kita serahkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menentukannya. Mungkin Yang Berhormat boleh bangkit dalam bajet di bawah Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri adalah mewakili kerajaan. Saya boleh bangkitkan dalam Jawatankuasa Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tolonglah bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, takkan kerajaan tidak *communicate* antara kementerian dengan kementerian yang lain. Betul tidak? Ini tugas Yang Berhormat Menteri dan kerajaan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa.**]

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Bayan Baru, ini melibatkan berbagai-bagai akta. Oleh sebab itu saya sebut tadi kita telah pun mengadakan perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia dan kita sentiasa berhubung. Saya fikir biarlah Kementerian Sumber Manusia yang menjawabnya. Yang Berhormat boleh bangkit kemudian.

Tentang dasar automatif ini, saya fikir saya jawab secara bertulis kerana panjang isunya tetapi yang penting ialah Dasar Automotif Nasional adalah untuk melengkapkan kesemua rantaian nilai yang berkaitan dengan automatif. Jadi, termasuklah kereta *second hand* dan sebagainya yang belum mendapat perhatian tentang pekerja, tentang *spare part* dan sebagainya. Saya ingat, saya jawab bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan. Dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tentang Taiwan. Lima minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit, ya.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tentang perhubungan Taiwan. Saya fikir semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita menghormati negara China...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Labuan- kita menghormati negara China dalam konsep 1China Polisi dan kita baru sahaja meraikan hubungan baik negara China dan Malaysia atau ulang tahun ke-40 hubungan baik antara China dan Malaysia. Malaysia perlu berhati-hati di dalam semua pendekatan. Walau bagaimanapun, saya pernah berdepan dengan peniaga-peniaga, pedagang-pedagang daripada Taiwan bahawa selama ini sebenarnya saya guna perkataan dengan izin, *we enjoy the trade*. Walaupun kita tidak ada apa-apa hubungan perjanjian secara formal antara Taiwan dan juga Malaysia. Saya guna perkataan dengan izin kita *enjoy the trade between two country*.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya rasa ada jalan untuk kita tandatangan dan tidak *offend brother* China kita dengan izin. Oleh sebab China sendiri pun menandatangani *Economic Cooperation Agreement* dengan Taiwan. Cuma mungkin ini adalah terma-termanya iaitu kalau dilihat Singapura, tandatangan itu dibuat- *the separate*, dia buat *agreement* yang Taiwan *described itself as, "The separate customs territory of Taiwan"*. Jadi, dia gunakan *territory* sebagainya seperti Penghu, Kinmen and Matsu di dalam *agreement* tersebut supaya tidak *offend* 1China Polisi lah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Labuan, kita mengambil perhatian. Mungkin kita boleh bincang dengan Kementerian Luar Negeri.

Akhir sekali, saya hendak bagi tahu sini Tuan Pengerusi bahawa banyak perkara-perkara yang dalam bentuk fakta yang saya akan jawab dalam bentuk bertulis. Termasuk juga permohonan-permohonan daripada Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Kota Melaka dan sebagainya. Akhir sekali saya hanya menyentuh sedikit tentang TPPA, walaupun Yang Berhormat Lembah Pantai sudah tenung saya. Saya hendak bagi tahu bahawa pertamanya, tidak ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kena tenung baru boleh jawab.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Akhirnya CBA yang *complete*, dengan izin, dibuat setelah semua perkara-perkara yang dirundingkan dimuktamadkan, saya hendak bagi tahu ya, bukannya ditandatangani. Setelah dimuktamadkan, ia berbeza antara dimuktamadkan dengan ditandatangani.

Yang Berhormat Lembah Pantai serta Ahli Yang Berhormat yang lain meminta supaya laporan interim dibentangkan di dalam *caucus*. Saya hendak bagi tahu di sini bahawa kita boleh bincang tentang laporan tersebut di peringkat *caucus*. Kemudian, mengapa kita tidak membentangkan laporan status TPPA secara berjadual. Yang Berhormat Lembah Pantai dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain sedia maklum bahawa mesyuarat juga tidak- mesyuarat di peringkat Menteri, mesyuarat di peringkat pemimpin juga tidak mengikut jadual yang khusus. Cuma disebut begitu sahaja. Yang Berhormat Menteri MITI bukan sahaja berjanji malahan komited bahawa setiap perkembangan akan dilaporkan kepada *caucus* dan amalan yang lepas Yang Berhormat Menteri MITI juga bertemu dengan *caucus* sebelum beliau hadir dalam mesyuarat TPPA di peringkat Menteri.

Perkembangan terbaru, *insya-Allah* akan Yang Berhormat Menteri bentangkan ataupun bincang dengan *caucus* tidak lama lagi dalam tempoh yang terdekat ini. Mungkin selepas persidangan UMNO. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri... belum jawab lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri sudah habis jawab, yang tidak dijawab ini...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Dia tidak jawab soalan kita... *[Disampuk]* Tuan Pengerusi, tolong arahkan Yang Berhormat Menteri jawab soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, masalah sekarang Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri sudah habis jawapan ya. Kalau tidak, mana-mana jawapan yang belum dijawab boleh secara bertulis.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, kalau dia janji buat bertulis, saya boleh terima.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kebanyakan Ahli yang bertanya adalah ahli *caucus*. Saya sebut tadi kita akan bincang, kita akan terangkan dalam mesyuarat *caucus*. Semua Yang Berhormat tadi Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Lembah Pantai, semua ahli *caucus* termasuk Yang Berhormat Jasin.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, oleh kerana *caucus* tidak kerja maka saya terpaksa tanya di sini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mereka bertanya sebagai ahli *caucus*. Akan tetapi kami sebagai bukan ahli *caucus*, sebagai Ahli Parlimen hendak tahu apa.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ya, betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh pihak kerajaan. Takkan hendak layan keistimewaan hanya kepada ahli *caucus*? Yang bukan ahli *caucus* tidak ada keistimewaan kah? Sedangkan kami juga Ahli Parlimen... *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Ini Dewan Rakyat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Selepas itu pula *caucus* tidak buat mesyuarat. *Caucus* tidak bermesyuarat, tidak tahu bila hendak bermesyuarat, langsung tidak dapat jawapan... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya minta Tuan Pengerusi arah Yang Berhormat Menteri jawab soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak boleh arahan. Saya tanya Yang Berhormat Menteri sudah habis jawapannya. Sila duduk Yang Berhormat... *[Disampuk]* Okey, ini saya sudah baca kali yang ketiga.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM586,658,500 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM586,658,500 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM715,955,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM715,955,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah bertukar giliran dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

■1610

**Maksud B.31 [Jadual] –
Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Seremban.

4.10 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat jawatankuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Pertamanya berkenaan dengan Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa, dan juga Butiran 020400 – Pembangunan Industri.

Tuan Pengerusi, isu yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan *cruise tourism* yang telah banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini kerana bagi saya, pandangan saya ialah *cruise tourism* ini merupakan satu subsektor pelancongan yang amat berpotensi tetapi pada pandangan saya, walaupun pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menubuhkan *Malaysia Cruise Council* tetapi saya rasa *Malaysia Cruise Council* ini belum lagi memainkan peranan yang sepatutnya kerana dalam tempoh lebih setahun ini walaupun *council* ini telah ditubuhkan tetapi belum ada lagi apa-apa dasar dan juga *blueprint* bagaimana Malaysia boleh membangunkan *cruise tourism* ini.

Saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri perlulah melihat kepada perkara ini dengan lebih serius supaya Yang Berhormat Menteri sendiri dapat mempengerusikan mesyuarat ini dalam masa terdekat supaya kita dapat merangka satu *blueprint* bagaimana kita dapat membangunkan *cruise tourism* ini khususnya di negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Ini kerana di Pulau Pinang, Pelabuhan Swettenham Pier yang amat strategik ini boleh menarik syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa untuk menjadikan Malaysia sebagai *homeport* tetapi sekarang ini kita ketinggalan kepada Singapura kerana kekurangan kemudahan pelabuhan yang canggih, pelabuhan yang dapat menampung kapal-kapal yang besar, maka kita telah ketinggalan. Kapal-kapal yang ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai *homeport* tidak dapat menjadikannya sebagai *homeport* kerana kekurangan kemudahan infrastruktur ini. Jadi

saya amat mengharapkan bahawa *Malaysia Cruise Council* ini dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan baik supaya kita dapat bersama-sama membangunkan *cruise tourism* ini.

Berkenaan dengan *cruise tourism* ini, sukacita juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya melihat bagaimana kita dapat memberikan insentif supaya syarikat-syarikat ataupun *cruise liner* ini dapat menawarkan halal *cruise* kepada pelancong-pelancong khususnya kepada pasaran-pasaran pelancong yang beragama Islam khususnya dari Indonesia dan Timur Tengah.

Ini kerana saya ada tanya satu soalan kepada pihak kementerian berkenaan dengan apakah insentif yang diberikan oleh kementerian kepada pengusaha-pengusaha pelancongan untuk kita menawarkan pakej halal *cruise tourism*. Jawapan yang saya terima daripada pihak kementerian pada 29 Oktober 2014 mengatakan bahawa, "*Pihak kementerian melalui Bahagian Pembangunan Industri tidak menawarkan sebarang insentif kepada pengusaha pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej halal cruise tourism. Pihak kementerian hanya mengadakan insentif bagi acara sambutan di pelabuhan semasa ketibaan kapal persiaran yang besar yang berlabuh di Pelabuhan Klang Cruise Centre buat kali pertama. Walau bagaimanapun, kementerian mempertimbangkan isu ini untuk dimasukkan dalam mesyuarat Cruise Council jika terdapat permohonan.*"

Yang Berhormat Menteri, saya hendak mengatakan bahawa baru-baru ini pada minggu lepas, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang telah menerima lawatan...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun. Sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Seremban. Tentang pembangunan industri yang saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Seremban iaitu kita memang sedia maklum bahawa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah berusaha untuk menarik lebih pelancong ke negara kita dan usaha selain daripada *road show* dan juga *mission* dan juga menyertai beberapa *travel mart* yang besar seperti baru-baru ini di Shanghai CITM atau *China International Travel Mart*.

Saya bertuah dapat peluang bersama untuk hadir bersama dalam *travel mart* ini dan saya berasa amat kesal bahawa sambutan atau penyertaan oleh negeri-negeri tidak begitu menggalakkan. Hanya empat negeri yang ambil bahagian. Oleh sebab itu, dalam promosi industri oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini, saya anggap koordinasi di peringkat negeri ini tidak begitu diterima. Apakah sebab? Ini kerana kementerian ini menarik pelancong juga untuk negeri-negeri. Jika negeri tidak melibatkan, hanya syarikat swasta yang terlibat, saya ingat ini tidak cukup menggalakkan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya rasa pihak kementerian perlu ambil maklum perkara ini dan cuba menjemput pihak kerajaan-

kerajaan negeri. Saya rasa dari Pulau Pinang dan Selangor ini memang tidak ada masalah untuk kita bersama-sama kalau ada jemputan daripada pihak kementerian.

Saya hendak sambung sedikit berkenaan dengan halal *cruise* tadi. Saya harap pihak kementerian melalui *Malaysia Cruise Council* dapat melihat kepada perkara ini kerana saya tahu bahawa ada banyak syarikat perkapalan yang berminat. Minggu lepas, ada taklimat oleh *Halal Penang* kepada sebuah syarikat perkapalan di atas kapal tersebut dan mereka amat berminat untuk mendapatkan *certification* halal untuk restoran-restoran dalam kapal-kapal tersebut. Saya harap ini dapat diberi perhatian.

Kedua Tuan Pengerusi, saya hendak fokus kepada isu berkenaan dengan *Fabulous Food 1Malaysia* yang telah pun diberikan teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini. Selepas teguran daripada Ketua Audit Negara itu, pihak kementerian telah membuat satu respons ataupun satu *ruling* iaitu pihak kementerian, kalau mengikut laporan dalam media, mengatakan bahawa pihak kementerian mulai tahun ini tidak akan membenarkan lagi makanan-makanan tidak halal dalam program *Fabulous Food 1Malaysia* ini. Saya merasakan ini satu keputusan yang kurang bijak yang sepatutnya perlu dikaji balik kerana saya rasa *tagline* pelancongan kita ialah *Malaysia Truly Asia*. Kita sepatutnya menjual kepelbagaian kita dan memang dari segi *food tourism* kita, memang kita ada kepelbagaian. Ada makanan halal, ada makanan tidak halal. Jadi kalau makanan tidak halal itu tidak dipromosikan dalam program-program ini, saya rasa itu menewaskan matlamat yang ingin dicapai dalam program ini.

Saya rasa Laporan Ketua Audit Negara ini tidak adil kerana saya rasa ini bukannya penyelewengan dari segi dana. Ini dari segi apa jenis makanan. Mereka hendak audit itu, saya rasa itu tidak patut. Kalau ada penyelewengan dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan macam dahulu ada RM1.8 juta digunakan untuk buat *Facebook*, saya orang pertama akan lawan dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi saya rasa laporan ini tidak begitu adil dan kita perlulah *Malaysia Truly Asia* ini patutnya dititikberatkan.

Kalau tidak ada *bak kut teh*, *bak kut teh* halal itu bukan lagi *bak kut teh*, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kalau di Jalan Alor tidak ada makanan tidak halal yang dipromosikan, ia tidak akan menjadi tarikan kerana Jalan Alor ini yang menarik pelancong-pelancong dari China, Taiwan dan Hong Kong. Saya rasa kalau makanan tidak halal tidak dipromosikan di sana, ia tidak akan menjadi satu tarikan. Lainlah kalau katakan program itu dibuat Kuala Terengganu, sudah tentu makanan yang ingin dipromosikan itu ialah makanan halal macam nasi dagang dan sebagainya. Jadi saya rasa perlu ada fleksibiliti...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri adalah seorang yang kita kenal rapat, bukannya seorang yang ekstremis, Yang Berhormat Menteri adalah seorang yang *moderate*, dalam Kabinet, seorang Menteri yang *moderate*...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini dan membuat satu *ruling* supaya menarik balik apa yang telah ditentukan itu supaya program *Fabulous Food 1Malaysia* ini dapat diteruskan seperti biasa.

Sila Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada rakan saya, Yang Berhormat Seremban. Adakah Yang Berhormat Seremban bersetuju dengan saya bahawa Jalan Alor adalah salah satu tempat yang boleh menarik ramai pelancong dari negara China, Taiwan, Hong Kong, Macau dan juga Eropah? Oleh kerana *existent* MH370 salah satu yang menghalang lebih pelancong dari negara China, selain itu, oleh kerana negara kita minta visa yang amat susah dan juga kena *fees* yang tinggi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa oleh kerana negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, *Britain, French, Italy, Germany* dan *Spain*, dan juga negara jiran seperti Thailand pun juga tidak guna visa datang ke Malaysia, adakah bersetuju dengan saya bahawa negara kita mengecualikan *fees* visa untuk pelancong dari Republik China untuk melawat Malaysia? Adakah bersetuju dengan saya?

■1620

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ucapan Yang Berhormat Bukit Bintang masukkan dalam ucapan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri memberikan dapat memberikan satu jawapan berkenaan isu visa daripada pelancong-pelancong daripada negara China. Saya hendak sambung sedikit Tuan Pengerusi, berkenaan tadi ialah *Fabulous Food 1Malaysia*. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji balik perkara ini dan supaya kita dapat benar-benar mempromosikan negara kita *Malaysia Truly Asia* supaya tidak ada satu sekatan kepada makanan-makanan yang tidak halal untuk dipromosikan pelancong-pelancong luar khususnya kepada segmen-segmen pelancong-pelancong dari China, Taiwan, Hong Kong dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 01300 - *Malaysia Year of Festival (MyFest)*. Semasa perbahasan peringkat dasar, pihak Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa cadangan saya untuk memberikan peruntukan kepada setiap kawasan Parlimen tidak dapat dilaksanakan. Namun, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa akan mempertimbangkan kalau ada permintaan-permintaan daripada kawasan-kawasan Parlimen khususnya.

Saya di sini menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Menteri, maka saya dengan ini ingin membuat satu cadangan kepada kementerian di Parlimen Seremban, pihak ataupun pejabat Ahli Parlimen Seremban bersama-sama dengan Tokong Then Sze ataupun sebuah tokong yang telah pun dilawati oleh Yang Berhormat Menteri, ingin mencadangkan untuk membuat satu *Festival of Light* pada Tahun Baru Cina tahun depan. Saya ingin membuat permohonan ini dan kertas kerja itu akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri selepas ini. Saya harap dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Berkenaan dengan 110000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) ataupun *Tourism Malaysia*. Cuma saya hendak tanya satu soalan kepada Yang Berhormat

Menteri kerana Pengerusi Lembaga tersebut iaitu Pengerusi *Tourism Malaysia* pada ketika ini ialah mantan Menteri. Saya difahamkan bahawa pelantikan beliau adalah untuk tempoh dua tahun. Saya hendak tanya, bilakah tempoh tersebut akan berakhir? Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya tidak menyambung lagi pelantikan tersebut kerana saya rasa beliau tidak dapat menjalankan tugas dengan baik. Tidak ada apa-apa yang telah pun selama dua tahun ini. Tidak ada apa-apa *value added* kepada *Tourism Malaysia*. Lebih baik pilih seorang pengerusi yang benar-benar dapat berkhidmat, dapat menyumbangkan tenaga dan idea baru untuk *Tourism Malaysia*... [Tepuk]

Terakhir Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Ashram. Saya hendak bertanya soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Ipoh Barat yang minta saya tanya, apakah perkembangan terkini mengenai Vivekananda Ashram di mana Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah melawat tempat itu dengan Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Kota Melaka dan lain-lain, ramai rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat bersama-sama pada 6 November 2014. Adakah kerajaan akan menggunakan Akta Warisan, *National Heritage Act* dan mengisytiharkan Ashram tersebut di bawah warisan mengikut akta ini. Sila rujuk kepada seksyen 67, 25(1), 27(1), 31 dan *Antic Act* supaya ini kita dapat mewartakannya sebagai sebuah bangunan *heritage* untuk ibu kota kita. Jadi, itu sahaja.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, boleh saya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Cukuplah.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sikit saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka boleh berbahas.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh bahas?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

4.24 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana beri peluang untuk saya berbahas dalam peringkat Jawatankuasa bagi Maksud B.31, Butiran 080000, 060000, 110000, Warisan Negara, Perpustakaan Negara dan juga Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Saya ucap tahniah kepada kerajaan atas pelbagai inisiatif dan usul dibuat sebagaimana dilaporkan sebelum ini, kita lihat walaupun kita menghadapi isu MH370 dan MH17, dari segi jumlah wang masuk hasil daripada usaha-usaha penggalakan pelancongan yang dibuat, kita mendapat peningkatan yang begitu ketara, sebanyak 13.2% iaitu dengan jumlah RM35.3 bilion. Ini peningkatan yang baik, namun itu adalah sehingga Jun 2014. Kalau boleh dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri dapat memperincikan lagi. Kalau boleh dilaporkan,

berapakah jumlah pendapatan sehingga kini ataupun jangkaan yang boleh dicapai oleh kerajaan melalui usaha-usaha yang sedang dilakukan ini.

Daripada itu juga, kita dapat lihat bahawa daripada beberapa buah negara pelancong yang datang ke negara ini, kita dapat lihat bahawa pelancong daripada negara Singapura dan Indonesia antara jumlah menyumbang kepada jumlah kehadiran pelancong yang begitu ramai ke negara kita. Kalau kita lihat laporan Singapura, tahun 2014 sahaja sehingga kini, kita lihat pada hampir 7 juta pelancong datang daripada Singapura dan Indonesia saja 1.3 juta yang hadir. Apakah mereka ini benar-benar pelancong ataupun hanya datang bekerja ataupun Singapura datang masuk isi minyak dan sebagainya. Kita hendak tengok dari segi kualiti, apakah mereka ini benar-benar berkualiti.

Walaupun saya yakin mereka adalah di kalangan benar-benar pelancong, cuma apakah jumlah ini dia sudah termasuk dengan penduduk dari Singapura dan Indonesia yang ada dalam negara ini. Bagaimana kementerian membuat pengasingan ini, mengenal pasti pelancong-pelancong ini. Saya percaya kalau daripada Jepun, daripada negara-negara *Europe* ini, mereka adalah pelancong yang berkualiti tetapi daripada negara-negara jiran ini, bagaimana kita hendak klasifikasi dan kita hendak mengenal pasti mereka adalah benar-benar pelancong yang benar-benar membawa wang dan memberi pulangan pendapatan kepada negara.

Untuk itu juga dalam tempoh yang akan datang ini, kita juga tahu bahawa tentu dengan keadaan perubahan iklim, cuaca yang begitu berubah, kita lihat di utara negara kita dengan puting beliung dan sebagainya, ini juga kesan kepada sektor pelancongan negara kita. Oleh kerana itu, apakah kementerian mengambil langkah-langkah tertentu untuk melihat semua fenomena ini bagi membolehkan *target* dan sasaran kita untuk meningkatkan pendapatan negara dan juga jumlah kehadiran pelancong ke negara kita tidak terjejas dengan perkara-perkara ini. Saya pohon ulasan daripada pihak kementerian.

Butiran 080000 - Warisan. Saya juga ucap tahniah kepada kerajaan kerana banyak usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk memastikan pelbagai bangunan dan juga perkara-perkara yang menjadi warisan negara ini terpelihara. Namun demikian, saya harap supaya kerjasama dibuat dengan pelbagai kementerian lain kerana juga didapati misalnya di Taiping, saya dapati bahawa banyak bangunan lama yang patut dipelihara tetapi oleh kerana pembangunan hendak dilakukan, bangunan-bangunan tersebut dirobuhkan, ia sebenarnya amat bernilai kepada kita. Jadi, bagaimana pihak kementerian melakukan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain melalui organisasi dan sebagainya supaya bangunan penting ini tidak dirobuhkan kerana ia memang menjadi bahan sejarah kepada kita.

Berkaitan dengan ini juga saya hendak tanya kerajaan, saya difahamkan jawatan Pesuruhjaya Warisan Negara telah pun dihapuskan. Saya difahamkan, sama ada benar atau tidak, saya harap Yang Berhormat Menteri jawab. Ini kerana saya difahamkan bahawa jawatan itu hari ini tidak sedia ada dan tanggungjawab itu diserahkan kepada Ketua Pengarah. Saya hendak tahu juga, apakah perkara ini dia akan menjejaskan perkara-perkara termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005? Kita dapat lihat bahawa dengan tiadanya jawatan khusus

Pesuruhjaya Warisan ini, kita lihat kuasa Yang Berhormat Menteri untuk melantik individu-individu tertentu yang berpengaruh. Misalnya kita lihat bahawa hari ini, kita ada pakar-pakar misalnya Datuk Dr. Maznah Mazlan boleh digunakan kepakarannya untuk urusan kita dengan peringkat antarabangsa.

Kita ada misalnya Profesor Ghafar daripada universiti-universiti tertentu yang mempunyai kepakaran. Maknanya kalau jawatan Ketua Pengarah ini, bukan saya tidak setuju tetapi nampaknya kita terpaksa mengambil pegawai-pegawai daripada yang diperakukan oleh JPA. Jadi jawatan penting ini kerana hendak pastikan supaya standard kita lebih tinggi daripada kebanyakan negara lain. Kalau jawatan Pesuruhjaya Warisan Negara ini ditiadakan, saya bimbang banyak usaha-usaha kita untuk melobi misalnya Lembah Belum dan sebagainya, kita hilang kepakaran begini.

■ 1630

Jadi bagaimana perkara ini hendak ditangani, apakah perancangan kementerian? Saya rasa adalah wajar jawatan Pesuruhjaya Warisan ini dikekalkan, diwujudkan kembali. Kalau ada pun mungkin bertindih dari segi jawatan Ketua Pengarah, kita boleh berbincang kerana dilihat kembali supaya peranan kumpulan-kumpulan pakar ini, mana Yang Berhormat Menteri ini diberi kuasa dan boleh melantik pakar di luar daripada pegawai-pegawai yang dilantik melalui JPA dan sebagainya. Ini penting sebenarnya supaya usaha kita untuk meletakkan negara kita dan memastikan individu-individu yang misalnya kita lihat Universiti Terengganu, ada seorang pakar, Dato' Profesor Ibrahim Komo, pakar yang memang mempunyai kepakaran, keupayaan, ada ilmu dan sebagainya. Ini tokoh-tokoh kalau JPA lantik, itu dia tidak boleh lantik untuk jawatan ini. Jadi saya harap ini dipertimbangkan.

Yang Berhormat Raub hendak cakap?...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Raub tegur Yang Berhormat Lenggong, pandang ke Speaker.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Betul, Speaker tidak bagi tengok Yang Berhormat Raub. Lagipun buat apa tengok Yang Berhormat Raub pun kan? Betul, saya setuju.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tahu reaksi Yang Berhormat Raub itu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lagipun tengok Yang Berhormat Raub, tiada apa benda pun... *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat, saya harap perkara ini dikaji dan saya juga minta oleh kerana kawasan saya adalah kawasan yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia, dan hari ini kita lihat bahawa kehadiran pelancong meningkat, pelajar-pelajar universiti datang untuk buat kajian. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dan jabatan berkaitan, mempercepatkan usaha pembangunan ke tempat misalnya di tapak-tapak selain dari galeri yang ada. Tapak-tapak yang ada di kawasan seluas 1900 hektar ini mesti dibangunkan kerana dengan kehadiran pelajar dan kehadiran pelancong pergi ke tempat-tempat yang nampaknya rosak dan sebagainya, ia

membawa imej yang tidak baik kepada tapak ini. Jadi saya harap perkara ini diberi pertimbangan dan dipercepatkan perkara tersebut.

Dan satu lagi, saya harap Perpustakaan Negara menambahkan bilangan perpustakaan di kawasan-kawasan luar bandar, dan saya mohon juga Perpustakaan Negara mewujudkan sebuah perpustakaan di kawasan saya bagi membolehkan segala bentuk pengetahuan yang ada dapat dimanfaatkan oleh rakyat secara keseluruhannya.

Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih, dan saya harap perkara berkaitan dengan Pesuruhjaya Warisan ini diteliti semula dan dikembalikan kedudukannya kerana ia penting. Kalaupun ada pertindihan kuasa, saya fikir boleh disusun dan diperbincangkan supaya tenaga-tenaga pakar luar yang kita lihat penting dapat dibawa masuk untuk membantu kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai yang hendak berucap... [*Mengira jumlah Ahli yang berdiri*] Ada 2, 4, 6, 8, 10. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tahniah Yang Berhormat Menteri, awal tunggu duduk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Butiran berapa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Ketawa*] Saya hendak sentuh Butiran 020000 Pelancongan. Saya hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat tentang kursus yang diberikan kepada pemandu-pemandu pelancong yang dibuat di negeri-negeri, maknanya bukan dibuat di negeri-negeri pintu masuk ke Malaysia. Saya melihat bahawa macam kerajaan tidak berusaha untuk selepas daripada kursus itu mereka betul-betul dapat memanfaatkan ilmu yang mereka peroleh daripada kursus yang telah pun mereka lalui itu untuk mereka dapat berkhidmat sebagai pemandu pelancong yang betul.

ini kerana kebanyakan pelancong-pelancong ini datang melalui pintu-pintu masuk utama, apabila melalui pintu-pintu masuk utama itu dia telah *clear*, dari segi pemandu pelancong dan sebagainya, dia telah *booking*. Jadi pemandu pelancong yang ada di negeri-negeri ini, umpamanya di kawasan-kawasan yang tempat pelancongan dan daerah-daerah ini, dia tidak ada peluang untuk memberikan khidmat untuk menambahkan pendapatan mereka dan sebagainya. Jadi, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan supaya mereka ini bila dilatih, akhirnya akan dapat memberikan ruang, peluang yang lebih baik kepada mereka pada masa yang akan datang.

Kemudian, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan isu, sejauh setakat mana pencapaian yang ada pada hari ini sampai hari ini dari segi kebanjiran atau kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita ini? Berapakah secara spesifiknya dari segi peratus pelancong-pelancong yang pergi ke pelancongan *eco tourism*, dan sebagainya. Berapa peratus pelancong-pelancong yang begitu berminat pergi, umpamanya ke Lenggong, Gerik, ke tempat-tempat sebegitu rupa, berbanding dengan pelancongan dari bandar-bandar besar ke tempat-tempat *shopping* dan sebagainya.

Kemudian, sejauh mana pula kementerian memainkan peranan untuk memastikan bahawa pelancongan kesihatan ini akan dapat meningkatkan lagi kedatangan pelancong-pelancong luar ke negara kita ini untuk menjadikan industri hospital- kesihatan di negara kita ini dapat memberikan kebaikan kepada semua.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh 070000 - Muzium. Ini berkaitan dengan sejarah. Saya baru-baru ini kebetulan pergi ke Sabah, saya pergi ke Keningau. Apa yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, berkaitan dengan Batu Sumpah. Saya juga sendiri tertarik. Pada suatu petang saya berjoging di trek joging di tapak Muzium Warisan Keningau. Jadi lepas saya joging, saya masuk ke dalam itu, jadi betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, memang bila saya lihat dan bila saya ambil gambar replika yang ada di Muzium Warisan dengan gambar Donald Stephen dengan Seenivasagam, sewaktu perasmian Batu Sumpah, dengan Batu Sumpah yang ada di hadapan pejabat daerah itu memang berbeza, dari segi *wording* dan ayatnya. Memang ayat, "*Dijamin...*", "*Kerajaan Malaysia*" itu tidak ada. Sedangkan sejarah awal semasa Donald Stephen dan juga Seenivasagam, melancarkan itu memang ada di Muzium Warisan Keningau. Replika itu memang disebut tetapi yang diletakan di hadapan pejabat daerah itu memang tidak ada.

Jadi saya fikir, apa salahnya kalau kita pastikan kembali apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu itu dapat dimasukkan kembali perkataan, "*Kerajaan Malaysia Jamin*". Itu perkataan yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu sebab bagi saya bahawa sejarah ini seperti satu sajak ini mengatakan bahawa, "*Bacalah yang ada, bacalah yang tiada, bacalah yang dihilangkan*". Itulah sejarah. Sejarah kena baca yang ada, janganlah- yang tiada pun kena baca, yang dihilangkan pun kena baca. Jadi kalau yang dah hilang, bukan setakat kena baca, kena letak balik lah. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat memainkan peranan seperti mana yang telah disebut dalam penggulungan tempoh hari untuk memastikan supaya ini dapat diberikan satu jaminan, *insya-Allah*.

Kemudian, 080000, saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang, apakah peranan kementerian dalam hendak memastikan menyelamatkan kampung-kampung warisan yang ada di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini, umpamanya seperti Kampung Padang Balang yang merupakan kampung sejarah sejak dari tahun 1840-an lagi sudah wujud kampung tersebut.

Saya lihat bahawa hari ini, satu demi satu kampung-kampung warisan ini cuba dihilangkan melalui program-program pembangunan yang sudah tidak nampak lagi tentang kesan-kesan sejarah yang telah pun dibina oleh nenek moyang suatu ketika dahulu.

■1640

Jadi hari ini, kita lihat bahawa kerajaan seperti Dewan Bandaraya lebih mengutamakan menjadi Bandar raya Kuala Lumpur ini sebagai kota batu sehingga sanggup menghilangkan kawasan-kawasan warisan seperti ini. Jadi saya harap seperti Kampung Puah, Kampung Padang Balang dan banyak lagi kampung-kampung, Kampung Chubadak baru-baru ini. Itu ada

sejarahnya dan sepatutnya bagi saya bahawa kementerian melalui warisan ini seharusnya bertanggungjawab untuk menyelamatkan kampung-kampung warisan ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi berkaitan dengan apa-apa syarat untuk kita hendak menyenaraikan atau pun mencalonkan kepada UNESCO untuk bandar-bandar di negara Malaysia ini untuk diberikan pengiktirafan UNESCO. Ini saya minta penjelasan sebab bagi saya bahawa satu bandar yang seharusnya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan khususnya oleh pihak kementerian, bukan Pekan Pokok Sena tetapi Bandar Alor Setar. Sesuai Bandar Alor Setar sebagai bandar yang kebetulannya Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong daripada negeri Kedah kerana bandar ini merupakan antara bandar yang tertua, bandar yang ditemui bermula daripada satu kampung yang pada tahun 1720 lebih kurang, kampung itu ditemui oleh Sultan Mohd. Jiwa II.

Dia bertemu dengan kampung tersebut yang dipenuhi dengan pokok yang dinamakan dengan pokok Setar. Jadi itu antara sejarahnya. Kemudian, dalam beberapa tahun selepas itu, dibina kota batu untuk jadi tempat bersemayam ke bawah duli Tuanku Sultan Mohd. Jiwa II pada waktu itu, maka diangkat menjadi Kota Setar. Kota dengan pokok setar. Kota batu kemudian pokok setar, jadi Kota Setar. Di situlah bermulanya berkembang Bandar raya Alor Setar ini dengan sejarah-sejarah yang tertentu. Jadi saya mengharapkanlah kepada pihak kerajaan dapat ini sebagai anugerah, sebagai hadiah kepada Ke bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong yang mencipta sejarah menjadi Yang di-Pertuan Agong bagi kali yang kedua dan sekarang ini Ke Bawah Duli Tuanku sedang menduduki takhta itu.

Jadi apa salahnya kalau kita mendapatkan pengiktirafan, penganugerahan daripada UNESCO ini kerana memang Bandar Alor Setar ini merupakan bandar yang sejarah. Masjid, antara masjid yang tertua. Masjid Zahir ini masjid antara yang tertua. Ada Balai Besarnya, ada Balai Nobatnya dan ada Terusan Wan Mat Samannya yang sekarang ini terusan itu pun sudah macam tak terjaga. Sepatutnya bagi saya apabila diperoleh anugerah ataupun pengisytiharan sebagai di bawah UNESCO ini, saya percaya bahawa ini akan dapat memberikan satu jaminan untuk kita menjaga warisan yang sangat bersejarah ini yang ada kaitan dengan sistem beraja dalam negara kita ini. Jadi, terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tenom.

4.43 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh butiran 31 – 11000, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat pada tahun lalu sahaja bagi negeri Sabah, seramai 3.38 juta pelancong yang telah hadir ke negeri Sabah berbanding dengan tahun 2012 yang mana sebanyak 17.6% peningkatan. Kalau lihat daripada sudut pendapatan pula Tuan Pengerusi, bagi negeri Sabah sahaja, pada tahun lalu sahaja ia telah menjana lebih kurang RM6.35 juta sahaja.

Ini menunjukkan bahawa industri pelancongan ataupun pelancongan ini boleh menjana pendapatan kepada negara kita.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian Tuan Pengerusi, iaitu berkenaan dengan apakah usaha pihak kementerian dalam menggalakkan lagi ataupun mempromosikan satu-satu tempat atau pelancongan yang ada di negeri Sabah khususnya di kawasan saya Tuan Pengerusi, yang mana di tempat saya juga mempunyai tempat-tempat tarikan yang boleh dikunjungi oleh pelbagai pelancong sama ada dari luar negeri ataupun dalam negeri iaitu usaha untuk membantu pihak Taman Pertanian Negeri Sabah dan juga Pusat Kebudayaan Murut. Saya lihat hari ini *White Water Rafting* yang ada dipanggil itu pun sudah diangkat ke peringkat antarabangsa dan saya ingin mendapat penjelasan. Kalau dilihat potensi ataupun keunikan kedua-dua tempat ini, adalah merupakan tempat yang begitu menarik.

Saya lihat terutama di Taman Pertanian sendiri apabila melihat kepada soal-soal peningkatan infrastruktur yang ada di dalam. Kalau yang ada sekarang Tuan Pengerusi, di Taman Pertanian itu ia mempunyai tiga chalet yang saya kira tidak mencukupi. Begitu juga dengan tempat-tempat penginapan yang ada di taman itu, saya rasa perlu ditambah untuk memenuhi peningkatan kehadiran pelancongan yang saya kira di Daerah Tenom ataupun Parlimen Tenom juga turut mendapat limpahan daripada jumlah kehadiran pelancong yang saya nyatakan tadi.

Begitu juga berkenaan dengan soal-soal untuk membantu menjayakan perayaan-perayaan yang diadakan. Kalau di negeri Sabah, pada setiap tahun kita mempunyai Pesta Menuai dan juga pesta-pesta yang lain. Cuma Tuan Pengerusi, saya juga turut ingin menyentuh berkenaan dengan apakah usaha-usaha juga pihak kementerian dalam soal untuk membantu penganjuran-penganjuran pesta-pesta yang saya kira kalau di negeri Sabah mempunyai keunikan.

Saya ambil contoh Tuan Pengerusi, pada setiap tahun kita akan mengadakan di kawasan saya Pesta Kalimantan yang mana dalam pesta ini menonjolkan unsur-unsur kebudayaan Suku Kaum Murut yang kaya dengan budayanya, pakaiannya, makanan dan pelbagai lagi yang saya kira boleh diangkat untuk dipertontonkan bukan sahaja di kalangan masyarakat setempat ataupun dalam negeri malah boleh dilawati ataupun dikunjungi oleh para pelancong yang ada di luar negara.

Pada baru-baru ini juga Tuan Pengerusi, kita juga telah menganjurkan Pesta Kopi. Tenom terkenal dengan kopi. Saya rasa ini identiti yang sudah tentu ramai orang kenal dan baru-baru ini kita pun telah membuat satu rekod lebih kurang 4,000 orang yang ada pada ketika itu membuat rekod minum kopi bersama. Saya kira pesta-pesta seperti ini yang mana mempunyai keunikan, yang mana boleh menonjolkan satu-satu identiti kaum dan juga kebudayaan, saya rasa pihak kementerian perlu melihat kepada pesta-pesta ini apatah lagi pada tahun hadapan kita juga berharap kalau kita lihat dalam P.31 iaitu penganjuran Malaysia Year of Festival. Jadi kalau di negeri Sabah, banyak sangat festival yang saya kira secara tidak langsung apabila kehadiran pelancong-pelancong ini sudah tentu akan dapat menjana putaran ekonomi setempat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan butiran P.31 – 4900 iaitu berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan kraf tangan Malaysia yang saya kira satu jumlah yang besar sebanyak RM34 juta lebih yang telah diperuntukkan untuk tahun hadapan. Saya lihat Tuan Pengerusi, kita mempunyai pelbagai kraf tangan yang mempunyai keunikan yang mempunyai nilai yang tinggi yang boleh ditonjolkan ataupun yang boleh dipasarkan ataupun boleh dikenali di peringkat yang lebih tinggi.

Saya mengambil satu contoh Tuan Pengerusi, di kawasan saya, saya mempunyai dua kampung yang masih sehingga hari ini mengeluarkan hasil-hasil kraf tangan yang berunsurkan motif suku kaum Murut sama ada dalam bentuk beg ataupun macam-macam yang mereka buat dan ada di antara produk mereka itu telah pun diiktiraf oleh UNESCO. Sebuah beg yang begitu cantik dan mempunyai corak *tradition* yang begitu unik.

Dalam soal ini Tuan Pengerusi, saya minta pihak kementerian supaya dapat membantu terutama kepada industri produk kraf tangan ini . Apatah lagi, kawasan atau kampung yang saya sebutkan tadi itu mereka melaksanakan industri kraf tangan ini secara berkelompok, secara beramai-ramai dalam satu kampung.

■1650

Saya lihat mereka telah berjaya mengeluarkan hasil-hasil produk kraf tangan yang berunsurkan suku kaum Murut itu telah menarik banyak minat para pelancong. Saya minta pihak kementerian supaya dapat membantu pengusaha-pengusaha yang saya nyatakan tadi iaitu pengusaha di Kampung Hulu Bakuku dan juga di Kampung Alutok yang saya kira mereka sememangnya ada beberapa masalah yang saya lihat bukan soal untuk menghasilkan kraf tangan itu tetapi untuk menghasilkan secara banyak lagi. Keunikan kraf tangan mereka telah membuat secara lebih perhalusi, Yang Berhormat Menteri.

Saya kira mereka juga perlu dibimbing oleh pihak kementerian supaya mereka bukan sahaja produk kraf tangan mereka cuma ada di Tenom, di Keningau- kalau di Keningau ada pusat kraf tangan yang telah diwujudkan oleh kerajaan negeri dan sampai ke Kota Kinabalu, tetapi kita mahu juga hasil-hasil kraf tangan mereka ini yang ada di luar bandar ini, kampung ini terlalu jauh Tuan Pengerusi, jauh dari pekan, saya kira hasil kraf tangan mereka ini kalau boleh diangkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Saya kira itu sahaja Tuan Pengerusi yang saya ingin sentuh dalam soal perbahasan ini. Saya minta pihak kementerian supaya membantu apa yang telah saya nyatakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat.

4.51 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Rasulullah pun boleh maafkan umatnya, inikan pula kita, Tuan Pengerusi... [Ketawa]

Saya merujuk terus kepada Butiran 020000 bersekali dengan Butiran 020600 – Pusat Pelancongan Malaysia. Saya dimaklumkan, sama ada berita ini betul atau tidak, antara maklumat yang saya terima, seperti mana untuk memasarkan pelancongan, beberapa negara telah membuat pendekatan seperti ijihad Kerajaan Itali yang hanya membelanjakan tiket dan hotel selama tujuh hari lapan malam sekitar RM4,900. Tujuan dia ialah untuk bila mana pelancong datang ke negara Itali, dia akan *bershopping*, dia akan berbelanja sehingga puluhan ribu. Jadi saya melihat dari sudut *memarketkan* negara ini, peranan emas juga perlu diketengahkan bersama dengan Kementerian Pelancongan, sekurang-kurangnya apabila dia berikan tiketnya murah, tetapi dalam masa yang sama menjana ekonomi pendapatan negara dengan pelancong itu bermewah berbelanja dalam negara.

Ini saya tengok pendekatan yang sungguh positif dan efisien yang boleh dibuat oleh Kerajaan Malaysia yang membolehkan penjaan itu berlipat kali ganda daripada kemasukan pelancong-pelancong terutama sekali dari negara Eropah. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah boleh sedemikian rupa dibuat supaya ianya boleh memberikan kesan yang baik kepada ekonomi negara.

Seterusnya saya juga merujuk kepada Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Tuan Pengerusi, isu penculikan ini apabila saya mendapat maklumat daripada teman-teman dari luar negara yang menjadi penyumbang kepada pelancongan yang datang ke negara ini, masih lagi dilihat sebagai isu penculikan ini dimainkan oleh pesaing-pesaing kita yang saya mendapat maklumat, ia ada juga sedikit mudarat kepada kekhuatiran mereka datang ke negara ini.

Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan saya pada dua minggu yang lalu tetapi saya kira tidak mencukupi kalau peranan duta itu tidak dimainkan. Duta yang menjadi penyumbang kepada pelancong-pelancong datang ke negara ini juga mesti digalas tanggungjawab ini. Jangan 'dok' makan gaji buta, 'dok' senang panaskan kerusi sahaja. Mereka juga mesti berperanan untuk menyatakan bahawa negara ini selamat dan tidak perlu dikhuatiri.

Ini juga menjadi satu isu yang menjadi buah kepada negara-negara pesaing seperti Thailand dan Indonesia yang memperlihatkan bahawa kekhuatiran itu agak sedikit berhasil. Jadi peranan duta-duta ini harus diisi dengan maklumat yang terkini dan meyakinkan syarikat-syarikat ataupun kerajaan itu sendiri supaya rakyatnya selesa datang ke negara ini dan tidak perlu khuatir dengan penculikan-penculikan yang cuba diuar-uarkan, ditakut-takutkan oleh pesaing-pesaing dari segi pelancongan ini. Sebelum ini saya tidak bercakap mengenai peranan duta tetapi kali ini saya bercakap serius soal peranan duta dan pegawai-pegawai kedutaan supaya mereka juga bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan untuk memastikan kekhuatiran itu dilenyapkan dengan maklumat yang terbaik dan terkini.

Butiran seterusnya saya pergi kepada Butiran 080000 – Warisan Negara bersekali dengan Butiran 070000 – Muzium. Saya ingin memohon kepada Kementerian Pelancongan, di tempat saya itu ada satu istana dipanggil Istana Bandar. Saya pernah buka cerita ini sebelum ini

Tuan Pengerusi, tetapi nampak macam tidak terkesan. Jadi saya hendak ulang sekali lagi bahawa sejarah itu, Kesultanan Selangor itu, hebat Tuan Pengerusi, jaga ini.

Kesultanan warisan Diraja Selangor itu bukan sahaja perlu dijaga tetapi perlu dipromosikan termasuk juga makam Diraja di Bukit Jugra kerana di situlah warisan Diraja Selangor bermula. Saya memohon supaya kalau boleh Kementerian Pelancongan memberikan tumpuan untuk mempromosikan bersama dengan kerajaan negeri, sekurang-kurangnya *internally* pelancong-pelancong dalam negara dan juga di luar negara terutama di Indonesia yang melihat warisan Diraja Selangor itu dapat diangkat sejarahnya.

Oleh yang demikian, saya percaya ia membolehkan pendapatan dari kawasan Kuala Langat dapat ditingkatkan dan juga pelancong-pelancong yang datang itu akan memberikan sedikit dan juga tidak sedikit banyak pun maklumat-maklumat asal usul Diraja Kerajaan Negeri Selangor. Maka demikian, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberikan sedikit tumpuan untuk dipromosikan istana di Kampung Bandar itu yang menjadi asas utama ketika kerabat Diraja ditegakkan ataupun diberikan kuasa ketika dalam Kerajaan Negeri Selangor sebelum sejarah merdeka lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya bercadang untuk menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pukul 5.30 petang. Lima minit ya.

4.58 ptg.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk Maksud P.31 Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Saya telah memohon projek *waterfront* di Daerah Belaga. Saya harap ia akan bakal merancakkan lagi industri pelancongan di kawasan Belaga yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah destinasi pelancongan berikutan dengan kedudukan Pekan Belaga ini dikelilingi oleh hutan tropika yang terletak di tepi Sungai Baloi. Maka, saya berharap agak pihak kementerian dapat memulakan projek pembinaan *waterfront* ini dengan secepat mungkin.

Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Saya berpendapat bahawa dengan terbinanya *waterfront* ini nanti dapat mempromosikan Belaga sebagai sebuah destinasi pelancongan *ecotourism* melalui penganjuran Pesta Belaga yang begitu rancak tahun ini. Menyentuh mengenai *ecotourism*, saya juga berharap agar kementerian dapat memberikan sokongan berterusan kepada penganjuran *Baleh-Kapit Raft Safari* agar dapat menarik lebih ramai peserta dari dalam dan luar negara.

Untuk makluman Ahli Dewan ini, Pesta Belaga dan *Baleh Raft Safari* memberi peluang kepada para pelancong untuk melihat sendiri kemeriahan dan perumahan bot perahu panjang tradisional di samping mendalami kebudayaan penduduk tempatan dengan pameran rumah-rumah panjang etnik tempatan. Sememangnya penganjuran Pesta Belaga dan *Baleh Raft Safari*

dapat mempromosikan Sarawak serta budaya etnik yang amat unik, Tuan Pengerusi. Maka, saya mohon agak pihak kementerian dapat membantu mempromosikan kedua-dua pesta ini.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1700

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka.

5.00 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada perbincangan. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020200 iaitu Pusat Malaysia Rumah Kedua Ku dan juga Butiran 020400 – Pembangunan Industri, Butiran 020500 – Pembangunan Prasarana dan juga Butiran 020600 – Pusat Pelancong Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, tentang pembangunan industri yang kita sedia maklum bahawa di negara kita memang terdapat banyak juga taman tema iaitu *theme park*. Kita juga sedia maklum bahawa *theme park* ini semua dilabur oleh rakyat Malaysia. *Theme park* ini juga satu *high risk, higher risk investment*. Oleh sebab itu usaha kementerian untuk menarik lebih pelancong ke negara kita saya percaya tidak bermakna bahawa kita tidak mahu pelancong tempatan. Peranan pelancong tempatan ialah majoriti pelancong kepada *theme park* di negara kita. Kita tidak dapat menarik pelancong asing ke *theme park*.

Saya telah bangkitkan di Dewan yang mulia ini tentang duti hiburan yang masih dikenakan kepada pengusaha *theme park* ini. Jika duti hiburan 25% ini dimasukkan kepada tiket masuk ke *theme park*, saya ingat ini akan menjejaskan iaitu *the gate collection* dengan izin Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat bantu dalam kes ini supaya dapat berbincang dengan pihak Menteri Kewangan supaya dapat mengecualikan kutipan duti hiburan ini dengan dalam pendapatan *theme park*.

Kedua, yang saya tadi bicara tentang kerjasama atau penyertaan dari peringkat negeri. Saya rasa ini amat penting kerana dengan kementerian sendiri tidak cukup tanpa sokongan dari peringkat negeri. Peringkat negeri yang sepatutnya memainkan peranan yang lebih giat atau lebih positif dalam usaha untuk menarik pelancong dari luar negeri.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang ingin saya bangkitkan iaitu tentang 1Malaysia, ada kaitan. Memang tahun depan *Year of Festival* atau MyFest ini. Festival-festival di negara kita tidak boleh lari daripada makanan juga. Bukan hanya festival yang pelancong datang tetapi dalam festival ini, banyak di antara festival kita juga memperkenalkan makanan-makanan tempatan terutama daripada berbilang kaum.

Oleh sebab itu, saya cadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri kalau dapat mengadakan satu *handbook* kepada festival dan bukan *too selective* dengan izin, *they have to be more comprehensive*. Ini perlu satu kerjasama dari semua peringkat negeri iaitu memasukkan semua festival dan semua jenis makanan yang kita dapat sediakan kepada pelancong. Kita tidak

boleh anggap festival ini tidak menarik atau makanan ini memang tidak dapat menarik kerana *we are not sure*, macam tarian atau budaya. Kadang-kadang kita dapati bahawa pelancong asing lebih tertarik dengan minoriti atau orang asal dengan tarian mereka , pakaian mereka yang berwarna-warni lebih menarik dengan Cina, India dan Melayu.

Oleh sebab itu saya anggap kita jangan *be too selective* dan untuk betul-betul menunjukkan *this is Malaysia experience truly Asia*. Saya ingat kita jangan *too selective*. Kita kena menunjukkan begitu banyak festival dan begitu banyak jenis makanan yang boleh didapati di Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terakhir iaitu tentang satu lagi tentang muzium. Muzium saya pernah bangkit dalam perbahasan iaitu Muzium Melaka *have 1001* muzium iaitu *target* untuk mengadakan muzium. Akan tetapi dalam beberapa buah muzium yang saya kunjungi, saya nampak *it was too-* katakan kurang tarikan. Jika kita minta mereka keluarkan berapa orang yang pernah melawat muzium ini saya ingat angka ini memang memalukan kita.

Oleh sebab itu saya cadangkan kalau Yang Berhormat Menteri dapat membuat lawatan kesemua muzium ke Melaka kemungkinan kita kena *merge* beberapa buah muzium supaya lebih ada bahan atau tarikan kepada pelancong asing mahupun tempatan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi Yang Berhormat Jerlun.

5.06 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk turut berbahas dalam peruntukan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Bagi P.31 ini, Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay* Malaysia dan juga B.31, Butiran 020400 – Pembangunan Industri dan juga berkaitan dengan P.31 Butiran 01900 iaitu Pembangunan *Ecotourism*. Ini adalah berkait rapat dengan pembangunan *homestay*. Dimaklumkan dalam peruntukan kali ini kerajaan memperuntukkan RM4.29 juta untuk peningkatan kemudahan *homestay* di Malaysia. Cumanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah *emphasize* atau penekanan terhadap program *homestay* ini diteruskan oleh kerajaan kerana kita sedar kebanyakan *homestay* ini memanglah letaknya di luar bandar dan berkait rapat dengan pembangunan *ecotourism*.

Selain daripada itu, dimaklumkan, difahamkan dan dijangkakan 1,628 orang pengusaha *homestay* akan dilatih untuk memantapkan lagi usaha peningkatan dan penglibatan mereka dalam industri pelancongan. Kita sedar bahawa pada pengalaman kami terutama sekali saya di Jerlun Kedah, kita ada dua buah tempat *homestay* iaitu *Homestay* Jeruju dan juga satunya *Homestay* Pulau Pisang di daerah Kubang Pasu. Masalah utama yang kita hadapi ialah daripada segi hendak mempromosikan produk yang ada iaitu berkait rapat dengan falsafah berkaitan

dengan pemasaran iaitu 4P's, perkara-perkara yang berkaitan dengan 4P iaitu *product, price, place* dan juga *promotion*.

Jadi kita menghadapi masalah kerana di kalangan pengusaha-pengusaha *homestay* yang terlibat ini ada yang sudah berumur dan sebagainya dan yang kurang faham berbahasa Inggeris. Kita harapkan supaya mereka ini juga dapat diberikan tunjuk ajar dan didikan berkaitan dengan hendak menggunakan medium yang sesuai dari dalam bentuk promosi, sama ada dalam *website* dan sebagainya.

Kemudian satu perkara lagi adalah berkaitan dengan *frontliners Malaysia Welcome the World, we are the host*. Ini adalah berkaitan dengan seramai 17,205 orang para pelatih di barisan hadapan yang akan dilatih untuk hendak menggamit kedatangan pelancong-pelancong. Sudah tentulah mereka ini saya kira terdiri daripada golongan orang-orang yang menjadi *tourist guides*. Saya melihat bahawa kekurangan yang ada pada negara kita adalah orang-orang yang menjadi *tourist guides* yang pandai bercerita, *story teller*. Umpamanya kalau kita pergi ke Denmark, Copenhagen contohnya ada pemandu pelancong berumur mungkin 65 tahun atau 70 tahun tetapi dapat berceles sepanjang perjalanan dalam bas atau van yang kita naiki hendak cerita contoh *the Little Mermaid*, dia boleh cerita sampai sejam dari segi sejarah dan sebagainya sehingga kita hairan dan rasa *curious*. Tiba-tiba apabila kita sampai di tempat itu rupanya *the Little Mermaid*, memang *very little* dan tidak ada apa-apa pun sangat. Akan tetapi, orang semua hairan kerana cerita-cerita mereka.

■1710

Jadi kita hendaklah memperbanyakkan lagi *the story tellers* yang boleh menghairankan, mencipta *curiosity* dalam kalangan pelancong-pelancong, dengan harapan lebih ramai *the story tellers* ini yang betul-betul bercerita sama ada cerita yang berkaitan sejarah dan sebagainya, ia dapat turut mempromosikan lagi pelancongan dalam kalangan pendatang ataupun pelancong-pelancong luar negara.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang. Yang Berhormat Bukit Gantang senyum sedikit. *[Ketawa]*

5.10 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan B.31 Butiran 020600 – Pusat Pelancongan Malaysia iaitu saya hendak bercakap berkenaan dengan bandar sejarah dan juga di antara bandar tertua di Perak iaitu di Kuala Sepetang yang dahulunya dikenali sebagai *Port Weld*.

Baru-baru ini kita lihat *Utusan Malaysia* pada 19 Oktober 2014 dan 20 Oktober 2014 melaporkan Kuala Sepetang ini sebagai bandar mafia. Ini pun laporan yang menyebabkan reputasi Kuala Sepetang sebagai bandar pelancongan rosak. Saya pun tidak tahulah apa yang sangat sakit hati *Utusan Malaysia* dengan Kementerian Pelancongan. Takut-takut ada sabotaj pula dengan Yang Berhormat Padang Rengas ini. Ia tiba-tiba mengeluarkan berkenaan dengan

bandar Kuala Sepetang itu ialah bandar mafia sehinggakan pelancong-pelancong sendiri pun takut untuk hendak hadir. Di sana terdapat lima orang pengusaha mi udang yang termasyhur di sana. Dengan berita tersebut, hampir dekat jualan mereka yang dilaporkan oleh Sinar Harian, 70% merosot dengan laporan mafia. Mafia ini kita tahulah, bila masuk situ, keluar- masuk ada, keluar tidak ada.

Jadi, sebab itu saya buat kenyataan dalam ucapan perbahasan dasar di dalam belanjawan dahulu, saya sebut, "*Kalau itu bandar mafia, saya sudah tentulah dipotong 28*". Dahulu ada 18, saya 28 mungkin tetapi *alhamdulillah*, masih hidup lagilah. Akan tetapi ada juga uar-uar dia bawa cerita dia kata Ahli Parlimen Bukit Gantang ketua mafia pula. Itu pun satu hal juga pasal dia kata macam itu.

Matang ini merupakan bandar sejarah. Boleh bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai itu, asal dari kampung ini pun. Di sana terdapat banyak pusat sejarah. Antaranya pelabuhan yang paling awal, landasan kereta api pertama *Port Weld* ke Taiping, Kota Ngah Ibrahim, Rumah Kapten Speedy, Penolong Residen British, Balai Penghulu Lama, Masjid Tengku Menteri, Rumah Majistret Pertama, kilang dapur arang yang terbesar, kawasan hutan bakau yang luas, pusat ekopelajaran, hutan paya laut Matang, terdapat ikan dolfin, mi udang yang terkenal di sana.

Jadi cadangan saya kepada kementerian, pertama ialah kita bangunkan kawasan ini dengan secara sepadu. Itu cadangan saya. Kedua, saya harapkan juga supaya jeti pelancongan ini hendaklah dinaiktarafkan kerana kita lihat agak daif. Cukup daif dan kadang-kadang merbahaya ketika pelancong hendak pergi naik ke atas bot, dan sepatutnya ini mesti disegerakan. Ketiga, berikanlah peruntukan untuk memperbanyakkan *homestay* dan juga hotel bajet di kawasan tersebut kerana peningkatan cukup tinggi terutamanya pada hujung minggu dan cuti persekolahan ini. Saya baru dua malam lepas berbincang dengan salah seorang pengusaha bot di sana, mereka beritahu, "*Sudah penuh, ustaz*". Dia kata *booking* untuk- tidak cukup pun *homestay* dan pakej yang mereka buat. Sebab itu mereka minta supaya diadakan, diperbanyakkan *homestay* dan juga hotel bajet.

Keempat, jadikanlah Kuala Sepetang dan Matang sebagai desa pelancongan warisan. Kelima, publisiti ini dibuat murah sedikit terutama Yang Berhormat Menteri, iaitu dekat keluar Tol Changkat Jering dengan keluar tol dekat dengan Kamunting itu, kalau boleh sediakan *signboard* yang besar. Yang dia 'dok' cerita, bab zoo sahaja. Zoo semua orang tahu dah, Zoo Taiping. Itu yang 'hak' Kuala Sepetang itu banyak orang tidak tahu, bandar Matang itu. Sepatutnya ada di situ. Saya tengok tidak ada untuk menggambarkan *knowledges* tempat-tempat menarik dekat dengan Kuala Sepetang.

Perkara kedua ialah berkenaan dengan kelip-kelip di Kampung Dew. Kelip-kelip ini anugerah Tuhan yang Allah Taala beri. Kita tidak boleh pelihara macam kita pelihara panda di Zoo Negara. Ini Allah Taala beri. Dia beri pun tidak banyak. Di Malaysia ini ada di dua tempat sahaja. Satu di Kuala Selangor dan satu lagi di Kampung Dew, dekat dengan Bukit Gantang

sana. Dua tempat sahaja... *[Disampuk]* Oleh sebab itu, ini yang kita rasakan bahawasanya perlu diberi peliharaan.

Satu masa dahulu, kalau saya berbual dengan orang-orang tua di sekitar yang berada di Kampung Dew, mereka menyebut kelip-kelip dekat dengan Kampung Dew itu, mereka ibaratkan macam Panggung Lido. Ia keluar malam-malam itu bercahaya, banyak. Sekarang, sudah sedikit. Sebab apa? Antara puncanya ialah terdapatnya kolam udang sebelah dengan tempat kelip-kelip yang terdapat di situ. Kolam udang ini, kolam yang menggunakan api malam-malam. Jadi, kelip-kelip ini terganggu daripada segi pembesarannya. Ini satu perkara yang amat malang. Dengan sebab itu, lampu yang tidak jauh di situ merosakkan. Sepatutnya, kolam udang itu dibuat di tempat lainlah. Dunia Perak ini, tanah Perak ini luas. Tiba-tiba dekat dengan kolam udang itu yang dibuat. Ini betul-betul buta perutlah...

Seorang Ahli: Bukan, dekat dengan kelip-kelip.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Jadi cadangan saya, supaya Menteri bertindak segera kepada pengusaha kolam udang demi kelangsungan kelip-kelip. Kolam udang kita boleh bina di mana-mana tempat tetapi kelip-kelip ini tidak ada. Ini anugerah Allah Taala yang diberikan.

Keduanya, daripada segi tempat untuk jeti kepada orang yang hendak pergi dari Kampung Dew untuk menelusuri ke kelip-kelip itu amat daif juga. Seolah-olah macam tidak dibangunkan dengan baik. Kalau Menteri hendak pergi ke situ, tolong helo saya samalah, boleh kita pergi sama-sama.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jerantut.

5.17 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi untuk memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan di bawah Kementerian Pelancongan. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada perkara B.31 iaitu Butiran 020500 – Pembangunan Prasarana, dan di bawah Butiran 011000 yang berjumlah lebih daripada RM28 juta iaitu mengenai program penyediaan peningkatan kemudahan pelancongan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian atas keprihatinan tentang program-program peningkatan kemudahan yang diberi kepada kawasan Parlimen Jerantut. Cuma, di kesempatan ini saya ingin menarik perhatian agar Yang Berhormat Menteri dapat lagi menambahkan peruntukan mengenai kemudahan yang sedia ada di kawasan Kota Gelanggi iaitu salah satu kawasan yang terdapat bahan-bahan pada zaman prasejarah yang sebahagian daripada kemudahannya telah pun mula mereput sekarang ini. Jadi dengan adanya kawasan ataupun pembinaan baru yang dapat diteruskan di kawasan ini, sudah pasti kehadiran pelancong akan dapat bertambah.

Keduanya ialah peningkatan kemudahan di satu kawasan baru yang telah ditemui di Jerantut ini iaitu kawasan Gunung Benom yang mana di kawasan ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, terdapatnya perkara-perkara yang menarik berasaskan flora dan fauna iaitu antaranya ialah bunga Raflesia yang saiznya melebihi dua kaki terdapat di kawasan ini serta terdapatnya cacing tanah yang bersaiz panjangnya lebih kurang dua kaki. Ini telah pun dijumpai oleh pelancong, kalau tidak silap saya sama ada dari Australia ataupun New Zealand yang telah pergi ke kawasan Gunung Benom ini.

■1720

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Gunung Benom ini boleh dilalui melalui Jerantut, Kuala Krau dan juga Kuala Lipis. Perkara Butiran 01900 iaitu di bawah Pembangunan *Ecotourism*. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Taman Negara memang sentiasa dikunjungi ramai oleh para pelancong sama ada dalam dan luar negara. Purata kehadiran mereka dalam setahun adalah antara 80 ke 120,000, jadi yang berdaftar sahaja.

Di kesempatan ini saya sangat berharap agar kementerian ini dapat membantu bagi meningkatkan kemudahan tambahan di *sanctuary* ikan kelah di Taman Negara. Buat masa ini, kawasan yang ada tidak mencukupi sekiranya pelancong datang dalam jumlah yang lebih ramai. Dengan adanya tambahan ini, akan dapat menambahkan lagi jumlah ikan-ikan yang dapat dibiakkan di kawasan semula jadi ini dan ini sudah pasti pelancong akan lebih ramai datang kerana mereka dapat bersama melihat dan bersama dengan ikan kelah yang saiznya menghampiri empat ke lima kilo.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ikan kelah ini pun harganya di kawasan Jerantut sekarang menghampiri RM500 sekilo. Yang Berhormat Menteri saya juga untuk akhirnya ingin menarik perhatian di bawah Perkara Butiran 020600 iaitu mengenai Pusat Pelancongan Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri buat masa ini Jerantut seperti mana yang diketahui sebuah bandar pintu masuk kepada pelancong-pelancong yang datang ke Taman Negara yang jumlahnya saya sudah maklumkan sebentar tadi. Tapi buat masa ini, pelancong yang datang ini dia datang bersendirian ataupun dibawa oleh agen-agen pelancongan, mereka tidak dapat maklumat tambahan tentang berapa banyak lagi tempat-tempat menarik yang ada di sekitar Jerantut ini.

Jadi saya mengharapkan agar kementerian dapat memberikan bantuan supaya dapat dibuka sebuah pusat pelancongan agar pelancong yang datang ke Jerantut ini dapat menikmati dengan sepenuhnya kelebihan-kelebihan yang ada di Jerantut, serta di kawasan-kawasan yang berhampiran seperti yang saya katakan tadi, seperti di Parlimen Lipis, Kuala Krau serta Raub dan kawasan berhampiran. Ini kerana ketiga-tiga kawasan ini kami berhampiran.

Jadi dengan adanya pusat perkhidmatan pelancong ini sudah pastilah lebih banyak lagi jaringan kawasan-kawasan menarik di sekitar kawasan ini dapat kita kongsi dengan pelancong. Ini sudah pasti jumlah kehadiran pelancong akan dapat datang lebih ramai lagi dan sekali gus dapat meningkatkan lagi perkembangan ekonomi di kawasan Parlimen Jerantut dan kawasan-kawasan sekitarnya. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, batu sumpah. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

5.23 pm.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *Thank you.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada P.31 ke atas Butiran 110000 berkaitan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) terutamanya di Sabah. Selepas tragedi yang berlaku berturut-turut, sektor pelancongan di Sabah telah terjejas teruk. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri banyak penerbangan dari China dan Taiwan ke Kota Kinabalu telah di batal disebabkan oleh insiden oleh MH370, sebanyak 30,000 penerbangan dari China telah dibatalkan. Ini bukan sahaja menjejaskan prestasi pelancongan di Sabah malah membawa impak negatif kepada seluruh negara, dari Januari ke Julai tahun 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013, kemasukan pelancong China ke Malaysia telah turun 11.8%

Di Sabah pula statistik dari *Research Division for Sabah Tourism* dari Januari ke Ogos 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 kemasukan pelancong antarabangsa telah turun dari 733,000 ke 701,000 atau turun 4.4%. Akan tetapi jika kita melihat dari Mei ke Ogos berbanding tahun lepas, kemasukan pelancong sudah turun sebanyak 37%. Sudah tentu ia telah membawa impak yang teruk kepada seluruh negara khususnya negeri Sabah. Tuan Pengerusi, sektor pelancongan merupakan salah satu sumbangan pendapatan yang tertinggi kepada kerajaan negeri. Kebanyakan industri dan perdagangan di Sabah juga berkaitan dengan pelancongan.

Oleh itu kurangnya kemasukan pelancong tentu menjejaskan pendapatan negeri dan negara. Justeru saya harap kementerian mengambil perhatian dan memberi peruntukan yang lebih tinggi dari bajet ini atau mewujudkan satu *special international program* untuk membangunkan semula sektor pelancongan di Sabah dan memperkenalkan Sabah ke seluruh dunia. Ini kerana pelancongan inilah sektor yang paling penting di negeri Sabah Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu apakah inisiatif-inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan pembangunan sektor pelancongan di Sabah pada tahun 2015.

Adakah objektif kerajaan dalam tahun 2015 untuk menghidupkan semula sektor pelancong di Sabah? Selain daripada pertanyaan kepada kaedah bantuan sektor pelancongan di Sabah, saya juga ingin mengambil inisiatif memberikan cadangan bagi kerajaan untuk mengambil pertimbangan untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan pelancongan di Sabah untuk kebaikan pelancongan negara. Pertama sekali, pembinaan jeti yang moden dan bertaraf antarabangsa di beberapa *tourism sport* seperti dari Jeti Bandar Kota Kinabalu ke Taman Negara Tunku Abdul Rahman dan Jeti Semporna di puluhan pulau-pulau yang terunggul di Sabah seperti Pulau Sipadan, *top of the world diving paradise*, Pulau Kapalai, Pulau Matakang, Singamata Resort dan sebagainya. Jeti-jeti ini haruslah dinaik taraf dan dibangunkan untuk menarik lebih banyak pelancongan dan mempertingkatkan potensi pelancongan Semporna yang

dianggap syurga di dunia. Saya rasa standard jeti harus setaraf dengan jeti Langkawi atau Pulau Bangor Tuan Pengerusi.

Selain itu, perkhidmatan bas pelancong dalam bandar seperti *Hop-On Hop-Off Kuala Lumpur* dan baru-baru ini di Penang haruslah diperkenalkan di Kota Kinabalu supaya pelancong boleh akses dan lebih banyak tempat dan membawa kepentingan ekonomi *effect* ke seluruh bandar raya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyentuh perkara yang saya sentiasa prihatin iaitu Batu Sumpah Tuan Pengerusi atau dalam Inggeris *oath stone or in* dusun Tumpongoh Watu, dengan izin. *It is a sacred and serious ritual commemorate binding agreement between two or more people, sealed with blessing and curses for those who keep or divide them. Why the Keningau Oath Stone may have cement the plat of a legend of the Momogun Committee to Malaysia in return to government guarantee on religious freedom and state control of cultural of late. The missing word in the metro plate has cause taught on the sincerity of the Malaysian Government to honor their commitment,* Tuan Pengerusi dengan izin.

Saya tegaskan di sini batu sumpah ini merupakan *feature* yang mustahak dan bersejarah kepada orang asal Sabah. Ia bukan sahaja mempunyai *historical* malah *constitutional value* kepada rakyat Sabah khususnya orang asal Sabah. Ia melambangkan hak-hak seperti kebebasan agama di Sabah atau adat istiadat Sabah dan juga kuasa tanah akan dipentingkan dan hormati oleh Kerajaan Malaysia Tuan Pengerusi. Saya ingin menjelaskan sedikit kenapa batu sumpah ini sangat penting kepada orang asal Sabah. Menurut Tan Sri Richard A. Ling bekas TO Keningau dan Setiausaha Kawasan di negeri Sabah yang pertama dan *bigness* serta *organizer* pelancaran batu sumpah pada tahun 31 Ogos 1964, dalam buku beliau *by Sabah* beliau telah menyatakan pada masa pelancaran batu sumpah.

■1730

Ceremony itu telah disaksikan oleh wakil Perdana Menteri dan bekas *Labour Minister*, Tan Sri V. Manickavasagam dan seluruh Kabinet Kerajaan Negeri Sabah terus hadir ke *ceremony* tersebut. Ia juga pernah dilawati oleh Yang Di-Pertuan Agong Raja Perlis Tuan Pengerusi. Walaupun Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa semua janji dan sumpah kepada orang asal Sabah telah dimasukkan dalam perjanjian Malaysia serta perlembagaan, akan tetapi itu tidak dapat diterima dan dipercayai oleh orang asal Sabah.

Mengikut budaya, *tradition* Orang Asli Sabah Tan Sri berkata, Orang Asli percaya dengan mendirikan satu Batu Sumpah untuk memperingati satu perjanjian. Izinkan saya *quote* buku beliau, *“An old stone is helped in reference by the people of the inferior as any person or tribe picking term of peace symbolize by the old stone is safe to be liable to anchor, misfortune and disaster. For the people of the inferior, acceptance of the Federal lead to the length of an old stone commemorating the occasion and publicly this playing the terms under with join the Malaysia Federation.”*

Oleh sebab dengan mendirikan batu sumpah tersebut, barulah Orang Asal di pendalaman Sabah bersetuju dengan penyertaan dalam persekutuan. Inilah makna dan kepentingan batu sumpah kepada Orang Asli Sabah. Saya menyeru Kerajaan Persekutuan akan memandang serius dan menghormati Batu Sumpah dan juga orang pendalaman di Sabah. Dengan itu, saya merujuk kepada bajet Butiran P.31....

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan bangun...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan bangun.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Suruh saya sokong.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Masih masa ya? Sokong? Terima kasih lah. Sama-sama.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia lah, dia suruh saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Habis dah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak, tidak. Dia minta sokong atau tidak?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sokong? Sokong kah? Sokong kah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduklah dulu. Saya cakap dulu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak payah lah. Sudah sokong, cukup sudah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya cakap dulu. Saya cakap dulu. Tuan Pengerusi, saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini kerana- minta duduk.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal Batu Sumpah yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Dengan itu saya merujuk kepada bajet P.31...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Serta Yang Berhormat Gelang Patah telah membuat satu upacara secara macam Bobolian. Orang dari Semenanjung jadi Bobolian, pakai dia buat ritual.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jangan suruh campur...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Bagi pihak orang-orang asal Sabah jadi diletakkan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini laluan ya, saya tidak bagi laluan. Jangan kacau.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Menyebabkan dengan logo Rocket...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Dengan itu saya mohon kepada Butiran P.31 itu...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Di atas batu itu- jadi maksudnya Tuan Pengerusi...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: 41300...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okeylah, faham-faham.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini tidak dipedulikan sehingga penarikan pusat pelancong...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: P.31 – 07000...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Kerana ini sudah *corrupted* oleh DAP.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Mengenai muzium. Saya ingin mencadangkan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Yang mana batu sumpah ini bukan lagi dilihat sebagai satu *heritage* kepada...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Apa ini oh Tuan Pengerusi?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Kepada orang-orang Negeri Sabah?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Suruh dia duduk.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Batu sumpah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuduh-tuduh. Apa ini Cina *slack*?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Diletaknya bendera DAP...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan- Yang Berhormat Putatan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sengajalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Putatan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sengajalah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh ini pertahankan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu cukup ya. So, jemput Yang Berhormat menjawab. Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu cukup. Yang lain-lain Yang Berhormat Menteri akan bagi celahan. Sila Yang Berhormat Menteri. Cukup Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukan. Saya mahu *conclusion* sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup masa. Itu pun cukup masa, cukup dah cukup masa.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Dia kacau. Kalau tidak saya *conclude* sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Di samping itu saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Yang Berhormat Kota Kinabalu...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Balikkan batu sumpah yang original. Balikkan ... yang hilang iaitu Kerajaan Malaysia [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Malaysia betul-betul memperingatkan... Penghormatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia nak jadi Tuan Yang di-Pertua ini. Yang Berhormat Kota Kinabalu cukuplah. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Cadangan saya boleh dapat di...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Tuaran boleh ada peluang lagi kah?

5.34 ptg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, saya ambil kesempatan ini...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Dan dapat dihormati. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:Untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seremban membangkit berkenaan dengan *Cruise Tourism Blueprint*.

Kementerian telah menjalankan kajian *Study To Develop Cruise Tourism As A Niche Product In Malaysia*, dengan izin, bagi mencari strategi dan potensi *cruise tourism* di Malaysia. Cadangan untuk mewujudkan *cruise tourism blueprint* adalah satu cadangan yang baik untuk meningkatkan prestasi *cruise tourism* Malaysia.

Bagi tujuan ini, kementerian akan mengkaji semula lompang-lompang dalam kerajaan yang sedia ada bagi mencartakan hala tuju *cruise tourism* Malaysia dan strategi-strategi yang bersesuaian. Kita juga jemput Yang Berhormat untuk memberikan pandangan dalam kita mengisi lompang-lompang, mengkaji semula mengisi lompang-lompang dalam *blueprint cruise tourism* ini.

Berkenaan dengan halal *cruise*, kementerian boleh menimbangkan untuk membincangkan potensi halal *cruise* di Mesyuarat *Malaysia Cruise Council* yang akan datang sebagai agenda mesyuarat bagi membincangkan strategi-strategi dan potensi halal *cruise*. Ini adalah kerana Malaysia lah negara yang terulung dan terutama bagi soal halal atau *Islamic tourism*. Yang Berhormat, kita guna *Islamic tourism* ya, bukan halal *tourism* atau syariah...

Datuk Juslie Ajirol [Libaran]: Yang Berhormat Menteri boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat iaitu *Fabulous Food 1Malaysia*, saya rasa di sini ada sedikit kekeliruan dalam apa yang telah dilaporkan. Saya sememangnya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Seremban bahawa *Fabulous Food 1Malaysia* mempromosikan pelbagai jenis makanan daripada pelbagai kumpulan etnik dan kaum di Malaysia bagi melambangkan kepelbagaian dan keharmonian negara kita.

Makanan pelbagai yang terdapat di negara kita sememangnya merupakan antara tarikan utama untuk pelancongan ke negara ini. Apa yang telah berlaku ialah Ketua Setiausaha Kementerian saya Datuk Dr. Ong dia membuat kenyataan iaitu bahawa cuma waktu *launching Fabulous Malaysia Food* itu, *Fabulous Food 1Malaysia* masa acara *launching*- majlis *launching* sudah tentulah kita meletakkan hanya halal *food* sahaja. Itu kenyataan beliau. Makna setiap kali kita mengadakan majlis, kita ada *launching*.

Seperti contoh kita ada menyambut hari raya Cina di peringkat kebangsaan. Kita tahu orang Cina bila dia hari raya dia, dia sudah tentu menjamu makanan-makanan yang ada di antaranya tidak halal. Akan tetapi, kalau di *national lounge*, takkan lah kita nak bagi makan makanan tak halal? Ini kerana yang hadir adalah orang Islam dan ini *national*. Rasmi. Jadi kenyataan daripada Ketua Setiausaha saya adalah tepat dan betul. Iaitu untuk *launching Fabulous Food 1Malaysia* yang dihadiri oleh- kalau saya hadir waktu itu saya Menteri, saya hadir. Kalau ramai lagi jemputan-jemputan yang kita jemput adalah orang-orang Islam, jadi di situ memanglah tepat. Kita kata kita tidak akan memberikan *non halal food*. Ini *launching*.

Akan tetapi, bagi kata tempat-tempat yang lain, kita kalau macam kita ada *Fabulous Food 1Malaysia* di Jalan Alor, di tempat berkenaan tidaklah kita kata mesti kita hanya *serve* halal *food*. Ini kerana itu merupakan makanan masyarakat etnik orang Cina Malaysia. Jadi kalau dia nak *serve* Bak Kut Teh, *serve* la *Bak Kut Teh*. Cuma masa *launching* itu saja. Jadi janganlah untuk cepat kita nak melenting kerana kita tahu tentang *Malaysia Truly Asia*.

Jadi sebab itu kalau di Jalan Alor atau di Klang- kalau diadakan *Fabulous Food 1Malaysia Food you serve* lah apa yang *you* nak *serve* pun kerana sudah tentu orang Islam tidak akan pergi ke sana. Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baiklah kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kami bukannya melenting. Oleh sebab ada laporan media yang mungkin ada sedikit kekeliruan mengatakan bahawa dalam program-program ini 80% perlu makanan yang halal.

■1740

Kita bukan melenting, kita cuma hendak menjaga imej Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri ini *moderate*. Jangan nanti kalau ada kenyataan-kenyataan yang menganggap Menteri ini ekstremis ini, kita rasa tidak seronoklah, tidak berpuas hati sebab kita tahu Yang Berhormat Menteri ini *moderate*. Jadi, kita hendak menjaga imej Yang Berhormat Menteri. Itu sebabnya saya meminta penjelasan dan saya berharap penjelasan ini dapat dipetik oleh akhbar-akhbar supaya esok, semua program *Fabulous Food 1Malaysia* ini tidak ada lagi masalah bahawa mesti makanan halal. Kalau di Jalan Alor ataupun kawasan-kawasan yang tumpuannya pelancong-pelancong bukan Islam, maka tidak ada masalah untuk makanan-makanan tidak halal dipromosikan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau sudah kenal saya, tidak payahlah melenting.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: [Ketawa] Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudah kenal saya. Tidak perlulah melenting. Sudah tentu laporan tidak betul kerana Yang Berhormat kenal saya. Kalau Yang Berhormat tidak kenal saya, saya boleh faham. Jadi apabila sudah kenal itu, telefonlah tanya. Tidak perlu keluar kenyataan sebab sudah kenal. Jadi, saya memberikan jaminan di sini bahawa kenyataan Ketua Setiausaha saya adalah betul dan dia hanya menyentuh tentang program-program rasmi seperti *launching*. Malah saya hendak membaca *MalaysiaKini*, kenyataan daripada seorang yang begitu marah. Persatuan Usahawan Malaysia, Inbound Tourism Association, dia kata kalau kamu sengaja membuka gerai dan menjual makanan tidak halal di hadapan masjid, ini perlu dihalang. Jadi maknanya, dia pun boleh bersetujulah. Maknanya kalau program rasmi, kalau kita *serve* juga non halal *food*, itu perlu dihalanglah.

Jadi sebab itu, kepada jawapan Yang Berhormat tadi iaitu bahawa kenyataan itu daripada Ketua Setiausaha adalah tepat dan kita tetap mengatakan itu dalam majlis-majlis *Fabulous Food 1Malaysia*, kita tidak memastikan seperti yang dikatakan itu mesti 80% halal *food* atau tidak. Jadi saya ingin menekankan di sini, teruskanlah membuat apa yang telah dilakukan seperti di masa yang lepas.

Kemudian Yang Berhormat juga ada meminta berkenaan dengan permohonan *light festival* di Seremban sempena Malaysia Year of Festivals. Yang Berhormat kenal saya, kita boleh mempertimbangkan permohonan untuk mengadakan *light festival* dan sememangnya tahun depan ialah *year festival*. Kita menggalakkan mana-mana tempat yang mengadakan pesta yang

boleh menarik perhatian daripada pelancong untuk melawat ke tempat-tempat ini, sudah tentu kita akan memberikan sokongan untuk menjayakan tahun 2015 sebagai Malaysia Year of Festivals.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan – Saya hendak menyebutkan perkara yang penting dahulu, berkaitan dengan Ashram. Saya pun tidak faham juga mengapa Yang Berhormat membangkitkannya kalau Yang Berhormat Ipoh Barat ada di sini. Saya ingat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Limited speaker.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak, saya rasa kalau berdiri, sudah tentu diberi sebab isu yang dibangkitkan itu ialah isu yang penting. Walau bagaimanapun, saya ingin melaporkan di sini iaitu selepas lawatan saya selaku Menteri bersama dengan beberapa orang Ahli Parlimen ke Ashram itu - Lawatan telah dilakukan pada 5 November, 5 atau 6? 6 November 2014, maka pada 12 November 2014, pengeluaran Notis Niat untuk menetapkan tapak sebagai tapak warisan kepada pemilik tapak telah dilakukan pada 12 November. Pada 12 November kita menghantar notis dengan tangan kerana di Kuala Lumpur tidak perlu dipos tetapi hantar secara langsung pada 12 November. Kemudian kita juga telah mengeluarkan surat memohon keizinan pihak berkuasa negeri kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sebagai pihak berkuasa negeri bagi negeri Wilayah Persekutuan pada 12 November 2014, hari yang sama. Kita juga menghantar surat memohon keizinan pihak berkuasa.

Kemudian tindakan selanjutnya, kita akan mengeluarkan siaran Warta Kerajaan dan akhbarnya untuk menetapkan tapak sebagai tapak warisan pada bulan Disember ini, tinggal beberapa hari lagi. Selepas itu juga dalam bulan ini juga, kita akan memfailkan Notis Niat untuk menetapkan tapak sebagai tapak warisan di pejabat tanah dan daerah. Pada bulan Februari, kita menjangkakan akan tamat ataupun bermula – kita akan memberitahu Februari sebagai tempoh bantahan. Kita mesti mengikut prosedur. Kemudian selepas menentukan bulan Februari sebagai tempoh bantahan, maka kita pula akan mengeluarkan pendengaran sekiranya ada bantahan iaitu notis pendengaran sekurang-kurangnya dihantar dalam 21 hari. Proses pendengaran dan keputusan, kita akan buat pada bulan Mac, April dan Mei pada tahun hadapan.

Jika kesemuanya berjalan dengan baik, maka pengeluaran notis penetapan tapak sebagai tapak warisan kepada pemilik tapak akan dilakukan pada bulan Jun tahun hadapan. Jika semua ini berjalan dengan lancar, siaran Warta Kerajaan dan akhbar penetapan tapak sebagai warisan dan pengeluaran nombor warta tapak akan dilaksanakan pada bulan Julai. Pada bulan Julai juga, kita akan memfailkan notis penetapan tapak sebagai tapak warisan di pejabat tanah dan daerah. Pada bulan September tahun hadapan, kita akan memberikan lagi tempoh rayuan.

Akhir sekali pada bulan Oktober tahun hadapan, Menteri akan membuat keputusan. Ini semua jika berlaku bantahan, kalau bantahan tidak berlaku, maka lebih awal lagi kita boleh mengisytiharkan, mungkin pada bulan Mac tahun hadapan. Kita akan mengikut proses, maka inilah rentetan perkara yang telah kita lakukan selepas lawatan saya dan perkara yang akan dilakukan kalau sekiranya ada apa-apa bantahan. Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya tahu adakah ini mengikut Akta Heritage, seksyen 67? Adakah permohonan, adakah semua yang dibuat itu mengikut seksyen 67? Pertama. Kedua, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, pertama *you honour your word by going there, very daringly although* itu adalah satu cadangan daripada pembangkang. Akan tetapi pada hari itu, kita ada banyak, ramai di antara MIC dan lain-lain tetapi *we are cross political concept*. Itu satu yang saya rasa cantik dan bagus, *something very revolutionary thinking* yang saya terima baik dengan ikhlas. Saya – *revolutionary change for the good*. [Ketawa]

Perkara kedua yang saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat telah pun berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan mengenai perkara ini dan untuk mendapatkan kebenaran dengan seberapa segera yang boleh supaya kita dapat *speed up the process*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, isu yang sama. Boleh saya?...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Isu yang sama, boleh saya tanya?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti saya lupa nanti.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Barat pun dia peguam. Dalam kita melakukan satu tindakan, kita mesti memastikan supaya semua prosedur itu telah pun diikuti supaya jangan sampai suatu masa nanti, ada soal *technicality* yang menyebabkan segala proses terpaksa dilakukan semula. Jadi, ini adalah di bawah Akta Warisan yang perlu dilakukan oleh kementerian saya supaya kita mendapat keputusan muktamad kalau semuanya ini diikuti. Jadi, ya seperti mana Yang Berhormat sebut, apa yang kita lakukan ini ialah mengikut apa yang disyaratkan oleh Akta Warisan kepada kita. Kita, saya tidak boleh selaku Menteri masuk mana-mana kawasan sesuka hati dan mengisytiharkan sesebuah kawasan itu sebagai tapak warisan kerana kita perlu menghormati pemilikan tanah oleh individu.

■1750

Jadi sebab itu kita kena ikut prosedur. Jadi boleh saya beri jaminan di sini iaitu bahawa segala apa yang saya lakukan ini adalah mengikut apa yang dikehendaki oleh Akta Warisan kepada kementerian saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya pun bergabung dengan Yang Berhormat Ipoh Barat hendak ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri atas inisiatif yang cukup penting ini yang disokong penuh oleh ramai daripada pihak kami juga di sini. Saya ingin bertanya seperti yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, saya difahamkan bahawa di bawah draf rancangan tempatan yang dibuat di bawah kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang akhirnya akan menjawab kepada

Menteri Wilayah Persekutuan. Mereka telah dalam draf rancangan tempatan, mereka telah klasifikasi tempat itu sebagai kalau saya tidak silap kategori *two heritage* lah.

Oleh sebab itu saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri usaha untuk memberi jaminan kepada tempat ini sebagai satu tempat warisan yang penting untuk negara kita patut diselaraskan dengan apa-apa usaha yang mungkin akan dibuat oleh Kementerian Wilayah dan Persekutuan menggunakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat Ipoh Barat bersama. Saya telah berbincang dengan Menteri Wilayah Persekutuan dan beliau telah memberi jaminan iaitu bahawa beliau akan ikuti apa yang berlaku dalam usaha kementerian saya mewartakannya. Sebaik sahaja kita dapat lakukan itu maka dia akan mengikuti dan dia akan menjadikan, naikkan klasifikasi daripada dua ke satu. Ini kerana untuk dia meletakkan di bawah kelas satu, ia perlu ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa apa yang dilakukan itu adalah betul.

Dia tidak boleh sesuka hati mengisytiharkan satu-satu kawasan itu sebagai kelas satu walhal ia tidak ada apa-apa bukti menunjukkan bahawa memang tanah itu sepatutnya dijadikan warisan kelas satu. Jadi sebab itu dia kena tunggu saya dulu. Saya dapat, maka itulah menjadikan bukti menjustifikasikannya untuk menaikkan tanah itu dari kelas dua ke kelas satu. Oleh sebab itu saya telah bincangkan dengan – dia tidak akan buat apa-apa keputusan sehingga kita capai usaha untuk mengklasifikasikan ini sebagai warisan negara.

Saya hendak beritahu di sini Yang Berhormat, saya dalam soal memastikan warisan ini, saya *color blind*, saya tidak kiralah ini warisan– ini warisan Malaysia, ini warisan Malaysia. Jadi kepada saya *enthusiasm* yang sama saya akan berikan kepada harta ataupun tanah warisan tidak kira sama ada ia warisan Islam kah, Hindu kah, atau pun Buddha kerana sesuatu perkara yang lama itu kalau kita hilang, kita akan hilang buat selama-lamanya.

Jadi sebab itu daripada segi kitalah warisan, kita akan terus meneruskan tindakan ini buat kali kedua. Kali pertama pada tahun 2008 tidak diterima tetapi saya percaya kali ini oleh kerana dengan *signature* yang diambil saya kira sudah menjangkau dekat 300,000 sekarang. Kalau kita boleh dapat sampai satu juta, maka selain itu secara tidak langsung satu tekanan dan saya rasa bagi pihak *trust council* dengan izin *very immoral for them to continue with what they want to do with one million signatures coming from all Malaysian regardless of race*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak puas lagi? Okey, okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, hendak puji lagi. Yang Berhormat Menteri, dua hal. Satu adalah semasa Yang Berhormat pergi melawat Vivekananda Ashram itu, Yang Berhormat telah pergi ke belakang Ashram tersebut dan didapati bahawa ada satu bangunan kerajaan *all civil servant* punya rumah di mana Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan bahawa kita boleh memandangkan *the little India's has got great tourism potential, great historical significance*, maka ia juga boleh dijadikan satu tapak warisan. Adakah

Yang Berhormat dan juga akan usaha seperti tegas macam dalam perkara yang saya bangkitkan sebelum ini, nombor satu.

Nombor dua, saya tidak dapat peluang untuk mencelah tetapi saya akan tulis kepada Yang Berhormat. Ini adalah mengenai bangunan Gambi Hall di Setiawan, di mana pun ada ciri-ciri warisan. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan yang sama untuk gazet dan sebagainya. Saya akan tulis tentang perkara tersebut yang... *[Disampuk] Thank you.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Berkenaan dengan bangunan-bangunan yang berdekatan, saya percaya daripada pihak warisan, mana-mana kawasan yang berhampiran, mungkin saya pun tidak tahu berapakah jaraknya, mungkin 200 meter. Maka kalau ia merupakan sebahagian daripada ada nilai warisannya maka saya kira itu juga boleh kita ambil tindakan untuk memastikan supaya bangunan yang berdekatan itu juga dijadikan sebagai warisan kerana untuk memelihara kawasan yang sekelilingnya kerana kalau satu bangunan itu atau satu kawasan itu sahaja yang kita pelihara tetapi yang berdekatan itu juga kita tidak mengambil tindakan, ia akan menjejaskan nilai warisan di kawasan itu.

Saya juga sememangnya berhajat dan saya telah pun mengarah Ketua Pengarah Jabatan Warisan untuk juga berurusan dengan pihak yang mempunyai kuasa di atas 100 kuarters di mana kita harap ia juga akan dapat dipulihara dan saya kira kalau ia dipulihara dan diberikan perlindungan, kita akan dapat menikmati nilainya ratusan tahun sehingga bila-bila. Berbezanya kalau kita punggah dia, hapuskan dia, dia akan hilang selama-lamanya. Jadi saya juga akan ambil tindakan untuk berurusan dengan mereka yang ada kuasa di atas tanah itu supaya 100 kuarters yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dapat dijadikan juga sebagai tempat warisan dan boleh dikongsi bersama bukan sahaja oleh kita tetapi juga bersama dengan generasi yang akan datang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih *forward thinking and dynamic Minister.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini sudah belanja minum kah belum?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang juga penting tetapi dicelah oleh Yang Berhormat Bukit Bintang iaitu berkenaan dengan visa. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tahun hadapan kita telah pun diberi sasaran untuk memastikan supaya ada 29.4 juta pelancong-pelancong datang ke negara kita iaitu pertambahan 1.4 juta pelancong luar yang datang tahun ini. Tahun ini kita sasar 28 juta. Jadi kita telah melihat untuk hendak mendapat *extra* dengan izin 1.4 *million tourist* maka sumbernya itu tidak lain tidak bukan adalah datangnya daripada pelancong-pelancong dari negara China.

Maka sudah tentulah kita harus melakukan sesuatu untuk memudahkan kedatangan mereka ke negara kita. Tahun ini *insya-Allah* walaupun dengan dua, tiga tragedi yang telah berlaku terhadap negara kita, *insya-Allah* saya rasa kita boleh dapat mencapai 28 juta pelancong,

insya-Allah. Ini walaupun berlakunya penurunan pelancong-pelancong yang datang daripada negara China ke negara kita, walaupun ada penurunan. Kita *insya-Allah* boleh capai 28 juta.

■1800

Akan tetapi untuk nak mencapai lagi 1.4 juta ini, kita tidak boleh bergantung kepada pasaran-pasaran yang sedia ada selain dari negara China. Ini kerana, saya kira agak pada tahun ini kita telah mendapat begitu ramai pelancong-pelancong dari negara-negara ini, sektor-sektor ini yang bukan datang dari negara China. Maka, pada tahun hadapan, kita kena berikan pusat perhatian kita untuk mendapatkan seberapa ramai pelancong dari Republik Rakyat China ini.

Secara kebetulan, kita menghadapi persaingan begitu hebat. ASEAN adalah merupakan *region* yang mana perkembangan kehadiran dan kedatangan pelancong adalah pertumbuhan yang tertinggi jika dibandingkan dengan *region-region* lain. Ini mengikut Laporan UNWTO.

Negara-negara ASEAN ini bersaing. Indonesia baru-baru ini telah mengumumkan bahawa mereka akan mengkaji supaya memberikan *visa fee free* kepada pelancong-pelancong dari negara China. Negara Thailand telah lakukan ini pada tahun 2013, di mana sebelum melakukan *visa fee free* – *visa fee free* maknanya tidak bayar fi lah. Tidak payah bayar fi. Makna *free* tetapi visa ada. Akan tetapi *free* visa. Apabila Thailand menghapuskan fi untuk visa, dia telah melihat dia punya kehadiran daripada 2.5 juta telah meningkat kepada empat juta. Itu sahaja. Itu sahaja yang dilakukan, hampir dua kali ganda. Negara-negara lain juga melihat tentang perkembangan ini. Indonesia baru-baru ini juga, minggu lepas, mengumumkan iaitu bahawa mereka juga akan melaksanakan iaitu bagi *visa fee free* kepada pelancong-pelancong dari Republik Rakyat China.

Maka, pihak kita telah melihat ini daripada awal. Sebenarnya oleh kerana *visa fee free* ini, menyebabkan kita telah kalah kepada Thailand. Kalau dulu kita nombor 10, sekarang kita nombor 11. Negara Thailand walaupun berlaku pergaduhan antara merah dengan kuning, baju merah baju kuning, walaupun tidak ada kerajaan, walaupun telah diambil alih oleh pihak *military* ya, tetapi mereka telah berjaya memotong kita semata-mata kerana mereka memberikan *visa fee free* kepada pelancong-pelancong dari Republik Rakyat China.

Jadi apa yang berlaku di dalam kawasan *region* kita ini, kita harus lihat, monitor dan mesti mengambil tindakan yang sama kalau ia tidak menjejaskan keselamatan negara kita. Ya, saya percaya, sudah tentu ia tidak akan menjejaskan. Ini kerana kalau ia menjejaskan, sudah tentu Thailand tidak akan berbuat demikian, sudah tentu Indonesia pun tidak terfikir untuk berbuat demikian.

Pada hari ini, saya dimaklumkan iaitu bahawa enam negara ASEAN telah pun ataupun sedang mengkaji untuk menghapuskan fi visa kepada pelancong-pelancong RRC.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi bagi kementerian saya, saya ingin laporan iaitu bahawa kementerian telah mengemukakan cadangan pengecualian caj fi visa bagi warganegara Republik Rakyat China semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan

yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 11 Ogos 2014. Kita telah mengambil tindakan awal. Pada 17 September 2014, mesyuarat susulan bersama pihak Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan Tourism Malaysia telah mengadakan perbincangan susulan permohonan pengecualian caj fi visa bagi warganegara Republik Rakyat China yang telah kita cadangkan pada 11 Ogos 2014. Jadi, pada 17 September 2014 kita bermesyuarat.

Pada 9 Oktober, kementerian saya telah berbincang dengan mereka, mengemukakan permohonan secara rasmi bersama-sama kertas pertimbangan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui surat Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Kita menunggu keputusan dan saya percaya, *insya-Allah*, mungkin ia positif memandangkan juga pada tahun depan kita telah mengisytiharkan sebagai *2015 Year of Festival*. Jadi saya percaya ini merupakan rentetan untuk mendapatkan pengecualian caj fi visa dan saya berkeyakinan bahawa kita akan dapat melakukan seperti mana yang dilakukan oleh negara-negara ASEAN yang lain.

Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Memandangkan China satu pasaran untuk pelancong yang mustahak, mengikut laporan dari akhbar di China, tahun 2014 akan ada 80 juta pelancong dari negara China melawat negeri masing-masing di dunia. Pada tahun 2015, akan ada 100 juta hingga 110 juta pelancong dari negara China. Memandangkan Amerika Syarikat, Kanada, *British, France, Italy, Germany* dan *Spain* pun sudah buka visa untuk *Chinese Multiple Visa, multiple entry* 10 tahun.

Ini amat penting oleh kerana di negara jiran ASEAN seperti Thailand dan Indonesia. Kita haruslah mengikut satu cara untuk menarik lebih pelancong dari negara China. Ini kerana hasil pendapatan daripada produk pelancongan akan *contribute* lebih kepada negara kita. Saya minta kementerian cadangkan kepada Kabinet untuk memastikan bahawa pelancong dari negara China boleh bertambah dalam tahun 2015.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya setuju apa Yang Berhormat Bukit Bintang sebut kerana statistik yang sama ada dengan saya, ya. Memang betul, negara-negara yang suatu masa dahulu merasa bimbang dengan banjirian rakyat China ke negara mereka seperti Britain, USA, pada hari ini telah mempunyai pemikiran yang berbeza pula, mereka menggalak supaya pelancong-pelancong dari negara China datang.

Ini kerana dalam masa 20 tahun ini, pelancong-pelancong China telah bertukar daripada pelancong-pelancong yang baru mula sahaja mahu menjelajah dunia dan tidak dianggap sebagai pelancong yang bermutu tetapi hari ini, pelancong-pelancong dari negara China adalah pelancong yang bermutu. Ini kerana kerajaan mereka sendiri tidak membenarkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi, untuk memberikan *shopping cheap flight* dan *shopping*. Mereka tidak benarlah ya. Datang *zero* – dia panggil *zero*... [Disampuk] *Zero fare*.

Jadi Yang Berhormat Kuala Langat tadi cadang suruh ikut macam Itali buat, yang itu negara China tidak benar sudah. Dia tidak mahu pelancong-pelancong datang ke negaranya sebagai pelancong murahan. Dia mahu menghantar kualiti pelancong, dan dia juga merupakan satu deraan kepada rakyat dia, kalau *zero fare* ini, kerana *zero fare* ini menyebabkan mereka dipaksa datang ke negara tertentu seperti Malaysia dan dipaksa masuk ke dalam *supermarket* dan membeli semua barang-barang. Akhirnya, jumlah pembelian itu melebihi sebenarnya harga pakej itu.

Jadi Yang Berhormat Kuala Langat, saya tidak boleh terimalah cadangan itu. Ia bukan maknanya sakit hati, tidak. Ia orang putih kata *forgive and forget. I can forgive but I cannot forget.* [Ketawa]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak, tak. Nanti dulu. Jadi sebenarnya, negara China memang betul, 80 juta jumlah *outbound*. Ini kalau kita dapat *one percent* pun ya... [Disampuk] Kita dapatlah, kita dapat *one percent* pun cukup. Akan tetapi saya rasa kalau kita dapat, ya lah tidak payah cakap *one percent*... [Disampuk] Ya, cukuplah. Kalau kita dapat sejuta – kita sebenarnya sudah dapat.

■1810

Kita dapat RM1.4 *million* tetapi baru-baru ini jatuh sebab tragedi itu dan penculikan. Jadi, macam mana kita akan ikhtiar dan berusaha supaya kita akan dapat menarik pelancong-pelancong China ini datang. Semua orang berebut sekarang ini. Saya pergi ke *conference* dunia mana-mana pun semua bercakap tentang pelancong-pelancong negara China sebab dia ada kualiti...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada wanglah!

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Kualiti pelancong, duitlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada duitlah!

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, ada duitlah. Kualitilah. [Ketawa] Yang Berhormat Seputeh tidak ada duit, tidak ada kualiti. [Ketawa] Sebab barang-barang yang dijual di negara China *branded good* dia dekat 200% hingga 300% duti tetapi dia pergi luar negara dia boleh beli dengan harga murah dan dia memang *shop*. Dia ada wang. Jadi sebab itu saya setuju kalau boleh sememangnya saya berhajat daripada tindakan yang telah diambil saya berharap untuk mendapatkan jawapan yang positif daripada pihak Kementerian Dalam Negeri kerana untuk mencapai sasaran 29.4 *million* dengan izin, kehadiran pelancong pada tahun depan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya agak hairan pelancong dari China lebih suka ke Indonesia dan juga Thailand tetapi bukan ke Malaysia. Sebenarnya di Malaysia saya selalu dengar daripada warga China mereka kata mereka rasa *they feel more at home* kerana mereka boleh faham apa yang

disiarkan dalam surat khabar kita dan kita memang ada *sizeable population* yang bertutur dalam bahasa Tionghoa.

Pada pandangan saya, kerajaan kita saya rasa kita tidak menggunakan atau memperalatkan, saya tidak tahu apa perkataan yang sesuai, yang warga Malaysia yang belajar di universiti di China dan juga warga Malaysia yang kerja di sana kerana kadang-kadang bila saya lihat pegawai agensi kerajaan kita di negara China itu mereka tidak bertutur dalam bahasa Tionghoa. Mereka perlu *translator*. Saya masih ingat dua bulan yang lepas saya dan Yang Berhormat Gelang Patah bila kami pergi ke negara China kami ada peluang berjumpa dengan pelajar kita termasuk pelajar Melayu yang *study* di Universiti Beijing dan mereka memang bertutur dalam bahasa Tionghoa. Kami juga berjumpa dengan orang *business* atau profesional yang bekerja di sana dan mereka memang sayang pada Malaysia dan mereka menceritakan semua bantuan yang mereka cuba hulurkan bagi mangsa MH370 dan sebagainya. Bagi pandangan saya mungkin kementerian boleh *tap into this people* yang berada di Beijing, Shanghai dan sebagainya untuk minta mereka mempromosi budaya dan juga pelancongan di Malaysia.

Saya rasa kementerian juga sepatutnya ada ulang tahun ke 40-an dengan negara China tetapi *celebration* dibatalkan kerana tragedi MH370. Kalau China ada sasaran kita mungkin kita perlu galakkan NGO kita dan juga warga Malaysia yang belajar atau bekerja di China itu untuk adakan lebih *performance* kerana pada bulan yang lepas...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Saya baru terima gambar daripada pelajar pelbagai kaum di satu universiti di Shanghai itu, mereka ada *cultural performance* dan saya rasa mungkin kementerian boleh taja para pelajar kita itu untuk adakan lebih *performance* untuk mempromosi tahun melawat festival Malaysia dan Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang sangat Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Saya hendak tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bukan berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya tahu. Tuan Pengerusi, *last question*. Pada tahun lepas *Visit Malaysia Year*, saya tahu kementerian ada RM415 juta peruntukan tetapi tahun depan *Visit Festival Malaysia Year* RM316 juta sahaja. Jadi, dengan potongan RM99 juta dan kita mengharap kementerian mahu tarik lebih pelancong ke Malaysia macam mana ini dapat dilakukan? Saya dengar *magic* daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, sebenarnya memang kita menggunakan pelajar-pelajar kita yang berada di sana. Sebagai contoh baru-baru ini saya pergi ke Shanghai, baru balik semalam, kita punya *master of ceremonies* adalah pelajar. Pelajar kita di Shanghai yang bertutur dalam bahasa Mandarin. Keduanya, kita juga menggalak dan mengadakan pelajar-pelajar kita yang belajar muzik untuk mereka *perform* dalam acara kita seperti main muzik *Erhu* dan ada satu lagi instrumen.

Untuk mengatasi masalah kita yang tidak dapat hendak menghantar kumpulan-kumpulan kebudayaan pergi ke sana, pejabat saya di Shanghai, di Beijing, Guangzhou dan tidak silap saya juga di tiga tempat ini. Kita menggalakkan hubungan bersama dengan pelajar-pelajar kita di sana untuk mereka mengadakan majlis-majlis seperti tarian, yang mana kita telah pun meminjamkan kepada mereka pakaian-pakaian kostum yang ada dengan kita, yang kita simpan di pejabat-pejabat ini dan menggalakkan mereka untuk mengadakan badan kebudayaan dan sentiasa berurusan dengan kita. Sememangnya, dengan peruntukan yang ada kita menggalakkan mereka untuk mengadakan majlis-majlis ini di universiti dan mana-mana tempat dan kita beri galakan kepada mereka.

Untuk mengatasi soal berurusan dengan masyarakat China kalau pegawai kita dia tidak fasih bahasa Mandarin kita punya *marketing officer* di sana semua terdiri daripada pelantikan-pelantikan tempatan iaitu domestik ataupun *local staff* di mana *marketing officer* kita kalau ada dua orang, dua orang itu adalah daripada masyarakat orang-orang cina di China. Jadi ini untuk membolehkan kita berurusan kalau sekiranya pegawai kita itu tidak fasih dalam bahasa Mandarin. Jadi ini semua kita lakukan. Terima kasihlah Yang Berhormat bagi cadangan tetapi semua cadangan Yang Berhormat sebut itu memang kita laksanakan di sana. Jadi kalau ada apa-apa idea-idea yang baru yang boleh Yang Berhormat cadangkan kita tidak ada masalah. Kita akan laksanakan.

Berkenaan dengan peruntukan itu tidak mengapa. Mungkin oleh kerana pada tahun 2014 kita ada *Visit Malaysia Year* maka wangnya diberikan RM400 juta lebih telah pun digunakan tapi momentumnya itu ada. Dia tidak bermakna kalau kita buat kerja pada tahun 2013 untuk menjayakan 2014 punya *Visit Malaysia Year* dia tidak bermakna apabila tamatnya 2014 segala apa yang kita buat itu habis. Tidak. Dia bukan tahu tentang tahun itu sudah atau tidak habis.

Dia akan menjangkau kepada tahun 2015 kerana orang akan datang. Momentum sudah ada. Sebab itu pada tahun 2015 peruntukannya kecil sedikit sebab hanya untuk memastikan supaya momentum itu dapat berterusan. Jadi Yang Berhormat jangan bimbanglah. Walaupun dipotong RM90 juta, saya kira banyak daripada kerja-kerja itu telah pun dilakukan pada tahun 2013 dan juga pada tahun 2014. Jadi dia akan *spill over* kepada 2015. Jadi kementerian saya merasakan dengan peruntukan yang telah diberikan walaupun ia merupakan satu cabaran *insya-Allah* kita percaya kita boleh lakukan kerja yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.

Jadi Yang Berhormat Seremban bercakap tentang penyertaan negeri-negeri dalam CITM. Ini bukan Yang Berhormat Seremban cakap. Yang Berhormat Kota Melaka celah tadi. Kementerian sentiasa menjemput wakil-wakil kerajaan negeri ke setiap promosi yang dijalankan di luar dan di dalam negeri. Bagi CITM cuma empat negeri sahaja telah menerima jemputan kita. Menerima itu bukan bermakna kad jemputan itu dia terima. Maknanya kita jemput dan dia setuju, cuma empat negeri.

■1820

Akan tetapi kita telah pun menghantar jemputan kepada semua negeri tetapi yalah, tumpuan juga penyertaan yang bagi promosi ini juga kepada pihak-pihak swasta. Oleh sebab itu

kita tengok pihak swasta dia ramai datang. Di awal tahun ini, semasa penyertaan Malaysia dalam pameran pelancongan terbesar di dunia ITB, Berlin, sebanyak lapan kerajaan negeri serta 50 organisasi pelancongan lain dengan sebanyak 120 orang telah menyertainya. Mungkin dia orang punya duit pun terhadlah. Kerajaan negeri kita tahulah, bukan sangat ada banyak duit. Jadi mungkin dia fikir dia terpaksa agihkan. Di Berlin itu, itu antarabangsa. Di Shanghai mungkin satu negeri saja.

Jadi Sabah, Sarawak hadir kerana mereka tahu bahawa ini merupakan punca pelancong yang terbesar bagi negeri-negeri mereka kerana mereka akses, *accessibility, proximity* dekat. Kalau pergi ke Sabah, sudah tentu dua jam lebih kurang daripada kita waktu perjalanannya. Jadi sebab itu, banyak orang pergi ke negeri Sabah. Sarawak sudah tentu 1½ jam pendeknya perjalanan dibandingkan dengan Semenanjung. Jadi sebab itu banyak orang-orang daripada pelancong negara China, dia suka pergi ke Sabah dan Sarawak. Mungkin itulah tumpuan yang Sabah, Sarawak berikan sebab itu mereka hadir.

Akan tetapi saya kira pelancong-pelancong dia akan datang lagi terutama negara China. Saya rasa dengan izin, *it is a miss opportunity for other states* kalau mereka tidak datang kerana tahun hadapan, saya rasa segala apa masalah kita hadapi pada tahun 2014, *insya-Allah* tidak akan berlaku lagi dan saya percaya pelancong-pelancong negara China akan datang. Kalau negeri ini tidak hadir, ini *something* saya rasa *miss opportunity for them*. Sepatut kalau mengikut perkiraan saya, mereka mesti datang.

Kemudian Yang Berhormat Seremban sebut berkenaan dengan Pengerusi Tourism Malaysia. Dia mula dilantik pada 17 Jun 2013 dan dia akan tamat pada 16 Jun 2015. Saya rasa Yang Berhormat, dalam keadaan sekarang yang mana kita menghadapi masalah pelancong-pelancong negara China tidak datang kerana tragedi MH370 dan juga kerana penculikan di Sabah, saya rasa Pengerusi Tourism Malaysia telah banyak melakukan kerja-kerja yang baik yang dapat memastikan iaitu hubungan kita dengan negara China itu tidak terjejas.

Dia bukan sahaja telah dengan serta-merta berjumpa dengan *industry players, tour operators, travel agent* di China tetapi dia juga telah berjumpa dengan ketua-ketua kerajaan di peringkat-peringkat negeri *second-tier cities* untuk berjumpa dengan mereka dan memberi keyakinan. Pertamanya menyatakan kita punya takziah di atas apa telah berlaku dan kemudian kita berjumpa dengan *industry players*, dengan mereka dan menyampaikan kita punya rasa sedih di atas apa telah berlaku. Juga selepas itu, secara selalu berhubung dan menceritakan iaitu bahawa kalau boleh juga, datanglah ke Malaysia.

Itulah yang menyebabkan memang pada bulan Mei dan Jun, jatuh 30%. Itu *immediate effect* dengan izin, kerana tragedi telah berlaku pada bulan Mac. Jadi bulan April orang sudah *booking*, tetapi bulan Mei mereka sempat *cancel*. Mei jatuh, Jun jatuh tetapi sukacita saya maklumkan iaitu bahawa statistik bulan Ogos telah menunjukkan kita punya penurunan. Kalau dulu -30 jika dibandingkan bulan yang sama tahun lepas, sekarang bulan Ogos sudah *reduce* kepada -2. Kita berkeyakinan iaitu bahawa pada bulan September, Oktober, November dan

Disember *insya-Allah* kita akan *strike* balik *balance* dan mungkin ada pertambahan pada bulan November dan Disember nanti.

Jadi pada keseluruhannya, saya berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh pengerusi kerana saya sendiri sebagai wakil kerajaan, saya tidak pergi ke negara China sehinggalah minggu lepas saya pergi. Akan tetapi sebelum itu, pengerusi kita yang telah pergi dan beliau telah berhadapan dengan masyarakat negara China pada ketika itu yang penuh dengan kemarahan di atas tragedi MH370. *Alhamdulillah* kita tengok pada hari ini, waktu saya kita pergi minggu lepas sudah tidak berbangkit lagi. Bukan saya kata ini kerja dia seorang saja, sudah tentu ia merupakan kerja berkumpulan. Akan tetapi, dia telah menyumbang sama dalam soal untuk meredakan keadaan selepas berlakunya tragedi MH370. Jadi, itulah berkenaan dengan Pengerusi Tourism Malaysia. Vivekananda telah pun dijawab, Ashram.

Yang Berhormat Lenggong, ada Yang Berhormat Lenggong. Jawatan Pesuruhjaya Warisan. Jawatan Pesuruhjaya masih kekal. Yang Berhormat Menteri, sayalah telah melantik Pesuruhjaya Warisan berkuat kuasa 15 Jun 2014 hingga tempohnya 14 Jun 2016 sebagaimana seksyen 4 Akta 645. Jadi Yang Berhormat Lenggong, jangan bimbanglah. Jangan bimbang sebab jawatan itu masih lagi ada. Kepakaran yang kita perlu daripada beliau bukan hanya arkeologi tetapi warisan keseluruhan termasuk tapak, objek, warisan tidak ketara dan lain-lain. Ketua Pengarah juga ada di Jabatan Warisan dan disandang oleh Pesuruhjaya Warisan seperti dahulu untuk mentadbir pentadbiran jabatan. Jadi jawatan itu kalau dikatakan dibatalkan, adalah tidak betul.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Putatan, hendak tanya soalan atau hendak marah Yang Berhormat Kota Kinabalu?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Lenggong, Lenggong, Lenggong, soal Lenggong.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Lembah Lenggong.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Lembah Lenggong?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab soalan dari Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun dari Kampung Lenggong juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]*. Jadi saya mahu tanya sedikit apa yang tersebar dalam surat khabar baru-baru ini, soal *heritage*, warisan dalam Lembah Lenggong yang ada satu gua di Gunung Runtuh yang saya rasa nama dia kampung Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri lahir di situ dan ada satu *site*...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa Yang Berhormat Lenggong tidak bangun bab itu?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]*. Ini soal Bukit Gajah, soal Perak Man yang telah ditemui, yang kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri oleh kerana Yang Berhormat itu datang daripada kawasan itu. Berapakah jumlah ataupun program-program yang telah dilaksanakan untuk memperkasakan tempat ini sebab ini saya rasa sudah digazet sebagai World Heritage. Ini yang paling, saya rasa paling tertua di dunia. Antara tertualah, 10 ribu tahun yang nama dia Perak Man, tangan dia satu macam tidak begitu, tidak cacat dan hilang satu jari. Saiznya dia rendah sikit, mirip-mirip kurang lebih sedikit macam Ahli Parlimen Lenggong Yang Berhormat Menteri. Bukan Yang Berhormat Menteri, dia tidak ada rambut.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Saya hendak tegur Yang Berhormat, fasal isu ini tidak dibawa tadi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Perak Man Tuan Pengerusi. Perak Man ini dia rambut panjang tetapi Yang Berhormat Menteri dia tidak ada rambut. Ada gambar di sini Yang Berhormat Menteri. Dia kalau macam Yang Berhormat Shah Alam, kurang lebih macam Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri sikit.

■1830

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingat Perak Man pun dia bukan macam Yang Berhormat Lenggong, saya rasa lebih pada Parit lah, *[Ketawa]* fasal dia kecil sedikit. Walau bagaimanapun, memang betul Yang Berhormat, Lenggong Valley ini telah pun diisytiharkan sebagai UNESCO punya *heritage site*. Sememangnya kita untuk kita *maintain* dia sebagai UNESCO *heritage site* kita kena pastikan segala syarat-syarat yang telah ditentukan itu mesti kita *comply*. Jadi apa Yang Berhormat cadangkan itu memang saya percaya dilakukan. Akan tetapi yang *detail* saya akan minta saya punya Ketua Pengarah untuk sampaikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lenggong mengatakan kita sebut iaitu daripada Indonesia, ramai pelancong kita datang daripada Indonesia dan Singapura. Jadi dia bimbang takut diambil kira juga mereka yang datang seharian ataupun pekerja-pekerja. Jadi mungkin dia tidak begitu percaya tentang kejayaan Menterilah yang telah meramaikan pelancong-pelancong datang daripada luar negara.

Walaupun bagaimanapun, saya hendak sebut di sini, definisi pelancong oleh United Nation World Tourism Organization ialah seseorang atau individu yang datang ke sesebuah negara melebihi 24 jam, tidur waktu malam atau bermalam di negara tersebut. Individu dari Singapura atau Indonesia, yang datang ke Malaysia bermalam atau melebihi 24 jam, adalah dikira

pelancong. Ini bukan diaplikasikan atau digunakan hanya untuk Malaysia, ini digunakan untuk seluruh negara di dalam dunia ini. Ini adalah syarat dalam UNWTO. Jika orang-orang Singapura ataupun Indonesia, datang untuk bekerja, mereka tidak dikira sebagai pelancong. Jika mereka datang *day trip*, macam orang Singapura datang ke Johor, ataupun Yang Berhormat pergi ke Betong, tapi balik hari... [Ketawa],

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu Yang Berhormat Gerik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Samalah kita ini, Perak. [Disampuk] Jika mereka datang *day trip*, mereka itu dikira hanya sebagai *excursionist*. Pergi *excursion* sahaja, ia bukan *tourist*, dan tidak dikira sebagai pelancong.

Statistik bilangan pelancong asing yang datang ke Malaysia dibekalkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jadi yang keluar masuk ini, yang kita dapat ini semua ialah daripada Jabatan Imigresen yang juga apabila dimaklumkan kepada UNWTO akan disahkan oleh UNWTO sebagai perkiraan jumlah pelancong yang datang melawat negara kita. Itu dia jawapan dia.

Yang Berhormat Lenggong juga, bagaimana hendak menarik pelancong yang berkualiti daripada Jepun dan Eropah. Kita menyertai *trade show* seperti WTM, World Travel Mart (London), ITB (Berlin), MITT (Moscow), JATA Fair (Jepun), Tour Gothenburg (Sweden), IMIT (Istanbul), MARKKA (Finland) dan baru-baru ini CITM di Shanghai. Ini satu cara kita mengambil bahagian untuk menarik perhatian pelancong berkualiti daripada Jepun dan Eropah. Kita juga mengadakan kolaborasi dengan pengusaha pelancongan melalui *tactical campaign*. Kita juga ada promosi bersama dengan penerbangan asing seperti Emirates, Qatar, Turkish Airlines, La Tanza, Air France, Air Astana dan Etihad. Kita juga ada penyertaan di pameran khas seperti *Luxor travel* di Cannes, '*bird show*' di Rockford (UK), *DEMA Dive show* di USA dan International Living Fast Track Retirement Conference (USA). Ini beberapa perkara dan kita sudah tentulah juga kita mengiklankan di dalam CNN, kita iklan dalam semua *channel network* dalam dunia ini.

Saya bagi Yang Berhormat Lenggong dahulu, baru boleh bagi Yang Berhormat Bukit Katil.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak nafikan dari segi keupayaan dan kemampuan kementerian untuk membawa masuk pelancong. Tentu sekali kita harap pelancong datang ke rantau ini, dia tidak singgah dahulu ke Thailand, Singapura atau ke Indonesia, tapi dia datang terus ke Malaysia. Dia belanja, kemudian ada baki sedikit-sedikit itu baru dia pergi ke negeri-negeri lain supaya banyak perbelanjaan wang yang dia ada itu dibelanjakan di sini. Jadi itulah antara saya percaya antara yang dirancang dan diharapkan oleh kementerian.

Jadi, sejak sekian lama kita melakukan promosi ini berbanding dahulu, apakah kementerian ada kajian untuk melihat keadaan ini. Mungkin ada kaedah yang kementerian boleh lihat bagaimana? Adakah masih lagi keadaan di mana pelancong datang ke tempat lain dahulu, baru datang ke sini. Atau dia datang sini, dia pergi ke negeri-negeri lain dahulu? Yang itu saya hendak tahu. Bab Lenggong tadi saya cuma minta hendak dipercepatkan sahaja, sebab orang sudah mula datang, ramai. Jadi kalau ada pembangunan-pembangunan kecil yang masih rosak-

rosak itu tidak dibangunkan, dia balik dia cerita, ah, jangan datang lah sebab tidak siap lagi. Jadi itu Datuk KSU pun ada tengok, jadi perkara ini diberi teliti sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak berani hendak komen lebih Lenggong ini sebab saya orang sana, jadi Yang Berhormat cakap terus kepada KSU. Kemudian, begini Yang Berhormat, kita memang sebaik-baiknya iaitu kita mahu orang datang terus ke negara kita. Akan tetapi kita mempunyai masalah syarikat penerbangan kita ini ia bukan menambahkan penerbangan ke banyak-banyak tempat, dia mengurangkan lagi. Kalau dia ada Los Angeles, dia kurang, dia tidak *fly* dah. Kalau dia pergi New York, dia tidak *fly* dah. Jadi Yang Berhormat sebut itu betul, kita hendak kalau boleh dia datang ke negara kita, tapi bagaimana dia hendak datang ke negara kita kalau syarikat penerbangan kita tidak menyediakan *flight-flight* tertentu khusus *direct* ke ibu-ibu negeri berkenaan.

Jadi kita terpaksa bergantung kepada penerbangan-penerbangan negara lain. SIA, kita tidak boleh hendak *compete* dengan dia. Kalau dia bawa mari orang daripada London, sudah tentu pergi ke Singapura dahulu. Thai Airways, kalau orang datang ke Malaysia, sudah tentu berhenti di Bangkok dahulu, dan begitu juga Cathay Pacific. Jadi kita tidak boleh mencemburui negara-negara jiran kita, kerana kita bergantung kepada syarikat penerbangan mereka untuk belas ihsan. Kalau hang bawa orang daripada London pergi ke Bangkok, jangan lupa Kuala Lumpur. Kalau hang mari daripada New York, pergi ke Bangkok, jangan lupa ke Kuala Lumpur, Malaysia. Jadi, ini masalah kita, itu pertama.

Syarikat penerbangan kita tidak membantu untuk membawa ramai pelancong ke negara kita kerana mereka tidak melakukan prestasi yang baik bagi pandangan saya untuk membantu kerajaan membawa masuk pelancong-pelancong daripada luar ke negara kita. Itu pertama.

Keduanya, kita dalam ASEAN. Dalam ASEAN, kita ada Asia Travel Forum, di mana melihat kita bukan sahaja sebagai satu negara, tapi sebagai satu *region* (ASEAN). Jadi kita punya promosi pelancongan, ialah ASEAN. Maksudnya kalau datang ke Bangkok, kita ada satu program, *next*, maksudnya lepas datang ke Bangkok, datang ke Kuala Lumpur. Jadi kita bekerjasama, sebab itu *region* kita ini merupakan suatu *region* yang sememangnya pantas dia punya pertumbuhan daripada segi peratusan kedatangan pelancong jika dibandingkan dengan tahun lepas.

■1840

ASEAN, jadi kita kerja *as unit*. Kita tidak dengki di antara satu sama lain. Tidak dengki langsung. Pergi Singapura pun tidak apa, tetapi datang. Kita ada satu pakej bernama MASINTAI iaitu Malaysia-Singapura-Thailand, MASINTAI. Kalau Indonesia nak masuk pun kita panggil MASINTHAI juga, Malaysia-Singapore-Indonesia-Thailand. MASINTAI. Jadi [Disampuk] Malaysia-Singapore-Indonesia-Thailand ataupun Malaysia-Singapore-Indonesia-Thailand, MASINTAI. Dia bukan mengintai, dia MASINTAI. Jadi, kita semangat bekerjasama ini penting. Itu kedua, faktor kedua mengapa kita tidak boleh cemburui, datang sahaja ke Malaysia.

Ketiga Yang Berhormat, yang kita ini tinggi, Thailand nombor 10, kita nombor 11 dan negara-negara ASEAN itu dia mula naik kedudukan dia kerana kita ASEAN bekerjasama di

antara satu sama lain. Kita membantu antara satu sama lain untuk menaikkan jumlah pelancong ke negara kita. Singapura sebagai contoh, kita tahun lepas, *twenty six point something million*lah kata, 53% itu adalah orang Singapura. Nombor dua, Indonesia. Jadi, Indonesia dengan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat jadi Menteri, marilah duduk sini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, mengganggu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ada tikus, ada tikus, ada tikus.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz [Menteri Pelancongan dan Kebudayaan]: Bunyi macam kok, kok, kok. Saya tahulah *surname* nama Kok. *[Ketawa]* Kok, kok, kok, kok bunyinya. Tidak marah Yang Berhormat ya? Tidak marah.

Jadi, kita dalam ASEAN ini, kita bantu-membantu di antara satu sama lain. Jadi bila dia mari Singapura, dia 53% kedatangan pelancong dari luar negara dari Singapura. Singapura *single handedly* meletakkan kita nombor 11 sekarang. Tambah dengan Indonesia nombor dua, kedatangannya dekat dua juta. Jadi kita sesama negara, membantu.

Saya juga menggalakkan orang-orang Malaysia kita pergi ke Thailand, pergi Singapura, pergi ke Indonesia. Jadi, *we are helping each other*. Kita tak mampu untuk hendak berdengki dan sebagainya. Jangan pergi Thailand, jangan pergi ini. Sebenarnya tak betul Yang Berhormat Kuala Langat sebut tadi kata, ada orang dia dapat berita kata menceritakan jangan datang ke Malaysia. Ada negara cemburu kita jangan datang Malaysia, ada penculikan. Tidak, kita tidak buat macam itu.

Sebenarnya saya tidak percaya iaitu bahawa kita bersaing sesama kita. Kita dalam ASEAN tidak bersaing sesama kita. Kita bantu-membantu antara kita. *I can forgive, but I cannot forget*.

Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat ya. Hendak tanya lagi? Nanti, saya kena bagi Yang Berhormat Bukit Katil dahulu. Jadi oleh sebab fakta tiga ini Yang Berhormat, kita tak boleh sesama kita ASEAN merasakan kita bersaing daripada segi macam permusuhan, tidak boleh. Kita kira *don't beggar than never* sebab yang menjadikan kita sebagai sebuah negara yang ke-10 atau ke-11 dilawati oleh pelancong adalah dia punya sumbangan datang daripada jiran-jiran kita.

Jadi oleh sebab tiga fakta ini, saya fikir kita tidak bolehlah mencemburui kenaikan pelancongan di negara-negara berkenaan yang merupakan jiran kita. Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri jawab panjang sangat, sampai dah lupa dah tadi sikit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ha, ini keturunan pendek *man*, rendah. *[Ketawa]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ini Bukit Katil *Marlah*. Yang Berhormat Menteri tadi jelaskan agak terperinci mengenai ASEAN Tourism, kalau boleh saya simpulkan. Cuma seperti mana kita sedia maklum, tahun hadapan Malaysia akan memimpin ASEAN menjadi Pengerusi ASEAN.

Saya ingin bertanya kementerian, apakah ada satu strategi khusus yang telah dirangka untuk kita mengambil manfaat daripada Pengerusi ataupun negara kita memimpin *Chairman* Asean 2015 ini sebab kalau tidak silap saya pada tahun 1992, kita ada Visit ASEAN Year 1992. Kemudian ada Visit ASEAN Campaign 2002 . Selepas itu saya tengok tidak ada lagi program-program menjurus ke arah itu.

Yang Berhormat Menteri sebut tentang *ASEAN Travel Forum*. Apakah kita mempunyai ASEAN Tourism Forum yang menggabungkan kesemua negara Asean ini dan kita *promote* sebagai satu *regional tourism* yang boleh mempromosi bukan sekadar pelancongan tetapi budaya. Saya ingat aspek budaya ini kita dilihat tidak menitik beratkan soal budaya majmuk yang pada saya begitu baik untuk negara kita dan dipromosikan di rantau ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya pun tak tahu sama ada hendak sebut ataupun tidak. Akan tetapi kementerian saya, kita merancang waktu kita menjadi pengerusi ASEAN ini. Betul Yang Berhormat sebut iaitu di masa lepas kita telah mewujudkan pelbagai platform atas nama ASEAN dan sememangnya ASEAN Tourism Forum diadakan. Itu merupakan kita punya cadangan dulu. Kita telah mengadakan tiap-tiap tahun, forum. Tahun ini telah diadakan di Kuching, tahun depan di Naypyidaw, Myanmar.

Pada tahun hadapan apabila kita menjadi Pengerusi, kementerian saya ingin mencadangkan supaya kita mewujudkan ASEAN Tourism TV Network di mana menerusi *channel* ini kita akan mempromosikan banyak pusat pelancongan yang ada di Asean dan juga menunjukkan kebudayaan kita. Jadi ini masih lagi dalam perancangan dan ia belum lagi diputuskan. Akan tetapi ini lah cadangan kementerian saya, mewujudkan satu *TV Network* yang akan mempromosikan.

Kalau kita boleh bersetuju, mungkin pusatnya di Kuala Lumpur. Kita boleh menghantar kita punya orang untuk pergi ke banyaklah tempat-tempat di ASEAN ini yang boleh menjadi tarikan pelancong, membuat *filming* dan macam-macam lagi. Inilah yang kita cadangkan. Saya harap kalau dapat sokongan, maka apabila kita mempengerusikan ASEAN pada tahun hadapan, maka hasilnya itu ialah ASEAN Tourism Television Network yang belum lagi ada. Ya saya tidak lupa, Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya baru-baru ini saya hendak membetulkan apa Yang Berhormat Menteri cakap itu. Yang Berhormat Menteri dia ambil yang awal, yang hujungnya tidak ambil.

Maksud saya ialah bila saya ada *communicate* dengan wakil-wakil Selatan-Selatan *Trade Union*, saya isukan adakah persoalan culik itu masih lagi diperkatakan di negara-negara terutama sekali China? Saya katakan dengan saya, masih lagi ada dimainkan. Saya hanya

menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, duta-duta kita itu berperanan dan pegawai-pegawai kedutaan itu memastikan bahawa cerita penculikan itu bukan penyebab utama untuk mereka dihalang datang ke negara ini. Persaingan itu sudah tentu datang dari Indonesia dan Thailand. Akan tetapi isu penculikan itu tidak boleh diberikan alasan dan pelancongan daripada China terutamanya sekali tersekat datang ke Malaysia.

Oleh sebab saya berbincang dengan perwakilan daripada Selatan-selatan yang dipengerusikan oleh negara China. Oleh sebab itu saya yakin dan saya percaya, ia masih lagi dibicarakan dan dijadikan alasan yang menokok tambah kehadiran daripada negara China.

Saranan saya ialah kerja pegawai kedutaan itu dimainkan bersama. Itu sahaja saya punya saranan. Jadi kalau itu..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tengok Tuan Pengerusi, tengok Tuan Pengerusi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Eh Yang Berhormat Lenggong, belum habis lagi Yang Berhormat Lenggong. *[Ketawa]* Yang penting ialah peranan duta itu supaya persepsi yang kata penculikan itu menjadi perkara utama yang tidak datang ke Malaysia itu tenggelam begitu sahaja. Ia mahu macam itu, barulah kita boleh tengok 2.8 juta Yang Berhormat Menteri cakap itu menjadi realiti. Terima kasih. Oh, dahsyat! *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya selalu dengar pembangkang cakap, jangan berada di dalam kedudukan *denial syndrome*. Dua orang yang diculik itu masih lagi belum diselamatkan. Belum lagi. Satu Zakiah itu, polis itu, satu lagi yang kena tahan yang ada kolam ikan.

■1850

Dua ini belum lagi diselamatkan, macam mana duta kita hendak cerita selamat? Jadi, ini masalah kita. Memang, kita jangan berada dalam keadaan *denial syndrome*. Saya sendiri...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat relaks, jangan marah. Relaks, duduk dahulu. Tidak ada masalah. Saya sendiri sebagai Menteri, apabila pergi ke sana, cukup bimbang kalau ditanya tentang soal penculikan kerana saya tidak boleh bagi jawapan. Akan tetapi *Alhamdulillah* tidak ditanya. Ini kerana kalau ditanya, saya terpaksa mengaku. Macam mana saya hendak menafikan iaitu bahawa keadaan sudah selamat?

Yang Berhormat tidak tahu, Yang Berhormat Seputeh ini ke hulu ke hilir bawa isteri salah seorang daripada orang yang - Betul tidak Yang Berhormat Seputeh? Betul. Sampai sekarang bawa ke Parlimen. Saya tidak berani hendak jumpa sebab suami dia masih lagi ditahan. Yang Berhormat cuba fikir, bukan sahaja orang biasa, orang yang menjaga Sipadan, polis itu seorang kena tembak mati, seorang kena culik sampai sekarang tidak bagi lagi. Macam mana kita hendak arahkan duta kita bercakap, "*No problem, everything is safe*". Bolehkah? Tidak boleh Yang Berhormat, belum selesai lagi.

Polis ini yang sepatutnya menjaga keselamatan di Sipadan, seorang kena tembak, seorang kena culik sampai sekarang tidak tahu apa berita. Macam mana Yang Berhormat saya hendak pergi ke sana kata *everything is safe, don't worry, come to Sabah*. Saya tidak berani dan saya tidak akan buat sebab saya bimbang saya tidak boleh tunai janji saya. Kalau saya pergi jumpa dengan orang di China, saya bagi tahu dengan izin, *no problem, Sabah is safe*. Kalau dia datang betul-betul dia kata dengar cakap saya Sabah *is safe*, dia pergi ke Semporna atau mana. Dia pergi ke sana bukan satu dua orang, Yang Berhormat Menteri kata *safe*, datang sampai beratus orang. Kalau seorang kena Yang Berhormat, apa saya hendak jawab pada mereka? Ini masalah saya. Yang Berhormat cakap dengan *union workers* bolehlah. *[Ketawa]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Okey, okey. Saya hendak jawab. Boleh saya jawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh jawab Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bukan, saya hendak jawab atas serangan Yang Berhormat Menteri itu. Yang Berhormat Menteri menyerang sekarang ini, saya kena jawab. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Menteri, isunya bukan hanya sekelompok Sabah yang perlu difikirkan. Pusat pelancongan kita serata tempat, di Semenanjung pun kena memainkan peranan. Di Langkawi, di Pulau Pinang, di tempat sejarah yang begitu banyak di Semenanjung itu perlu diketengahkan. Jadi kalau hendak bercerita pasal Sabah mewakili seluruh Malaysia itu, tidak boleh. Jadi saya nampak bahawa...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu pun tidak betul Yang Berhormat. Semporna itu bukan Sabah. Semporna satu bandar kecil Sabah. Ia *generalize* Sabah tidak selamat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, ya. Akan tetapi *East Coast* tidak kira. Akan tetapi yang penting ialah jangan kita berikan...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Beluran paling selamat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *Part out of that*. Kita kena menyeluruh dari Semenanjung, tempat lawatan pun banyak. Jadi saya kira pendekatan itu perlu diambil. Saya lihat begitu dan saya tidak nampak hanya kita tumpukan semua kepada Sabah, East Coast sahaja. Kita hanya bercakap, kita tumpunya itu menakutkan, tempat lain yang begitu menggembirakan hati pelancong kita tidak maklumkan. Itu peranan yang perlu dimainkan. Itu sahaja maksud saya Yang Berhormat Menteri. Jadi Yang Berhormat Menteri harap faham. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia menjawab itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Langat, lain kali kalau Yang Berhormat punya Whip tanya soalan, dengarlah. Yang Berhormat Gombak tanya saya soalan, dia tanya soalan yang begitu cantik. Dia tanya kepada saya, dia kata apakah penculikan

itu lebih menakutkan pelancong dari China daripada MH370. Saya jawab betul Yang Berhormat. Banyak yang *dicancel* tadi yang Kota Kinabalu bukan 3,000, saya kata 35.

Sebanyak 35 syarikat penerbangan *charter* yang dibatalkan bukan ke Semenanjung, ke Sabah. Jadi maknanya, penculikan itu sememangnya menakutkan orang-orang China, Taiwan yang kena mula-mula dahulu perempuan, tetapi selamatlah bayar. Tidak tahulah bayar kah tidak bayar duit, tidak tahu. Jadi soalan Whip dari PKR itu cukup cantik, baik. Yang Yang Berhormat Kuala Langat hendak mempertikaikan soalan dia itu apa fasal? Saya sudah jawab betul.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan apa yang Yang Berhormat Menteri cakap. Ahli Parlimen yang tanya soalan itu yang kata Whip itu, soalan daripada Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat menanya ketika soalan tambahan Yang Berhormat Menteri, saya minta pembetulan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya malas hendak cakap, lembu punya susu sapi dapat nama. Apa yang saya tahu secara rasminya yang tanya saya itu Yang Berhormat Gombak. *Hansard* keluar itu, Yang Berhormat Gombak tanya kepada saya. Sememangnya pembatalan ialah ke Sabah dan tidak ke Semenanjung. Semenanjung sekarang ini sudah ada 130 lagi *charter* yang datang ke Semenanjung.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Duduklah dahulu, sekejap. Nanti kena sumpah, susah saya. *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat, memang betul ke Sabah itu, mereka lebih takut kepada penculikan daripada kapal terbang. Jadi apabila Yang Berhormat tanya tentang kata di Sabah penculikan, itu memang betul Yang Berhormat, dia takut. Saya pun takut. Kalau naik kapal terbang itu, kalau kita hendak takut, tidak usah naik kapal terbang langsung. Kepada mereka, MH370 boleh berlaku pada mana-mana penerbangan. Mungkin marah, tetapi tidak menyebabkan mereka tidak mahu datang ke negara kita. Akan tetapi ke Sabah dia takut, sebab dia tahu penculikan berlaku di Sabah.

Kemudian Yang Berhormat, bagi orang negara China, mana dia tahu di Semporna berlaku. Semporna dan Kota Kinabalu itu 300 kilometer. Ia rakyat China, mana dia tahu. Dia dengar Sabah, Malaysia. Seluruh Sabahlah dia tidak mahu pergi. Dia takut. Lainlah kita, kita duduk di Semenanjung, kita tahulah. Boleh pergi Sabah, Kota Kinabalu okey tetapi jangan pergi ke Semporna dan Lahad Datu. Yang Berhormat, saya sendiri pun tidak mahu pergi ke Lahad Datu, tidak mahu cari fasal.

Akan tetapi bagi orang negara China, dia tidak tahu. Dia Cuma tahu Sabah, jadi seluruh Sabah dia tidak bagi. Jadi Yang Berhormat, sebab itu saya tidak menyalahkan duta kita kerana pada saya, selagi masalah - Penculikan ini bukan menculik sahaja, dia tidak berkehabisan sehingga yang kena culik itu diselamatkan, baru *end case*. Selagi yang kena culik itu belum dapat dijumpai, belum lagi diserahkan kepada kita, selagi itulah penculikan itu merupakan masalah di negeri Sabah.

Saya tidak akan menasihatkan walaupun ada permintaan kata Dato' Seri, *you* sebagai *Minister* pergilah jumpa dengan kedutaan, mana-mana kedutaan yang keluar *travel advisory* itu pergi pujuk. Saya tidak mahu. Ini kerana saya takut dan bimbang. Sebagai Menteri, kalau saya bagi jaminan datanglah ke Malaysia, selamat. Datang dia berduyun-duyun, seorang kena Yang Berhormat, saya juga yang kena nanti. Saya tidak akan menyalahkan duta kerana pada saya soal penculikan tu masih lagi belum habis. Siapa mahu tanya tadi? Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat kata Sabah. Macam semua Sabah pun tidak selamat. Ini tidak patut, tiada keadilan kepada Kota Kinabalu. Hanya Semporna. Semporna sahaja yang bahaya. Jadi, kenapa semua pelancong tidak datang ke Sabah? Bukan semua tempat di Sabah bahaya. Ini perlu dijelaskan kepada dunia bukan seluruh Sabah yang berbahaya oleh penculikan tetapi hanya di Semporna. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, ramai pelancong operator yang bagi nasihat kepada saya, dia minta kalau boleh ini bukan tanggungjawab kementerian, tetapi pelancongan yang *affected*. Saya minta Yang Berhormat Menteri bolehlah bagi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya *curfew* pastikan diteruskan supaya kita punya sekuriti boleh selamat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Langat, tengok Yang Berhormat Kota Kinabalu mencadangkan supaya *curfew* diteruskan, tidak selamatlah maknanya. Dia orang Sabah, dia lebih tahu. Jawabnya tidak selamatlah. Selepas ini kita pergi minum kopi sekejap lagi. Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya sudah jawab tadi. Orang Malaysia tahu, yang culik itu berlaku di Lahad Datu. You pergi cakap sama orang Beijing, mana orang Beijing tahu itu Lahad Datu sama Kota Kinabalu dekat. Dia tidak tahu. Jauh pun dia tidak tahu.

■1900

Oleh sebab itu saya cakap tadi kita rakyat Malaysia faham tetapi bagi rakyat di negara China dia tidak faham. Dia dengar Lahad Datu, Sabah, Malaysia. Dia bukan pernah datang Sabah. Maka dia menganggap Sabah itu semuanya tidak selamat. Jadi itu yang saya sebut. Jadi lain kali Yang Berhormat fahamlah, jangan tidur.

Walau apa pun Batu Sumpah saya akan pergi. Akan tetapi dalam ucapan, tidak payahlah cakap panjang-panjang sebab saya belum pergi Yang Berhormat. Saya belum pergi. Saya pergi nanti bolehlah cakap. Akan tetapi saya pergi Batu Sumpah dan saya akan tengok. Walau bagaimanapun soal muzium ini saya hendak beritahu Yang Berhormat cadangkan ke negeri Sabah itu Muzium Sabah kasi sama federal jaga. Sekarang Muzium Sabah, negeri jaga, saya tidak ada kuasa. Saya cuma pergi tengok nanti dan saya akan menasihatkan kepada Pengarah muzium di Sabah supaya kalau betul Yang Berhormat sebut, maka apa yang ditakutkan.

Sememangnya sama ada *you* Menteri atau bukan Menteri, kita mesti jamin kebebasan beragama di mana-mana sekalipun. Jangan jadi macam ISIS, potong kepala kita tidak mahu.

Apatah lagi potong kepala tidak mahu, sumpah pun saya tidak mahu. Akan tetapi saya akan pergi dan saya akan tengok.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh celah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nantilah dahulu, biar saya jawab.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Bolehlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat Lanang tanya saya akan – di mana kawasan? Lari pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kulai lari. Okey perpustakaan kita akan. Jumlah perpustakaan desa di daerah Gerik dan Lenggong tujuh buah. Di bawah tadbir urus negeri Perak empat buah. Perpustakaan desa di bawah tadbir urus Perpustakaan Negara Malaysia – tiga buah. Perpustakaan cawangan di Gerik satu buah, Perpustakaan Negara sentiasa menambahkan peruntukan desa setiap tahun. Pada tahun 2014 lima buah perpustakaan desa baru telah dibina. Tahun 2015 sebanyak enam buah akan dibina termasuk dua buah dibina termasuk dua buah perpustakaan desa di negeri Perak. Ini perpustakaan.

Negeri Kedah. Yang Berhormat Pokok Sena dengar baik-baik. Pertama sekali statistik ketibaan pelancong ke Malaysia terkini. Untuk tempoh Jun sehingga Ogos 2014 seramai 18.38 juta orang pelancong telah mengunjungi Malaysia iaitu dengan kadar pertumbuhan sebanyak positif 10.3% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2013. Ini Yang Berhormat tanpa sumbangan kenaikan daripada pelancong negeri China, kita jatuh. Itu pun *alhamdulillah* pada keseluruhannya kita 10.3% dengan izin, 18.38 juta orang.

Dari segi pelancongan ke luar bandar pula, jumlahnya tinggi daripada segi pelancong domestik. Manakala dari segi pelancong antarabangsa pula ia kian meningkat dengan adanya kemudahan seperti hotel, *homestay* dan pemandu pelancongan yang profesional. Jadi dalam domestik Yang Berhormat, memang ramailah yang pergi ke luar bandar. Itu orang kata *natural*, kita duduk di sini. Maksud saya yang pergi ke luar bandar macam Kuala Krai semua ini banyak *domestic tourism* pergi iaitu katakanlah dari Melaka pergi ke Kuala Krai, dari Johor pergi ke Kuala Krai, macam itulah. Masih lagi jumlahnya tinggi.

Mungkin di peringkat antarabangsa itu kita perkenalkan lagi sebab maklumlah orang datang dari luar negara, dia sudah tentu tumpuannya kepada pusat-pusat pelancongan yang sudah terkenal dan dia tidak akan pergi ke kampung-kampung yang dan dia tidak tahu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasanlah sedikit sebab dua kali sebut *make it three*. Boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudahlah Yang Berhormat Kuala Krai, sudah sebut dua kali. Jambu daripada kolej.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Itu yang saya malas bangun. Kita yang *macho* dipanggil jambu, hilang semangat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Mengenai kedatangan pelancong luar negara ke kawasan-kawasan luar bandar ini telah dibangkitkan bagi negeri Kelantan. Kalau ia dipromosikan sebagai sebuah pusat pelancongan, domestik sudah tentu hebatnya antara tertinggi dalam negara, saya ingat Kelantan ini. Kalau boleh, urusan untuk datang itu terus ke negeri Kelantan dan tidak melalui KLIA, *transfer flight* ke Kota Bharu. Ini akan menambahkan kos dan juga mengambil masa.

Jadi pelancong-pelancong yang banyak duit itu, pelancong yang kualiti ini akan dapat terus datang ke negeri Kelantan. Oleh sebab itu, permintaan rakyat Kelantan supaya Lapangan Terbang Kota Bharu itu dijadikan lapangan terbang antarabangsa dengan penerbangan *direct* dari Beijing ke Shanghai dan sebagainya sudah tentu akan membantu. Bukan itu sahaja faktornya tetapi boleh membantu pertambahan pelancong-pelancong ke kawasan luar bandar seperti Kelantan. Apa pandangan menteri yang bijaksana dan amat mengambil berat hal ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Menteri pun macam jambu juga. Menteri hendak suruh tarik balik atau hendak suruh ulang?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ulang empat, lima kali lagi. Sudah terlalu tua untuk jadi jambu. Yang Berhormat, janganlah hina *domestic tourist* tidak ada kualiti. *Domestic tourist* ada kualiti juga. Saya tidak sebut. Saya sebut domestik dengan luar negara.

Yang Berhormat, saya tidak ada masalah dan saya percaya Kementerian Pengangkutan pun tidak ada masalah. Mana-mana syarikat penerbangan kalau dia hendak terbang terus London ke Kota Bharu kita tidak ada masalah, boleh. Akan tetapi itu terpulang kepada syarikat penerbangan berkenaan. Saya akan bagi *green light*, tidak ada masalah, sokonganlah.

Akan tetapi saya sebenarnya kita boleh lihat kalau boleh daripada kita fikir tentang *airport* yang lebih jauh, kita fikir kalau boleh Kelantan, Kota Bharu itu jadi *regional* punya hab iaitu pergi ke Campuchia, Vietnam itu lebih baik supaya mereka boleh datang *direct* daripada Campuchia. Kita tahu Campuchia dengan Kelantan banyak hubungannya, Pengkalan Champa semua itu.

Jadi saya kira itu memang saya setuju dan kita memang menggalakkan pun *regional airline* ini untuk terbang di antara *second tier city*. Macam kata Kelantan dengan Narathiwat, itu dekat sangat, Kelantan dengan Phuket macam itu. Itu saya setuju tetapi seperti mana yang saya sebut ia banyak terpulang kepada syarikat penerbangan sama ada mereka mahu terbang ataupun tidak. Warisan negeri Kedah. Jabatan Warisan Negara...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hat mana ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasal pelancongan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini Menteri yang jujur. Dia sebut kalau tidak selamat, tidak

selamatlah. Dia hendak beritahu hak sebelah itu Yang Berhormat Sembrong itu Menteri Pertahanan kerja elok-elok, termasuklah Menteri Dalam Negeri. Itu kejujuran dia.

Baik, saya hendak dapatkan penjelasan pasal tadi kata pelancong-pelancong luar yang pergi ke luar bandar ini agak kurang. Jadi oleh sebab itu apa usaha yang perlu dilakukan untuk pastikan supaya limpahan pelancong-pelancong luar itu bukan bermakna pelancong dalam ini tidak ada kualiti tetapi kita hendakkan supaya limpahan pengaliran duit luar itu masuk ke negara kita dapat dirasakan oleh masyarakat tempatan.

Khususnya macam di negeri Kedah. Kedah cakap pergi Langkawi sahaja, dia tidak pergi ke sebelah Tanah Besar padahal di Tanah Besar ini umpamanya macam ada Gunung Jerai yang saya kira bahawa Gunung Jerai pun macam sepi. Tidak ramai pelancong luar pergi ke sana sedangkan ada sesuatu yang sangat menarik yang boleh dijadikan sebuah pusat pelancongan yang baik untuk menarik pelancong-pelancong dari luar.

Kerajaan Negeri Kedah pun macam tidak bersungguh untuk hendak *promote* Gunung Jerai. Jadi sepatutnya Kementerian Pelancongan kena ambil maklum dalam keadaan kalau di Cameron Highland sudah mengalami masalah dari segi alam sekitar yang tidak menentu ini, sepatutnya Gunung Jerai itu boleh menjadi satu alternatif kepada Cameron Highland.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya memang setuju Yang Berhormat iaitu pelancongan ini kita juga mesti melihat kepada kawasan-kawasan yang luar dari kawasan sememangnya sudah popular dan diketahui ramai.

Maka oleh sebab itulah kita perkenalkan *homestay* Yang Berhormat. *Homestay* ini boleh dikatakan sebagai *grass routes tourism*.

■1910

Ini kerana dengan adanya *homestay*, ini akan kita dapat menarik pelancong-pelancong yang datang ke Kuala Lumpur untuk pergi ke tempat-tempat seperti Pokok Sena, Kuala Krai, sekiranya kalau ada *homestay*. Jadi sememangnya kerajaan telah fikir semenjak tahun 1995 lagi kita sudah fikir tentang *homestay* kerana kita hendak ada penyertaan daripada kawasan pedalaman.

Kita kena ingat pada tahun 1990-an dahulu, kawasan pedalaman ini banyak berlaku penghijrahan ke bandar disebabkan oleh kerana *economic* punya *development* di bandar-bandar besar, maka berlaku *mass migration* dari kawasan luar bandar ke bandar yang menyebabkan banyak rumah di kampung-kampung yang tertinggal kosong. Jadi kerajaan memikirkan bagaimana kita hendak memastikan jangan berlaku *degeneration* kampung-kampung ini dan kita cuba hendak halangkan *mass migration*.

Maka pada tahun 1995, kerajaan mula memikirkan untuk mewujudkan *homestay*. Tujuannya ialah supaya jangan berlaku *mass migration* supaya sebenarnya duduk di kampung itu pun boleh mendatangkan pendapatan kepada orang kampung tanpa kita menyuruh dia membuat sesuatu yang luar daripada yang dilakukan pada setiap hari. Sebagai contoh, kalau *homestay* itu nelayan, jadi dia tidak perlu buat benda yang lebih. Cuma dia bawa nelayan itu ikut

dengan dia pergi tengok dia menangkap ikan di laut. Ini kita beri dia *experiential tourism*. Dia akan dapat merasakan kehidupan orang kampung nelayan sebagai contoh.

Jadi kita sudah fikirkan ini. Maka itulah kita buat *homestay*. Jadi ini *homestay* ialah satu cara bagaimana kita hendak tarik orang dari luar negara, bukan sahaja melawat bandar-bandar seperti Melaka kah, Georgetown kah, tetapi pergi ke kampung duduk dengan orang kampung dan lihat apa yang mereka lakukan seharian kerana dia hendak *experience*.

Sehinggakan Yang Berhormat, saya pergi ke sebuah Kampung Suri di Kelantan, bapa beruk yang bawa turun petik kelapa itu pun menjadi tarikan kepada mereka. [Disampuk] Di Tumpat, Pantai Suri. Yang Berhormat Tumpat punya kawasan. Saya pergi ke sana tengok. Beruk ini, satu masa dahulu beruk ini sudah tidak ada dah tetapi sekarang ini menjadi tumpuan pelancong kerana di negara dia tidak ada beruk. Beruk pun tidak ada, pokok kelapa pun tidak ada tetapi beruk tetap perangai beruk. Bila ada pelancong, ia tidak petik. Ia naik turun, naik turun... [Ketawa] Ini memang perangai beruk betul. Saya pergi tengok. Akan tetapi nanti Yang Berhormat Kuala Krai kata dia katalah, dia tengok bapa beruk datang, ia buatlah perangai macam itu, bukan?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudahlah itu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Itu satu pandangan yang tepat. [Ketawa] Bapa beruk dengan bapa beruk ini ngamalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hanya seekor beruk akan mengenali beruk yang lain.

Jadi Yang Berhormat, saya bersetuju dan sememangnya saya menggalakkan di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau hendak menarik perhatian, tarik pelancong untuk datang ke kawasan kita, Gunung Jerai atau manakah, kita adakanlah *homestay*. Itu satu cara bagaimana kita boleh tarik orang pergi ke luar-luar bandar ini.

Sekinchan sebagai contoh, hari ini keluar dalam sebuah filem di China, Sekinchan. Hari ini tengok Sekinchan macam mana? Orang mari hendak tengok bila padi merah sahaja, dekat musim menuai, semua mari tengok sawah padi. Dan ia ada makanan *foohnya*, memang Sekinchan – saya pun terkejut. Saya jumpa dengan seorang pelancong, banyak-banyak tempat sebut di Malaysia, kita hendak dengarlah Kota Kinabalu kah, Langkawi kah, macam Yang Berhormat sebutlah. Dia sebut Sekinchan. Sekinchan?

Jadi maknanya, memang ada peluang untuk kawasan-kawasan luar bandar boleh menarik perhatian pelancong-pelancong dengan kita punya *homestay program*. Jadi saya cadangkan kepada Yang Berhormat, tahun ini kita ada RM4 juta kah untuk *homestay*, ambillah kesempatan, buatlah *homestay*. Kita, *insya-Allah*, akan bantu kerana sememangnya ia merupakan penyertaan *grassroot* dalam soal industri pelancongan di negara kita.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak puas lagi?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebut Pokok Sena banyak kali sudah itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan komitmen yang tinggi. Memang *homestay* itu satu daya penarik tetapi ramai orang kampung ini dia buat *homestay* dia tidak ada kemahiran, dia tidak ada kebolehan untuk hendak mengembang, hendak menarik perhatian orang ramai. Apatah lagi di kawasan-kawasan macam kawasan perhutanan yang dekat dengan hutan-hutan yang cantik ataupun kawasan pertanian tadi.

Jadi saya hendak bertanya, sejauh mana kerjasama Kementerian Pelancongan ini umpamanya dengan kementerian ataupun Jabatan Perhutanan dengan Kementerian Pertanian untuk hendak mempromosi, membuat program-program yang boleh menarik orang? Umpamanya Kementerian Pertanian, kalau *homestay* itu yang kawasan pertanian padi di Kedah yang cantik yang boleh menarik perhatian orang dengan berlatarbelakangkan Gunung Jerai umpamanya, apa program yang sepatutnya dibuat oleh Kementerian Pertanian untuk menarik orang pergi ke situ, kemudian *homestay* di situ akan mendapat limpahan dengan kehadiran mereka? Begitu juga dengan Jabatan Perhutanan dan sebagainya. Jadi ini saya fikir bahawa perlu ada kerjasama. Setakat ini, sejauh mana kerjasama itu?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Inap desa.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti, tidak apa. Saya jawab. Tuan Pengerusi, saya hendak tamatkan pada pukul 7.30 malam ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pukul 7.30 malam. [Disampuk] Sudah dua jam menggulung. Ia macam ini. Saya hendak maklumkan bahawa urusan di antara kementerian saya dengan jabatan-jabatan seperti Perhutanan, Kementerian Perladangan, Kementerian Pertanian memang baik. Kalau Yang Berhormat tengok, katalah sebagai contoh, di Hulu Terengganu. Kawasan-kawasan yang merupakan hutan simpanan, mula-mula ia ada *waterfalls* semua, kemudian mereka membuat rumah-rumah persinggahan dan akhirnya dia tidak ada peruntukan, dia berjumpa dengan kita dan kita beri peruntukan untuk membina rumah-rumah persinggahan, *rest house*. Akan tetapi kena tanah kerajaan, Yang Berhormat. Tanah individu susah sedikit sebab kita tidak boleh belanja wang rakyat atas tanah individu. Ia mesti tanah kerajaan.

Akan tetapi kalau sebagai contoh, katakan kalau *homestay* sebagai contoh, mereka ada *homestay* tetapi mereka perlukan kepada astana, pentas... [Disampuk] Astaka. Mereka perlukan astaka. Kalau ada kawasan milik kerajaan di situ, kita boleh bina astaka itu untuk mereka untuk menunjukkan pementasan atau apa-apa. Atau pun kalau dia hendak dewan orang ramai, kalau mana *homestay* itu ada 20 buah rumah atau apakah, selepas itu dia hendak katalah dewan untuk kegunaan orang ramai, ada tanah kerajaan, kita boleh.

Jadi ini satu cara – pertama tadi urusan kita dengan kementerian-kementerian lain, memang baik. Kita ada peruntukan untuk buat jeti dalam kawasan katalah tanah-tanah kepunyaan hak kerajaan tempatan, kita boleh buat jeti, semua kita boleh buat. Ini cara untuk kita

hendak bantu pelancongan di kawasan-kawasan luar bandar. Sememangnya kita mempunyai peruntukan untuk membina ini semua. Jadi itu urusan kita dengan jabatan dan kementerian yang lain.

Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh Tuan Pengerusi? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri sebut tadi tentang program inap desa ataupun *homestay* yang kemudian idea asalnya dikembangkan daripada *grassroot tourism*. Cuma saya ingin minta penjelasan, susulan daripada peruntukan yang diberikan kepada program inap desa ini, apakah strategi kementerian untuk memastikan agar peruntukan yang diberikan untuk inap desa ini ia bukan sekadar *one-off* tetapi ia akan menjadikan program *homestay* ini sebagai satu cara untuk memastikan masalah kemiskinan itu dapat dikurangkan? Ini kerana pada saya, sejak program ini diperkenalkan pada tahun 1995, apakah ada *success story* yang boleh dikembangkan, yang boleh dijadikan rujukan oleh sesiapa yang ingin menyertai program ini supaya inap desa ini boleh dikembangkan dan boleh dikomersialkan? Misalnya saya ambil contoh kalau kita pergi *online* sekarang ini, kita boleh taip kalau hendak *booking* hotel, Agoda.com atau Trivago dan sebagainya.

■1920

Apakah ada usaha kementerian ke arah itu? Misalnya kalau ada mereka yang hendak datang ke Malaysia, hendak menikmati *homestay* dan sebagainya mereka boleh klik dan dapat *choice* untuk dapat pilihan yang terbaik, pengalaman-pengalaman yang berbeza berkaitan dengan penginapan mereka di inap desa ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pertamanya memang kita ada direktori untuk menunjukkan tempat-tempat *homestay* yang mereka boleh sewa dan duduk. Sememangnya kejayaan kita ini banyak, memang banyak. Yang Berhormat Seputeh, kalau di Selangor itu, apa tempat yang kita pergi hari itu di Selangor, dekat Sepang itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sepang Gold Coast.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan, *homestay*. *Homestay*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Homestay*?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Banghunis*, *Banghunis* ada. Kemudian kalau di Sabah itu dekat...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sukau, Sukau Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sukau, semua ada dan kita membantu *homestay* supaya mereka itu sentiasa bermutu tinggi, kita hanya benarkan *homestay* yang mendapat pengiktirafan daripada kita sahaja, dari kementerian. Maknanya kita tahu mungkin ada tempat-tempat yang laksanakan tetapi dia tidak berkualiti dan kita tidak akan masuk dalam kita punya direktori. Jadi, apa yang kita buat ialah kita memberikan pengiktirafan kepada *homestay* tertentu supaya orang datang ke negara kita, dia klik dia tengok inilah *homestay* nya. Kalau

mereka pergi luar daripada *homestay* yang kita sebutkan itu maka itu kita tidak akan jamin dia punya mutu dan lain-lain lagi.

Saya rasa sekarang ini ada pula *demand* pasaran untuk bukan *homestay*, dia hendak duduk rumah kampung tetapi dia tidak mahu duduk bersama dengan *owner of the house*. Dia hendak duduk kampung dan tidak mahu terlibat dengan aktiviti-aktiviti, dia cuma hendak duduk, hendak relaks. Yang ini kita balik kepada asal iaitu kita adakan *Kampung Stay*. *Kampung Stay* ini kalau Yang Berhormat ada rumah-rumah kosong buat elok-elok, yang penting sekali ialah dia punya jamban. *Toilet* dia penting. *Toilet* mesti bagus, jadi kalau betulkan sahaja dia punya *toilet*, perbaiki dan kita boleh sewa rumah itu.

Itu dipanggil *Kampung Stay* yang kita perkenalkan pada tahun ini, *The Kampung Stay*. Dia hendak datang ramai-ramai, dia tidak mahu terlibat. Dia cuma hendak duduk *free time* sahaja, *free style*, dia hendak berjalan pergi macam Yang Berhormat sebut gunung, sawah, padi dan semua ini. Jadi sekarang ini kita perkenalkan tetapi kita jaga kualiti, kita buat yang kita *recommended* sahaja.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini kerana kita tidak boleh jamin yang lain-lain. Kita hendak halang orang lain buat pun tidak boleh juga sebab itu dia punya *entrepreneurship* sendiri. Akan tetapi untuk menjaga kualiti itu kita hanya ada direktori untuk *homestay* dan *Kampung Stay* yang kita ibaratkan sebagai di bawah jagaan kita. Itu yang kita hendak jaga mutu.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kemudian...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kemudian juga kita macam Yang Berhormat tanya tadi, kita beri latihan kepada mereka yang hendak buat *homestay*. Kita bukan maknanya beritahu "*You buatlah*" lepas itu kita biarkan begitu, tidak boleh. Kita bagi mereka latihan dan dia kena pergi berkursus dan dalam kursus itu kita bagi pelbagai latihan, yang kita beri latihan kepada mereka supaya dia akan tahu apakah perkara-perkara yang harus dilakukan untuk mendapat pengiktirafan daripada kita. Dari segi latihan pula, kementerian telah...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Melaksanakan sesi latihan...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *Homestay*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Berkala. Semua ada 173 *homestay* di seluruh negara. Kursus ini termasuk kursus dalam bidang kebersihan dan kesihatan, penyediaan makanan, promosi dan publisiti, pengendalian pelancong, '*Think Tourism Act Tourism*', kursus bahasa asing seperti Jepun, Korea dan Inggeris, dan bahasa Mandarin, kursus refleksologi pun kita bagi. Bagi tahun 2014, seramai 1,693 orang pengusaha *homestay* telah dilatih oleh kementerian. Usaha ini diteruskan bagi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan pengusaha *homestay* di Malaysia.

Ini sekali gus dapat meningkatkan kepuasan pelancong dan meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar melalui Program Pengalaman *Homestay* Malaysia. Jadi, inilah yang kita lakukan. Kalau Yang Berhormat bercakap tentang *one-off* ini dia tidak *one-off*. Kadang-kadang macam tadi saya cakap, latihan berkala. Di ulang balik, kemudian peruntukan kita beri kalau ada keperluan astaka kita bagi, kemudian katalah sudah ramai esok dia hendak dewan orang ramai pula, kalau di tanah kerajaan kita bagi lagi. Jadi maknanya dia bukan *one-off* bukan sekali bayar sudah, tidak mahu ambil tahu sudah. Tidak begitu. Kita ada latihan yang berkala supaya kita sentiasa memperingatkan kepada mereka tentang kepentingan perkara-perkara yang saya telah sebut sebentar tadi. Yang Berhormat mana tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ha? Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanyakan satu masalah yang dihadapi oleh Geogetown kerana kita wujudnya satu *homestay* yang baru di kawasan bandar. Akan tetapi *homestay* yang baru ini dia tidak dapat dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan kerana di bawah PBT ada undang-undang untuk hotel. Dia kena tukar guna sebagai hotel baru dapat dilesenkan. Jadi, dia juga bercanggah dengan garis panduan Kementerian Pelancongan untuk *homestay*. Saya berharap supaya kita dapat kaji semula garis panduan sekarang supaya *homestay* yang baru di kawasan bandar ini juga dapat dilesenkan dan juga dapat didaftarkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kementerian saya menyokong kerana pada kita *homestay*, *experience* kehidupan di Malaysia bukan hanya di luar bandar, malah dalam bandar kita juga sepatutnya ada. Jadi, saya kira kalau tidak ada sekarang undang-undang, beritahu kepada kita, kementerian saya akan menyokong supaya dipinda akta berkenaan untuk memberi syarat-syarat bukan sahaja untuk hotel tapi juga untuk *homestay*. Okey *last* sekali untuk Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh *last*. Minta maaf Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, *last* boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seputeh. Saya cakap pasal *homestay*. Yang Berhormat Menteri tengok laman web ini, *Malaysia Homestay* semua dalam bahasa Malaysia. Jadi, saya rasa kita perlu – kalau kita hendak orang putih atau orang asing datang ke kampung untuk adakan *homestay* kenalah buat laman web bahasa Inggeris. Ini kerana orang tempatan tidak akan pergi buat *homestay* dekat kampung. Jadi, ini adalah satu contoh yang mana kita tahu siapakah *target audience* kita ini, mungkin pihak kementerian boleh ambil perhatian tentang ini.

Sebenarnya, saya juga hendak tanya yang kementerian juga harus memainkan peranan macam jadi jambatan dengan agensi kerajaan dengan kementerian lain. Yang Berhormat Menteri juga pernah pergi ke Sepang kawasan Sepang yang mana ada *homestay*, ada Sepang Gold Coast dan sebagainya. Jadi, bolehkah Yang Berhormat juga lihat macam mana kementerian boleh tolong memberikan cadangan kepada mungkin pihak JKR atau pihak yang lain untuk

membangunkan sesuatu tempat yang ada potensi pelancongan, potensi untuk pembangunan pelancongan bagi negara kita. Kita tahu kalau di Malaysia Timur tidak selamat, Selangor ini selamatlah.

Jadi Selangor memang ada tempat yang menarik pelancong macam kita ada kelip-kelip di Kuala Selangor, ada Sepang Gold Coast dan *seafood* di sesetengah tempat yang memang boleh menarik pelancong. Akan tetapi jalan ke semua tempat yang menarik pelancongan ini memang tidak cukup besar. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita cakap dengan JKR tetapi JKR ada terlalu banyak kerja tetapi kalau Yang Berhormat Menteri buka mulut, ini kerja senang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, lain kali saya ajak pergi ke Shanghai ikutlah saya, tidak mahu ikut. Di Shanghai waktu CITM ya, kita ada promosi macam-macam *Malaysia My Second Home, homestay*, semua di dalam bahasa Mandarin. Yang mana yang kata tidak ada bahasa lain itu? Mana? Lain kali cakap itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Menunjukkan sesuatu di laptop]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya lah, itu satu sahaja *you* tengok. *You* tengok yang lain juga.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nombor dua saya yang hendak sebut... *[Disampuk]* Ya, lain kali ikut saya. Bilik lain-lain, jangan bimbang.

■1930

Kemudian saya hendak beritahu iaitu macam - kita tidak ada *bias*. Kita promosi semua. Selangor kah, Pulau Pinang kah, Kelantan kah atau Sarawak kah semua kita promosi, tidak kira. Setahu saya, Malaysia *Homestay*, dengar ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka duduklah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Malaysia Homestay Programme. What is a homestay programme?* Ini bukan bahasa Malaysia ini. *A homestay programme gives tourist the opportunity to stay* - ini bahasa Inggeris. Macam mana kata tidak ada dalam bahasa Inggeris? Ini Yang Berhormat ini, kalau tidak cukup maklumat, jangan cakaplah, ya. Buang masa sahaja. Saya baca sedikit sahaja. Jadi saya ingat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Yang Berhormat akhir sekali, saya hendak sebut di sini...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Berkenaan dengan keterangan statistik *homestay* terkini, ya. Okey, Januari hingga Ogos 2014, jumlah pelancong *homestay* 256,359 berbanding tahun 2013 seramai 242,351 iaitu peningkatan sebanyak 5.8%. Yang domestik ialah

208,398 berbanding dengan tahun 2013 seramai 198,386 iaitu peningkatan sebanyak 5%. Pelancong antarabangsa pergi ke *homestay* ialah 47,961 orang berbanding tahun 2013 seramai 43,965 orang iaitu peningkatan sebanyak 9.1%.

Jumlah pendapatan Ringgit Malaysia Januari-Ogos 2014 ialah sebanyak RM16,612,393.60. Nilai sen pun kena kira Yang Berhormat, berbanding dengan tahun 2013 ialah sebanyak RM14,760,338.30 iaitu peningkatan pendapatan 12.5%. Jadi inilah kejayaan *homestay*. Tuan Pengerusi, terima kasih banyak. Saya harap mana yang saya tidak jawab, saya akan jawab bertulis.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikitlah Yang Berhormat Menteri. Bolehkah? Tentang *homestay* yang tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Menteri sudah habis jawapan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...Yang Berhormat Menteri bangkit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,187,592,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,187,592,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM317,618,500 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM317,618,500 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.27 [Jadual] –
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Jerlun.

7.33 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin berbahas sedikit dalam tajuk peruntukan bagi Kementerian Kerja Raya di bawah Kepala B.27, Butiran 070100 iaitu Bayaran Pampasan Tol berjumlah RM458.7 juta. Keseluruhan jumlah bajet

mengurus bagi kementerian ialah sebanyak RM2.1 bilion. Jadi kalau kita tengok peruntukan untuk bayaran pampasan tol sahaja adalah lebih daripada 21%. Jadi sudah tentulah ini akan membebankan kementerian dan cuma kita hendak Menteri memberi pencerahan dan juga penjelasan sedikit tentang lebuh raya-lebuh raya yang terlibat bagi pembayaran pampasan tol pada kali ini dalam Bajet 2015.

Kita juga minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberi *traffic forecast* ataupun anggaran trafik di lebuh raya-lebuh raya tersebut kerana kita melihat bahawa mungkin ramai orang tidak sedar betapa tingginya jumlah peruntukan yang diberikan untuk membayar pampasan tol. Jadi, perlulah dihebahkan jumlah pampasan ini kepada pengguna-pengguna. Rupanya mereka ini sebenarnya menerima subsidi dari kementerian bagi pengguna ataupun pemandu kenderaan yang melalui lebuh raya-lebuh raya berkenaan.

Jadi kita juga kalau boleh *walk backward* satu kilometer, berapa sen yang terlibat dan yang lebih penting ialah kita kena sedar bahawa peruntukan sebanyak itu lebih ataupun RM458 juta ini sebenarnya cukup besar dan peruntukan tersebut sepatutnya boleh diberikan atau diperuntukkan untuk pembangunan-pembangunan yang lain. Kalau kita bandingkan contohnya peruntukan bagi pembangunan bagi negeri Sabah, bagi tahun depan yang melibatkan jalan raya dan jambatan sahaja, berjumlah RM536 juta manakala di Sarawak hanyalah RM251 juta ataupun mungkin tidak sampai lebih kurang 50% daripada jumlah peruntukan yang diberikan untuk bayaran pampasan tol.

Apatah lagi kalau jumlah RM458 juta ini juga boleh digunakan untuk membuat pembangunan jalan-jalan luar bandar, maka sudah tentulah beratus kilometer dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Jadi, oleh kerana kita terpaksa membayar pampasan tol ini, maka orang-orang yang tidak berdosa di luar-luar bandar terpaksa dikorbankan dari segi menikmati pembangunan. Jadi soalan kepada Menteri ialah apakah dasar kerajaan bagi jangka panjang terhadap isu ini? Adakah selama-lamanya kita terpaksa hendak membuat peruntukan bagi pampasan bayaran tol setiap tahun?

Jadi sudah tentulah dalam bajet yang sama yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Menteri Kewangan adalah berkaitan dengan cadangan pembinaan lebuh raya baru antaranya Lebuh raya Pantai Barat dan juga Lebuh raya Antara Bandar Utama dan Shah Alam. Jadi, sudah tentulah kita harapkan supaya di dalam terma-terma perjanjian syarat konsesi tol itu, maka sudah perlu diambil kira tentang bagaimana cara untuk kita hendak mengelakkan kerajaan dibebani dengan bayaran-bayaran pampasan ini setiap masa.

Jadi sudah tentulah kita hendak yang lebih penting ialah pengguna-pengguna lebuh raya yang menikmati jalan yang cantik, jalan yang elok, jalan yang jauh lebih singkat perjalanannya tetapi sebenarnya mereka tidak perlu bayar kadar tol yang sebenar kerana bayaran tersebut dibuat pampasan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya, saya hendak bertanya kepada pihak Menteri tentang *upgrading of the highways* ataupun penambahbaikan lebuh raya. Contohnya dari jalan lebuh raya dua lorong, sehala menjadi tiga ataupun empat lorong. Begitu juga kadang-kadang kita lihat lebuh raya

ditambah baik dengan diberi dan ditambah dengan lampu jalan di sepanjang lebuh raya-lebuh raya tertentu. Adakah ini juga memberi kesan terhadap perjanjian konsesi ataupun terhadap jangka masa konsesi yang dijanjikan dalam tempoh kontrak ataupun konsesi dengan syarikat lebuh raya-lebuh raya yang berkenaan? Jadi, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tumpat.

7.39 mlm.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap ringkas sahaja di bawah Kementerian Kerja Raya ini iaitulah merujuk kepada Butiran 31000 atau Butiran 80000 atau Butiran 81000 yang semuanya bertajuk Membina Jalan-jalan Baru, Membina Jalan dan Jambatan Baru. Saya amat bersetuju dengan kementerian yang menumpukan kepada pembinaan jalan-jalan raya di bawah Butiran 05100 hingga Butiran 08600 untuk Jalan-jalan di Sabah. Begitu juga dengan Butiran 09230 hingga Butiran 09280 untuk Jalan-jalan di Sarawak.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, khususnya saya ingin bertanya dan mendapat maklumat dari kementerian sekali lagi tentang status keadaan cadangan pembinaan jalan raya ataupun lebih raya khususnya di Kelantan, khususnya di antara Bandar Kota Bharu dengan Bandar Kuala Krai.

■1940

Sebagaimana yang Dewan sedia maklum, bahawa negeri Kelantan adalah satu-satunya negeri di seluruh Semenanjung yang tidak mempunyai satu inci, satu kaki panjang pun lebuh raya. Oleh sebab itu, memandangkan tidak dapat dinafikan bahawa jumlah kereta, jumlah yang membayar cukai jalan, lesen memandu, cukai kereta pelbagai jenis yang agak tinggi itu, tidak dapat dinafikan sebahagiannya juga ialah orang-orang yang berada, menetap dan tinggal di Kelantan dan sudah tentu menggunakan jalan-jalan yang sedia ada di negeri Kelantan. Oleh itu, untuk keadilan bagi seluruh rakyat Malaysia dan sudah tentu ini melibatkan Sabah dan Sarawak yang kita sokong, ia juga seharusnya dilihat melibatkan juga negeri Kelantan.

Oleh itu saya ingin bertanya kepada kementerian bilakah saya tahu ada cadangan dan sebagainya untuk membina lebuh raya khusus daripada Kota Bharu ke Kuala Krai. Tuan Pengerusi, kementerian dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga dalam belanjawan tahun lepas ada menyebut sekali lagi tentang projek jalan raya di tengah-tengah Semenanjung yang dinamakan *Central Spine* atau nama-nama yang seperti itu. Akan tetapi, sekali lagi perkembangannya agak lemah malah amat lemah dan oleh itu, negeri Pahang juga tidak dapat memanfaatkan cadangan untuk membina lebuh raya seperti ini. Jauh lagi daripada Rompin tidak langsung dapat mengecap kemajuan dalam bentuk lebuh raya. Jadi sebab itulah saya ingin untuk bertanyakan kementerian tentang apakah cadangan yang sebenarnya yang konkrit, benar-benar dilakukan untuk menaiktarafkan jalan-jalan raya yang ada bermula dari Kota

Bharu ke Kuala Krai, turun lagi ke Gua Musang ke Kuala Lipis dan seterusnya ke Bentong sehingga ke Kuala Lumpur ini.

Begitu juga Tuan Pengerusi, tentang lebuhraya di Pantai Timur Semenanjung dari Kuala Lumpur, Karak dan seterusnya, tetapi sekali lagi ia tidak sampai ke Kelantan. Ia tamat di Terengganu. Ini sudah tentulah, kalau contoh negara Amerika, tidak kira kita menyokong Parti Demokrat atau menyokong Parti *Republican*, Presidennya daripada Parti Demokratkah, Duta atau bekas duta dan *Special Envoy* akan sahkan, tidak ada diskriminasi terhadap mana-mana negeri atau wilayah dari segi apa-apa bentuk pembangunannya, terutama sekali infrastruktur seperti jalan raya dan lebuhraya. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah cadangannya untuk meneruskan lagi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) itu sehinggalah ke penghujungnya yang logikal, akhirnya iaitu sama ada ke Kota Bharu ataupun Tumpat itu sendiri, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang.

7.43 ptg

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyentuh Butiran 040000 – Sektor Pakar. Saya ingin mendapatkan kepastian berkenaan dengan cadangan pembinaan jalan raya menggunakan getah seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi selepas mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawatnya dari Thailand beberapa bulan yang lalu. Seperti yang dinyatakan, Kerajaan Thailand telah menggunakan bahan asas getah dalam pembinaan jalan raya di negara tersebut. Penggunaan getah adalah antara lain merupakan satu mekanisme yang terbukti berjaya mengawal harga jualan getah daripada terus merudum.

Seperti yang diketahui umum, harga jualan getah berada pada paras yang sangat rendah. Mungkin melalui dengan perbincangan tersebut, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan kerajaan akan menjalankan kajian berkenaan dengan penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya. Justeru, persoalan saya sejauh manakah kajian yang akan dijalankan mengenai cadangan tersebut? dan apakah kerajaan bersedia untuk menterjemahkan kajian serta cadangan tersebut melalui pembinaan jalan raya yang telah dirancang untuk pembinaan masa hadapan.

Saya ingin menekankan di sini, jika mekanisme yang telah diambil oleh kerajaan Thailand berjaya mengawal harga jualan getah daripada terus jatuh, saya minta kerjasama daripada pihak kementerian agar memberikan penekanan yang serius supaya cadangan ini dapat kita laksanakan dan kita mahu pengusaha harga getah secara berterusan berada dalam keadaan yang stabil selepas ini. Jika benar kementerian serius untuk mengaplikasikan penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya, saya meminta kerajaan bekerjasama rapat dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui agensi seperti Lembaga Getah Malaysia agar terus dapat menghasilkan kajian yang mampu merealisasikan cadangan ini.

Untuk Butiran 060700 dan 060800 iaitu Penyelenggaraan Jalan Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Labuan dan Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Saya menyeru pihak kementerian agar memastikan penyelenggaraan terutamanya yang melibatkan projek tar semula jalan adalah diadakan lebih banyak pemantauan. Saya lihat banyak jalan raya yang telah dijalankan penyelenggaraan terutamanya di kawasan luar bandar yang melibatkan tar semula jalan raya rosak teruk walaupun penyelenggaraan baru sahaja dilaksanakan. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya meminta pihak kementerian memastikan pemberian kontrak penyelenggaraan yang diberikan kepada konsesi ataupun kepada kontraktor yang benar-benar mempunyai *proven track record* dengan izin, bagi memastikan projek yang dijalankan mempunyai kualiti yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Akhir sekali, untuk Butiran 89000 – Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek-projek Jalan/Jambatan. Apa yang saya difahamkan, kerajaan bersetuju untuk mengambil tanah. Bermakna sudah ada perancangan awal daripada pihak kementerian untuk menggunakan tanah tersebut bagi pembinaan jalan raya. Namun begitu Tuan Pengerusi, ada beberapa buah tanah yang telah diambil tetapi sehingga kini masih belum dimulakan projek seperti yang dirancang. Jadi, saya inginkan kepastian daripada pihak kementerian, berapa lama jangka masa yang selalunya diambil bagi sesebuah projek dimulakan selepas kementerian berjaya mengambil alih tanah-tanah tersebut. Seperti yang saya katakan tadi, ada beberapa buah kawasan terutamanya tanah-tanah yang telah diambil alih ini masih belum dijalankan apa-apa projek walaupun kerajaan telah membayar harga tanah tersebut. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai.

7.46 ptg

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.27, Butiran 070100 – Bayaran Pampasan Tol. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada Mac dan September tahun lalu telah memberikan jaminan bahawa pengguna Lebuhraya EDL tidak perlu membayar tol, tetapi sebenarnya pada bulan Ogos tahun ini, pengguna EDL perlu membayar tol tetapi peningkatan tol itu ialah sebanyak 480%. Jika mengikut satu jawapan daripada Menteri yang bertarikh 4 November pada sesi ini, yang mana ada trafik di antara Singapura dan juga Johor dan melalui jumlah trafik dan juga kadar tol yang dikutip oleh Syarikat MRCB, kita boleh mendapat satu anggaran bahawa bagi bulan Ogos sahaja MRCB telah mengutip sebanyak RM11 juta sebagai kutipan tol. Sebelum bulan Ogos yang lalu, tiap-tiap bulan kerajaan juga mengatakan mereka telah membayar MRCB sebanyak RM11 juta sebulan sebagai satu pampasan. Jadi, kita semua tahu bahawa tempoh konsesi untuk EDL ini adalah selama 34 tahun. Maksudnya, kalau kita mengambil kira pampasan yang dibayar oleh kerajaan dan juga kutipan tol setiap bulan iaitu RM11 juta satu bulan, ini bermakna pada hujung tempoh konsesi ini terdapat kemungkinan bahawa MRCB akan mengutip sebanyak RM4.3 bilion sekurang-kurangnya tanpa mengambil kira peningkatan trafik dan juga kadar tol yang dinaikkan.

Jadi, apa yang saya hendak tanya di sini ialah kos untuk pembinaan EDL ini hanya RM1.2 bilion. Jadi di sini saya hendak tanya, bagaimana kita mengira berapa banyak keuntungan yang boleh diperolehi sebuah syarikat konsesi. Saya bersetuju bahawa syarikat konsesi yang membina lebuh raya ini sudah semestinya mereka mempunyai kos sendiri dan kita juga perlu memberikan mereka sedikit keuntungan. Akan tetapi, persoalannya adalah bagaimana kita membuat satu pengiraan untuk memastikan bahawa keuntungan syarikat konsesi ini adalah munasabah. Ini kerana, jika kita bercakap bahawa kita tidak memberikan MRCB mendapat keuntungan sehingga RM4.3 bilion, tetapi kita boleh mengurangkan mungkin RM2.5 bilion atau bagaimana, tempoh konsesi ini boleh dipendekkan lagi. Saya hendak membuat beberapa perbandingan. Kita lihat Lebuhraya Bertingkat Ampang – Kuala Lumpur.

■1950

Pada tahun 2001, ia siap dibina pada tahun 2001. Kosnya adalah sebanyak RM751 juta dan panjangnya adalah sebanyak 7.9 kilometer. Maksudnya kos pembinaan untuk setiap kilometer adalah sebanyak RM95 juta. Akan tetapi kalau kita dibandingkan dengan EDL, kos pembinaannya adalah sebanyak RM1.2 bilion dan panjangnya hanya lah 8.1 kilometer. Jadi maksudnya kos pembinaan untuk EDL adalah sebanyak RM145 juta per kilometer.

Jadi kalau kita bandingkan lagi dengan *Guthrie Corridor Expressway*, kos pembinaan adalah sebanyak RM500 juta, panjangnya sebanyak 25 kilometer. Jadi kos pembinaan setiap kilometer hanyalah RM20 juta per kilometer. Untuk Lebuhraya Kemuning–Shah Alam, kos pembinaannya kalau ikut dengan setiap kilometer hanyalah RM51 juta. Jadi di sana kita dapat – boleh nampak ada satu perbezaan yang cukup banyak. Untuk EDL iaitu hampir RM150 juta setiap kilometer, untuk *Guthrie Corridor Expressway* RM20 juta sahaja, untuk Lebuhraya Kemuning–Shah Alam sebanyak 50 juta sahaja.

Jadi di sana satu ada perbezaan yang cukup besar. Jadi saya rasa kita perlulah mendedahkan perjanjian ini di antara kerajaan dan juga MLCB supaya kita boleh tahu dan rakyat juga boleh tahu kenapa ada satu perbezaan yang cukup besar di antara kos pembinaan lebuh raya-lebuh raya ini.

Bukan itu sahaja, di dalam laman web *prolintas.com.my*, ini adalah syarikat konsesi untuk Lebuhraya Bertingkat Ampang–Kuala Lumpur dan juga *Guthrie Corridor Expressway* dan juga Lebuhraya Kemuning–Shah. Di dalam laman web mereka kita boleh mendapat informasi tentang jumlah trafik. Kalau kita kira jumlah trafik mereka dengan kadar tol mereka dengan tempoh konsesi, kita boleh dapat satu angka bahawa untuk satu Lebuhraya Bertingkat Ampang–Kuala Lumpur kutipan tolnya kalau ikut kadar sekarang adalah sebanyak RM830 juta dan kerajaan telah memberi pampasan kepada mereka sejak tahun 2008 sampai tahun 2013 adalah sebanyak RM120 juta. Jadi jumlahnya yang akan dikutip oleh mereka adalah hampir RM1 bilion.

Akan tetapi kos pembinaan adalah sebanyak RM750 juta termasuk juga untuk *Guthrie Corridor Expressway*. Kutipan tol mereka kalau ikut jumlah trafik sekarang dan juga kadar tol sekarang pada hujung tempoh konsesi ini, mereka boleh juga kutip RM1 bilion. Akan tetapi kos

pembinaan hanyalah RM500 juta. Akan tetapi untuk EDL walaupun kos pembinaannya hanyalah RM1.2 bilion, tetapi pada hujung tempoh konsesi mereka boleh kumpul RM4.3 bilion.

Jadi saya rasa bukan sahaja antara kos pembinaan ada satu perbezaan yang cukup besar tetapi dari segi keuntungannya juga nampaknya ada satu perbezaan yang cukup besar. Jadi saya memang tidak tahu bagaimana pengiraan ini dibuat oleh kementerian apabila kita tangani perjanjian konsesi ini.

Bukan itu sahaja, kita juga boleh nampak *New Pantai Expressway*, Lebuhraya Baru Pantai. Kalau ikut jawapan kementerian dari tahun 2009 hingga tahun 2013, kita telah bayar pampasan sebanyak RM114 juta dan kita boleh dapat jumlah trafik daripada Laporan Tahunan IOM. Di sana menunjukkan bahawa tiap-tiap tahun, MPE ini, trafiknya meningkat sebanyak lebih kurang 9% ataupun kadangkala pun ada 8%. Jadi maksudnya kalau kita buat satu pengiraan juga, kalau ikut kadar tol setakat sekarang dan juga tempoh konsesi dan juga pampasan yang telah dibayar oleh kerajaan, yang juga boleh mengutip satu keuntungan yang cukup besar.

Jadi di sini saya memang setuju dengan Ahli Parlimen Jerlun tadi walaupun syarikat konsesi ini mereka sudah ada untung dan trafik tiap-tiap tahun meningkat. Akan tetapi pada akhirnya kerajaan masih perlu bayar pampasan. Jadi apa logik di belakang? Saya minta bahawa boleh ke tidak Yang Berhormat Menteri atau pun Timbalan Menteri nanti boleh menjelaskan kepada semua Ahli Dewan Rakyat.

Bukan itu sahaja –bukan sahaja saya rasa perjanjian di antara MLCB dan kerajaan perlu didedahkan tetapi saya rasa pada tahun 2009 memang beberapa perjanjian konsesi telah didedahkan. Akan tetapi untuk satu tempoh masa dua minggu sahaja. Itu perjanjian Lebuhraya NPE, Lebuhraya Pantai Baru adalah salah satu yang telah dijelaskan pada masa itu.

Akan tetapi sekarang kalau saya hendak baca atau pun membuat kajian, saya tidak boleh, tidak ada akses kepada perjanjian tersebut walaupun saya hendak pergi ke pejabat Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pergi ke Kementerian Kerja Raya, saya tidak ada akses kepada perjanjian itu lagi.

Jadi saya minta di sini bahawa, memandangkan bahawa kerajaan sudah mendedahkan perjanjian-perjanjian tersebut pada tahun 2009, kenapa tidak boleh kementerian *upload* perjanjian tersebut di dalam laman web supaya bukan sahaja Ahli Parlimen, tidak perlu kita pergi ke pejabat ataupun Kementerian Kerja Raya sendiri untuk baca perjanjian itu, mengkaji perjanjian itu, tetapi kita di rumah dan juga rakyat jelata, mereka di rumah boleh buka laman web Kementerian Kerja Raya kemudian boleh *download* dengan izin, *download* perjanjian tersebut dan buat kajian di rumah.

Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kita berbuat sedemikian. Bukan sahaja untuk perjanjian untuk *North–South Highway* atau pun Lebuhraya Baru Pantai tetapi paling penting saya minta perjanjian untuk EDL ini boleh didedahkan.

Satu perkara lagi P.27 Butiran 21000 – Membina Persimpangan Bertingkat. Di sini saya hanya hendak tanya tentang kemajuan untuk membina satu persimpangan bertingkat Seri

Kembangan Lebuhraya Kuala Lumpur–Putrajaya kerana saya baca daripada Laporan Tahunan IOM untuk tahun yang lalu ini, memang sasaran kemajuan setakat hujung tahun 2013 adalah siap dibina sebanyak 20% tetapi mengikut Laporan Tahunan IOM hanyalah disediakan sebanyak 10% sahaja.

Jadi saya hendak tanya bilakah persimpangan bertingkat ini akan disediakan dan sama ada pembinaan ini boleh disediakan pada masa yang telah ditetapkan. Itu sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terpandang saya Yang Berhormat Bintulu.

7.57 mlm.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kamu yang 'kongkalikung' ya. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya ambil perbincangan atas Kementerian Kerja Raya. Tuan Pengerusi, saya ambil bahagian dalam Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan. Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan di Sarawak. Butiran 09280- Membina Jalan-jalan di Sarawak.

Tuan Pengerusi, terima kasih kita harap Yang Berhormat Timbalan Menteri atas isu saya persoal, saya harap kita kementerian boleh lihat dan mengambil perkara yang serius. Saya mahu mempersoalkan isu jalan, mengenai isu *maintenance* dan naik taraf jalan. Bintulu, Sibu punya jalan. Bintulu, Miri punya jalan.

■2000

Saya tidak salah, banyak kali saya sudah umum suara daripada rakyat. Akan tetapi nampak sampai hari ini belum lagi... [Disampuk] Apa-apa *improvement* dengan izin, daripada kontraktor-kontraktor. Siapa bertanggungjawab untuk kedua-dua jalan ini, kontraktor HCM ini. Masalah isu ini sekarang kita boleh nampak jalan Bintulu – Sibu, jalan Bintulu – Miri begitu teruk. Banyak tempat jalan nampak serupa macam *roller coaster*. Saya tidak nampak kenapa HCM buat *maintenance* jalan itu tidak boleh tahan lama. Baru bina 2 bulan, 3 bulan, berlubang-lubang lagi. Ada punya baru tar tidak sampai 2 bulan, jalan raya sudah pecah-pecah. Saya tidak tahu teknologi ini daripada HCM canggih atau apa, saya tidak tahu. Saya difahamkan dia diberi buat simen *stabilization* teknologi, sepatutnya jalan ini lagi tahan lama. Akan tetapi nampaknya kita tidak guna itu mesin, *mixer* untuk letak simen sama itu *used* material di bawah jalan itu. *Mixed together* dengan izin, barulah *lay* balik semula. Dia letak simen sahaja atas jalan raya, guna beg-beg simen letak atas jalan raya. Selepas itu dia tar terus. Ini sudah jadi satu masalah.

Saya tanya pegawai daripada JKR Bintulu, dia kata kita tidak boleh buat apa. Ini kontrak-kontrak awal daripada Pusat, dia orang tidak boleh buat apa-apa. Saya menyoal isu ini, ada satu pegawai saya difahamkan dia baru datang dan dia pergi *supervise*. Dia tidak setuju, dia tidak mahu *sign*, tetapi pegawai daripada JKR Pusat telefon marah kepada dia dan bagi amaran kepada dia. Kenapa ini boleh jadi? Kita pun tahu juga daripada surat khabar hari ini *The Star* dengan izin saya baca, "*Road deaths have cost the nation a whopping RM79 billion over the last*

nine years, with an average of 18 to 19 deaths daily. 65,850 people were killed in road accidents between 2004 and last year." Ini kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. So, ada punya kejadian kemalangan – memanglah daripada macam ini kawan-kawan dari Petaling Jaya Selatan ini, macam *kongkalikung* punya bawa kereta, ini cari isu.

Ada kemalangan atas kualiti jalan raya. Kita ada banyak bina jalan ini, jalan raya yang tidak berkualiti, tidak ikut standard pun. Kita boleh nampak jalan raya dahulu begitu tahan, sekurang-kurang setahun. Sekarang sebulan pun tidak sampai sudah rosak. *[Disampuk]* Apa sudah jadi? *Where is the quality control?* Spesifikasi pergi mana? Kalau pegawai-pegawai dari Pusat, Kerja Raya tidak percaya, mari kita turun padang sama-sama saya bawa, kita lihat, tengok macam mana kualiti jalan di Bintulu ini. Kalau saya tidak bawa kamu orang, mungkin kamu orang boleh cerita saya temberang dalam Dewan yang mulia ini. Kita turun padang sama-sama, kita lihat. *[Disampuk]* Kita tengok, tanya sama polis di sana, berapa ramai orang dalam Sabah sepatutnya tidak mati boleh jadi mati? Kadang-kadang hujan, berlubang, tidak buat penyelenggaraan. Hujan, air tutup tidak tahu, Kancil laju terbalik terus. Inilah pegawai-pegawai dari Pusat, harap kita faham. Jangan apabila kita bahas, kita fikir main-main. Mahu ambil kredibiliti, publisiti, kita bukannya macam pembangkang. *[Dewan riuh]* Kita cerita ini betul, rakyat punya masalah, rakyat punya suara. *[Disampuk]*

Ini Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar *you* diam, *you* tidak tahulah Bintulu punya hal.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bintulu, *you* lagi cerita bukan-bukan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekarang ini isu ini...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia *Kongkalikung*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* kepala memang mahu putus sikit, tahukah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *You* kepala pun tidak betul, badan pun tidak betul.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa tidak betul?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yalah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* tahu Bintulu punya halkah? *You* tahu Bintulu di mana?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bukan ini Bintulu sahaja, seluruh Malaysia ada masalah ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bintulu punya jalan *you* tahukah? *You* diamlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar pun ada. *You* jangan banyak cerita. Kapar pun jalan lubang

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudahlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini Bintulu punya hal.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* jangan *kongkalikung*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu Malaysia, apa satu Malaysia? Satu Malaysia jalan berlubang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya minta kementerian betul-betul lihat masalah ini. Saya harap kita lihat masalah ini betul-betul. Saya tidak mahu nampak saya punya rakyat kena aniaya. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dengan ikhlas, *how to resolve this problem*. Kenapa HCM begitu hebat, serupa macam raja di Bintulu? Kenapa pegawai kita tidak boleh buat *supervision*? Kenapa Pusat begitu sayang kepada HCM? Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Menteri, kalau boleh saya mahu satu hari mesyuarat bersama-sama di Bintulu. Panggil *management* HCM sama *residence office*, pegawai daripada kerajaan Pusat dan pegawai daripada JKR Sarawak, termasuk kita sebagai wakil rakyat, saya mahu tahu apa masalahnya. Kenapa perkara ini tidak boleh selesai? Sudah bertahun-tahun tidak boleh selesai. Kita banyak kali... [Disampuk] Tukar *you* punya kepala pun tidak ada guna, kalau *you* punya kepala pun tidak betul. Saya minta ini mesyuarat boleh buat secepat mungkin, selewat-lewat bulan satu tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya ambil peluang mahu tanya dalam rancangan untuk menaik taraf empat projek di Bintulu ini, *to upgrade from four lanes to six lanes from Nyabau, Chan Chin to Titan roundabout*, cost RM63 juta. *To upgrade the whole of Tanjong Kidurong four lanes to six lanes from Mai Fai to Bintulu Port* cost RM162 juta. Nombor tiga, *flyover in Nyabau* cost RM50 juta. *Flyover Maidan* cost RM50 juta. Keempat-empat projek ini memang sudah dua tahun kita minta. Masuk tahun ini sudah tahun ketiga. Adakah Kementerian Kerja Raya Pusat ada masuk dalam rancangan atau tidak? Kalau ada, bila? Kalau tidak boleh, sekurang-kurangnya berbincang yang mana satu. Ini keempat-empat, semua projek ini tertunggu-tunggu. Kita mahu dilaksanakan secepat mungkin. Kalau betul-betul tidak boleh, sekurang-kurangnya kita berbincang bersama-sama, mana satu yang perlu dijalankan dahulu. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah bagi satu jawapan yang ikhlas kepada kita rakyat di Bintulu ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

8.09 mlm.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya senang sahaja, beberapa soalan. Nombor satu saya hendak...

■2010

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bintulu cukuplah. Yang Berhormat Bintulu, kongkalikung cukuplah. [Ketawa]

Saya hendak rujuk kepada 060700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan. 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Kedua-dua...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bintulu cukuplah. Kalau hendak balik, balikhlah. Jangan kongkalikung sini. Yang Berhormat Bintulu bisingslah. Tuan Pengerusi, kita kena disiplin sedikitlah tentang Yang Berhormat Bintulu ini. Dia banyak bising.

Tuan Pengerusi, kedua-dua tabung penyelenggaraan tersebut telah menurun secara mendadak untuk penyelenggaraan Sabah, Sarawak dan Labuan turun 63% dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia turun 30%. Ini ialah satu penurunan yang cukup mendadak dan kita hendak KKR terangkan mengapa turun mendadak padahal jalan kita sememangnya kekal sama kilometer mungkin tambah lagi kerana ada Jalan Persekutuan yang baru. Jalan di Sabah dan Sarawak yang baru. Jadi penurunan ini bermaksud apa Yang Berhormat Bintulu cakap itu betul jugalah kualitinya akan *drop*. Berlopak-lopak. Sekarang Jalan Persekutuan teruk sangat. Banyak masalah. Banjir, longkang pun tidak *maintenance*, rumput dan yang paling serius ialah lopak-lopak. Kereta kena dan sebagainya. Ini ialah isu penyelenggaraan. Adakah ini disebabkan kerajaan tidak ada duit, maka dia terpaksa turunkan penyelenggaraan secara mendadak ini?

Untuk 070100 – Bayaran Pampasan Tol. Kita minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi *detail breakdown* kepada semua tol yang dibayar pampasan. LDP berapa dibayar pampasan, PLUS berapa dan sebagainya. Semualah untuk pampasan ini.

Saya ingin merujuk kepada Program Pembangunan Kontraktor – 061100 – CIDB. Kita tahu bahawa kadar kematian di kawasan-kawasan tapak pembinaan semakin serius. Saya ada beberapa data daripada DOS. Tahun 2007 – 95 kematian, 2011 – 55 kematian dan tahun ini ramai juga ada kes *high profile* seperti berlaku di MRT *construction*. Tahun lepas ada di Jambatan Pulau Pinang dan juga ada kes kematian di tapak pembinaan.

Jadi kita perlu tingkatkan keselamatan di kawasan-kawasan pembinaan. Saya ada baca laporan keadaan kematian yang begitu tinggi mungkin disebabkan oleh *deterioration in safety performance* di kawasan-kawasan pembinaan. Saya minta Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan bagaimana meningkatkan *safety performance* di kawasan-kawasan tapak pembinaan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada CEO MRT yang sanggup mengambil tanggungjawab *resign* sebab ada *safety issue*, ada orang mati di tapak MRT. Ini menunjukkan satu sikap kebertanggungjawaban yang cukup tinggi. Saya *salute* kepada dia. Dia *setup* satu contoh yang bagus di mana pemimpin-pemimpin kena ambil tanggungjawab terhadap orang-orang bawahan di bawah jajaan mereka. *It's a very...*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencilahan Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya tentang berapa ramai yang meninggal dunia tahun ini di tapak-tapak binaan dan berapa ramai

daripada yang meninggal dunia tahun ini yang terlibat hasil daripada kecuaiian dan tidak mengikut langkah-langkah keselamatan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Kapar dalam salah satu ucapan saya kerana saya hanya ada data sehingga 2011. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab berapa jumlah kematian 2012, 2013 dan terkini di kawasan tapak pembinaan.

Untuk isu pekerja juga adalah mengikut laporan CIDB yang saya baca, sebenarnya produktiviti pekerja di Malaysia telah turun. Pada tahun 2004, seorang pekerja menyumbangkan lebih kurang RM33,122 kepada industri pembinaan tetapi produktiviti telah turun pada tahun 2010 ke RM18,697 sahaja. Ini penurunan lebih daripada 50%. Sangat serius. Kalau produktiviti pekerja semakin turun, maka terpaksa pula kita mengimport lebih ramai pekerja yang murah dan menyebabkan bahawa Malaysia penuh dengan pekerja warga asing tetapi akhirnya pekerja Malaysia tidak ditingkatkan produktiviti mereka. Tidak bagi *skill training* yang mencukupi supaya mereka boleh bertanding di serata dunia.

Ini mungkin salah satu sebab mengapa kontraktor-kontraktor Malaysia sekarang kurang memenangi projek-projek di *Middle East*. Lebih kurang lima tahun yang lalu, kontraktor-kontraktor Malaysia memang mendapat banyak projek di negara-negara Timur Tengah seperti di Dubai dan sebagainya tetapi akhir-akhir ini kita tidak dengar kontraktor-kontraktor kita menang projek-projek besar di luar negara. Saya rasa ini ialah satu sebab produktiviti kontraktor dan pekerja Malaysia semakin menurun.

Jadi ini ialah isu yang serius. Kita mahu kerajaan tingkatkan produktiviti pekerja tempatan, kurangkan pekerja-pekerja asing. Kalau kita diberikan *training* yang bagus tingkatkan produktiviti, kita akan kurangkan pekerja dan *performance* yang lebih baik. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi *value added per worker* atau produktiviti pekerja pembinaan untuk tahun 2011, tahun 2012 dan tahun 2013. Angka-angka produktiviti.

Akhir sekali apakah status projek di kawasan Bayan Baru iaitu daripada jambatan kedua ke Queensbay, projek jambatan kedua ke Teluk Kumbar dan juga daripada *airport* melalui Pekan Bayan Lepas ke Teluk Kumbar. Apakah status mereka yang terkini dan bilakah akan disiapkan? Ini sahaja soalan-soalan daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jerantut.

8.19 mIm.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan kesempatan untuk saya turut sama berbahas untuk kementerian ini. Saya hendak membawa kepada Perkara 050000 – Sektor Pengurusan. Pertamanya tahniah kepada kementerian kerana telah mengeluarkan peruntukan penyelenggaraan bagi jalan-jalan di sekitar Parlimen Jerantut. Cuma saya ingin bertanya keadaan jalan-jalan yang telah dibaiki ini kadangkala tempoh hayatnya tidak begitu lama seperti mana rakan-rakan yang lain tadi.

Sama ada jalan yang kita buat ini dari segi kualitinya tidak mengikut piawaian yang kita tetapkan atau kekurangan pemerhatian semasa kerja-kerja pembinaan atau ia disebabkan bebanan berat akibat daripada kenderaan-kenderaan yang akhir-akhir ini saiznya bertambah besar dan membawa muatan yang dikira sangat berlebihan yang memungkinkan keseluruhan jalan-jalan raya yang dilalui oleh kenderaan ini membawa akibat kepada kerosakan.

■1820

Umum mengetahui bahawa jalan raya adalah perkara asas yang paling dekat dengan rakyat biasa. Jalan-jalan ini jugalah yang merupakan antara punca yang menyebabkan rakyat menyalahkan kerajaan dalam usaha untuk membaiki kemudahan-kemudahan mereka.

Pada Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan, saya ingin pohon bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang jalan raya Jerantut-Padang Piol ataupun laluan FT1508 yang sering kali dinaiki air. Boleh dikatakan setiap tahun ianya dinaiki air yang menyebabkan kesusahan kepada pengguna jalan raya ini. Antara pengguna yang sering kali menggunakan jalan raya ini ialah penduduk yang terdiri daripada lebih kurang 10 ribu orang di kawasan berkenaan termasuk juga para pelancong yang mengunjungi Taman Negara.

Adalah memalukan kepada kerajaan kerana apabila musim banjir berlaku, sebahagian daripada pelancong yang terkandas ini untuk mereka keluar ke bandar Jerantut, mereka terpaksa menggunakan bot-bot biasa yang kualiti keselamatannya boleh dipersoalkan. Begitu juga apabila berlakunya kes-kes kecemasan, sekali lagi, ianya menuntut tahap keselamatan yang tinggi dari segi penggunaan bot yang melalui jalan tersebut. Jadi saya sangatlah berharap agar kerajaan khususnya kementerian ini dapat memberikan pertimbangan yang paling wajar untuk laluan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah laluan Jalan Benta-Maran iaitu laluan FT64 yang menghubungkan antara Simpang Jengka 8 ke Sungai Tekam Utara. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, jalan ini telah pun dimulakan pada tahun 2007 dan kalau tidak silap saya, sudah dua kali atau tiga kali kontraktor yang melaksanakannya gagal menyiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bolehlah Yang Berhormat Jerantut sambung Simpang Jengka 8 hingga Kampung Awah. Pelebaran jalan.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masukkan Jengka 8 hingga Parlimen Maran.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terutamanya laluan Simpang Jengka-Maran ke Bandar Jengka dan terus ke luar ke Kampung Awah. Ini adalah merupakan jalan-jalan utama yang akan menghubungkan kepada laluan Lebuh raya Kuantan-Kuala Lumpur termasuk laluan dalam kawasan Parlimen Tuan Pengerusi sendiri.

Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, laluan yang saya katakan ini, ianya menghubungkan beberapa kawasan FELDA dan salah satu daripada kawasannya ialah Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Abdul Razak yang juga merupakan satu pusat pelancongan di

kawasan ini. Kegagalan kontraktor menyiapkan jalan ini menimbulkan kesusahan kepada penduduk di kawasan ini terutamanya apabila berlaku banjir kerana bekalan barang makanan tidak boleh sampai dengan senang atau mudah kerana sebahagian daripada laluan ke kawasan ini telah terhalang akibat daripada sebahagian daripada pembinaan jalan yang belum selesai.

Jadi saya juga sangat berharap agar laluan ini diberi perhatian yang serius oleh kerajaan kerana tempohnya sudah pun terlalu lama dan rakyat ataupun penduduk di kawasan ini sudah memendam rasa begitu lama yang menyebabkan mereka merasa kerajaan seolah-olah tidak memberi perhatian kepada mereka dan dibimbangi isu ini boleh digunakan oleh pihak rakan di sebelah sana yang nantinya akan menuduh kerajaan tidak begitu peka kepada masalah rakyat.

Perkara yang ketiga Tuan Pengerusi, ialah Jalan Lipis-Jerantut iaitu laluan FT234. Saya juga mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat memberikan pertimbangan kepada naik taraf jalan-jalan ini terutamanya jambatan yang ada di sepanjang laluan ini kerana pada hemat saya, dua buah jambatan yang berada pada laluan ini telah menunjukkan ciri-ciri pemendapan yang akhirnya saya bimbang tahap keselamatan pengguna laluan ini boleh dipersoalkan kerana ianya akibat daripada mungkin kenderaan lori-lori yang terlampau berat yang telah saya katakan tadi. Ini laluan penting yang menghubungkan antara Bandar Jerantut dan Kuala Lipis yang sekali gus ini antara jalan utama yang menghubungkan Lipis kepada rangkaian Lebuhraya Kuantan-Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, satu lagi laluan yang sangat penting terutama kepada kawasan FELDA ialah laluan Simpang Tekam Utara ke FELDA Lepar Utara. Ini juga merupakan laluan utama bagi penduduk di kawasan Lepar Utara 1 dan juga 8. Laluan ini juga sering kali digunakan oleh kenderaan berat yang memungkinkan memerlukan perhatian yang lebih baik daripada pihak kerajaan.

Terakhir Tuan Pengerusi ialah perkara mengenai dengan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status projek laluan Kuantan-Jerantut-Kuala Lipis yang telah pun dicadangkan sebelum ini? Juga saya ingin bertanya, saya mendapat perkhbaruan berita-berita yang mengatakan laluan pintas dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak menghala sebagai jalan keluar, satu laluan susur keluar baru iaitu berdekatan dengan kawasan Lancang yang terus turun kepada Pekan Kuala Krau dan sekali gus menghubungkan kepada Jerantut. Ini memendekkan lagi perjalanan penduduk di Jerantut ke Kuala Lumpur.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekian saja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Krai. Jangan lupa ya, jalan Kuala Krau juga.

8.27 mlm.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah Kementerian Kerja Raya ini, B.27.

Pertamanya Butiran 050700 – JKR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang diperuntukkan sejumlah hampir RM7 juta. Tidak banyak ya. Ini adalah di bawah Maksud B.27 ya. Saya hendak bertanya kerana Pengerusi KESEDAR ada membuat cadangan, saya dimaklumkan ya, tidak saya dengar sendiri tapi daripada sumber bahawa beliau mencadangkan sebuah jambatan baru di bawah kawasan KESEDAR ini di satu kampung dalam DUN beliau iaitu di DUN Dabong. Kampungnya nama Kampung Pemberian.

Jambatan ada tetapi jambatan satu hala dan tersangat rendah kedudukannya, hanya beberapa kaki dari paras air. Apabila air Sungai Kelantan di situ naik lebih sedikit saja pada hujan yang lebat, jambatan kecil ini akan tenggelam, hilang dari pandangan dan penduduknya akan *terisolated* dengan izin, daripada keluar ke kawasan Kuala Krai. Jadi, apakah status cadangan untuk membina semula satu jambatan yang baru di Kampung Pemberian dalam DUN Dabong?

Seterusnya di dalam B.27 juga iaitu tentang Butiran 070100 – Bayaran Pampasan Tol. Saya ingin bertanya, pampasan ini dibayar kepada pemilik konsesi lebuhraya, adakah mengikut perjanjian *to the latest of it?* Ertinya benar-benar mengikut perjanjian. Ini kerana dalam perjanjian, dikatakan mereka akan diberikan kenaikan kutipan itu pada jangka-jangka masa tertentu tetapi dalam beberapa siri kebelakangan ini, kerajaan menanggukkan kenaikan itu dan kerajaan terpaksa membayar pampasan.

■2030

Adakah kerajaan tidak meneliti prestasi lebuhraya tersebut dari segi pendapatan syarikat yang walaupun tidak dibenarkan menaikkan kadar tol tetapi penggunaannya sendiri cukup sibuk dan pengguna-penggunanya banyak dan sudah pasti jumlah yang dikutip itu munasabah untuk menampung kos dan juga keuntungan syarikat-syarikat yang berkenaan. Jadi, adakah oleh kerana perjanjian yang sebegitu memang diikuti sampai ke setiap jumlah yang ditetapkan lebih awal.

Yang seterusnya di bawah P.27, iaitu di bawah jalan raya dan jambatan semenanjung, di bawah Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Kalau kita tengok dan kita dengar daripada Yang Berhormat Tumpat tadi, lebuhraya di Kelantan ini tidak ada walau sejengkal pun. Akan tetapi kita mempunyai satu *trunk road* yang sangat penting, merupakan tulang belakang perhubungan antara Kota Bharu dan Kelantan Selatan sampai ke Gua Musang iaitu jalan raya Kota Bharu-Kuala Krai, Kuala Krai-Gua Musang. Jalan ini adalah jalan yang tersibuk di negeri Kelantan ataupun juga di Semenanjung Malaysia.

Sepanjang jalan ini, majoriti dari jalan ini adalah jalan satu lorong, jadi satu hala. Bukan menanti hari-hari perayaan atau cuti perayaan jalan ini sibuk, sentiasa sibuk kerana kini penduduk-penduduk di Kota Bharu dan juga Kuala Krai saling berulang kerana mereka bekerja. Ada yang di Kota Bharu bekerja di Kuala Krai dan di sebaliknya, tinggal di Kuala Krai, bekerja di Kota Bharu, hari-hari.

Jarak Kuala Krai ke Kota Bharu, adalah sekitar 66 kilometer dan 66 kilometer ini kalau di lebuhraya, kita bawa dalam masa 23 minit sahaja, itu pun pemanduan berhemah. Kalau laju lagi, lagi cepat. Akan tetapi bagi laluan Kuala Krai-Kota Bharu ini pada kebiasaannya Tuan Pengerusi,

mengambil masa satu setengah jam. Jadi *absurd* dengan izin, satu jarak yang dekat itu dan ini berpunca daripada keadaan jalan yang tidak mengizinkan laluan yang lancar kerana ianya hanya satu lorong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Kuala Krai. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Krai, kita tahu bahawa dalam belanjawan yang terbaru ini Perdana Menteri bantangkan ada beberapa projek *highway* yang akan dimulakan tahun depan, tidak termasuk di Kelantan. Soalan saya, adakah rakyat Kelantan tidak membayar cukai? Sebab itu dia dinafikan peruntukan lebuhraya ini. Itu satu.

Keduanya, saya hendak bertanya, di samping kesesakan, mungkin Yang Berhormat Kuala Krai boleh tanya dengan Yang Berhormat Menteri, berapakah kadar *fatalities* kemalangan maut, memang kita tahu sesiapa pun lalu jalan dari Gua Musang sampai ke Kota Bharu, dengan lori yang besar lalu, lepas itu waktu malamnya dengan gelap dan sebagainya. Mana-mana orang lalu pun sudah tahu benda itu bahaya. Persoalannya, kenapa kah? Adakah kerajaan Kelantan tidak berminat untuk memberi kerjasama untuk membuat *highway* atau macam mana? Cuba terangkan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya rasa rakyat Kelantan seperti mana rakyat-rakyat Malaysia cukup *conform* kepada peraturan dan undang-undang dalam bab percukaian. Kita bayar cukai jalan, kita bayar cukai pendapatan dan sebagainya. Jadi seharusnya, rakyat Kelantan dilayan sama kalau pun tidak lebih daripada penduduk-penduduk di negeri lain.

Akan tetapi di dalam hal perhubungan jalan raya ini, memang kita tidak tahu lagi bagaimana hendak meluahkan rasa dukacita kita. Di dalam dewan ini saya rasa sudah terlalu banyak kali kita bangkitkan. Bila ditanya mengenai kadar *fatality* di jalan raya di sepanjang Gua Musang-Kota Bharu ini. Saya ingin *forward* kan soalan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mendapatkan jawapan. Akan tetapi saya rasa dari segi laporan-laporan yang saya terima, memang jalan ini antara jalan maut yang sangat menakutkan. Jadi, sebelum ada di antara kita ini terlibat sama, lebih baik kita ambil perhatian.

Berbalik kepada jalan utama, Kuala Krai-Kota Bharu ini, ada usaha untuk memperbaiki laluan ini dengan menambah satu lorong lagi bagi setiap hala di tempat-tempat tertentu, kemungkinan tujuan asalnya ialah untuk memberi ruang untuk memotong. Ini adalah satu perkara yang baik. Akan tetapi dengan satu hala dan apabila tiba ke jambatan-jambatan yang sedia ada, banyak jambatan di sepanjang jalan tersebut tidak dapat hendak dilebarkan. Jadi urusan menambah lorong ini banyak kali terhenti, pendek-pendek sahaja dalam 500 meter, kembali satu lorong. Pada masa perayaan dan waktu trafik yang *heavy* dengan izin, memang ianya menimbulkan kesesakan.

Jadi, ada atau tidak kerajaan merancang di dalam peruntukan yang disediakan di bawah Butiran 60000 ini satu jumlah untuk menaik taraf atau membina semula jambatan-jambatan yang

terdapat banyak itu, supaya laluan dua hala dapat dibina berterusan dan tidak terputus, sehingga tidak memberikan makna yang besar, pada laluan semasa sibuk. Kalau ada peruntukan, kami di Kelantan, di Kuala Krai khususnya berharap ianya dapat disegerakan sementara menunggu lebuh raya yang sedang dinanti-nantikan tersebut.

Seterusnya, yang terakhir, saya ingin bertanya semula, jalan raya dari Bentong, termasuk simpang ke Kuala Kurau ini. Raub, Lipis, Merapoh dan juga Gua Musang. Memang tidak ada jalan lain lagi untuk orang ke Pantai Timur selain daripada jalan Lebuh Raya Karak-Kuantan tersebut. Satu bahagian jalan raya Kuala Lipis-Merapoh ini telah melalui pembinaan. Saya sudah sebut di dalam dewan ini 12 kilometer telah siap. Akan tetapi kerancangan pembinaan suatu ketika dahulu sudah tidak kelihatan.

Jadi apa status pembinaan jalan ini sampai ke Merapoh? Adakah cadangan supaya daripada Merapoh ini dipanjangkan ke Gua Musang? Ianya bukan lebuh raya tetapi satu jalan baru yang dua hala, yang agaknya boleh juga menampung keperluan penduduk di Pantai Timur. Jadi, apa statusnya sama ada dalam peruntukan belanjawan kali ini ada dimasukkan keperluan untuk menyegerakan pembinaan tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit.

8.38 mlm.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit] : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh tajuk jalan raya dan jambatan bagi tajuk bagi Butiran 00700 dan juga Butiran 02800. Di kawasan saya, jalan daripada Parit ke Simpang Tiga, masih lagi menggunakan sistem lama, maksudnya sistem kerubung. Kerubung itu ada yang sempit, dan kadang-kadang tersumbat oleh banyaknya sampah sarap dan sebagainya. Ini menjadi punca kepada berlakunya kejadian banjir di beberapa kampung di kawasan itu.

Perkara ini telah pun dibangkitkan di dalam mesyuarat tindakan daerah tetapi jawapannya adalah peruntukan tidak ada dan tidak mencukupi. Jadi, saya hari ini hendak bercakap di dewan ini meminta Kementerian Kerja Raya untuk dapat memberikan perhatian kepada isu ini supaya semua jalan-jalan yang menggunakan kerubung diganti dengan jambatan ataupun kerubung yang lebih besar lagi supaya, satu dapat mengelakkan masalah banjir yang berlaku di kawasan saya.

Yang kedua, satu lagi masalah jalan Parit Seputeh ada cerun. Dalam sidang yang dahulu, saya telah melaporkan perkara ini kepada JKR dan JKR telah pun mengambil tindakan tetapi baru-baru ini, masih berlaku lagi cerun yang sama runtuh lagi. Walhal, JKR ada pakar-pakar cerun yang dikatakan berkemampuan untuk melihat atau mengambil perhatian terhadap perkara ini. Saya rasa telah 10 kali berlaku keruntuhan cerun itu dan ini menyebabkan akan berlaku masalah lalu lintas dan sebagainya. Jadi, saya minta kepada JKR untuk dapat mengawasi perkara ini dengan segera.

Ketiga Tuan Pengerusi ialah masalah jalan daripada Sri Iskandar ke Bota. Ada satu kawasan dekat dengan Sekolah Menengah Sultan Azlan Shah, di situ selalu berlaku kemalangan. Dikatakan jalan tidak rata dan longkang tepinya yang kecil. Jadi, air dari bukit itu jatuh ke jalan dan menyebabkan berlaku licin. Perkara ini juga telah pun ditimbulkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah tetapi malangnya, jawapannya tidak ada peruntukan dan sebagainya. Ini menimbulkan masalah kepada rakyat.

Perkara yang seterusnya ialah tentang sektor pakar iaitu tentang kumpulan jawatan dalam JKR yang perlukan arkitek. Terdapat ramai arkitek senior atau yang telah berkhidmat lama yang berkelulusan Ijazah Seni Bina yang diiktiraf yang telah lama menyumbangkan atau berkhidmat dalam bidang seni bina atas sektor binaan sama ada sektor awam, swasta atau sebagai ahli akademik. Akan tetapi, mereka ini tidak diiktiraf sebagai arkitek profesional hanya kerana mereka tidak menduduki ataupun mereka perlu lulus dalam peperiksaan bahagian tiga yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Seni Bina Malaysia. Akibatnya, negara kekurangan tenaga pakar profesional atau teknokrat dalam bidang seni bina ini kerana tidak menduduki peperiksaan atau lulus dalam peperiksaan yang dimaksudkan itu. Kebanyakan mereka telah menyumbangkan tenaga yang besar dalam bidang pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, peperiksaan-peperiksaan ini menjadi kayu ukur yang tunggal bagi mengiktiraf pengalaman, kebolehan, kepakaran dan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu seperti dalam Akta Arkitek 1967, mereka dikehendaki untuk duduk periksa dan lulus. Di atas rayuan ini, saya hendak mencadangkan supaya mereka yang telah bekerja lebih dari 10 tahun atau mencecah umur lebih daripada 30 tahun yang telah berkhidmat dengan baik sebagai arkitek hendaklah diberikan pengiktirafan secara automatik sebagai arkitek profesional.

Untuk makluman Dewan, setakat ini jumlah arkitek profesional ialah 1,844 dan graduan arkitek bagi mereka yang tidak diiktiraf kerana tidak lepas peperiksaan itu 1,676 orang. Jadi kalau sekiranya mereka ini diberikan pengiktirafan berdasarkan pengalaman dan kerja-kerja baik selama ini, maka JKR akan mempunyai arkitek profesional yang lebih ramai dan ini boleh membantu JKR untuk pembangunan negara. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sarikei.

8.43 mlm.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang. Saya ingin membangkitkan beberapa isu di bawah Butiran 060700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan, Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan (II) dan Butiran 09280 – Membina Jalan-jalan.

Pertama Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan jawapan yang tetap daripada Kementerian Kerja Raya sama ada projek pembinaan jalan raya dari Sungai Siang, Bintangor sampai simpang jalan raya Sibu ke Tanjong Manis. Kerajaan Pusat pernah mengumumkan

bahawa projek pembinaan jalan raya tersebut akan dilaksanakan demi kebaikan penduduk-penduduk di Bintangor.

Kedua, pembinaan lorong pemetung di KM18 Jalan Sarikei-Kuching Sungai Bau, Sarikei. Saya ingin tahu juga tentang projek pembinaan lorong pemotong di KM18 Jalan Sarikei-Kuching, Sungai Bau, Sarikei. Kementerian Kerja Raya pernah mengumumkan satu lagi lorong pemotong jalan raya akan dibina di kawasan KM18 Jalan Sarikei-Kuching, tetapi sampai hari ini saya belum nampak projek ini dimulakan. Projek ini telah diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya, tetapi masih belum dilaksanakan. Satu lorong pemotong di kawasan tersebut amat penting kerana kegiatan lalu lintas kenderaan di kawasan ini sangat sibuk. Dengan pembinaan lorong pemotong, ia akan membolehkan kelancaran lalu lintas kenderaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Kerja Raya memberikan satu jawapan yang tepat kepada saya?

Ketiga, peningkatan naik taraf jalan raya dari Jaka Sarikei ke Semanggoi. Peningkatan dan menaik tarafkan jalan raya dari kawasan Jaka ke kawasan Semanggoi amatlah diperlukan demi keselamatan semua pengguna jalan raya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, kawasan jalan raya dari Jaka ke Semanggoi kerap berlaku kemalangan yang serius di mana banyak kemalangan yang membawa maut disebabkan kawasan jalan raya tersebut mempunyai banyak selekoh yang tajam yang mudah mengakibatkan kemalangan berlaku hampir setiap hari. Semasa hari hujan, permukaan jalan raya ini sangat licin.

Tambahan pula, permukaan jalan raya terutama di kawasan selekoh dibuat tidak mengikut piawaian atau standard yang sebenar juga merupakan satu punca utama yang mengakibatkan kemalangan kerap berlaku. Saya merayu kepada Kementerian Kerja Raya supaya projek peningkatan kawasan jalan raya tersebut dapat dilaksanakan dengan segera.

Akhir sekali, pembinaan jalan raya dari Bandar Sarikei ke Tanjung Manis. Sekali lagi saya terpaksa bertanya kepada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Kerja Raya tentang pembinaan jalan raya dari Bandar Sarikei ke Tanjung Manis. Disebabkan projek pembinaan jalan raya tersebut telah awal-awal diumumkan dan dijanjikan oleh pemimpin Barisan Nasional terutama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin sebelum pilihan raya umum pada tahun 2013.

Akan tetapi, rakyat Sarikei berasa cukup kecewa dan marah terhadap Kerajaan Pusat kerana sampai hari ini masih belum menunaikan janji tersebut. Justeru itu, saya ingin tahu jawapan yang tetap sekali daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tentang perkembangan terkini projek pembinaan jalan raya dari Sarikei ke Tanjung Manis.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, pembinaan jalan raya tersebut amat penting sekali kerana ia akan membaik pulihkan perkembangan ekonomi di Bandar Sarikei khususnya. Dengan adanya satu jalan raya dari Sarikei ke Tanjung Manis, sistem pengangkutan semakin mudah di mana penduduk-penduduk yang tinggal di seberang Sungai Rejang dapat sampai di Bandar Sarikei dengan mudah sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiu.

8.49 mlm.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Pertama adalah berhubung dengan Butiran 040100 iaitu Cawangan Arkitek. Saya tertarik kepada satu laporan akhbar pada November tahun lalu di mana seorang kanak-kanak prasekolah telah terjatuh dari *balcony* Sekolah Kebangsaan Taman Tasik Jaya, Negeri Sembilan sehingga mengakibatkan kecederaan yang agak teruk. Walaupun kejadian tersebut jarang-jarang berlaku, kita tidak boleh mengambil sikap, sudah terantuk baru tengadah.

■2050

Jadi makna saya menggesa pihak kementerian mengambil kira faktor dan juga ciri keselamatan bagi reka bentuk binaan sekolah-sekolah di negara ini. Selain itu juga dengan menyediakan satu persekitaran yang tinggi dan kondusif bagi para pelajar bagi menimba ilmu pengetahuan. Jadi faktor keselamatan juga perlu diberikan penekanan dan diterapkan dalam reka bentuk sekolah bagi mengelakkan kejadian seumpama berikut tidak berulang kembali. Saya mencadangkan kalau boleh kita baik pulih sekolah dengan membina gril dan sebagainya. Oleh sebab kalau bangunan yang agak tinggi, agak berbahaya kepada kanak-kanak terutama kanak-kanak di sekolah rendah. Mereka kadang-kadang berlari, cuba menjenguk ke bawah, kadang-kadang, saya sendiri pun pernah melihat agak serialah orang kata.

Kedua, adalah Butiran 040700 Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga. Apa yang saya ingin tahu ialah berkenaan dengan berapa banyakkah bilangan bangunan awam yang dibina oleh kementerian telah pun diaplikasikan reka bentuk dan juga mengutamakan bahan binaan yang dapat meningkatkan kelestarian alam dan juga kecekapan tenaga di negara kita.

Yang akhir sekali Butiran 80000 iaitu Membina Jalan-jalan Baru iaitu projek baru. Apa yang saya ingin *share* dengan Yang Berhormat Tumpat tadi, sudah tidak ada. Jadi saya menyokong sejumlah RM540,766,500 diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya sekali lagi berkenaan dengan sekiranya pihak kementerian bercadang untuk mempercepatkan pembinaan LPT 3 yang turut melalui Parlimen Setiu yang dikatakan hanya akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 sahaja iaitu dari 2016 sehingga 2020 atau paling tidak pun adakah pihak kementerian telah mempunyai penetapan masa yang khusus? Dan bilakah projek ini dapat dilaksanakan, memandangkan kajian telah pun dijalankan sejak tahun 2009 lagi. Jadi apa yang boleh saya katakan di sini ialah keseluruhan rakyat Malaysia khususnya di Pantai Timur termasuk Kelantan jugalah ya, hendak ke tidak? Hendak boleh. *[Ketawa]*

Amat mengharapkan agar projek ini dapat disiapkan dalam tempoh dengan kadar segera. Akan tetapi kalau tempat-tempat yang lain itu tidak payahlah, kalau tempat yang tidak menghargai tidak payah buat. Kita buat di tempat yang dihargai sahaja. Hidung mancung pipi tidak tersorong. Kita bagi kepada Terengganu terutamanya ataupun setidaknya jalan dua lorong, dari Kuala Terengganu sampai ke Besut, sebab Kelantan dia hendak lebu raya, dia mungkin tidak hendak jalan dua lorong. Kalau lambat lagi hendak buat, saya mintalah supaya buat jalan dua lorong bermula dari Terengganu sampai ke Besut kerana perjalanan setakat ini

kalau dari Besut sampai ke Terengganu lebih kurang satu jam lebih. Jadi kalau ada jalan dua lorong dibetulkan sedikit yang mana bengkok bengkok mungkin akan memakan masa hanya dalam setengah jam atau 45 minit.

Itu sahaja, sekian terima kasih saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

8.54 mlm

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja. Pertama saya hendak tahu status cadangan Butiran 81000 di bawah kementerian ini. Dahulu telah pun dimaklumkan bahawa satu *study* telah pun dibuat untuk jalan persisiran pantai dari Teluk Air Tawar, Pulau Pinang ke Kuala Kedah dan saya dimaklumkan bukan sahaja *study* dibuat, tetapi pembayaran untuk *study* itu pun telah dibuat dan konsultan mencadangkan supaya jalan dibina. Ini kerana jalan ini akan merentasi kawasan-kawasan Melayu khususnya di luar bandar dan sekali gus apabila kawasan-kawasan pesisir pantai ini yang diduduki oleh orang Melayu yang miskin, dengan terbinanya jalan ini akan mempertingkatkan aktiviti ekonomi.

Saya difahamkan jalan yang sama iaitu yang menyambung Kuala Kedah ke Kuala Perlis telah pun siap. Akan tetapi jalan dari Teluk Air Tawar ke Kuala Kedah itu apa jadi sekarang ini. Seperti yang saya katakan tadi konsultan telah pun rekomen beberapa tahun yang lalu dan malah telah pun berbelanja besar setelah bayar.

Kedua Tuan Pengerusi tentang Butiran 050900 - Pengurusan Projek Khas. Saya tidak tahu, adakah JKR terlibat secara langsung memantau sekolah-sekolah Project Management Consultant (PMC) ini, sebab di kawasan saya tengok sekolah-sekolah yang *design*nya cukup cantik, ianya di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan. Akan tetapi soalan saya di sini, adakah JKR mempunyai *hand*, nasihat, kuasa untuk memberikan nasihat. Ini kerana saya tengok Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah ini sudah siap, tetapi *discharge* air tidak boleh, *excess road* tidak boleh, jalan tidak siap. Jadi saya pun tidak faham apa yang terjadi. Sekolah siap cantik, cukup cantik malah sekolah-sekolah rendah pun cukup cantik, tetapi dia punya suasana itu tidak betul. Ada kawasan-kawasan di kawasan sekolah itu air tidak boleh lari ke mana. Akhirnya Tuan Pengerusi apabila hujan, air masuk ke dalam sekolahlah, padang-padang habis rosak.

Akhir sekali juga Butiran 060600 – Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan dan Kuarters, tentang kuarters kerajaan sekali lagi di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan. Akan tetapi saya hendak tanya adakah JKR memainkan peranan untuk melihat kuarters-kuarters ini. Saya ada empat kelompok kuarters untuk guru-guru yang sekarang ini Tuan Pengerusi bukan sahaja pokok-pokok kecil, tetapi saya ingat pokok ketapang pun sudah tumbuh dalam kuarters ini, dalam kuarters bukan di luar kuarters, dalam bilik-bilik

kuarters sudah naik pokok ketapang. Jadi mungkin yang tujuh kaki, sembilan kaki. Pokok nyiur pun sudah ada. Kalau empat kelompok ini lebih kurang 200 unit. Kalau satu unit ini berharga RM300,000 maknanya kita akan kehilangan lebih kurang RM12 juta ke RM15 juta. Jadi saya sudah bangkit, saya rasa ini tahun keenam saya bangkit. Saya hendak tanyalah sama ada JKR mempunyai kuasa atau mempunyai kedudukan untuk menasihati Kementerian Pendidikan ataupun ada tidak ruang-ruang di mana kementerian boleh memainkan peranan untuk menyelamatkan duit kerajaan itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong. Lima minit Yang Berhormat Lenggong.

8.58 mlm

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk membahaskan perkara B.27, Butiran 070000 – One-Off, ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Saya minta supaya pihak kementerian untuk menyelesaikan beberapa isu yang berkaitan dengan banjir di kawasan Parlimen saya, yang berpunca daripada beberapa buah pembinaan jambatan dan jalan yang perlu dinaiktarafkan. Saya ucapkan terima kasih kerana telah melakukan beberapa perkara sebelum ini iaitu menaik taraf jambatan Kampung Tampan Air itu sudah pun siap dan pembinaan sekarang ialah Kampung Bore Banggol Belimbing itu, pembinaan jambatan baru, ia juga sedang dalam pembinaan. Ada dua lagi, hari ini banjir di kawasan Parlimen saya ianya berpunca daripada jambatan ini. Satu ialah jambatan di Kampung Sumpitan, Lenggong yang mana struktur jambatan ini telah begitu lama, ia tidak sesuai lagi, kerana ia menjadi punca kepada banjir dan mengakibatkan berpuluh buah rumah tenggelam, kerana laluan di bawah jambatan itu sebenarnya adalah jambatan yang lama.

■2100

Jadi tidak sesuai lagi, perlu dinaik taraf dan harap ini diberi perhatian serius. Satu lagi ialah di Kampung Cha'in di mana laluan air di jalan berkenaan juga perlu diperbesarkan kerana ia juga menjadi punca kepada sekatan aliran air yang menyebabkan kampung-kampung berkenaan juga mengalami masalah. Dua isu ini perlu ditangani oleh pihak JKR untuk menyelesaikan masalah kerana usaha-usaha lain dibuat sudah tidak berkesan kerana inilah puncanya. Jadi minta sangat untuk diberi perhatian perkara ini.

Satunya lagi ialah Jalan Pipit ke Kolej Pengajian Tinggi MARA, simpang empat dekat dengan Jambatan Raja Nazrin Shah. Kalau kita lihat dari tepi Sungai Perak ke jalan ini sebenarnya dari tepi sungai jalan begitu besar tetapi hendak sampai ke jalan besar yang betul jalan utama itu kecil sahaja, jalan kampung. Jadi sambungan perlu dibuat. Jalan ini memang dalam pengetahuan JKR daerah dan negeri. Saya harap ia ditingkatkan dan di peringkat daerah dan negeri mereka mencadangkan untuk dimasukkan sekurang-kurangnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi harap dipercepatkan.

Selain daripada itu juga di simpang Kolej Pengajian Tinggi MARA dekat Jambatan Raja Nazrin Shah itu di Kampung Raban itu perlu diletakkan lagi beberapa kemudahan lain kerana laluan berkenaan akan menjadi laluan utama apabila Januari akan datang kemasukan pelajar ke Kolej Pengajian Tinggi MARA di situ. Saya mohon juga untuk di Jambatan Raja Nazrin Shah itu supaya penghalang kiri dan kanan jalan itu dibuka supaya nampak kiri kanan keindahan tasik itu. Maknanya dipanggil jambatan itu *divider* itu dibuka supaya nampak keindahan kiri dan kanan jalan itu.

Satu lagi ialah di kampung persimpangan masuk ke Kampung Ulu Kenderong dekat dengan pekan Gerik juga perlu diadakan *traffic light* di situ kerana itu laluan utama dan merbahaya. Ini dekat dengan kampung Yang Berhormat Gerik. Jadi minta tolong dipertingkatkan untuk meningkatkan kemudahan awam di kawasan Parlimen saya.

Selain daripada itu saya minta JKR membuat kajian beberapa laluan antara Lenggong dan Gerik yang memang merupakan kawasan terlibat dengan kemalangan jalan raya. Ia juga berpunca daripada struktur jalan yang perlu dibaiki. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak Yang Berhormat Pasir Puteh tidak bangun pula. Sila Yang Berhormat Pasir Puteh.

9.03 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Membaca kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Tidak banyak, sedikit sahaja di bawah 60000, 70000, 80000 pembaikan jalan di tempat saya di Kelantan ini kita tahulah di Pasir Puteh khususnya jalan dari Pasir Puteh ke Jertih perlu kepada pembaikan selalu dan jambatan di Gaal itu perlu kepada pembaikan. Lencongan sudah dibuat tetapi jambatan itu belum lagi dibaiki, lambat sedikit nampaknya. Jadi saya ingin tahu bilakah jambatan itu akan mula dibina kerana jambatan itu memang sudah rosak dan perlu kepada jambatan yang baru.

Walau bagaimanapun satu lagi jalan yang penting di antara Pasir Puteh ke Kota Bharu. Jalan ini masih lagi satu hala, satu *carriage way*, satu hala. Satu-satu jalan satu sahaja perlu kepada mungkin menaik taraf kepada dua *carriage way* atau dua hala. Adakah dalam perancangan JKR untuk menaik taraf jalan ini kepada dua *carriage way*?

Satu lagi yang saya sebutkan dahulu ialah jalan di antara Pasir Puteh ke Tok Bali. Jalan ini masih lagi belum siap. Bila agaknya akan siap? Mungkin ada perkembangan baru. Saya nampak jalan yang lama sedang diturap dengan batu dan belum lagi ditarkan. Jadi saya jangka itu akan di tar tetapi sekarang musim tengkujuh. Persoalannya bilakah jalan lama Pasir Puteh ke Tok Bali ini akan ditarkan? Bilakah pula jalan baru yang sudah tertangguh berbelas-belas tahun itu bilakah akan dibina jambatan dan seterusnya akan menyiapkan jalan itu? Maka bolehlah mengurangkan masalah di jalan yang lama.

Soalan yang kedua ialah tentang jalan-jalan di Kelantan ini boleh dikatakan kalau dibandingkan dengan Terengganu, di Setiu itu memanglah terkebelakang. Kalau masuk

Terengganu cantik lagi. Masuk ke Kelantan memang kurang sedikit darjatnya. Begitulah nasib negeri Kelantan. Walau bagaimanapun tidak mengapa, kita menyedari ini adalah nasib kita.

Walaupun bagaimanapun kita ingin tahu mengikut peruntukan yang diberikan kepada kerajaan negeri untuk membaiki jalan-jalan negeri, berapa banyakkah yang telah diperuntukkan untuk tahun 2014 dan seterusnya pada tahun 2015? Adakah pihak kerajaan negeri sudah pun mematuhi atau mengikut arahan atau saranan untuk melaksanakan pembangunan jalan-jalan negeri ini pada kadar yang telah ditentukan oleh kerajaan mengikut peruntukan itu? Itu soalnya sebab sebelum ini kita dengar ada rungutan mengatakan bahawa kerajaan negeri tidak menyempurnakan tanggungjawab ini sepenuhnya.

Saya diberitahu juga bahawa keadaan ini sama di negeri-negeri lain juga. Bukan di negeri Kelantan sahaja, Negeri lain lebih teruk lagi ada. Jadi saya hendak tahu bagi Kelantan sahaja, adakah peraturan baru ini sudah dipatuhi oleh kerajaan negeri? Sebagaimana saya tahu kerajaan negeri inilah kerajaan yang cukup *accommodative* dengan Kerajaan Pusat dan JKR negeri dan pusat memang bekerjasama baik.

Walaupun bagaimanapun peruntukan sahaja yang kurang. Walaupun bagaimanapun kita berterima kasihlah sekadar yang diberikan walaupun kita mengharapkan kepada bantuan yang lebih lagi.

Kemudian yang akhir sekali tentang LPT3 ini. Saya diberitahu bahawa LPT3 ini daripada Terengganu sampai ke Pengkalan Kubor. Ia bukan sampai ke Besut. Saya ingin untuk membetulkan Yang Berhormat Setiu tadi. Jadi kalau dia hendak buat LPT3 sampai ke Besut sahaja tidak jadi LPT3, jadi LPT3 suku. Jadi tidak betul itu. Ia kena LPT3, jangan LPT3 suku. Jadi *insya-Allah* terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Pasir Puteh, penjelasan.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya kata jalan dua lorong ke Besut. LPT3 ke Pengkalan Kubor. Saya tidak kata pun LPT3 hanya setakat Besut.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Kalau dua lorong pun kena sampai ke Pengkalan Kubor juga. Baru tidak tiga suku kerana kalau tidak jadi LPT3 tiga suku juga. Baru dibuat tiga suku. Lagi satu suku barulah sempurna LPT3 itu. Kalau tidak, tidak sempurna. Jadi harap *insya-Allah* pihak kerajaan dapat kalau hendak dua lorong pun terima kasih sampai ke sempadan Thailand kerana saya diberitahu bahawa Thailand pun akan membuat jalan *highway* sampai ke Bangkok.

Jadi orang dari Terengganu hendak pergi ke Bangkok tidak payah ke jalan lain. Ikut jalan itu sampai ke Bangkok *insya-Allah*. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tenom.

9.09 mlm.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini sebelum Yang Berhormat Tenom, saya minta berapa orang lagi hendak berucap?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nampak macam ramai lagi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua, empat, enam, lapan, sepuluh, dua belas, empat belas, lima belas. Lima minit. Okey sila.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran sahaja berkenaan P.27 berkenaan dengan Butiran 08260 – Naik Taraf dan Memulihkan Jalan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lenggong cakap dia sudah hendak balik. Tidak bolehlah balik. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Malam esok kita bagi Yang Berhormat Lenggong *last* sekali.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: ... Yang menelan belanja lebih kurang RM280 juta lebih berkenaan dengan Butiran 08250 – Kajian Perlindungan/Pembaikan Cerun-cerun menelan belanja RM18 juta lebih.

■2110

Begitu juga dengan Butiran 08230 Tuan Pengerusi, Pembinaan Jambatan yang menelan hampir RM39 juta.

Dalam isu yang saya sebutkan tadi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan jalan-jalan *federal*, jalan-jalan persekutuan di antara jalan Keningau ke Tenom dan jalan Kemabung ke Sipitang yang mana jalan-jalan ini yang saya lihat pada hari ini banyak keadaan permukaan jalan tersebut telah mendap. Saya juga ingin menyentuh berkenaan jalan-jalan yang rosak akibat banjir yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri pada ketika selepas banjir mendapati banyak jalan utama yang saya sebutkan tadi adalah dalam keadaan yang begitu teruk dan perlu perhatian dari pihak JKR. Apatah lagi saya difahamkan bahawa pembaikan ataupun penjagaan jalan-jalan persekutuan bagi di negeri Sabah kalau di kawasan saya Tuan Pengerusi, dilaksanakan secara konsesi iaitu Lintasan Resources Sdn. Bhd. dan juga Globinaco Sdn. Bhd.

Saya ingin memohon penjelasan, setakat ini apakah kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak konsesi ini berkenaan dengan pembaikan jalan-jalan rosak yang saya nyatakan tadi? Apatah lagi apabila keadaan jalan tersebut akibat rosak sehingga hari ini, saya dapati ada beberapa tempat di antara jalan Keningau ke Tenom dan jalan Kemabung ke Sipitang, kalau dilihat Tuan Pengerusi, jalan Kemabung ke Sipitang banyak cerun bukit telah runtuh dan mengakibatkan ada beberapa jalan tidak dapat dilalui oleh kenderaan pada ketika itu.

Begitu juga dengan masalah jambatan ini, Tuan Pengerusi. Saya ingin kemukakan sekali lagi apakah tindakan kerajaan, pihak kementerian dan JKR dalam usaha untuk memperbaiki satu-satunya jambatan utama kami yang rosak akibat banjir? Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah melihat sendiri keadaan jambatan tersebut apatah lagi jambatan tersebut

masih lagi jambatan yang lama. Saya harap pihak kerajaan supaya dapat membina sebuah jambatan yang baru untuk menaik taraf jambatan yang lama. Saya kira jambatan yang ada pada hari ini, *bailey bridge*. Kalau boleh buatlah jambatan yang lebih besar seperti mana yang di kawasan-kawasan lain.

Begitu juga dengan tadi pembaikan-pembaikan cerun. Saya minta pihak kementerian supaya mengambil perhatian yang serius kepada keadaan jalan di antara Kemabung dan Tenom. Jalan tersebut telah menjadi sempit kerana keruntuhan tanah-tanah dan juga bukit. Begitu juga dengan jalan di antara Kemabung ke Sipitang. Saya kira, adakah jalan antara Kemabung ke Sipitang ini juga termasuk dalam Pan Borneo punya *design*, Tuan Pengerusi? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong.

9.13 mlm.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit sahaja, Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin menyentuh perkara Butiran 89000 di bawah Maksud B.27 berkenaan pengambilan balik tanah untuk projek-projek jalan dan jambatan. Satu isu yang saya hendak sentuh di sini ialah projek Penang Outer Ring Road (PORR) yang mana saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah menawarkan pampasan yang lumayan kepada Peninsular Metro Works Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang didaftarkan bagi tujuan pelaksanaan PORR bagi projek yang bernilai RM1.02 bilion.

Jadi boleh saya ingin mendapat penjelasan berkenaan pampasan yang telah ditawarkan dan dibayar dan dengan penawaran pampasan tersebut, adakah projek tersebut tidak akan diteruskan lagi? Ini kerana kita masih lagi menghadapi satu masalah yang mana di negeri Pulau Pinang terdapat banyak tanah yang sebelum ini dikenal pasti untuk pelaksanaan projek PORR masih didaftarkan kaveat dan belum dilepaskan dan ini telah menghalang supaya tidak diberikan, menghalang supaya pajakan tanah dilanjutkan semua ini.

Ada tanah yang tidak dapat dibangunkan kerana ada kaveat yang didaftarkan. Jadi saya ingin mendapat satu kepastian sama ada projek ini akan diteruskan. Jikalau tidak, maka satu kepastian perlu diberikan oleh kementerian yang berkenaan supaya pihak berkuasa negeri dapat melepaskan kaveat-kaveat tersebut untuk memangkinkan lagi pembangunan di negeri Pulau Pinang.

Satu lagi isu berkenaan Butiran 040300 di bawah Maksud Bekalan. Ini ialah satu isu di jalan Paya Terubong di Pulau Pinang yang berdekatan dengan Taman Bendera di Relau yang mana sering ada penduduk-penduduk di sini yang perlu menyeberangi jalan untuk pergi ke perhentian bas di sebelah jalan yang lain. Jadi masalah di sini ialah jalan ini adalah jalan persekutuan tetapi sering berlaku kemalangan di sini yang mana pada pertengahan tahun ini,

ada seorang OKU yang cuba menyeberangi jalan dengan kerusi roda telah dilanggar mati oleh kereta yang dipandu laju dari arah Relau ke Paya Terubong. Saya pernah membangkitkan masalah ini kepada JKR negeri Pulau Pinang tetapi dimaklumkan bahawa ini berkenaan dengan Bahagian Selenggara JKR kerana ini adalah Jalan Persekutuan. Sampai hari ini belum ada *speed table* atau *transfer bar* yang dilukis disediakan di permukaan sebelah jalan dari Relau ke Paya Terubong. Di sebelah jalan itu ada dan di sebelah jalan lain tidak ada.

Jadi saya memohon supaya perkara ini dapat ditangani dengan segera untuk menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Paya Besar. Ya, kita sambung sampai 9.45 malam.

9.17 mlm.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri mula menjawab esok, ya. Pendek-pendek sahaja. Seminit, dua minit atau tiga minit.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Kepala P.27 - *insya-Allah*, saya akan pendekkan ucapan saya. Butiran 700000 - Projek Memperelok Jalan-jalan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berhubung dengan jalan dari Kampung Tanjung Pasir ke Indera Mahkota dan seterusnya ke Kuantan. Apakah jalan ini telah siap sepenuhnya? Ini kerana saya lihat masih lagi - jalan yang sepatutnya dibina dua lorong tetapi ada tempat satu lorong.

Jadi saya ingin mendapatkan pengesahan daripada kementerian tentang jalan yang saya maksudkan tadi. Di samping itu juga, lampu-lampu jalan di kedua-dua simpang masuk ke bandar Kuantan melalui dua tol iaitu Sungai Lembang dan juga tol Gambang kerana di tol Gambang masih ada kawasan-kawasan yang bergelap dan ini amat membahayakan malah telah banyak berlakunya kemalangan. Begitu juga di jalan dari Tanjung Pasir ke Bandar Kuantan.

Butiran 310000 - Pembinaan Jalan dan Jambatan. Saya menyokong penuh saranan yang telah dibuat oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Jerantut berhubung dengan pembinaan jalan baru dari Jerantut ke Sungai Lembang dan seterusnya ke Kuantan, termasuk Lipis - tinggal nanti marah pula [*Ketawa*]. Status jalan ini - saya rasa pada sesi yang lepas, Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pembinaan jalan ini akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi saya berharap, benar-benar jalan ini menjadi kenyataan kerana semasa membentangkan RMKe-10, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut pembinaan jalan ini dan ia telah disebarikan begitu luas oleh media-media sosial di Kuantan, khususnya.

Jadi saya berharap, pada kali ini walaupun tidak dimasukkan di akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh, permulaan Rancangan Malaysia Kesebelas ataupun *rolling plan* yang pertama, RMKe-11 tolonglah masukkan kerana ini janji pilihan raya yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lumut.

■2120

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada peruntukan pembangunan Butiran 30000 peruntukan sebanyak RM3.07 bilion diperuntukkan untuk menampung perbelanjaan dan projek-projek Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingin tahu bilakah projek menaik taraf jalan daripada Batu 5 Teluk Intan ke Manjung berserta tambahan Jambatan Sultan Yusuf akan dilaksanakan dan agaknya bila boleh siap.

Rakyat di Kampung Teluk Telaga Nenas dan juga Kampung Bharu mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya kerana membina jambatan yang bernilai RM17.2 juta dijangka siap pada 18 April tahun depan dan rakyat memohon supaya ia boleh disiapkan pada tarikh tersebut.

Ketiga, projek menaik taraf jalan daripada Segari ke Changkat Jering ini telah diluluskan tetapi nampaknya belum ada tanda-tanda permulaan projek tersebut dilakukan. Kita ingin tahu bila boleh dimulakan dan bila akan siap.

Terakhir kita mohonlah supaya jalan dari jambatan Sungai Bernam ke Sabak Bernam di jalan ke Sabak Bernam dipertingkatkan ataupun dinaik taraf supaya menjadi empat *lane*. Oleh sebab, musim perayaan jalan tersebut sesak dan menjadi kesukaran kepada kami yang menggunakan jalan tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

9.21 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak merujuk kepada Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan. Saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah usaha-usaha kementerian dalam usaha untuk membina jambatan kedua di Batu Pahat. Masalahnya sekarang ini jambatan yang ada itu adalah jambatan utama yang menghubungkan antara Muar ke Batu Pahat dan ia terletak di kawasan Parlimen saya. Masalahnya ialah setiap hari terutamanya waktu pagi, tengah hari dan juga petang ia menjadi terlampau sesak dan kadang-kadang boleh sampai ke lima kilometer sesaknya.

Jadi sebab itu saya hendak bertanya apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengatasi ini sebab sebelum ini kajian telah dibuat dan ia dibuat oleh JKR Batu Pahat sendiri. Jadinya saya berharap ia dapat dipertimbangkan dan sekiranya tidak masuk di dalam ini harapnya ia dapat dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang. Ringkas Yang Berhormat Sepang ya.

9.22 mlm.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak bangkitkan beberapa perkara pertamanya tentang Butiran 070100. Saya hendak tanya pampasan tol itu. Cuma saya hendak tanya berkaitan dengan *highway-highway* yang hendak dibina pada tahun depan berdasarkan pengumuman Perdana Menteri di dalam bajet itu. Bagaimanakah format *agreement* yang telah pun didrafkan ataupun telah dimasukkan di antara pihak kerajaan dan pemegang konsesi? Adakah dia masih mengikut cara lama atau tidak?

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Kulai sudah sampai masanya benda seperti ini didedahkan untuk pengetahuan awam supaya rakyat boleh memberikan input-input kepada kerajaan dan juga dapat mengetahui apakah sebenarnya kandungan perjanjian itu. Seterusnya saya ingin juga tanya kepada pihak kerajaan, adakah apabila projek-projek lebuhraya ini dianugerahkan kepada syarikat-syarikat ini, adakah syarikat-syarikat ini mempunyai pengalaman dalam membina lebuhraya ini khususnya saya ada baca satu tulisan.

Adakah penerima-penerima tender ini yang dapat projek ini adakah mereka ini membuat satu masukan apa yang dipanggil *life cycle cost analysis* iaitu satu analisis di mana boleh memastikan lebuhraya yang dibina itu dia mempunyai tahap *life span* dia begitu panjang. Saya katakan begitu sebab kita lihat apabila lebuhraya-lebuhraya dibina ini dalam beberapa tahun sahaja kita menyaksikan banyak kerosakan. Kadang-kadang kita pun tidak faham adakah apabila lebuhraya itu dibina, apakah *projection* dia, apakah ramalan untuk berapa tahun kerajaan membuat ramalan akan berlakunya penambahan trafik dan sebagainya supaya lebuhraya yang dibina itu bertahan lama dari segi untuk *accommodate traffic congestion* ini supaya tidak berlakulah beberapa tahun terpaksa lebarkan-lebarkan. Jadi ini mengganggu pengguna jalan raya. Itu yang pertama.

Keduanya, saya juga ingin bertanyakan kepada pihak Menteri berkaitan dengan KLIA sekarang ini kita tahu apabila pelancong masuk ke Malaysia ini, Sepang adalah dia punya *entry point*. Jadi antara kawasan yang pelancongan dari dekat Gold Coast itu sampailah bawa ke Batu Laut, Kampung Kundang dan sebagainya itu. Saya rasa kawasan itu sepatutnya memang kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sektor pelancongan. Akan tetapi apabila pelancong ini melihat kesesakan yang begitu teruk khususnya di hujung-hujung minggu itu dia akan sedikit sebanyak akan membantutkan hasrat mereka untuk pergi ke tempat pelancongan itu. Jadi sekali gus usaha untuk kita hendak bangun pelancongan pun akan terjejas.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah kerajaan ataupun kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan itu dan adakah perancangan telah dibuat untuk buat lebuhraya daripada KLIA terus ke situ tanpa melalui pekan Sepang lama itu ataupun tanpa melalui Sungai Pelek. Jadi ini saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu sahaja yang ingin dikatakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

9.26 mlm.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak menyentuh perkara Butiran 040300 – Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Teknik. Jadinya ia khusus kepada Sarawak, Menteri pun ada di sini. Kita tahu Menteri pada masa ini banyak juga jalan-jalan negeri tetapi *as a federal funded* di bina di Sarawak. Jadi saya ingin bertanya sejauh mana ciri-ciri *safety* audit jalan di peringkat perancangan dan *the four stages of road safety audit* dengan izin dibuat ke atas jalan-jalan negeri tetapi *federal funded*. *Because* jalan ini adalah *federal funded* jadi kita hendak tanya sejauh mana ciri-ciri *safety* audit ini dimasukkan dalam pembinaan jalan-jalan *state but federal funded* ini.

Seterusnya saya ingin hendak menyentuh perkara Butiran 060700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan. Saya bukan apa ingin meminta supaya syarikat-syarikat yang diberi konsesi ini memastikan kompetensi mereka dalam penyelenggaraan jalan ini sentiasa di *up todate* lah itu harapan kita supaya kata orang *we do this* periksa dengan *you don't get it carried away* lah kata orang dengan izin. Akan tetapi memastikan kompetensi mereka di dalam bidang penyelenggaraan *because* sekarang ini mereka yang mengambil alih jalan penyelenggaraan daripada JKR dulu.

Seterusnya saya hendak menyentuh perkara Butiran 070200 – Latihan Jabatan Kerja Raya. Kita tahu dulu sebelum ini JKR mempunyai pusat latihannya sendiri seperti IKRAM dan Sarawak pun ada juga pusat latihannya sendiri. Akan tetapi sekarang ini saya ingin bertanya, sejauh mana latihan ini diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan khususnya dalam JKR di peringkat negeri mahupun di pihak Persekutuan. Sebab kerja-kerja ini banyak diambil oleh konsultan, PMC dan sebagainya.

Akan tetapi saya melihat ada juga kerja-kerja yang dibuat oleh konsultan ini dia mesti juga *dicheck* oleh JKR. Akan tetapi sejauh mana kompetensi latihan-latihan kepada *technician-technician* di pihak JKR ini baik negeri mahupun persekutuan. Sejauh mana latihan ini diberikan kepada mereka supaya mereka dapat untuk melihat kata orang mengkaji, *check* baliklah kerja-kerja, *design-design* yang dibuat oleh konsultan-konsultan yang diberi amanah untuk *design*kan kerja-kerja ini.

■2130

Kita mengharapkanlah supaya pegawai-pegawai JKR khususnya *technician-technician* yang baru-baru ini mendapat latihan seperti – terus teranglah, macam kami dulu, masa IKRAM masih ada di bawah JKR, *technician*, jurutera pun pergi kursus di IKRAM di mana kita diberi latihan kursus-kursus spesifik, *design*, pengawasan dan sebagainya untuk kita men *check*...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Sedikit lagi Tuan Pengerusi iaitu tentang Butiran 09240 – Kajian Pemeriksaan dan Membaiki Jambatan. Saya ingin nak bertanya, sejauh mana jambatan-jambatan di sepanjang jalan persekutuan di Sarawak diperiksa pada masa ini? Apakah jenis pemeriksaan yang dibuat sekarang ini?

Juga Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan khususnya di Sarawak. Saya ingin nak bertanya juga supaya bagaimana naik taraf ini, ciri-ciri keselamatan dan jenis-jenis kerja yang dibuat mereka adalah mengikut seperti mana yang sepatutnya? Apabila menaik taraf ini, hasilnya apakah sama ataupun *better or* sama saja? Itu persoalan saya secara umumlah untuk kerja-kerja naik taraf di Sarawak.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

9.31 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Saya ingin bertanya tentang projek lebuh raya bertol KIDEX ini. Baru-baru ini Syarikat KIDEX ini, tempoh masa mereka untuk menghantar laporan kajian trafik dan juga *impact assessment* telah pun tamat pada 15 November. Adakah kementerian sudah pun melanjutkan masa mereka? Ini kerana selepas tempoh ini, sampai sekarang mereka belum lagi menghantar laporan berkenaan dengan *traffic assessment* ini. Kalau kementerian sudah pun memberi lanjutan masa, sampai bila? Sampai bila?

Mesti ada satu tempoh masa kerana sebelum itu Kerajaan Pusat janji kalau KIDEX ini mereka tidak dapat untuk mengadakan pendengaran awam iaitu *public hearing* dan tidak memenuhi syarat-syarat, maka KIDEX tidak akan diluluskan. So, saya harap Yang Berhormat Menteri tepati janji ini. Saya nak beritahu, sampai sekarang KIDEX belum lagi mengadakan *public hearing*. Saya pun tidak tahu apakah akan berlaku kerana daripada tinjauan saya, rata-ratanya warga Petaling Jaya, mereka semua bantah KIDEX. Adakah kerana penduduk tak setuju KIDEX ini, mereka sampai sekarang, dua tahun dah kita beri masa, sampai sekarang mereka gagal untuk mengadakan *public hearing*.

Saya nak tanya satu soalan di mana Ahli Lembaga KIDEX ini, Encik Hari Narayanan yang sebelum itu beliau merupakan ahli lembaga di dalam Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), pada masa itulah beliau telah pun – saya tak tahu apa peranan beliau. Selepas beliau meninggalkan LLM, terus menjadi Ahli Lembaga Pengarah di KIDEX. Adakah perlakuan ini menyalahi undang-undang di mana – mana boleh Ahli Pengarah LLM memberi kontrak KIDEX ini kepada individu. Setelah itu, dia menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Saya rasa ini salah laku dan perlu disiasat oleh kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Satu lagi tentang Butiran 070100 – Bayaran Pampasan Tol. Saya nak dapat butiran pampasan ini. Adakah lebuhraya seperti *Sprint Highway*, Lebuhraya LDP, Lebuhraya NPE yang terletak di kawasan saya mendapat pampasan? Walaupun saya rasa kerajaan sudah membuat keputusan sebelum itu bahawa kerajaan tidak memberi kenaikan kadar tol, maka dalam lima tahun ini, mereka layak untuk dapat pampasan. Tempoh sudah tamat di mana tahun 2014 dan tahun 2015 sudah sampai masanya. Adakah kerajaan berhasrat untuk memberi kenaikan kadar tol kepada semua syarikat konsesi lebuhraya ini?

Kalau tidak, adakah pampasan ini akan terus diberikan di mana kalau ikut laporan tahunan syarikat ini, Lebuhraya NPE, Lebuhraya LDP, Lebuhraya Sprint semua ini mereka untung beratus juta setiap tahun. Mengapa kita nak beri lagi pampasan kepada mereka? Ini kerana jumlah kenderaan yang menggunakan lebuhraya ini bertambah setiap tahun. Kenapa tidak kita menggunakan angka-angka ini untuk bincang dengan mereka macam mana dapat satu persetujuan ataupun langkah jangka masa panjang untuk selesai masalah ini di mana kita tidak perlu lagi untuk memberi pampasan kepada lebuhraya ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik.

9.36 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga nak membincang Kementerian Kerja Raya di bawah B.27 Butiran 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Satu, saya nak minta kementerian melihat semula jalan dari Kelantan ke Gerik yang mana terdapat kerosakan untuk diturap semula. Begitu juga jalan dari Gerik ke Baling. Maknanya terdapat jalan yang rosak supaya dapat diperbaiki.

Kedua, dalam penyelenggaraan jalan iaitu jalan dari Gerik ke Kampung Pahat, di mana banjir baru ini tenggelam menyebabkan kereta yang lalu di situ hanyut, nasib baik penumpang tidak lemas, supaya dapat menaikkan jalan yang berhampiran dengan Kilang Kayu Leong Wai Kong sekurang-kurangnya dalam tiga kaki. *Insya-Allah*, maka kalau berlaku banjir sekalipun, saya yakin jalan persekutuan tersebut tidak akan ditenggelami air.

Perkara yang seterusnya ialah dalam Butiran 040000 – Sektor Pakar. Di Gerik juga terdapat bukit-bukit berhampiran dengan Jalan Persekutuan telah runtuh. Harap dapatlah pihak sektor pakar ini dapat melihat perkara tersebut.

Perkara yang akhir saya nak sentuh ialah Maksud P.27 Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan di mana saya amat berharap supaya JKR menggunakan teknologi baru seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sekijang iaitu teknologi menggunakan getah untuk tahun hadapan, jalan baru, dengan harapan kita kalau JKR boleh bina jalan baru dengan menggunakan getah, maka harga getah kita yang dieksport 90% tadi boleh diguna dalam negeri dan saya yakin harga getah sekurang-kurangnya sekilo getah sekerap RM3 akan dapat dicapai. Harap sangat.

Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Tiga minit.

9.38 mlm.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00700 dan Butiran 01300. Tentang lebuh raya Kampung Banggol Donas, lebuh raya yang melibatkan fasa ke-2 dari Kampung Jeram ke Kampung Bakul Tuan Muda, Terengganu. Ini telah berjalan beberapa tahun dan melibatkan kos RM220 juta untuk tujuh kilometer iaitu lebih kurang RM30 juta satu kilometer. Ini kos yang sangat lumayan ya. Kawasan terbuka sebenarnya dapat mengelakkan banyak rumah perkampungan tetapi bagaimanapun, ia tidak mengambil *alignment* yang boleh mengelakkan 22 buah rumah ini dan kampung tradisi terlibat di dalam pembuatan jalan ini.

Anehnya, tanah ini belum diwartakan lagi tetapi pembinaan telah dimulakan. Telah bermula dan ini tidak mematuhi Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta 486 di mana penduduk dinafikan hak untuk diberitahu untuk berpindah. Ini telah menimbulkan satu keadaan di mana pihak penduduk enggan pindah dan pihak berkuasa dengan pihak berkuasa yang bersenjata hantar notis pindah selepas kerja separuh siap. Ini telah menimbulkan banyak ketegangan antara penduduk-penduduk yang tidak mahu berganjak.

Bagaimana prosedur tersebut tidak diikuti seperti kebiasaannya? Ini menimbulkan banyak isu teknikal dan perundangan di mana projek ini akan tergendala dan akan terus tergendala sehingga mahkamah akan menyelesaikan isu ini.

■2140

Jadi, siapakah yang akan menanggung beban *claim* kontraktor di atas kelambatan projek ini kerana lebih daripada RM30 juta. Satu kilometer adalah satu kos yang amat tinggi dan satu masalah teknikal telah menjadi masalah sosial dan telah wujud menjadi masalah perundangan. Ini menjadikan projek ini bertambah kompleks.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana dan kenapa JKR membenarkan isu ini menjadi lebih kompleks kerana di dalam JKR ada kepakaran perundangan, kontrak dan teknikal. Ini telah menimbulkan bukan masalah teknikal tetapi menjadi satu masalah sosial, budaya dan juga *heritage* di mana penduduk telah memberontak tidak mahu berpindah kerana prosedur-prosedur dan keadilan atau *natural justice* dengan izin, tidak dikenakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Lipis.

9.41 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 8100 – Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Saya ingin bertanya

status CSR jalan antara Bentong – Raub ke Lipis dan Lipis ke Kechau Tui. Yang keduanya, jalan antara Raub ke Tanjung Malim. Ini pernah dan cakapkan dalam persidangan lalu. Kemudian saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Paya Besar iaitu bilakah status jalan antara Sungai Lembing, Jerantut dan Lipis.

Jadi yang keduanya adalah Butiran 050100 dan Butiran 050800 dan Butiran 050900 iaitu di bawah Selenggaraan. Saya ingin mohon Kementerian Kerja Raya supaya dapat memperbaiki jalan daripada Kampung Atong ke Kampung Jeransang yang mana jalan ini sangat teruk kerosakannya dan sekarang ini ditabur dengan batu-batu *hard rock* bukan dengan batu *crusher run*. Jadi kereta-kereta kecil amat malang sekalilah di atas jalan ini dan saya minta juga supaya dapat disegerakan memperbaiki cerun-cerun runtuh sebanyak 112 *spot* di antara Cameron Highlands ke Tapah. Saya mohon supaya beberapa jalan lagi yang dapat kita perbaiki atau lebarkan, antara Maran, Kuala Sentul ke Jengka melalui, sampai ke Jerantut. Jalan ini jalan agak lama dan kecil dan saya mohon kerana ini tidak disebut oleh Yang Berhormat Jerantut sebentar tadi. Jadi saya mendengar ucapan beliau tadi. Perkara ini juga perlu kerana ini jalan utama kami semua sebenarnya untuk ke Kuantan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Jadi terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh. Selepas Yang Berhormat Seputeh Yang Berhormat Menteri menjawab. Dua minit sahaja Yang Berhormat Seputeh.

9.43 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, dua minit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 030100 – Cawangan Jalan. Isu pertama ialah saya sokong Yang Berhormat Sepang tadi bahawa satu jalan baru harus dibina yang menyambung kawasan di sekitar Sepang Gold Coast dengan KLIA kerana daerah itu memang telah pun menjadi satu tumpuan pelancong tempatan dan juga pelancong asing.

Isu kedua ialah saya pernah melawat Pekan Belaga. Sebelum itu, kerana tidak ada jalan yang masuk ke sana dan penduduk di sana terpaksa menggunakan bot sebagai *mode of transport*. Jadi saya hendak cadangkan dari jalan yang bengkok-bengkok macam *roller coaster*, dari Bakun ke Pekan Belaga itu yang dibuat oleh tentera kita itu haruslah dinaiktaraf oleh pihak JKR supaya ia memenuhi standard yang ditetapkan oleh JKR.

Isu yang ketiga ialah saya sudah bangkitkan isu ini pagi tadi dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu Jalan Langat, yang menghubungkan Pelabuhan Klang Barat dengan Jalan Langat yang mempunyai dua laluan, empat lorong itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...ia merupakan jalan masuk utama ke Pulau Indah, sangat teruk keadaannya dan Pulau Indah adalah satu tempat yang kita hendak *showcase*

kepada pelabur asing yang ada banyak kilang pelaburan asing. Jadi saya ingin minta pihak kementerian menaik taraf jalan tersebut supaya kita – dan juga pasang papan tanda arah jalan yang betul supaya kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh, saya tiada kuasa untuk tambah masa lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya itu sahaja. Minta pihak Yang Berhormat Menteri jawab betul-betul. *Thank you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri jawab besok ya. Besok Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri ada, Yang Berhormat Menteri perlu jawab.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Saya boleh menjawab cuma Tuan Pengerusi ada kuasa 15 minit. Kita sudah maksimum waktu. Saya mohon izin jawab esok. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Selasa 18 November 2014. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.45 malam]